

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : BAIKPULIH DAN NAIKTARAF KEMUDAHAN SUKAN

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Adakah jumlah RM20,000 untuk baikpulih kemudahan sukan di setiap DUN sahaja yang diluluskan dalam Belanjawan 2015? Bagaimana jika kos melebihi RM20,000?
 - b) Bagaimana padang-padang bola yang perlu dinaiktaraf dapat dilaksanakan serta kos penyelenggaraan?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan melalui Belanjawan 2015 adalah sebanyak RM12,075,000.00 untuk Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan. Berikutan, peruntukan sebanyak RM20,000.00 yang telah diperuntukkan kepada setiap DUN melalui PBT masing-masing adalah bagi Projek Menaiktaraf Kemudahan dan Infrastruktur Sukan di peringkat DUN seperti padang bola, gelanggang-gelanggang futsal, takraw dan badminton.

Bagi Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan yang melebihi kos peruntukan RM20,000.00, pihak PBT perlu membuat permohonan dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri akan meneliti projek tersebut untuk pertimbangan selanjutnya berdasarkan baki peruntukan semasa.

Selain itu, Projek yang telah dikenalpasti akan dibaikpulih untuk tahun 2015 adalah sebagaimana berikut :-

BIL	SUKAN	TEMPAT	ANGGARAN PERBELANJAAN (RM)
1	Hoki	Stadium Hoki Majlis Perbandaran Klang	4,444,977.29

		Stadium Hoki Majlis Bandaraya Petaling Jaya	1,560,132.42
2	Perahu Layar	Pusat Latihan Perahu Layar, Batu Laut Morib Banting	200,000.00
3	Gimnastik Artistik	Pusat Sukan SUKSES, Seksyen 6, Shah Alam	1,500,000.00
4	Gimrama		100,000.00
5	Dewan Tempur		100,000.00
6	Angkat Berat	Batu 18, Kampung Jawa, Hulu Langat	99,985.00
7	Lawan Pedang	Stadium Shah Alam, Seksyen 13, Shah Alam	100,000.00
8	Tinju	Stadium Sungai Besar, Majlis Daerah Sabak Bernam	171,203.43
9	Memanah	Stadium Shah Alam, Seksyen 13, Shah Alam	150,000.00
10	Menaiktaraf lampu limpah	Stadium Tertutup Kuala Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor	139,000.00
11	Menaik taraf bumbung Arena	Kompleks Arena Petaling Jaya	500,000.00
12	Menaiktaraf Lampu limpah dan peralatan trek Stadium Jugra	Stadium Jugra, Banting Majlis Daerah Kuala Langat	243,609.00
13	Menaiktaraf infrastruktur sukan	Stadium mini MP Sepang	310.000.00

14	Menaiktaraf padang bola sepak	Kompleks sukan MDKS	400,000.00
15	Menaiktaraf padang bola sepak dan trek bmx	Batu caves selayang	250,000.00
16	Menaiktaraf pusat latihan muay selangor	Kampung padang jawa	80,000.00
17	Kemudahan Sukan	Dewan Undangan Negeri	1,120,000.00
		Pihak Berkuasa Tempatan	275,000.00
18	Peralatan Sukan		275,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			12,018,907.14
JUMLAH PERUNTUKAN			12,075,000.00
BAKI PERUNTUKAN			56,092.86

- b) Untuk makluman, pihak DUN perlu membuat permohonan lengkap melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menaiktaraf kemudahan sukan di DUN masing-masing. Seterusnya, Pihak PBT perlu membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri dengan mengemukakan "Bill of Quantity" (BQ) dan peruntukan akan disalurkan kepada PBT berdasarkan kepada Surat Setuju Terima (SST). Walau bagaimanapun, proses pemantauan dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan sukan tersebut adalah di bawah kawal-selia PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : JOM SHOPPING RAYA

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapa peratuskah menerima Jom Shopping Raya yang mengundi di Selangor dalam tempoh 2013 – 2015?
 - b) Adakah Kerajaan Negeri mengkaji keberkesanan Program Jom Shopping Raya kepada pengundi-pengundi setempat?

JAWAPAN:

- a) Program pemberian bantuan sempena perayaan merupakan program bantuan secara tahunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan khusus untuk golongan berpendapatan rendah di negeri Selangor. Objektif program ini adalah untuk meringankan bebanan keluarga yang berpendapatan rendah dalam membuat persiapan menyambut perayaan. Ini secara tidak langsung membantu melaksanakan agenda Kerajaan Negeri dalam meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos taraf hidup.

Sehingga Jun 2015, jumlah penerima bantuan Program Pemberian Bantuan Bersempena Perayaan adalah seramai 264,797 orang, iaitu 12.92% daripada jumlah pengundi berdaftar seramai 2,048,828 orang. Maklumat berhubung jumlah penerima bantuan bagi tahun 2012 hingga tahun 2015 adalah seperti di **JADUAL 3**.

- b) Pelaksanaan program pemberian bantuan sempena perayaan ini dilihat berupaya memberi impak positif terhadap kesejahteraan rakyat dalam membantu keluarga berpendapatan rendah untuk membeli barangan keperluan sebagai persediaan menyambut perayaan. Ini secara tidak langsung menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap masalah yang terpaksa ditanggung rakyat dalam menampung keperluan keluarga dan kos sara hidup yang meningkat setiap kali ketibaan musim perayaan.

Berdasarkan rekod, melalui pelaksanaan setiap program pemberian bantuan sempena perayaan yang lalu, didapati bahawa peratusan jumlah peserta program yang telah menerima manfaat adalah melebihi 90%. Ini menunjukkan bahawa

maklum balas yang diterima daripada penerima bantuan adalah sangat menggalakkan.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan amat prihatin dan sentiasa komited dalam usaha membasmi kemiskinan hingga ke akar umbi dengan memberi manfaat kepada semua rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah tanpa mengira etnik dan latar belakang

Sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak pernah melaksanakan sebarang kajian keberkesanan program pemberian bantuan sempena perayaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan amat prihatin dan sentiasa komited dalam usaha membasmi kemiskinan hingga ke akar umbi dengan memberi manfaat kepada semua rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah tanpa mengira etnik dan latar belakang. Justeru itu, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan mengambil maklum dan menyokong syor/ cadangan supaya satu kajian keberkesanan program dilaksanakan bagi tujuan menambahbaik pelaksanaan program dari semasa ke semasa serta memastikan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah tepat kepada golongan sasaran yang benar-benar memerlukan. Oleh yang demikian, manfaat yang diperolehi melalui program-program bantuan ini membolehkan dan memastikan peluang ekonomi dinikmati secara saksama oleh rakyat Negeri Selangor tanpa mengira etnik dan latar belakang ke arah membentuk masyarakat yang lebih sejahtera, makmur dan berdaya maju.

JADUAL 3:

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN JUMLAH PENERIMA BANTUAN
PROGRAM PEMBERIAN BAUCER SEMPENA PERAYAAN
BAGI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2015**

BIL.	TAHUN	BILANGAN PENERIMA MENGIKUT KAUM						PERATUS PENERIMA BANTUAN (Jumlah Pengundi Berdaftar: 2,048,828)	
		MELAYU		CINA		INDIA			JUMLAH KESELURUHAN
		JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)		
1.	2012	56,000	58.82%	-	-	39,200	41.18%	95,200	4.65%
2.	2013	28,000	45.46%	16,800	27.27%	16,800	27.27%	61,600	3.01%
3.	2014	25,732	40.50%	22,400	35.26%	15,404	24.24%	63,536	3.10%
4.	2015	23,680 <i>(*Dikemaskini sehingga 9 Jun 2015)</i>	53.26%	20,781	46.74%	<i>*Program belum dilaksanakan</i>	-	44,461 <i>(*Dikemaskini sehingga 9 Jun 2015)</i>	2.17%
JUMLAH		133,412	50.38%	59,981	22.65%	71,404	26.97%	264,797	12.92%

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektor, Jun 2015)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PELABURAN DI KAWASAN RAWANG

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Senaraikan jumlah dan jenis pelaburan di kawasan Rawang untuk tahun 2008-2013.
 - b) Senaraikan jumlah pelaburan tempatan dan pelaburan asing mengikut sektor di kawasan Rawang untuk tahun 2008-2015.
 - c) Apakah strategi dan jenis insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menarik pelaburan di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh tahun 2008 hingga Mac 2015, sebanyak 103 projek perkilangan telah diluluskan di Rawang dengan nilai pelaburan berjumlah RM 2.362 bilion.

Tahun	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan
2008	161,753,338	145,838,974	307,592,312
2009	234287794.5	71842378.5	306130173
2010	243764903.4	25301257.57	269066161
2011	548128489.1	176959961.9	725088451
2012	427841277.9	38266229.1	466107507
2013	78,428,262	1,464,738	79,893,000
2014	121835231.8	32214721.2	154049953
2015	54,767,324	0	54,767,324
Jumlah Keseluruhan	1,870,806,621	491,888,260	2,362,694,881

* Sumber : MIDA

Projek-projek perkilangan yang diluluskan ini terlibat dalam industri-industri seperti berikut;-

- i. Industri pembuatan barangan peralatan kenderaan
 - ii. Industri pembuatan barangan makanan
 - iii. Industri pembuatan barangan kimia
 - iv. Industri pembuatan barangan plastik.
- b) Bagi tempoh tahun 2008 hingga Mac 2015 sebanyak 103 projek perkilangan telah diluluskan di kawasan Rawang dengan nilai pelaburan berjumlah RM 2.362 bilion. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM 1.870 bilion daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 491 juta daripada pelaburan asing. Sebanyak 8,300 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.
- c) Secara dasarnya pihak Kerajaan Negeri tiada menawarkan sebarang insentif atau ganjaran berbentuk kewangan kepada pelabur tempatan atau asing.

Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri menyediakan agensi khusus seperti Invest Selangor untuk membantu para pelabur dari mula proses mengenalpasti tapak, menyelaras permohonan-permohonan kelulusan pembangunan serta membantu para pelabur menyelesaikan masalah yang dihadapi sama ada melibatkan pihak Kerajaan Negeri mahupun pihak Kerajaan Persekutuan.

Dalam membantu menyelesaikan isu pelaburan yang berbangkit, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Projek secara bulanan yang dipengerusikan oleh YB Dato' EXCO bagi membincangkan permasalahan yang berbangkit dan membantu pihak pelabur untuk mempercepatkan proses penyelesaian dan proses pembangunan yang dicadangkan.

Bagi memastikan pelaburan terus kekal di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa strategi seperti berikut;-

1. Pengurusan

- i. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.

- ii. Memperkukuhkan peranan agensi penggalakkan pelaburan seperti Invest Selangor bagi membantu sebagai pemudahcara pelaburan kepada para pelabur.
- iii. Memperkasakan Unit Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pihak pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- iv. Memastikan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) diadakan sekerap mungkin di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan industri.
- v. Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dengan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan peruntukkan MARRIS bagi menyelenggara kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada.
- vi. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.
- vii. Pihak Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baru yang berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded*.
- viii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu-isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
- ix. Iniatif e-commerce bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produk keluaran mereka.
- x. *Invest Selangor Talent Initiative* – menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.

- xi. *Invest Selangor Advisory Network* – menjalinkan kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan kepada pelabur.

2. Networking

- i. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program lawatan penggalakkan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan merangka program lawatan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara yang berpotensi.
- ii. Meningkatkan jaringan *networking* dengan kedutaan-kedutaan asing di Malaysia, Dewan-Dewan Perniagaan Asing dalam dan luar Negara melalui program kunjungan hormat yang diadakan dari masa ke semasa.
- iii. Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakkan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI / MIDA
- iv. Mewujudkan jaringan kerjasama strategik dengan syarikat milikan asing yang ada di Selangor bagi memperkenalkan negeri Selangor kepada pelabur-pelabur di Negara mereka.

3. Promosi

- a. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui pengiklanan dalam media cetak atau elektronik dalam dan luar Negara.
- b. Penyertaan dalam pameran yang bertaraf antarabangsa.
- c. Penganjuran Selangor International Expo yang dijadualkan pada 26 – 28 November 2015 bertempat di Seri Kembangan, Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PEMBANGUNAN WANITA

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila kemukakan program yang telah dijalankan untuk golongan Wanita dalam tahun 2015.
 - b) Sila kemukakan maklumat lengkap ibu tunggal di DUN Teratai sehingga tahun 2015.
 - c) Sila kemukakan senarai lengkap bangunan Kerajaan Negeri yang dilengkapi dengan bilik asuhan dan yang tidak dilengkapi dengan bilik asuhan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah merangka pelbagai program untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2015. Program yang dirangka merupakan program ke arah pembangunan wanita dan keluarga. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut (*perincian seperti di **Lampiran A***):-
 - Karnival Hari Wanita dan Keluarga Negeri Selangor
 - Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Selangor
 - *Malaysia Women Marathon* kerjasama dengan Tourism Selangor Sdn. Berhad. (TSSB)
 - *Selangor Orked Fashion Festival (SOFF) 2015*
 - Program Muslimat Sepanjang Bulan Ramadhan : Program Diskusi Khas Muslimat Peringkat Negeri dan Daerah Semarak Ramadhan 1436H
 - Program Mammogram Selangor (MammoSel)
- b) Kerajaan Negeri hanya mempunyai maklumat asas berkaitan ibu tunggal melalui sistem e-Bu yang dikhususkan kepada ibu tunggal untuk mendaftar. Sehingga kini seramai 16,916 orang ibu tunggal telah mendaftar di seluruh Negeri Selangor melalui sistem e-Bu yang disediakan. Namun demikian, hanya seramai 81 orang ibu tunggal sahaja dari DUN Teratai yang berdaftar. Maklumat lengkap ibu tunggal di DUN Teratai sehingga tahun 2015 yang berdaftar melalui sistem e-Bu adalah seperti di **Lampiran B**. (sumber diperolehi melalui sistem e_Bu seliaan oleh YAWAS).

- c) Pewujudan Pusat Asuhan Kanak-kanak adalah tidak dilaksanakan secara terus di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Namun begitu, bagi kemudahan kakitangan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan sebuah taska yang terletak di Seksyen 16, Shah Alam.

Begitu juga dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mana taska-taska diwujudkan adalah merupakan inisiatif PBT bagi memudahkan kakitangan PBT menempatkan anak-anak mereka di sepanjang tempoh waktu bekerja dengan menggunakan peruntukkan sedia ada di setiap PBT berkenaan. Di antara PBT yang menubuhkan taska di bawah seliaan pihak PBT adalah seperti berikut:-

1. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) :
 - i) Di Bangunan Wisma MBSA ; dan
 - ii) Tadika Quarters, No. 6, Jalan Hakisan, Seksyen 8, Shah Alam.
2. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) :
 - i) Pusat Perkembangan Minda Kanak-kanak, No 31, Jalan Pechala, Petaling Jaya.
3. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) :
 - i) Taska Pusat Perkembangan Kanak-kanak, Kompleks 3C, Bandar Sunway ;
 - ii) Taska USJ 3 ; dan
 - iii) Taska Quarters Permata Sri, Pusat Bandar Puchong.
4. Majlis Perbandaran Klang (MPK) :
 - i) Pusat Jagaan Kanak-kanak MPK, Jalan Tengku Kelana, Klang.
5. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
 - i) Taska Permata Bunga Tanjung, Taman Melawati.
6. Majlis Perbandaran Selayang :
 - i) Pusat Jagaan Kanak-kanak, Bangunan Lama, MPSelayang.
7. Majlis Perbandaran Sepang :
 - i) Taska Di Sayang, Majlis Perbandaran Sepang, Persiaran Semarak Api, Cyberjaya.
8. Majlis Perbadaran Kajang (MPKj) :

- i) Taska MPKj, Tingkat G, Menara MPKj, Kajang.
9. Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) :
- i) No. 10 dan No. 12, Taska MDHS, Pangsapuri Kasturi, Jalan Hamzah, Kuala Kubu Bharu.
10. Bagi Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Kuala Langat dan Majlis Daerah Sabak Bernam, tiada taska yang ditubuhkan.

Kerajaan Negeri Selangor amat mengalu-alukan dan menggalakkan setiap jabatan kerajaan menubuhkan taska di bawah jabatan masing-masing sebagai kemudahan kakitangan menghantar anak-anak mereka semasa tempoh waktu bekerja dengan mengambil kira kawasan dan ruang serta peruntukan kewangan yang mencukupi untuk menampung pelbagai kos pembinaan taska berkenaan.

STATUS SASARAN KERJA TAHUNAN 2015
PERANCANGAN KERJA TAHUNAN YANG DIRANCANG
(SEHINGGA 15 OGOS 2015)

Nama Bahagian / Seksyen : UNIT WANITA

BIL	PROGRAM	CATATAN				CATATAN
		PROJEK / AKTIVITI	OUTPUT	SASARAN	CADANGAN TARIKH	
1.	Program Konvensyen / Kursus / Seminar / Latihan / Bengkel	Seminar Towards Gen Alpha (GenS#2015)	Memberi pendedahan dan ilmu Keibubapaan kepada ibu bapa golongan muda	1 program	15 OKTOBER 2015	Belum Laksana
2.	Program Pernerdayaan Ekonomi Hawa	Karnival Wanita Dan Keluarga Negeri Selangor (Sambutan Hari Wanita)	Memberi peluang perniagaan kepada wanita negeri Selangor Sempena Sambutan hari Wanita	1 program	27 – 29 MAC 2015	<p>1. Program “ Malaysia Women Marathon (MWM) 2015” pada 5, 6 dan 8 Mac 2015 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam</p> <p>2. Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Selangor Tahun 2015 dan Pra Pelancaran Selangor Orked Fashion Festival 2015” pada 22 Mac 2015 di Shah Alam Convetion Centre (SACC) Shah Alam</p>

Lampiran A
Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga

BIL	PROGRAM	CATATAN				CATATAN
		PROJEK / AKTIVITI	OUTPUT	SASARAN	CADANGAN TARIKH	
						3. Program Karnival Aspek Wanita Pandan dengan kerjasama Parlimen Pandan pada 12 April 2015 di Padang Awam Taman Seraya Ampang Selangor
						4. Karnival Hari Wanita dengan Kerjasama Majlis Perbandaran Selayang pada 18 April 2015 di Kompleks Sukan Seri Siantan Jalan Sg Tua, Batu Caves.
3.		Selangor International Muslimah Fashion Show (SIMS#2015)	Memperkenalkan Negeri Selangor ke mata dunia terutama sekali dalam bidang perekaan busana. Memberi pelaburan kepada Negara luar untuk menapak di Selangor dalam bidang rekaan busana muslimah.	1 program	29 – 31 MEI 2015	Program Selangor Orked Fashion Festival Tahun 2015 pada 29 – 31 Mei 2015 di Shah Alam Convention Centre (SACC) Shah Alam

Lampiran A
Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga

BIL	PROGRAM	CATATAN				CATATAN
		PROJEK / AKTIVITI	OUTPUT	SASARAN	CADANGAN TARIKH	
4.	Program Kempen Kesedaran / Advokasi	Ramadhan	Pengisian kerohanian dan mengimarahkan bulan Ramdhan.	10 program	RAMADHAN	Telah dilaksanakan sepanjang bulan Ramadhan di Masjid terpilih semua daerah di Negeri Selangor. Bermula pada 23.6.2015 sehingga 8.7. 2015
5.		Kempen Kesedaran Gander Responsif Budgeting (GRB) Awarenees (GRB#2015)	Memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan Budget Gander	1 program	10 FEBRUARI 2015	TUNDA
6.		Women Right Awareness (WRA#2015)	Memberi kesedaran tentang hak-hak wanita	1 program	18 OGOS 2015	Tarikh ditukar kepada 8 Sept 2015
7.		Program-program Wanita dan Keluarga atas Keperluan Semasa Lawatan / Bengkel/	Membantu dalam menjayakan program-program usahasama yang dicadangkan pelaksanaannya oleh jabatan/agensi lain.	5 Program		1. Program Perlindungan Terumbu Karang dan Kibaran Logo Terbesar PUSPANITA Negeri Selangor Di dasar Laut untuk Direkodkan Di Malaysia Book of Record (MBR) Di Pulau Redang Terengganu dengan kerjasama PUSPANITA Negeri Selangor pada 10 – 12 April 2015

Lampiran A
Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga

BIL	PROGRAM	CATATAN				CATATAN
		PROJEK / AKTIVITI	OUTPUT	SASARAN	CADANGAN TARIKH	
		persidangan / Seminar dalam dan Luar Negara				2. Program Bengkel Kraftangan Sempena Hari Bertemu Pelanggan di Daerah Sabak Bernam pada 9 & 10 Mei 2015 di Padang Tonggak 10, Sg Besar Sabak Bernam.
8.		** Program OSCC	Memberi pengetahuan berhubung program OSCC	2 Program	Sepanjang tahun	Majlis Penyerah Kit Asas OSCC dan Taklimat Status Pelaksanaan OSCC di semua Hospital yang terlibat pada 4 Mac 2015 di Bilik Mesyuarat KEKWA Seksyen Sektor, Tingkat 5, Bangunan SSAAS Shah Alam.
9.	Program Rekreasi Wanita & Keluarga	Family Day Out 2015 (Sukan)	Mengeratkan institusi kekeluargaan dan memberi masa yang bekualiti bersama keluarga	1 Program`	28 NOV 2015	Belum Laksana
10.	** Program Skim Kesihatan Wanita (SKW)	Pakej Mammogram	Memberi kesedaran terhadap pencegahan dan pengesanan awal kanser wanita	1 Program	Sepanjang tahun	Program sentiasa berjalan sepanjang tahun

Lampiran A
Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga

BIL	PROGRAM	CATATAN				CATATAN
		PROJEK / AKTIVITI	OUTPUT	SASARAN	CADANGAN TARIKH	
11.		Lain-Lain Penyakit Kronik Wanita	Memberi kesedaran terhadap pencegahan dan pengesanan awal penyakit kronik wanita	1 Program		Belum Laksana

Kemaskini : 5 Ogos 2015

PROGRAM-PROGRAM AD-HOC

BIL	PROGRAM	CATATAN				CATATAN
		PROJEK / AKTIVITI	OUTPUT	SASARAN	TARIKH	
1.	Program AD-HOC	PWB	Program-program Pembangunan Wanita Melibatkan PWB	Para Penyelia PWB		1. Kursus Asas Penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) pada 14 & 15 April 2015 di Hotel Impian Morib.
						2. Pelancaran Logo PWB dan Penyerahan Watikah Pelantikan PWB pada 12 Mei 2015 di Foyer SUK Selangor.
						3. Kursus Kewangan Berhemah, Kemahiran Oraganisasi dan Kefaham Gender untuk Para Penyelia PWB Selangor pada 10 & 11 Ogos 2015 di Hotel Premiere Klang.

Kemaskini : 5 Ogos 2015

Lampiran B
Pendaftaran Ibu Tunggal DUN Teratai

Maklumat Lengkap Ibu Tunggal Di DUN Teratai Sehingga Tahun 2015
(sumber dari Sistem e-Bu – Pendaftaran Ibu Tunggal Selangor)

BIL	NAMA	NO.KP	ALAMAT	TELEFON	EMAIL
1	NORHAYATI BINTI MD.NOR	560529-01-5380	LOT 485, JALAN 52, KAMPUNG CHERAS BARU 56100 KUALA LUMPUR.	03-42806717	
2	NOREN	700620-10-5960	NO. 21 JALAN TERATAI 1/9E, TAMAN BUKIT TERATAI, AMPANG 68000 SELANGOR	019-2911921	noreen@rnzgroup.com
3	KALEYAMMA A/P ULAGAN	660807-08-5300	31 JALAN SAGA 10, TAMAN SAGA, 68000 AMPANG, SELANGOR	016-6380356	rcjo0511@yahoo.com
4	KHATIJAH BINTI SHAFIE	580616-09-5030	LOT 7289, JALAN 51, KG CHERAS BARU, 56100 KUALA LUMPUR	016-2968296	dapteratai@gmail.com
5	HARIATY BT MANSOR	541209-05-5400	A-2-5 PANGSAPURI NUSA KURNIA, JALAN BUKIT PANDAN, TAMAN BUKIT PANDAN 56100 KUALA LUMPUR	012-2372405	dapteratai@gmail.com
6	YAU SOK KWAI	720927-05-5126	BLOK 1, NO. 1002, VILLA PANDAN, JLN PANDAN INDAH 1/16, 55100 KUALA LUMPUR	012-2301827	dapteratai@gmail.com
7	KHON BEE CHUN	731116-10-5664	NO. 3 JALAN 23, TAMAN PUTRA 68000 AMPANG, SELANGOR	016-3202649	dapteratai@gmail.com

Lampiran B
Pendaftaran Ibu Tunggal DUN Teratai

BIL	NAMA	NO.KP	ALAMAT	TELEFON	EMAIL
8	AZIZAH BINTI MOHD TAHIR	721021-01-5464	A-1-10, PANGSAPURI NUSA KURNIA, TAMAN BUKIT PANDAN, 56100 KUALA LUMPUR	013-6446370	ijah_kcb@yahoo.com
9	NORHANIZAWATI BT HAMDAN	730708-01-5588	BLOK 4-4-6 PANGSAPURI INTAN, JLN BKT PERMAI, TMN BKT PERMAI, CHERAS, 56100 KUALA LUMPUR	013-6084376	dapteratai@gmail.com
10	SURWINDER KAUR A/P ATMA SINGH	640122-06-5036	NO. 5-1-18 BLK 5, PANGSAPURI INTAN, TAMAN BUKIT PERMAI, 56100 KUALA LUMPUR	012-3540622	dapteratai@gmail.com
11	MARNITA BINTI SHARANI	660211-71-5158	LOT 3, JALAN 40, KG CHERAS BARU, 56100 KUALA LUMPUR.	012-6747757	jkp_zon21@yahoo.com
12	HAMIDAH BINTI JIDIN	601209-04-5298	LOT 557, JALAN 51, BUKIT E, KG CHERAS BARU, 56100 KUALA LUMPUR.	019-2670927	jkp_zon21@yahoo.com
13	SALINA BINTI MOHD ZAIN	731013-14-5444	LOT387 JALAN 51, KG CHERAS BARU, 56100 KUALA LUMPUR	017-3716331	jkp_zon21@yahoo.com
14	HALIMATU SA'DIAH BT AB RAHIM	760130-03-5650	NO 4 JALAN 28 KAMPUNG CHERAS BARU 56100 KUALA LUMPUR	019-2564600	kcb.jkklk@yahoo.com
15	LIEW ANNE	760125-14-5070	LOT 32, JALAN KUARI, KG CHERAS BARU, 56100 KUALA LUMPUR	016-3730668	rc_511@msn.com

Lampiran B
Pendaftaran Ibu Tunggal DUN Teratai

BIL	NAMA	NO.KP	ALAMAT	TELEFON	EMAIL
16	HOOI MEI LENG	541110-10-6044	11-1A, JALAN PERDANA 6/8, PANDAN PERDANA, CHERAS 55360 KUALA LUMPUR	016-3690720	rc_511@msn.com
17	MAHNOM BT MOHAMAD	690529-08-6504	NO 21 LORONG BUNGA MELATI 2C/1, AMPANG, SELANGOR		
18	ROSSNI BINTI MOHD ZIN	610626-05-5424	A-08-22 JLN LEMBAH JAYA TMN INDUSTRI LEMBAH JAYA 68000 AMPANG, SELANGOR	019-2873516	
19	HALIPAH BINTI KASSIM	550109-01-6126	LOT 23 JALAN 38, KAMPUNG CHERAS BARU 56100 KUALA LUMPUR, SELANGOR		
20	YULINA BINTI GUGO	661014-71-5006	LOT 317A, LORONG 49A, JALAN 49, KG CHERAS BARU 56100 KUALA LUMPUR, SELANGOR	017-2217864	
21	ROS NAHNI BINTI ABU SAMAH	710613-04-5444	LOT 486 JALAN 52, KG CHERAS BARU 56100 KUALA LUMPUR, SELANGOR		
22	JUNEIDAH BINTI MURI	680612-10-5332	NO 48 JALAN TERATAI 1/27, TAMAN BUKIT PERMAI 256100 CHERAS AMPANG, SELANGOR	013-6948898	
23	FADILAH BINTI ABU JAMIL	750501-14-5578	NO. 5, JALAN INDAH 15, TAMAN CHERAS INDAH 56100 SELANGOR	019-3684420	adiela.jamil@yahoo.com
24	FARIDAH BT MAT	690203-08-5472	3-G-4 BLOK 3, JLN BUKIT PERMAI, TAMAN BUKIT PERMAI 68100 SELANGOR	012-4980453	

Lampiran B
Pendaftaran Ibu Tunggal DUN Teratai

BIL	NAMA	NO.KP	ALAMAT	TELEFON	EMAIL
25	WAHIDAH BINTI DAWOD	860521-56-5518	LOT 391, JALAN 51, BUKIT B, KG CHERAS BARU, 56100 KUALA LUMPUR.	014-2629303	jkp_zon21@yahoo.com
26	TAN PIK YEEN	691116-01-5120	NO. 49, JALAN 5/98, TAMAN SUPREME, CHERAS, 56100 KUALA LUMPUR	012-6943322	
27	HALIMAH BT. KAMAL	530327-01-5422	2-1-07 BLOK 2, PANGSAPURI INTAN, TAMAN BUKIT PERMAI, 56100 KUALA LUMPUR, SELANGOR.	013-2725448	
28	DARA BT. ABDULLAH	620117-05-5062	BLOK 3-3-13 PANGSAPURI INTAN, TAMAN BUKIT PERMAI, 56100 AMPANG, SELANGOR	016-6095598	
29	MEK JAH BT. BERAHIM	580620-03-5380	BLOK 3-1-2, PANGSAPURI INTAN, TAMAN BUKIT PERMAI, 56100 AMPANG, SELANGOR	012-3790596/ 017-6453881	
30	SABARIAH BT. SABTU	690727-04-5084	BLOK 5-04-06 PANGSAPURI INTAN, TAMAN BUKIT PERMAI 56100 AMPANG, SELANGOR	017-7551567	
31	NORHASNITA BT. NORDIN	671227-05-5274	BLOK 4-3-14, PANGSAPURI INTAN, TAMAN BUKIT PERMAI, 56100 AMPANG, SELANGOR	012-3362464	
32	FUZIAH BT. BIDIN	630406-04-5126	1-2-22 PANGSAPURI ANGGERIK, JALAN TERARI 1/2H TAMAN BUKIT PERMAI 2 CHERAS, 56100 KUALA LUMPUR	017-3802635	

Lampiran B
Pendaftaran Ibu Tunggal DUN Teratai

BIL	NAMA	NO.KP	ALAMAT	TELEFON	EMAIL
33	JAMILAH BT. AHMAD	740521-11-5430	1-2-20 PANGSAPURI ANGGERIK, JALAN TERARI 1/24 TAMAN BUKIT PERMAI 2 CHERAS 56100 KUALA LUMPUR	017-2669715	
34	ENDON BT. MOHD. NOOR	610325-07-5480	BLOK 4-1-12, PANGSAPURI INTAN, TAMAN BUKIT PERMAI, 56100 AMPANG, SELANGOR	019-3155162	
35	KAMARIAH BT. ABDUL MAJID	710922-10-6300	1.2-25, PANGSAPURI ANGGERIK, JALAN TERATAI 1/2, TAMAN BUKIT PERMAI 2 CHERAS, SELANGOR	012-6373464/ 017-2890299	
36	NORHASLINA BT. YAKUP	791207-14-5682	39, LORONG BUNGA MATAHARI, 1C TAMAN MAJU JAYA CHERAS, 56100 KUALA LUMPUR	017-2422755	
37	LOH POI YIN	600315-08-5360	37, JALAN SAYA 9, TAMAN SAGA, 68000 AMPANG, SELANGOR	016-3717138	
38	NUR AISHAH BT. ABDULLAH ARUMUGAM	661229-08-6016	A2-3-16, BLOK C, JALAN PANDAN MEWAH, AMPANG, 68000 SELANGOR	017-6805876	
39	ROHANI BINTI MOHD ZAIN	690618-10-5172	LOT 466 JALAN 52, KG CHERAS BARU, 56100 KUALA LUMPUR.	017-2680254	jkp_zon21@yahoo.com
40	WAN SUZANA BT. WAN BUKHARI	720903-08-5208	BLOK B1-5,JLN. AU1/B, TMN. KERAMAT PERMAI, KUALA LUMPUR	019-6150638	

Lampiran B
Pendaftaran Ibu Tunggal DUN Teratai

BIL	NAMA	NO.KP	ALAMAT	TELEFON	EMAIL
41	ROSNANI BT JAMLOO	721020-14-5080	27, JLN KEMBOJASARI 15, BDR SUNGAI BUAYA, 48010 RAWANG, SELANGOR	017-2901020	
42	NG YIT FUN	660623-10-5890	28, JLN CEMPARAI 7, TMN RASA UTAMA, 44200 RASA, SELANGOR	012-3877535	
43	MAZNEH BT OMAR	590208-07-5988	A-1-05, JALAN 2/1, TAMAN PINGGIRAN DELIMA, 43100 H.LANGAT, SELANGOR	012-6725221	
44	EFFIZA BINTI ABDUL RAHMAN	700327-04-5284	146, JLN DESA AMPANG, TMN SRI AMPANG, 68000 AMPANG, SELANGOR	03-42804276/ 012-6752858	
45	ROZIAH BT BASRI	610227-08-6418	60 JLN U19/1 (AB), TMN SRI BULOH, 47000 SG. BULOH, SELANGOR	016-3487229	
46	ROSLINA BT ALI	620602-10-5350	LOT 264, JLN.48A, BKT.B, KG.CHERAS BARU,BT.6, 56100 KUALA LUMPUR	03-42940992	
47	ASIMAH YON BT BUANG	590902-04-5076	LOT 224, JLN.48, BKT.B,KG.CHERAS BARU,56100 KUALA LUMPUR	012-3142921	
48	JAISHAH BT HASSAN	651216-10-6592	LOT 252, JLN.48A, BKT.B, KG.CHERAS BARU,56100 KUALA LUMPUR	016-2343370	
49	HALIMAH BT BAKAR	690531-10-6172	LOT 261, JLN.48A, BKT.B, KG.CHERAS BARU,56100 KUALA LUMPUR		

Lampiran B
Pendaftaran Ibu Tunggal DUN Teratai

BIL	NAMA	NO.KP	ALAMAT	TELEFON	EMAIL
50	AZIZAH BT HUSSIN	581010-10-6422	LOT 88,JLN.40 KG.CHERAS BHARU,56100 CHERAS SELANGOR	012-6429494	
51	MAZIAH BT SULAIMAN	551013-10-6340	3-3-19,P/PURI INTAN, TMN.BKT.PERMAI, 56100 AMPANG, SELANGOR	013-2330375/ 016-9535693	
52	VASANTHA A/P MURUGIAH	640804-05-5222	BLOK A-G,TGKT.1- 2,JLN.PANDAN INDAH 3/3,PANDAN INDAH,55100 KUALA LUMPUR	013-2443304	
53	MARIAH BT AHMAD	630901-08-6590	46,JLN.INDAH 17,TMN.CHERAS INDAH,56100 KUALA LUMPUR	012-6379495/ 03-92840742	
54	TUNG CHYN SHIN	701005-05-5206	49,JLN.DAMAI PERDANA 2/4, BDR DAMAI PERDANA, 56000 KUALA LUMPUR	012-6260631	
55	SARIPAH BT GONO	611007-01-5698	1359,JLN.INDAH 8, KG.AMPANG INDAH,68000 AMPANG, SELANGOR	016-3021359/ 017-2987624	
56	NORAFIZAH BT HASHIM	620504-11-5088	1268, JLN.INDAH 7, KG.AMPANG INDAH, 68000 AMPANG, SELANGOR	012-2200022/ 03-42808088	
57	ZARIDA BT IBRAHIM	700705-10-6188	25, JLN. 3/10,TMN.SRI HANECO, 43500 SEMENYIH, SELANGOR	012-6469557/ 012-2374024	
58	CHONG CHUI PENG	760915-14-5964	41, JLN BERSATU 9, TMN BERSATU,48000 RAWANG, SELANGOR	03-60915243/ 016-333788	

Lampiran B
Pendaftaran Ibu Tunggal DUN Teratai

BIL	NAMA	NO.KP	ALAMAT	TELEFON	EMAIL
59	MAGESWARY A/P VARATHA RAJOO	710308-08-5810	22-1A JALAN PERDANA 2/3A PANDAN PERDANA 55300 KUALA LUMPUR, SELANGOR	016-6095954	
60	ROHAYA BINTI HASHIM	670728-08-6568	17, JALAN MELUR 10, TAMAN MELUR, 68000 AMPANG, SELANGOR	03-42921046/ 017- 3442063	
61	RAYELAMMAH A/P P ENGLU	611231-10-6236	NO 11 JALAN SAGA 22 TAMAN SAGA 68000 AMPANG, SELANGOR	016-3631584	
62	KAMARIAH BINTI HASHIM @ MUKTI	570111-10-6196	NO 40 JALAN TERATAI 2/7,TAMAN BUKIT TERATAI,CHERAS 56100 KUALA LUMPUR, SELANGOR	012-2413204/ 03-42929040	
63	HAW NYOK YING	780927-14-5898	53 JALAN MATAHARI 1, TAMAN MATAHARI 1 , TAMAN MAJU JAYA CHERAS 56100 KUALA LUMPUR	013-3177266	
64	RABE'AH BINTI ABD RASHID	480530-08-5650	LOT 159, JALAN 45 BUKIT D, BATU 6 CHERAS BARU, 56100 KUALA LUMPUR, SELANGOR		
65	SITI ZARIAH BINTI SAAT	380707-08-5974	2-1-14 BLOK 2 PANGSAPURI INTAN, JALAN BUKIT PERMAI, TAMAN BUKIT PERMAI, 56100 KUALA LUMPUR, SELANGOR	012-9058211	

Lampiran B
Pendaftaran Ibu Tunggal DUN Teratai

BIL	NAMA	NO.KP	ALAMAT	TELEFON	EMAIL
66	SITI NORIAH BINTI MOHAMED SAHAT	410503-08-5686	BLOK 2-02-13 PANGSAPURI INTAN, TAMAN BUKIT PERMAI 56100 CHERAS, KUALA LUMPUR, SELANGOR		
67	MARIAH BINTI MAJID	421211-04-5192	2-1-02, BLOK 2, PANGSAPURI INTAN, TAMAN BUKIT PERMAI, 56100 CHERAS, KUALA LUMPUR, SELANGOR	03-42964301/ 019-5033239	
68	SALMAH BINTI MAT NOOR	491014-70-7533	BLOK 3-0-9, PANGSAPURI INTAN, TAMAN BUKIT PERMAI, 56100 AMPANG, SELANGOR	016-3724438	
69	MAH BINTI HABAN	400612-08-5416	2-03-13, PANGSAPURI INTAN, JALAN BUKIT PERMAI, TAMAN BUKIT PERMAI, 56100 KUALA LUMPUR, SELANGOR		
70	RADZIAH BINTI MAT NOOR	520803-08-5992	BLOK 5-3-1 PANGSAPURI INTAN, JALAN BUKIT PERMAI, TAMAN BUKIT PERMAI, CHERAS, 56100 KUALA LUMPUR, SELANGOR	016-3836783	
71	RAJEAH BINTI RUDIN	520601-08-5804	BLOK 3-02-07, PANGSAPURI INTAN, TAMAN BUKIT PERMAI, 56100 AMPANG, SELANGOR	03-42978649	

Lampiran B
Pendaftaran Ibu Tunggal DUN Teratai

BIL	NAMA	NO.KP	ALAMAT	TELEFON	EMAIL
72	ROHANI BINTI ABDULLAH	521003-08-6246	BLOK 3-1-5, PANGSAPURI INTAN, TAMAN BUKIT PERMAI, 56100 AMPANG, SELANGOR	03-42929864	
73	JUSPAL KAUR A/P KARAM SINGH	640111-10-7528	LOT 19, JLN 2, KG CHERAS BARU, 56100 KUALA LUMPUR	010-3684852	
74	ZURAIDAH BINTI JAMAL	670213-10-5686	LOT 526 JALAN 52, BUKIT D , KAMPUNG CHERAS BARU 56100 KUALA LUMPUR	012-9248679	
75	VIJAYAL A/P A CHININAH	560603-10-5668	BLOK A-10-12, JALAN PERDANA 9/10, TAMAN PANDAN PERDANA, 55300 KUALA LUMPUR , SELANGOR	012-3520496	
76	ZAILANALHIAH BINTI MOHAMAD YUSUF	750514-13-5010	B-7-17 PANDAN RIA 1 TAMAN PANDAN RIA 68000 AMPANG SELANGOR	017-6838783	zaiyus3@gmail.com
77	CHOONG MEE YONG	671130-08-5776	NO 141 JALAN BUNGA TANJUNG 10A TAMAN MUDA 56100 KUALA LUMPUR SELANGOR	016-6834097	
78	NUR FAZLIYANA BINTI MOHD ALI	840529-14-5800	NO 24 JALAN TERATAI 2/7A TAMAN BUKIT TERATAI 56100 KUALA LUMPUR	012-2457005/ 03-42882924	yanaali211@gmail.com

Lampiran B
Pendaftaran Ibu Tunggal DUN Teratai

BIL	NAMA	NO.KP	ALAMAT	TELEFON	EMAIL
79	NG YOW THAI	590603-10-6254	37 CF JALAN BUNGA CEMPAKA 6A, TAMAN MUDA, 56100 KUALA LUMPUR SELANGOR	017-2975183	
80	CHE HONG HOON	700514-08-6022	3-19 SRI SHAMELIN APARTMENT JALAN 3/91 A TAMAN SHAMELIN PERKASA 56100 KUALA LUMPUR	016-2343757	
81	CHE NISAH BINTI CHE MUSA	571127-03-5008	NO 110, JALAN TERATAI 2/7 TAMAN BUKIT TERATAI 56100 AMPANG SELANGOR	01135397637	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : RUMAH KERAJAAN PRIHATIN .

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah keluasan, kemudahan dan kos sebuah rumah tersebut?
 - b) Adakah boleh dipertimbangkan pakej tambahan bilik mengikut tanggungan ahli keluarga pemohon?
 - c) Berapakah diperuntukkan setiap tahun mengikut daerah?

JAWAPAN:

- a) Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, Kerajaan Negeri Selangor merupakan antara portfolio ataupun program yang membantu rakyat miskin dan kurang berkemampuan untuk memiliki kediaman yang selesa dan selamat untuk diduduki. Program Bantuan Kerajaan Prihatin ini telah diwujudkan bagi meringankan beban kos sara hidup dalam memiliki kediaman sendiri. Program Bantuan Kerajaan Prihatin ini tertumpu pada mereka yang kurang berkemampuan dengan pendapatan seisi rumah kurang daripada RM1500.00 sebulan, menduduki kediaman sendiri yang telah daif dan tidak selamat dan diutamakan kepada pemohon yang mempunyai tanggungan yang ramai. Secara tidak langsung, dengan program sebegini, ia dapat membantu mengurangkan bebanan sewa bulanan rumah yang dihadapi oleh pemohon sekaligus dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat di Negeri Selangor yang berbilang bangsa dan kaum.

Di bawah Program ini, Kerajaan Negeri menyediakan dua jenis rumah bina baru iaitu 2 bilik dan 3 bilik. Kedua-dua rumah tersebut dilengkapi dengan kemudahan bilik tidur, ruang tamu, ruang dapur, dan bilik air. Kelulusan permohonan diberi berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Rumah Kerajaan Prihatin mengikut keperluan dan bilangan tanggungan pemohon. Berikut adalah perincian bagi dua jenis Bantuan Rumah ini :

JENIS RUMAH	KELUASAN	KOS RUMAH (RM)
Bina Baru 2 Bilik	600 kaki persegi	32,000.00
Bina Baru 3 Bilik	660 kaki persegi	35,000.00

- b) Di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, siasatan tapak akan dijalankan oleh UPEN dan Pejabat Daerah Dan Tanah yang berkenaan. Laporan tersebut akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Rumah Bantuan Kerajaan Prihatin bagi membincang dan memutuskan kelulusan permohonan dan jenis bantuan yang akan diterima oleh pemohon berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Penambahan bilik mengikut tanggungan ahli keluarga bagi sesebuah rumah adalah tidak terkandung di dalam bantuan rumah Program Kerajaan Prihatin. Hanya bantuan baikpulih rumah sedia ada tanpa mengubah atau menambah kepada struktur asal bangunan tersebut sahaja yang dibenarkan. Bagi kelulusan bantuan bina baru rumah pula, pembahagian bilik telah ditetapkan kepada 2 bilik dan 3 bilik mengikut kadar had siling. Sebarang penambahan bilik adalah tidak dibenarkan memandangkan perkara tersebut memerlukan kos melebihi had siling yang telah ditetapkan.

Perkara penambahan bilik ini telah diterangkan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai tanggungan yang ramai semasa lawatan tapak dijalankan bersama Pejabat Daerah Dan Tanah yang berkenaan bagi mengelakkan sebarang kesulitan dan ketidakselesaian kepada pemohon apabila rumah bantuan tersebut siap dibina. Sebarang pembinaan baru perlu mendapatkan persetujuan oleh pemohon untuk merobohkan rumah lama untuk memberi ruang kepada bantuan rumah yang baru sepertimana disyaratkan di dalam Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin.

- c) Peruntukan di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin tidak dibahagikan mengikut daerah. Namun begitu, peruntukan di bawah program ini adalah diselaraskan kepada keseluruhan 9 daerah mengikut jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan. Bagi tahun 2014, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta.

Sehubungan dengan itu, peruntukan di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin juga diperolehi dari sumbangan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Anak syarikat yang memberi sumbangan kepada Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin adalah seperti berikut :

Bil	Anak Syarikat
1	Permodalan Nasional Selangor Berhad (PNSB)
2	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)
3	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
4	Lembaga Zakat Selangor (LZS)
5	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd (KSSB)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PERUNTUKAN TEMPAT IBADAT SELAIN ISLAM

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Senaraikan peruntukan yang dihulurkan oleh kerajaan kepada tempat ibadat selain Islam dari tahun 2013 hingga 2014 mengikut jenis agama masing-masing.

JAWAPAN:

- a) Dari tahun 2013 hingga 2014, Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan peruntukan kepada Rumah Ibadat Selain Islam seperti berikut:

JENIS RIBI	JUMLAH PERUNTUKAN 2013 (RM)	JUMLAH PERUNTUKAN 2014 (RM)
TOKONG	1,445,000.00	1,498,000.00
KUIL & GUDWARA	1,332,500.00	1,050,000.00
GEREJA	369,500.00	450,000.00
JUMLAH	3,147,000.00	2,998,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : KELULUSAN PROGRAM BANTUAN RUMAH KERAJAAN PRIHATIN BAGI DUN PAYA JARAS.

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah kelulusan program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin bagi Dun Paya Jaras semenjak 2008?

JAWAPAN:

- a) Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, Kerajaan Negeri Selangor merupakan antara portfolio ataupun program yang membantu rakyat miskin yang kurang berkemampuan untuk memiliki kediaman yang selesa dan selamat untuk diduduki. Program Bantuan Kerajaan Prihatin ini telah diwujudkan bagi meringankan beban kos sara hidup dalam memiliki kediaman sendiri. Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin ini tertumpu pada mereka yang kurang berkemampuan dengan pendapatan seisi rumah kurang daripada RM1500.00 sebulan, menduduki kediaman sendiri yang telah daif dan tidak selamat dan diutamakan kepada pemohon yang mempunyai tanggungan yang ramai. Secara tidak langsung, dengan program sebegini, ia dapat membantu mengurangkan bebanan sewaan bulanan rumah yang dihadapi oleh pemohon sekaligus dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat di Negeri Selangor yang berbilang bangsa dan kaum.

Program ini melibatkan 9 buah daerah di Negeri Selangor dan tidak dipecahkan mengikut kawasan DUN. Permohonan yang diterima adalah berdasarkan daerah yang diduduki oleh pemohon. Paya Jaras adalah terletak di bawah daerah Petaling dan penerima Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin bagi daerah Petaling adalah seramai 54 orang sejak tahun 2008 sehingga kini. Jumlah penerima bantuan bina baru rumah sebanyak 39 dan bantuan baikpulih rumah sebanyak 15. Berikut adalah jadual pecahan jumlah penerima Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin di daerah Petaling dari tahun 2008 hingga 2013 :-

BIL	TAHUN	BANTUAN YANG DITERIMA		JUMLAH
		BINA BARU	BAIKPULIH	
1	2008	7 Penerima RM210,000.00	-	7 Penerima RM210,000.00
2	2009	16 Penerima RM480,000.00	3 Penerima RM60,000.00	19 Penerima RM540,000.00
3	2010	4 Penerima RM120,000.00	5 Penerima RM100,000.00	9 Penerima RM220,000.00
4	2011	3 Penerima RM90,000.00	3 Penerima RM60,000.00	6 Penerima RM150,000.00
5	2012	3 Penerima RM105,000.00	2 Penerima RM40,000.00	5 Penerima RM145,000.00
6	2013	6 Penerima RM198,000.00	2 Penerima RM40,000.00	8 Penerima RM238,000.00
7	2014	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		39 Penerima RM1,203,000.00	15 Penerima RM300,000.00	54 Penerima RM1,503,000.00

**Tiada borang permohonan dikemukakan pada 2014. Permohonan bagi 2015 daerah Petaling akan diturun siasat dalam masa terdekat.*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : SEKTOR PERKHIDMATAN

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Menurut Jabatan Perangkaan Negara pada tahun 2013, sektor perkhidmatan merupakan penyumbang ekonomi terbesar di Selangor iaitu meliputi 58.8%. Apakah rancangan kerajaan negeri dalam memberi fokus untuk menambahbaik sistem perkhidmatan di Selangor?
 - b) Apakah prestasi sektor perkhidmatan pada tahun 2014?
 - c) Apakah status dan pencapaian projek Halal Hub?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah yang proaktif dalam merangka dan merencanakan pembangunan Negeri Selangor. Usaha yang kolektif akan sentiasa dirangka supaya ekonomi Selangor kekal kompetitif di pasaran global dan seterusnya mengekalkan dominasi Selangor sebagai penyumbang utama ekonomi terutama dalam sektor perkhidmatan. Fokus utama Kerajaan adalah untuk terus memperkasa sektor ini berdasarkan strategi seperti berikut :
 - i) Memperkukuhkan infrastruktur asas Negeri Selangor iaitu bekalan air, bekalan elektrik, komunikasi ICT, jalinan perhubungan dan pengangkutan serta pembangunan sosial ke tahap antarabangsa bagi memastikan pelabur terus kekal dan menarik lebih ramai pelabur ke Negeri Selangor. Agenda pembangunan Negeri Selangor akan terus memberi jaminan bekalan air bersih, tenaga elektrik yang mencukupi, infrastruktur ICT yang moden dan canggih serta keyakinan terhadap keselamatan dan kesejahteraan hidup. Selangor akan terus memastikan pembangunan sosio ekonomi yang dinamik disokong dengan kestabilan politik yang menjadi indikator penting tarikan pelabur asing.
 - ii) Meneroka potensi-potensi baru yang memberi nilai tambah terhadap bidang perkhidmatan. Kerajaan telah mengenalpasti beberapa bidang yang dijangka akan memberi impak terhadap rangkaian ekonomi seperti

bidang pelancongan kesihatan (*medical tourism*), *big data (shared data)*, *advance robotic* dan pembangunan institusi pendidikan;

- iii) Pembangunan dan penciptaan bakat dan kemahiran bagi mengisi keperluan bidang perkhidmatan. Negeri Selangor sedang menuju peralihan daripada aktiviti berasaskan pekerja berkemahiran rendah kepada aktiviti pekerja berkemahiran tinggi dalam usaha meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk Negeri Selangor. Sehubungan itu usaha-usaha dilaksanakan untuk mempersiapkan generasi muda untuk berhadapan dengan cabaran global dan melahirkan pemikir-pemikir melalui agenda membesarkan *brain bank* dalam bidang strategik dan teknikal sebagai kanvas strategi memacu bidang research & development (*R & D*). Dalam jangka masa panjang Negeri Selangor akan mempunyai golongan profesional yang akan terus memperkasa sektor perkhidmatan ke tahap yang lebih tinggi.
- b) Prestasi sektor perkhidmatan Negeri Selangor pada tahun 2014 diunjurkan menyumbang 58.6%.
- c) Pembangunan Selangor Halal Hub, Pulau Indah berkeluasan kasar seluas 700 ekar termasuk infrastruktur telah siap dibangunkan dalam tahun 2012. Sehingga kini, status pelabur-pelabur di Selangor Halal Hub, Pulau Indah dan jenis industri adalah seperti berikut :

Bil	Nama Pelabur	Jenis Industri
1.	Oleon Sdn Bhd	Produk "Palm Oil Ester"
2.	F & N Dairies Sdn Bd	Produk tenusu
3.	Longson Sdn Bhd	Produk Sos Cili. Tomato & Mayonis
4.	Premium Agro Products Sdn Bhd	Produk Herba
5.	Scientex Packaging Film Sdn Bhd	Produk "Stretch Packaging Films"
6.	Mewah Dairies Sdn Bhd	Produk tenusu
7.	Sydney Cake House Sdn Bhd	Produk Makanan Sejuk Beku
8.	Kawan Food Manufacturing Sdn Bhd	Produk Makanan Sejuk Beku
9.	Ramly Food Industries Sdn Bhd	Produk Makanan Sejuk Beku
10.	ICM Specialty Chemicals Sdn Bhd	Produk "Oleochemicals".
11.	Pok Brothers Sdn Bhd	Produk Makanan Sejuk Beku

Jumlah pelaburan halal hub di Pulau Indah dianggarkan bernilai RM1,700 juta dengan 2,500 peluang pekerjaan telah berjaya diwujudkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

**TAJUK : TENDER PROJEK PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT
TAHUN 2013 HINGGA SEKARANG BULAN JULAI 2015**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila menyatakan nama syarikat yang berjaya memperolehi tender projek PTD Kuala Langat dari Tahun 2014 hingga bulan Julai 2015 ;
 - b) Sila asingkan mengikut DUN Sijangkang, Telok Datok, Morib dan Tanjong Sepat;
 - c) Sila nyatakan jumlah kos berjaya memperolehi tender.

JAWAPAN:

a) dan b)

Senarai nama syarikat yang Berjaya memperolehi tender / sebutharga PTD Kuala Langat;

Tahun 2014

BIL	KONTRAKTOR	NAMA PROJEK
DUN SIJANGKANG		
1	ABU SAMAH MOHD SAID ENTERPRISE	Kerja - Kerja Menurap Premix Lorong Antara Jalan Murai Dan Jalan Bangau, Kampung Batu 9, Kebun Baru, Daerah Kuala Langat
2	KESOWON ENTERPRISE	Menurap Semula Jalan Di Jalan Langsung, Kg. Medan, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.
3	NRKZ ENTERPRISE	Menurap Semula Jalan Di Lorong Haji Sarbini, Kg. Sijangkang, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.
4	NILAM SAUJANA ENTERPRISE	Menurap Semula Jalan Di Lorong SRA TPG (Jalan Aman 3), Kg. Telok Panglima Garang, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.

5	MASAJAYA BARAKAH ENTERPRISE	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Lorong Kenanga, Kampung Sijangkang, Kuala Langat
6	HAZEMAN BIN CHUNONG	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan 2, Kg. Jaya Sepakat, Kuala Langat
7	MOHD ZAKI BIN KAFI	Baik Pulih Bangunan Blok A dan B, Di Sekolah Rendah Agama Sijangkang, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor D.E.
8	ZULFA MAJU ENTERPRISE	Kerja-kerja Membaikpulih Bangunan Blok A,B,C Dan D Sekolah Rendah Agama Kebun Baharu Kuala Langat, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor D.E
9	BANDAR PINGGIR CONSTRUCTION	Kerja-Kerja Mengecat Bangunan Blok A Dan B Dan Juga Surau Serta Lain-Lain Kerja Yang Bersangkutan Di Sekolah Rendah Agama Telok Panglima Garang, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor D.E.
10	SHAMSUL ANWAR BIN RATIBAN	Kerja-kerja Membaik Pulih Dan Menurap Dengan Premix Lorong Tok Imam Jalan Merak, Kg. Batu 9, Kebun Baru
11	MUTIARA BATU LAUT ENTERPRISE	Kerja-kerja Memperbaiki Jalan / Lorong Yang Rosak Di Jalan Kenanga, Kampung Sijangkang
12	SYARIKAT YATI BERSATU	Kerja-kerja Membina 4 Unit Bonggol Di Jalan Masjid, Kg. Batu 10 Kebun Baru (Antara Taman Nakhoda dan Hadapan Masjid)
13	FIKIR MAKMUR	Kerja-kerja Membersih dan Mendalamkan Parit Sepanjang 4.5km di Kampung Melayu, Pulau Carey
14	SUHARTI TUGIMAN	Kerja-kerja Membina laluan pejalan kaki berbumbung dari Balai JKKK ke Pintu Sek.Ren. TPG, Kg. Telok Panglima Garang
15	RIANN ENTERPRISE	Kerja-kerja Membaik Pulih Bangunan Komuniti Wanita, Kampung Medan

16	SEMBILAN KRISTAL ENTERPRISE	Kerja-kerja Membaik Pulih Dan Cat Baru Balai Raya Di Taman Rambai Indah, Kampung Sungai Rambai
17	ERA MAJU JAYA ENTERPRISE	Menurap semula Premix di Jalan Siantan, Kampung Batu 10 Kebun Baru, Daerah Kuala Langat.
18	AJT WAWASAN ENTERPRISE	Menurap semula Premix di Jalan Pusara, Kampung Melayu Pulau Carey, Daerah Kuala Langat.
19	BANTING UTAMA	Menurap semula Premix di Lorong Haji Hassan, Kampung Sijangkang, Daerah Kuala Langat.
20	WANGDA ENTERPRISE	Menurap semula Premix di Lorong Jalak, Kampung Batu 9 Kebun Baru, Daerah Kuala Langat.
21	KINARA ENTERPRISE	Menurap semula Premix di Lorong Haji Hussin, Kampung Sijangkang, Daerah Kuala Langat.
22	MOHD RAZALI BIN ZAIDIN	Menurap semula Premix di Jalan Durian, Kampung Medan, Daerah Kuala Langat.
23	SRI PERMATA SERVICES	Menurap semula Premix di Jalan Ciku, Kampung Medan, Daerah Kuala Langat.

BIL	KONTRAKTOR	NAMA PROJEK
DUN TELOK DATOK		
24	PZF DINAMIK ENTERPRISE	Menyelenggara Parit Jalan Sekolah, Jalan Meranti & Jalan Getah Kg. Jenjarom, Daerah Kuala Langat
25	AHMAD SUM BIN AHMAD IKRAM	Menyelenggara Parit / Longkang Di Kompleks Industri Kecil Kg. Sg. Manggis, Daerah Kuala Langat

26	SRI PERMATA SERVICES	Menurap Semula Jalan Dengan Kaedah Patching Di Jalan Sekolah Ke Jalan Rajawali, Kg. Seri Cheeding, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.
27	MAAZ DYNAMIC ENTERPRISE	Menurap Semula Jalan Dengan Kaedah Patching Di Jalan Masjid Ke Jalan Rajawali, Kg. Seri Cheeding, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.
28	WANGDA ENTERPRISE	Kerja-kerja Menurap Jalan Sungai Sedu di Kampung Sungai Manggis
29	ASZS RESOURCES	Kerja-kerja Menurap Jalan Damansor di Kampung Jenjarom
30	EPICONS ENTERPRISE	Kerja-kerja Menurap Lorong 2 Dan 3 (Patching) di Kampung Jaya Sepakat
31	FATHANI CONSTRUCTION	Kerja-kerja Membaik Pulih Balai JKKK di Kampung Banting
32	BANTING UTAMA ENTERPRISE	Kerja-kerja Membaik Pulih Dewan Orang Ramai Dan Balai JKKK di Kampung Seri Cheeding

BIL	KONTRAKTOR	NAMA PROJEK
DUN MORIB		
33	BANDAR PINGGIRAN ENTERPRISE	Kerja - Kerja Menurap Premix Di Jalan Kilkee, Batu 26 Jalan Morib, Daerah Kuala Langat
34	JAMAAS ENTERPRISE	Kerja-kerja menaiktaraf Bazar Darul Ehsan Di Kampung Kanchong Darat, Daerah Kuala Langat
35	GRUV ENTERPRISE	Menurap Semula Jalan Di Jalan Aman (Dari Jalan Besar Ke Persimpangan 1), Kg. Kanchong Darat, Mukim Morib Kelanang, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.
36	JATI KUNDANG ENTERPRISE	Menurap Semula Jalan Di Jalan Cempaka, Kg. Kanchong Darat, Mukim Morib Kelanang, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.

37	SYARIKAT YATI BERSATU	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Dewan, Kg. Batu 6, Kelanang, Banting, Kuala Langat
38	MANN ENGINEERING WORKS	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Pulau Nyatoh, Kg. Permatang Pasir, Banting, Kuala Langat
39	HA MEDAN JAYA ENTERPRISE	Kerja-Kerja Baik Pulih Sekolah Rendah Agama Kg.Kelanang.
40	RAFAHER ENTERPRISE	Kerja-kerja Baik Pulih Sekolah Rendah Agama Pekan Banting.
- a) Senarai ahli lembaga pengarah bagi setiap syarikat milik kerajaan/agensi/perbadanan di Negeri Selangor, termasuk anak-anak syarikatnya adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Penjawat awam yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Anak Syarikat/agensi/perbadanan Kerajaan Negeri mempunyai tanggungjawab yang berat untuk memastikan Anak Syarikat/agensi/perbadanan Kerajaan Negeri yang berkaitan melaksanakan peranan serta aktiviti yang bertepatan dengan visi, misi dan objektif agensi tersebut serta selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri.

Selain itu, Ahli Lembaga Pengarah mempunyai tugas-tugas fudisiari yang merupakan tugas yang berat dalam menguruskan sesebuah syarikat berkaitan kerajaan. Tugas fudisiari seorang Ahli Lembaga Pengarah antaranya adalah:

- i) Tidak menggunakan kedudukannya sebagai seorang Ahli Lembaga Pengarah untuk memperolehi keuntungan bagi dirinya khususnya menyalahgunakan sebarang wang, harta atau maklumat.
- ii) Tidak melakukan sesuatu yang bercanggah dengan kepentingan badan tersebut.
- iii) Tidak menyerahkan tugas fudisiari kepada pihak ketiga.

- iv) Menjalankan tugasnya dengan bersungguh-sungguh serta dengan kemahiran dan ketekunan yang sewajarnya dan jika perlu mendapatkan nasihat ikhtisas mengenai perkara ini.

Pelantikan Penjawat Awam sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Anak Syarikat/agensi/perbadanan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan peruntukan enakmen atau *articles of association* yang berkaitan. Oleh itu, segala kemudahan dan elaun yang diterima daripada Anak Syarikat/agensi/perbadanan Kerajaan Negeri adalah bersesuaian dengan tugas, tanggungjawab serta kepakaran Penjawat Awam tersebut.

Sehubungan itu, elaun yang diterima adalah milik Penjawat Awam tersebut dan elaun tersebut tidak perlu diserahkan kepada Kerajaan Negeri.

- c) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN) yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Anak Syarikat/agensi/perbadanan Kerajaan Negeri mempunyai tanggungjawab yang berat untuk memastikan Anak Syarikat/agensi/perbadanan Kerajaan Negeri yang berkaitan melaksanakan peranan serta aktiviti yang bertepatan dengan visi, misi dan objektif agensi tersebut serta selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri.

Selain itu, Ahli Lembaga Pengarah mempunyai tugas-tugas fudisiari yang merupakan tugas yang berat dalam menguruskan sesebuah syarikat berkaitan kerajaan. Tugas fudisiari seorang Ahli Lembaga Pengarah antaranya adalah:

- i) Tidak menggunakan kedudukannya sebagai seorang Ahli Lembaga Pengarah untuk memperolehi keuntungan bagi dirinya khususnya menyalahgunakan sebarang wang, harta atau maklumat.
- ii) Tidak melakukan sesuatu yang bercanggah dengan kepentingan badan tersebut.
- iii) Tidak menyerahkan tugas fudisiari kepada pihak ketiga.
- iv) Menjalankan tugasnya dengan bersungguh-sungguh serta dengan kemahiran dan ketekunan yang sewajarnya dan jika perlu mendapatkan nasihat ikhtisas mengenai perkara ini.

Pelantikan AMMKN sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Anak Syarikat/agensi/perbadanan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan peruntukan enakmen atau *articles of association* yang berkaitan. Oleh itu, segala kemudahan dan elaun yang diterima daripada Anak Syarikat/agensi/perbadanan Kerajaan

Negeri adalah bersesuaian dengan tugas, tanggungjawab serta kepakaran AMMKN tersebut.

Sehubungan itu, elaun yang diterima adalah milik AMMKN tersebut dan elaun tersebut tidak perlu diserahkan kepada Kerajaan Negeri.

LAMPIRAN A

Bil	Nama Anak Syarikat/Agensi/ Badan Berkanun	Nama Ahli Lembaga
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Pengerusi) b. Y.B. Dato' Hj. Mohammed Khusrin bin Hj. Munawi c. Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman d. Y.Bhg. Dato' Ir. Hamizan bin Mohd. Inzan e. Y.B. Dato' Iskandar bin A. Samad f. Y.Bhg. Datuk Nozirah binti Bahari g. Y.Bhg. Datuk Ahmad Badri bin Mohd. Zahir h. Y.Bhg. Datuk Razali bin Che Mat i. Y.Bhg. Dato' Mohd. Salleh bin Mahmud j. Y.B. Dato' Teng Chang Khim
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Pengerusi) b. Y.B. Dato' Hj. Mohammed Khusrin bin Hj. Munawi c. Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman d. Y.B Tuan Haji Zaidy bin Abdul Talib e. Y.B Tuan Amirudin bin Shari f. Y.Bhg Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya g. Y.Bhg Puan Hajah Noriah binti Shaharuddin h. Y.Bhg Dato' Rahim bin Abu Bakar i. Y.Bhg Dato' Haji Ali bin Ahmad
3.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Pengerusi) b. Y.B. Dato' Hj. Mohammed Khusrin bin Hj. Munawi c. Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman d. Y.B Dato' Iskandar bin A. Samad e. Y.Bhg Dato' Mohamad Roslan bin Sakiman f. Encik Kang Ban Aik 1

		<ul style="list-style-type: none"> g. Encik Muhamad bin Idris h. Puan Rosni binti Mohd Yusoff i. Y.Bhg. Dato' Khor Chap Jen j. Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Jaafar bin Atan k. Ar.Hj. Sarizal Yusman bin Yusoff
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS)	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah bt Ali b. Y.Bhg Prof. Zainal Abidin bin Kidam c. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor atau Wakil d. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor atau Wakil e. Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) atau Wakil f. Persatuan Pustakawan Malaysia Wakil Tetap : Encik Kamal bin Sujak g. Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Atau Wakil h. Y.D.H. Dato' Haji Emran bin Haji Kadir Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Petaling i. Y.B. Puan Lee Kee Hiong j. Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran k. Y.B Tuan Zaidy bin Abdul Talib l. Y.B. Tuan Idris Bin Ahmad m. Encik Rahimi Bin Md.Saad n. Puan Faridah bt Talib o. Encik Mohd. Jamali Bin Salamon
5.	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)	<i>Tempoh bagi Ahli Lembaga bagi Penggal Mac 2013 sehingga Feb 2015 telah tamat. Ahli Lembaga yang baru masih dalam proses perlantikan bagi penggal Mac 2015 hingga Feb 2017.</i>
6.	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali b. Y.B. Dato' Hj. Mohammed Khusrin bin Hj. Munawi c. Y.Bhg. Dato' Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman d. Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman e. Y.B. Tuan Haji Zaidy bin Abdul Talib f. Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping g. Y.Bhg. Dato' Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim

		<ul style="list-style-type: none"> h. Puan Siti Zaleha binti Ibrahim i. Y.Bhg. Tan Sri Ir. Syed Muhammad j. Y.Bhg. Datuk Ir. Mohd Adnan bin Mohd Nor k. Ir. Dr. Salmah binti Zakaria
7.	Yayasan Selangor	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Pengerusi) b. Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman c. Y.B. Dato' Hj. Mohammed Khusrin bin Hj. Munawi d. Y.B. Tuan Nik Azmi bin Nik Ahmad e. Y.Bhg. Datin Nawal binti Salleh f. Y.Bhg. Tuan Ismail bin Haji Idris
8.	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Pengerusi) b. Y.B. Dato' Hj. Mohammed Khusrin bin Hj. Munawi c. Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman
9.	Permodalan Negeri Selangor Berhad	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Pengerusi) b. Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman c. Y.Bhg Dato' Haji Ahmad bin Omar d. Y.M Raja Shahreen bin Raja Othman e. Encik Soffan Affendi bin Aminudin
10.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman b. Y.Bhg Dato' Amirul Azizan bin Abdul Rahim c. Encik Mohd Azizi bin Mohd Zain d. Encik Tukiman bin Nail e. Encik Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
11.	Tourism Selangor Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> d. Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Pengerusi) e. Y.B. Dato' Hj. Mohammed Khusrin bin Hj. Munawi f. Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman g. Y.Bhg Dato' Mohamad Roslan bin Sakiman

12.	Communication Corporation Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Pengerusi) b. Y.B. Dato' Hj. Mohammed Khusrin bin Hj. Munawi c. Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman
13.	Rangkaian Mesra Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman b. Y.B. Pn. Dr. Daroyah binti Alwi c. Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman
14.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Pengerusi) b. Y.Bhg. Dato' Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman c. Y.B Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad d. Y.Bhg Dato' Ir. Dr. Muhamad Zohadie bin Bardaie e. Y.B Dr. Che Rosli bin Che Mat f. Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman
15.	MSNS Holdings Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.B Amiruddin bin Shari (Pengerusi) b. Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman c. Y.Bhg Dato' Mohamad Roslan bin Sakiman d. Encik Azal bin Adzhar
16.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Pengerusi) b. Y.B. Dato' Hj. Mohammed Khusrin bin Hj. Munawi c. Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman d. YM Raja Dato' Haji Idris bin Raja Kamarudin e. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman f. Y.M Raja Shahreen bin Raja Othman g. Encik Soffan Affendi bin Aminudin
17.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> a. Tuan Haji Sabtu bin Md Ali b. Y.B. Mohd. Khairuddin bin Othman c. En. Cheong Seng Gee d. Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman e. Y.M Raja Shahreen bin Raja Othman f. Encik Soffan Affendi bin Aminudin

18.	Invest Selangor Berhad	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Pengerusi) b. Y.B. Dato' Hj. Mohammed Khusrin bin Hj. Munawi c. Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman d. Y.B. Dato' Teng Chang Khim e. Y.Bhg. Dato' Mohamad Roslan bin Sakiman f. Y.Bhg. En. Hassan Azhari bin Hj. Idris
19.	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Pengerusi) b. Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman c. Y.Bhg. Dato' Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman d. Y.Bhg Dato' Idris bin Mohd Tahir e. Y.Bhg Dato' Siti Khamnah binti Hashim
20.	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	<ul style="list-style-type: none"> a. Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Pengerusi) b. Y.B. Dato' Hj. Mohammed Khusrin bin Hj. Munawi c. Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman d. Y.B Dato' Daroyah binti Alwi e. Y.B Dr. Abd. Rani bin Osman f. Y.B Dato' Mansor bin Othman g. Y.Bhg Dato' Mohamad Roslan bin Sakiman

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 BANGI)**

TAJUK : CAJ GST DI PBT

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menanggung caj GST bagi cukai-cukai pintu di PBT-PBT dan Pejabat Tanah dan Daerah.

JAWAPAN:

- a) Cukai Taksiran di Pihak Berkuasa Tempatan dan Cukai Tanah di Pejabat Tanah Daerah tidak dikenakan caj GST dan ianya tidak tertakluk kepada Akta 762 iaitu Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Merujuk kepada Seksyen 64(1), Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 menyatakan Akta ini tidak terpakai berhubung dengan apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat oleh:
- (i) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Menteri dalam perintah yang disiarkan dalam Warta; atau
 - (ii) mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun berkenaan dengan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaannya.

Bagi maksud SubSeksyen 64(1) Pihak Berkuasa Tempatan atau Badan Berkanun itu dikira menjalankan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaannya jika: -

- a) pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun itu diberi kuasa oleh mana-mana undang-undang bertulis yang suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaannya; dan
- b) pembekalan yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun itu bukanlah yang sama jenis atau serupa dengan sesuatu pembekalan bercukai yang dibuat oleh mana-mana orang lain dalam perjalanan atau penerusan sesuatu perniagaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PENGLIBATAN BELIA DALAM PEMODENAN PERTANIAN

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik yang menunjukkan penglibatan golongan belia dalam pemodenan pertanian di Selangor?
- b) Apakah bentuk pertanian yang banyak diceburi oleh golongan belia?

JAWAPAN:

- a) Dalam usaha menggalakkan golongan belia menceburkan diri dalam bidang pertanian, beberapa program diwujudkan khas untuk golongan untuk belia bawah 40 tahun dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian. Sehingga kini seramai 127 orang belia telah mendaftar untuk mendapatkan bimbingan dalam bidang pertanian serta insentif untuk memajukan projek yang telah dimulakan bagi mencapai sasaran pendapatan sekurang-kurangnya RM5,000.00 sebulan.
- b) Projek pertanian yang sering diceburi oleh golongan belia adalah Projek Industri Asas Tani, projek tanaman sayur-sayuran dan kontan, projek tanaman cili dan rock melon secara fertigasi dan tanaman industri seperti umbisi dan nanas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : SAMPAH HARAM

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah PBT mengatasi masalah sampah haram di Selangor?
- b) Adakah PBT telah mengenalpasti dan mengenakan tindakan kepada pihak yang terlibat?

JAWAPAN:

- a) Antara langkah-langkah yang diambil oleh PBT dalam mengatasi sampah haram di Selangor adalah:
 - i. Menjalankan pemeriksaan dan pemantauan di '*hotspot*' tapak pembuangan sampah haram yang telah dikenal pasti.
 - ii. Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dijalankan dengan segera bagi lokasi yang dikenal pasti menggunakan logistik '*inhouse*' PBT atau Kontraktor yang telah dilantik.
 - iii. Kawasan-kawasan Sampah Haram yang sering menjadi tempat pembuangan sampah secara haram akan dibersihkan dan di pasang dengan papan tanda '**DILARANG MEMBUANG SAMPAH**'.
 - iv. Menutup laluan masuk ke tapak pembuangan sampah haram yang telah dikenal pasti / dibersihkan.
 - v. Bagi tanah yang mempunyai pemilik, pihak PBT akan mengeluarkan notis arahan pembersihan dan langkah pencegahan seperti mengarahkan pemilik tanah memasang pagar bagi mengelakkan pencerobohan. Sekiranya pemilik tanah gagal mematuhi arahan tindakan penyitaan serta laporan ke Pejabat Tanah dan Daerah dibuat untuk tindakan selanjutnya bawah Kanun Tanah Negara (Tindakan Pelanggaran Syarat)
- b) Statistik tindakan Pihak PBT adalah seperti berikut:

BIL	PBT	Tindakan Penguatkuasaan	
1.	MBSA	7 kompaun pada 2015	Menugaskan anggota-anggota melaksanakan penyamaran dan tugas statik di beberapa lokasi

			'hotspot' yang menjadi tempat pembuangan sampah haram
2.	MBPJ	7 kompaun pada 2015	Akan mendakwa mereka di mahkamah sekiranya tidak membayar kompaun tersebut
3.	MPSJ	10 kompaun pada 2014	Menjalankan penguatkuasaan pembuangan sampah melalui: 1) Operasi Sampah Haram Dan Pembakaran Terbuka 2) Operasi Sisa Perindustrian Dan Perdagangan.
4.	MPS	Tiada	Telah menjalankan pemantauan berkala
5.	MPKj	Tiada	Bagi individu yang membuang sampah dalam jumlah yang banyak, pihak MPKj akan menyita kenderaan tersebut selama seminggu bagi kesalahan pertama dan sebulan bagi kesalahan kali kedua serta individu yang bersalah perlu membayar kompaun sebanyak RM1000.00 dan kos sitaan sebanyak RM500.00 perlu dibayar sebelum kenderaan dapat dikeluarkan.
6.	MPK	Dari Januari hingga Jun 2015, jumlah kutipan hasil kompaun yang dikenakan sebanyak RM25,975.00 daripada pelaksanaan penguatkuasaan yang dijalankan.	Telah menyita 12 buah kenderaan (8 lori, 2 kereta, 1 van dan 1 pacuan empat roda).
7.	MPAJ	Tiada	a) Operasi Sampah Haram di mana Penguatkuasa akan diletakkan di lokasi-lokasi berkaitan; b) Notis kepada penduduk yang

			<p>membuang sampah di bawah Seksyen 82(5);</p> <p>c) Pemantauan daripada kontraktor pembersihan kawasan dan penduduk sendiri;</p> <p>d) Pemasangan papan tanda larangan membuang sampah;</p> <p>e) Rondaan penguatkuasa;</p> <p>f) Penahanan lori yang membuang sampah haram & kompaun dikeluarkan serta-merta;</p>
8.	MPSp	43 kompaun pada 2015	Kompaun dikeluarkan berserta dengan sitaan lori sampah berkenaan.
9.	MDKL	6 kompaun pada 2015	Menguatkuasakan undang-undang dan menjalankan pemantauan berkala
10.	MDKS	Tiada	MDKS telah meletakkan papan tanda dilarang membuang sampah denda RM 1,000.00 di lokasi-lokasi <i>hotspot</i> sampah haram
11.	MDSB	Tiada	Menguatkuasakan undang-undang dan menjalankan pemantauan berkala
12.	MDHS	Tiada	Menguatkuasakan undang-undang dan menjalankan pemantauan berkala

**Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : TUNTUTAN PERBELANJAAN YAB MENTERI BESAR (MB)

22. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- b) Apakah pra syarat yang membolehkan YAB MB membuat tuntutan perbelanjaan kepada Kerajaan Negeri?

- b) Nyatakan dengan terperinci jumlah tuntutan perbelanjaan YAB MB kepada Kerajaan Negeri semenjak menjawat jawatan tersebut?

JAWAPAN:

- (a) Pra syarat yang membolehkan YAB Dato' Menteri Besar Selangor membuat tuntutan perbelanjaan kepada Kerajaan Negeri adalah sepertimana yang termaktub di dalam Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980. Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 dan Keputusan-keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

- (b) Semenjak menjawat jawatan Menteri Besar pada September 2014, YAB Dato' Menteri Besar Selangor belum pernah mengemukakan tuntutan perbelanjaan kepada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENGURUSAN PANGSAPURI

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan pangsapuri di Selangor yang terletak di bawah seliaan Kerajaan Negeri mengikut PBT?
- b) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk menyelenggara pangsapuri tersebut pada tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Tidak terdapat pangsapuri yang terletak di bawah seliaan Kerajaan Negeri kecuali PPR yang diamanahkan untuk pengurusan kepada Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) adalah seperti berikut:
 - i) PPR Kota Damansara(Sekyen 8, Petaling Jaya),
 - ii) PPR Kg. Baru Hicom (Seksyen 26, Shah Alam),
 - iii) PPR Seri Kiambang (Serendah),
 - iv) Pangsapuri Seri Cempaka Council Homes (Seksyen 16, Bandar Baru Bangi).
- b) Bagi kerja-kerja penyelenggaraan rutin untuk PPR ini adalah menggunakan hasil kutipan bulanan. Walau bagaimanapun, bagi peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk kerja pembaikan dan penyelenggaraan tahun 2015 yang dijangka siap pada Disember 2015 adalah seperti berikut:
 - i) PPR Kg. Baru Hicom - RM1.5 juta
 - ii) PPR Kota Damansara – RM5 juta
 - iii) PPR Serendah – RM1 jutaBagi PPR Kota Damansara, senarai kerja-kerja pembaikan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - iv) Membaikpulih dan menaiktaraf lif
 - v) Membaikpulih dan menaiktaraf susur tangan koridor dan tangga
 - vi) Mengecat bangunan
 - vii) Penggantian pintu bilik riser, meter air, pencegah kebakaran dan bilik SDF.
 - viii) “*Calibration*”

- ix) Pemasangan "*earthing cable*"
- x) Memasang penangkap kilat
- xi) Kerja-kerja "*waterproofing*"
- xii) Membaikpulih paip saluran air hujan dan lain-lain perpaipan
- xiii) Membaikpulih riser elektrik
- xiv) Membaikpulih lampu koridor dan tangga, lampu taman dan lampu jalan
- xv) Membaikpulih tingkap di setiap tangga
- xvi) Membaikpulih alat generator janakuasa "*genset*"
- xvii) Membaikpulih tempat letak motorsikal dan kereta
- xviii) Menaiktaraf sistem keselamatan termasuk meletak papan tanda "*keluar*" dan lampu kecemasan
- xix) Membaikpulih longkang-longkang
- xx) Membina tembok bata bertulis PPR Kota Damansara beserta pendawaian lampu
- xxi) Membaikpulih rumah sampah
- xxii) Menaiktaraf pejabat pengurusan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : ETIKA BERPAKAIAN DI PEJABAT KERAJAAN

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah etika berpakaian untuk rakyat berurusan di pejabat-pejabat Kerajaan Negeri?
- b) Apakah pihak Kerajaan Negeri menghadapi masalah dalam melaksanakan kod etika tersebut?
- c) Apakah tindakan bagi mereka yang mengingkari tatacara berpakaian tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah menaikkan papan tanda tatacara berpakaian bagi pelawat Bangunan SSAAS di pintu masuk 1, 2 dan 3 serta di bangunan seperti berikut:
 - i. Tidak dibenarkan memakai baju kemeja tanpa kolar.
 - ii. Tidak dibenarkan memakai baju tidak berlengan.
 - iii. Tidak dibenarkan memakai pakaian terdedah.
 - iv. Tidak dibenarkan memakai skirt di atas paras lutut.
 - v. Tidak dibenarkan memakai seluar pendek atau *legging*.
 - vi. Tidak dibenarkan memakai selipar.
- b) Pada ketika tertentu terdapat pelawat yang mengunjungi Kompleks Kerajaan Negeri, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang tidak mematuhi etika pakaian yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun perkara ini dapat diselesaikan oleh pegawai bertugas di pos-pos pengawal.
- c) Pihak Pentadbiran akan membuat teguran secara lisan kepada mereka yang mengingkari tatacara berpakaian tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : DAFTAR KEMISKINAN RAKYAT NEGERI SELANGOR

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah daftar kemiskinan rakyat Negeri Selangor yang terkini?
- b) Adakah Kerajaan Negeri komited dalam mengurangkan jumlah kemiskinan rakyat Selangor?
- c) Bilakah kali terakhir Kerajaan Negeri melaksanakan bancian kemiskinan rakyat Selangor?

JAWAPAN:

(a), (b) dan (c)

Berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2014 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (seperti di **JADUAL 6**), negeri Selangor mencatatkan penurunan insiden kemiskinan daripada 0.4% pada tahun 2012 kepada 0.2% pada tahun 2014.

Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang data dan statistik keseluruhan jumlah penduduk miskin yang terkini serta tidak pernah menjalankan bancian kemiskinan khusus untuk negeri Selangor sejak tahun 2008. Namun begitu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 5/2015 bertarikh 4 Februari 2015 yang lalu telah meluluskan pelaksanaan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor serta melantik terus Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) sebagai perunding kajian bermula Mac 2015 hingga Mac 2016. Secara ringkasnya, objektif utama kajian ini adalah untuk:-

- i. Mengenalpasti perangkaan umum berkaitan kemiskinan bagi penduduk berdasarkan daerah dan kaum di Negeri Selangor;
- ii. Menganalisis Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor melalui justifikasi pengiraan dan pembinaan indeks kemiskinan; dan

- iii. Mewujudkan dan membangunkan Sistem Maklumat yang dinamakan Informasi Kesejahteraan Rakyat Majmuk Selangor (IKRAMS) yang mengandungi data lengkap dan holistik isi rumah Selangor yang berpendapatan di bawah PGK yang akan ditetapkan.

Kajian ini dilihat berupaya membolehkan Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti dan merangka dasar baru, program dan peruntukan yang lebih komprehensif untuk membasmi kemiskinan secara efektif, mengenalpasti jumlah sebenar penduduk miskin serta memastikan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah tepat kepada golongan sasaran yang benar-benar memerlukan. Manfaat yang diperolehi melalui program-program bantuan ini membolehkan serta memastikan peluang ekonomi dinikmati secara saksama oleh rakyat Negeri Selangor tanpa mengira etnik dan latar belakang ke arah membentuk masyarakat yang lebih sejahtera, makmur dan berdaya maju.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan amat prihatin dan sentiasa komited dalam usaha membasmi kemiskinan hingga ke akar umbi dengan memberi manfaat kepada semua rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah tanpa mengira etnik dan latar belakang. Perkara ini dapat dilihat daripada penganjuran pelbagai program pembasmian kemiskinan yang memfokuskan kepada program-program ke arah mentransformasikan masyarakat miskin tegar dan miskin kepada masyarakat yang berupaya menjana pendapatan yang mencukupi bagi menanggung kos hidup serta seterusnya berupaya membebaskan diri daripada belunggu kemiskinan. Tiga (3) program teras pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan adalah seperti berikut:-

- i. Teras 1: Program yang berupaya menjana dan meningkatkan pendapatan:-
 - Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan
- ii. Teras 2: Program yang menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan/ latihan:-
 - Program Kemahiran Teknikal melalui INPENS International College
- iii. Teras 3: Program yang berupaya membantu meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos taraf hidup:-
 - Program Pemberian Bantuan Bersempena Perayaan; dan
 - Program Pemberian Bantuan Persekolahan Bersempena *Back to School*.

Selain itu, di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin pula, Kerajaan Negeri turut membantu rakyat Selangor yang kurang berkemampuan memiliki rumah yang selesa sebagai tempat berteduh melalui Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan beberapa Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di bawah Jawatankuasa - jawatankuasa Tetap yang lain untuk membantu meringankan bebanan rakyat seperti Program Air Bersih Percuma sebanyak 20 meter padu sebulan, Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Hadiah Anak Masuk Universiti, Insentif Perkahwinan Belia dan pelbagai lagi.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Dar Al-Qadr Al Hasan Selangor telah memperkenalkan Program HIJRAH Selangor, di mana merupakan program mikrokredit yang dijangka berupaya meningkatkan pendapatan rakyat Negeri Selangor serta melebarkan golongan kelas menengah. Ianya menggabungkan tiga skim iaitu Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel), Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) dan Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA).

Jawatankuasa Tetap Kemiskinan sentiasa berusaha menambahbaik program-program pembasmian kemiskinan sedia ada dari semasa ke semasa. Ini termasuk merancang dan menyediakan program-program sokongan yang lain bagi memastikan ianya memberikan impak bersifat jangka panjang dan ketara dari segi pengurangan kadar kemiskinan, pengecilan jurang pendapatan dan penyertaan yang lebih seimbang dalam aktiviti ekonomi.

JADUAL 6:

INSIDEN KEMISKINAN MENGIKUT ETNIK, STRATA DAN NEGERI BAGI TAHUN 1970 - 2014

Jadual 5.6: Insiden kemiskinan mengikut kumpulan etnik, strata dan negeri, Malaysia, 1970 - 2014

Table 5.6: Incidence of poverty by ethnic group, strata and state, Malaysia, 1970 - 2014

	(%)															
	1970 [*]	1976	1979	1984	1987	1989 ^{**}	1992	1995	1997	1999	2002	2004	2007	2009	2012	2014
Malaysia	49.3	37.7	37.4	20.7	19.4	16.5	12.4	8.7	6.1	7.5	5.1	5.7	3.6	3.8	1.7	0.6
Kumpulan etnik/ Ethnic group																
Bumiputera	64.8	46.4 [†]	49.2	28.7	26.6	23.0	17.5	12.2	9.0	10.2	7.3	8.3	5.3	5.3	2.2	0.8
Cina / Chinese	26.0	17.4 [†]	16.5	7.8	7.0	5.4	3.2	2.1	1.1	2.6	1.5	0.6	0.6	0.6	0.3	0.1
India / Indians	39.2	27.3 [†]	19.8	10.1	9.6	7.6	4.5	2.6	1.3	1.9	1.9	2.9	2.6	2.5	1.8	0.6
Lain - lain / Others	44.8	33.8 [†]	28.9	18.8	20.3	22.8	21.7	22.5	13.0	21.7	14.3	6.9	10.1	6.7	1.5	0.9
Strata																
Bandar / Urban	21.3	15.4	17.5	8.5	8.5	7.1	4.7	3.6	2.1	3.4	2.0	2.5	1.9	1.7	1.0	0.3
Luar Bandar / Rural	58.7	45.7	45.8	27.3	24.8	21.1	12.2	14.9	10.9	12.4	11.4	11.9	7.1	8.4	3.4	1.6
Negeri/State																
Johor	45.7	29.0	18.2	12.2	11.1	10.1	5.6	3.1	1.6	2.5	1.8	2.0	1.5	1.3	0.9	0.0
Kedah	63.2	61.0	53.8	36.6	31.3	30.0	21.2	12.2	11.5	13.5	10.7	7.0	3.1	5.3	1.7	0.3
Kelantan	76.1	67.1	55.0	39.2	31.6	29.9	29.5	22.9	19.2	18.7	12.4	10.6	7.2	4.8	2.7	0.9
Melaka	44.9	32.4	20.4	15.8	11.7	12.4	8.5	5.3	3.5	5.7	2.7	1.8	1.8	0.5	0.1	0.1
Negeri Sembilan	44.8	33.0	26.3	13.0	21.5	9.5	8.1	4.9	4.7	2.5	2.2	1.4	1.3	0.7	0.5	0.4
Pahang	43.2	38.9	26.9	15.7	12.3	10.2	6.9	6.8	4.4	5.5	3.8	4.0	1.7	2.1	1.3	0.7
Pulau Pinang	43.7	32.4	19.7	13.4	12.9	8.9	4.0	4.0	1.7	2.7	1.4	0.3	1.4	1.2	0.6	0.3
Perak	48.6	43.0	30.5	20.3	19.9	19.3	10.2	9.1	4.5	9.5	7.9	4.9	3.4	3.5	1.5	0.7
Perlis	73.9	59.8	63.1	33.7	29.1	17.2	19.8	11.8	10.7	13.3	10.1	6.3	6.8	6.0	1.9	0.2
Selangor	29.2	22.9	14.5	8.6	8.9	7.8	4.3	2.2	1.3	2.0	1.1	1.0	0.7	0.7	0.4	0.2
Terengganu	68.9	60.3	53.1	28.9	36.1	31.2	25.6	23.4	17.3	14.9	10.7	15.4	6.4	4.0	1.7	0.6
Sabah	n.a	58.3	40.7	33.1	35.3	29.7	27.8	22.6	16.5	20.1	16.0	24.2	16.4	19.7	8.1	4.0
Sarawak	n.a	56.5	47.8	31.9	24.7	21.0	19.2	10.0	7.3	6.7	5.8	7.5	4.2	5.3	2.4	0.9
W.P. Kuala Lumpur	n.a	n.a	n.a	4.9	5.2	3.8	1.7	0.5	0.1	2.3	0.5	1.5	1.5	0.7	0.8	0.1
W.P. Labuan	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	2.7	4.2	4.3	1.1	1.1
W.P. Putrajaya	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	0.0	0.0	0.0	0.0

Nota/Note:

^{*} Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja / Refers to Peninsular Malaysia only

^{**} Mulai tahun 1989, data adalah berdasarkan kepada warganegara Malaysia / Starting 1989, data is based on Malaysian citizens

- Tiada kes / No cases

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PRODUK INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai dan sumbangan sektor IKS khasnya IKS makanan ringan kepada ekonomi negeri?
- b) Adakah kerajaan negeri membantu dalam mempromosikan produk IKS seperti makanan ringan kerepek dan kuih-kuih tempatan?

JAWAPAN:

- a) Berpandukan Bancian Ekonomi 2011: Profil PKS oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang dijalankan setiap 5 tahun, sektor makanan ringan merupakan subsector di dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Daripada jumlah keseluruhan 645,136 bilangan pertubuhan IKS di Malaysia, dianggarkan sebanyak 125,801 (19.5%) IKS beroperasi di Selangor dan daripada jumlah tersebut, dianggarkan sebanyak 30,947 (24.6%) IKS makanan dan minuman di bawah sektor perkhidmatan dan dianggarkan sebanyak 18,995 (15.1%) IKS makanan dan minuman di bawah sektor pembuatan. Ini bermakna dianggarkan terdapat sejumlah lebih kurang 49,942 IKS makanan dan minuman di Negeri Selangor.

Berpandukan Laporan Akaun Nasional, KDNK Mengikut Negeri 2005-2012 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia setiap 5 tahun, sektor IKS Negeri Selangor menyumbang sebanyak 23.5% (61.335 billion) kepada keseluruhan KDNK Malaysia. Daripada jumlah tersebut, IKS makanan dan minuman di bawah kategori pembuatan menyumbang sebanyak 15.1% daripada 32% dengan nilai RM2,963,707,200.00 manakala IKS makanan dan minuman di bawah kategori perkhidmatan pulan menyumbang sebanyak 24.6% daripada 37.3% dengan nilai RM5,627,976,930.00

- b) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa membantu dalam mempromosikan produk IKS seperti makanan ringan kerepek dan kuih-muih tempatan. Bantuan yang disediakan adalah:-
 - i. Program Peningkatan Keupayaan Rekabentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor (4P);

- ii. Penyertaan ke Penang International Halal Expo & Exhibition Convention (PIHEC);
- iii. Penyertaan ke Malaysia International Halal Showcase (MIHAS);
- iv. Penyertaan ke Halal Fiesta Malaysia (HALFEST);
- v. Penyertaan ke Program Chocolate and Candy Festival;
- vi. Penganjuran Selangor Food Mega Festival 2015 (SFMF15); dan
- vii. Penganjuran Festival Ramadhan 2015 (FESTIRA15).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : KAWASAN KUARI BERHAMPIRAN BANDAR SUNWAY SEMENYIH &
KAJANG PERDANA**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Saya menerima banyak aduan daripada penduduk mengenai kegiatan kuari berhampiran Bandar Sunway Semenyih dan Kajang Perdana yang mengadu kegiatan meletup batu serta pencemaran habuk telah mengganggu kehidupan mereka. Mohon penjelasan Kerajaan Negeri mengenai langkah-langkah supaya kegiatan kuari tidak mengganggu keselesaan hidup penduduk dan memastikan pengusaha menjalankan operasi mengikut undang-undang.
- b) Saya dimaklumkan , kira-kira 100 ekar kawasan tanah yang dimaksudkan pada (a) akan diwartakan sebagai kawasan kuari. Jika perkara ini benar, apakah kewajarannya dan berapa lama tempohnya kuari-kuari tersebut dibenarkan beroperasi
- c) Berapakah bilangan pengusaha kuari di kawasan tersebut yang berlesen ataupun yang tidak berlesen

JAWAPAN:

- a) Permit kuari adalah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat dan operasi pemantauan/langkah-langkah kawalan adalah di bawah Jabatan Mineral dan Geosains dan Jabatan Alam Sekitar.
- b) Seluas lebih kurang 120 ekar dizonkan untuk kegunaan industri dalam Rancangan Tempatan MPKj 2020 dan jarak terdapat 500 meter dari kawasan kediaman terancang sedia ada dan tempoh operasi kuari perlu rujuk kepada Jabatan Mineral dan Geosains.
- c) Kedua-dua pengusaha kuari di kawasan tersebut tidak mempunyai sebarang lesen daripada PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : NASIB MUALAF DI SELANGOR

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah MUALAF yang murtad sejak tahun 2008-2015 di Selangor?
- b) Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam memastikan nasib MUALAF ini terbela dan mereka tidak kembali murtad?
- c) Sejauh manakah implikasi program yang disediakan untuk MUALAF ini menunjukkan keberkesanannya?

JAWAPAN:

- a) Tiada kes direkodkan.
- b) MAIS mengambil langkah-langkah pencegahan awal bagi memastikan kes murtad di kalangan mualaf di Negeri Selangor tidak berlaku dengan melaksanakan penerangan sebelum seseorang itu melafazkan syahadah yang merangkumi:
 - i. Penerangan pengertian dan tuntutan Dua Kalimah Syahadah;
 - ii. Pengertian Rukun Iman;
 - iii. Pengertian Rukun Islam;
 - iv. Tugas dan kewajipan sebagai seorang Islam;
 - v. Kesan-kesan pengislaman;
 - Larangan menyembah selain Allah.
 - Larang membuat perkara yang ditegah dalam Islam
 - vi. Hubungan terhadap keluarga bukan Islam selepas pengislaman;
 - vii. Kekal dalam Islam hingga akhir hayat; dan
 - viii. Memeluk agama Islam tanpa ada sebarang paksaan.

Selain daripada Kursus Bimbingan Asas Muallaf diadakan kepada muallaf yang baru memeluk agama Islam, beberapa program berbentuk pengukuhan dan program Pasca Pengislaman juga dilaksanakan kepada muallaf seperti:

- i. Kursus Bimbingan Asas Muallaf;
- ii. Kursus Bimbingan Lanjutan Muallaf;
- iii. Kursus Motivasi Anak Muallaf;
- iv. Kursus Motivasi Remaja Muallaf;

- v. Kursus Motivasi Belia Muallaf;
 - vi. Kursus Pasca Perkahwinan 'Mertua & Menantu';
 - vii. Kursus Ana Mukallaf;
 - viii. Program Pasca-Pengislaman (Ziarah Mendekati Muallaf);
 - ix. Program Pasca-Pengislaman (Panggilan telefon); dan
 - x. Program/Aktiviti berbentuk pengukuhan melalui Pejabat Agama Islam Daerah.
- c) MAIS dari semasa ke semasa membuat penambahbaikan ke atas program/aktiviti yang disediakan bagi memenuhi keperluan semasa muallaf di Negeri Selangor. Penambahbaikan dilaksanakan berdasarkan kajian yang dibuat secara berkala. Kajian terkini sedang dilaksanakan oleh KUIS berkaitan Keberkesanan Modul Kursus Muallaf Negeri Selangor. Objektif utama kajian ialah untuk mengenalpasti tahap penerimaan, kefahaman dan penguasaan muallaf terhadap siri-siri kursus yang dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : TAJAAN PENYELIDIKAN BAGI KUIS DAN UNISEL

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tajuk, kos dan nama penyelidik semua kajian dan penyelidikan di bawah tajaan Kerajaan Negeri?
- b) Adakah kajian atau penyelidikan tersebut sesuai dimanfaatkan kepada rakyat atau hanya untuk tujuan akademik sahaja?

JAWAPAN:

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

a) dan b)

Pihak KUIS tidak menerima sebarang tajaan geran penyelidikan daripada Kerajaan Negeri untuk penggal ini.

UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

a) dan b)

NO	TAJUK	KOS(RM)	PENYELIDIK	STATUS	CATITAN
1.	Projek Kultur Tisu	80,000.00	Prof Madya Dr Aziah bt Mohd Yusoff	Aktif	Sesuai dimanfaatkan kpd rakyat/akademik
2.	Projek Membangunkan dan Mengkomersilkan Produk ADNS-01 Air <i>Electrolyser & water purifier</i>	300,000.00	Hasnu Rizal b. Zakaria	Aktif	Sesuai di manfaat kepada rakyat / Akademik. Kedua-dua projek ini telah memenangi pingat perak di pertandingan inovasi antarabangsa ITEX 2015. Produk ini telah mendapat tempahan di luar jangkaan dari dalam dan luar negara.

3.	Kajian Impak Sosial Terhadap Cadangan Pemindahan Pusat Ekuestrian & Sukan Selangor Turf Club(STC) Sungai Besi ke Sungai Tinggi, Hulu Selangor	65,500.00	Dr Hamdan Mohd Salleh	Tamat	Sesuai di manfaat kepada rakyat
4.	<i>Awareness and Appreciation of the Sunnah of Prophet Muhammad SAW among muslim adolescents in Selangor</i>	18,900.00	Prof Dr Mujaini b. Tarimin	Tamat	Sesuai di manfaat kepada rakyat
5.	Projek Sistem Sosial E-Gems	51,493.50	Prof Dr Mohd Zaidi b. Mohd Hajazi	Tamat	Sesuai di manfaat kepada rakyat
6.	Projek Benih Ikan	230,000.00	Prof Dr Sharr Azni b. Harmin	Tamat	Sesuai di manfaat kepada rakyat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : CUKAI PERNIAGAAN

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kenaikan cukai perniagaan di Selangor dari 2008-2014 mengikut bidang?
- b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan cukai perniagaan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Merujuk keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 30/2013 bertarikh 9 Oktober 2013 telah menimbang dan meluluskan semua PBT Selangor menggunakan Kadar Fi Lesen Mengikut Kadar Di Bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan Dan Perindustrian 2007 yang telah diwartakan pada 9 Julai 2007 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014. Kenaikan atau penurunan kadar adalah mengikut PBT masing-masing sebagai contoh:-

- i) Kadar kenaikan Fi Lesen di MDKL:

Bil.	Butiran Jenis Perniagaan	Fi Lesen Menurut UUK 1987 (RM)	Fi Lesen Menurut UUK 2007 (RM)	% Kenaikan
1	Bateri	100.00	300.00	200
2.	Tayar & Tiub (Perkhidmatan Dan Pengimbangan Roda)	100.00	200.00	100
3.	Membaiki Dan Servis Kenderaan	200.00	300.00	50
4.	Bengkel Perabot, Pertukangan Atau Kusyen	150.00	200.00	33
5.	Percetakan Atau Menjilid Buku	200.00	300.00	50
6.	Kedai Perjudian Atau Ramalan Nombor	500.00	1,000.00	100
7.	Tukang Besi	100.00	200.00	100

ii) Kadar penurunan Fi Lesen di MDKL:

Bil.	Butiran jenis perniagaan	Fi Lesen Menurut UUK 1987 (RM)	Fi Lesen Menurut UUK 2007 (RM)	% Penurunan
1	Colok	200.00	150.00	25
2.	Penyaman Udara Dan Aksesori	250.00	200.00	20
3.	Kedai Barang Binaan (Kedai Hardware)	500.00	200.00	60
4.	Mencuci Atau Mengilat Kenderaan	200.00	150.00	25
5.	Menjual Karpit, Kain Langsir Dan Bingkai	400.00	200.00	50
6.	Kedai Alat Tulis	200.00	150.00	25
7.	Butik Kecantikan/ Aksesori Kecantikan	250.00	200.00	20

- b) Secara umumnya, kenaikan cukai perniagaan / Fi Lesen adalah selaras dengan perkembangan ekonomi dan peningkatan kos pentadbiran PBT serta ianya dipulangkan semula kepada peniaga melalui penyaluran perkhidmatan seperti kutipan sampah dan juga pemuliharaan infrastruktur yang lebih baik. Untuk makluman juga, Kerajaan Negeri sedang mengkaji semula kadar ini dan dijangka penggunaan kadar baru dilaksanakan pada Januari 2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PERLAKSANAAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Garis panduan bagi semua agensi dan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), jika ada, perincian perbelanjaan dan senarai benefisiari.

JAWAPAN:

Anak Syarikat Kerajaan Negeri didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui pegangan saham sebanyak 50% atau lebih, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi.

Badan Berkanun ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan, tidak kira dengan nama apa ia dikenali, yang diperbadankan menurut peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan dan yang menjadi pihak berkuasa awam atau agensi Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta Badan Berkanun 1980).

Berikut merupakan senarai Anak Syarikat/Agensi dan Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor :-

Bil	Anak Syarikat / Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
2	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)
3	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)
4	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS)
5	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)
6	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
7	Yayasan Selangor
8	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)
9	Permodalan Negeri Selangor Berhad
10	Bukit Beruntung Golf & Country Resort

Bil	Anak Syarikat / Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor
11	Tourism Selangor Sdn Bhd
12	Communication Corporation Sdn Bhd
13	Rantaian Mesra Sdn Bhd
14	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd
15	MSNS Holdings Sdn Bhd
16	Kumpulan Darul Ehsan Berhad
17	Kumpulan Semesta Sdn Bhd
18	Invest Selangor Berhad
19	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
20	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor

- a) Garis panduan bagi semua agensi dan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) adalah seperti di Lampiran berikut :-

Bil	Anak Syarikat / Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor	Ada/Tiada/ Lain-lain	Rujukan Lampiran
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Ada	Lampiran A
2	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	Ada	Lampiran B
3	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)	Tertakluk kepada kelulusan MMKN	-
4	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS)	Tiada	-
5	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)	Tiada	-
6	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)	Tiada	-
7	Yayasan Selangor	Ada	Lampiran C
8	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(MBI)	Pihak MBI akan mengemukakan maklum balas secara terus kepada pihak Dewan	
9	Permodalan Negeri Selangor Berhad	Ada	Lampiran D
10	Bukit Beruntung Golf & Country Resort	Tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah	-

Bil	Anak Syarikat / Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor	Ada/Tiada/ Lain-lain	Rujukan Lampiran
11	Tourism Selangor Sdn Bhd	Ada	Lampiran E
12	Communication Corporation Sdn Bhd	Tiada	-
13	Rantaian Mesra Sdn Bhd	Tiada	-
14	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	Tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif UNISEL	-
15	MSNS Holdings Sdn Bhd	Tiada	-
16	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	Ada	Berdasarkan <i>Standard Operating Procedure</i> syarikat
17	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	Ada	Lampiran F
18	Invest Selangor Berhad	Tiada	-
19	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	Tiada	-
20	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	Tiada	-

Manakala, perincian perbelanjaan dan senarai benefisiari bagi pembayaran CSR bagi semua agensi dan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri adalah seperti di **Lampiran G**.

LAMPIRAN G

Bil	Nama Anak Syarikat/Agensi/ Badan Berkanun	Penerima	Tujuan sumbangan	Jumlah sumbangan (RM)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	a. Invest Selangor Berhad b. Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) c. Inspen Selangor SDN BHD d. Majlis Sukan Negeri Selangor e. Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (Dibayar atas nama Bendahari Negeri Selangor) f. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Dibayar atas nama Bendahari Negeri Selangor)	a. Sambutan Tahun Baru Cina b. Sambutan Tahun Baru Cina c. Anugerah Dato' Menteri Besar Selangor sempena hari konvokesyen d. Tajaan Anugerah Sukan Negeri Selangor e. Bayaran membaiki 140 buah unit Rumah Pangsa PPRT f. Sumbangan untuk Program Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat	a. RM10,000.00 b. RM5,000.00 c. RM3,000.00 d. RM5,000.00 e. RM1,000,000.00 f. RM1,000,000.00

2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) - Jumlah sumbangan CSR keseluruhan RM829,850.00	a. Bayaran melalui Bendahari Negeri Selangor b. Mangsa Banjir di Kelantan c. Tourism Selangor d. Greenfest Selangorku e. Jawatankuasa Komuniti Penduduk Sekinchan f. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) g. Persatuan Mahasiswa Usuludin Universiti Sultan Zainal Abidin (uniSZA) h. Yayasan Warisan Anak	a. Sumbangan kepada Program Pendidikan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat di KUIS b. Sumbangan mangsa banjir di Kelantan c. Sumbangan Program Temasya Selangor 2015 d. Program Greenfest Selangorku di Kuala Selangor 2015 e. Sumbangan bagi Slot Dokumentari mengenai sektor pelancongan bagi siaran luar negara (China, Hong Kong dan Singapura) f. Sumbangan Untuk Tabung Suara PERKIM Sempena Program Ihya Ramadhan g. Sumbangan Penganjuran Seminar Akidah Dan Pemikiran Islam 2015 (Peringkat Kebangsaan) h. Sumbangan Untuk Tabung	a. RM500,000.00 b. RM50,000.00 c. RM45,000.00 d. RM200,000.00 e. RM10,000.00 f. RM5,000.00 g. RM2,000.00
----	--	---	---	--

		<p>Selangor</p> <p>i. Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Malaysia</p> <p>j. Persatuan Kebajikan Sukarelawan dan Sosial, Kuantan, Pahang</p> <p>k. Anak-anak Yatim Kawasan Meru dan Rantau Panjang</p>	<p>Generasi YAWAS</p> <p>i. Sumbangan untuk Program Warisan Amal & Motivasi</p> <p>j. Sumbangan untuk Dana Pemulihan Mangsa Bencana Alam & Kemiskinan/ Program Pautan Kasih</p> <p>k. Sumbangan Untuk Anak-Anak Yatim sempena Majlis Berbuka Puasa Kumpulan PKPS</p>	<p>h. RM2,000.00</p> <p>i. RM500.00</p> <p>j. RM10,000.00</p> <p>k. RM5,350.00</p>
3.	<p>Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)</p> <p>- Jumlah sumbangan CSR keseluruhan RM910,801.60</p>	<p>a. Pangsapuri Permai Indah, Pandamaran Blok A, B dan C</p> <p>b. Rumah Desa Selangorku, Kelantan</p>	<p>a. Membaik pulih tiga (3) blok kediaman yang mengalami kerosakan teruk akibat ribut kecil</p> <p>b. Pembelian dan pemasangan dua (2) buah kipas syiling setiap rumah bagi 60 unit buah rumah Desa Selangorku yang diberikan kepada mangsa banjir di Manek Urai, Kelantan</p>	<p>a. RM880,000.00</p> <p>b. RM30,801.60</p>
4.	<p>Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS)</p>	<p>Tiada</p>	<p>Tiada</p>	<p>Tiada</p>

5.	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)	Tiada	Tiada	Tiada
6.	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)	Tiada	Tiada	Tiada
7.	Yayasan Selangor	a. Pelajar tajaan Yayasan Selangor (Biasiswa) b. Sekolah Tajaan Yayasan Selangor c. Bendahari Negeri Selangor	a. Rancangan Khas Yayasan Selangor – Kementerian Pelajaran Malaysia b. Program Akademik dan Bukan Akademik c. Bantuan Mangsa Banjir Tanah air 2015	a. RM913,500.00 b. RM29,880.50 c. RM5,000.00
8.	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	Pihak MBI akan mengemukakan maklum balas secara terus kepada pihak Dewan		
9.	Permodalan Negeri Selangor Berhad - Jumlah sumbangan CSR keseluruhan RM7,496,624.10	a. Bayaran melalui Perbendaharaan Negeri Selangor b. Kelab Kebajikan Nur Insaniah Selangor c. Kumpulan Semesta SB	a. Bantuan kepada mangsa banjir Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak b. Sumbangan Program Kelas Harapan 2015 untuk pelajar miskin c. Penajaan pembelian cenderahati	a. RM300,000.00 b. RM1,000.00 c. RM3,650.00

		d. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	untuk majlis ramah mesra Pegawai - Pegawai Komunikasi korporat Negeri Selangor bersama Y.A.B Dato' Menteri Besar	d. RM45,000.00
		e. Pejabat Y.B Dato' Teng Chang Khim	d. Sumbangan dan tajaan penganjuran Temasya Selangor 2015	e. RM10,000.00
		f. Bayaran melalui Bendahari Negeri Selangor	e. Sumbangan dan tajaan penganjuran Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor 2015	f. RM4,000,000.00
		g. Bayaran melalui Bendahari Negeri Selangor	f. Penajaan kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Selangor (FAS) bagi musim 2014/2015	g. RM1,000,000.00
		h. INPENS	g. Sumbangan kepada Program Pendidikan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat di KUIS	h. RM3,000.00
		i. Perbendaharaan Negeri Selangor	h. Penajaan Anugerah Graduan Terbaik dalam Kursus Juruteknik Sistem Komputer bagi Majlis Konvokesyen kali ke - 19 INPENS	i. RM1,342,974.10

		j. Yayasan Warisan Anak Selangor	i. Sumbangan kepada Akaun Amanah Kerajaan Negeri - Tabung Warisan Negeri Selangor	j. RM1,000.00
		k. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Batu Arang	j. Bayaran sumbangan kepada Tabung Generasi Yayasan Warisan Anak Selangor (TERAS)	k. RM1,000.00
		l. Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota -Anggota Kerajaan Selangor (MAKSAK)	k. Sumbangan penajaan Program Jamboree MTB Warisan Batu Arang 2015	l. RM1,000.00
		m.Dana untuk QASEH	l. Sumbangan sempena Karnival Sukan Nasional Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Se-Malaysia ke XVII 2012	m.RM1,000.00
		n. Amar Cycle Club	m. Sumbangan ikhlas untuk adik Qaseh Qasreena Qaisara yang mempunyai masalah <i>Cleft Palate</i>	n. RM2,000.00
		o. Kelab Kamar Penasihat Undang-undang Negeri Selangor	n. Sumbangan kepada Amar Cycle Club	o. RM2,000.00
		p. Surau Al-Kahfi	o. Sumbangan program Khidmat Komuniti	p. RM50,000.00
				q. RM2,000.00

		<p>q. Yayasan KUIS</p> <p>r. Bayaran melalui Bendahari Negeri Selangor</p> <p>s. The Sultan of Selangor's Cup</p> <p>t. Surau As Salaam</p> <p>u. Surau Al-Falah</p>	<p>p. Pengubahsuaian surau</p> <p>q. Sumbangan majlis berbuka puasa untuk pelajar Asnaf Fakir Miskin di KUIS</p> <p>r. Sumbangan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Negeri Selangor</p> <p>s. Penganjuran pertandingan Bola Sepak The Sultan of Selangor's Cup 2015</p> <p>t. Projek penambahbaikan Surau As Salaam Sri Mahligai, Seksyen 9, Shah Alam</p> <p>u. Sumbangan Program Semarak Ramadhan Surau Al-Falah</p>	<p>r. RM600,000.00</p> <p>s. RM100,000.00</p> <p>t. RM30,000.00</p> <p>u. RM1,000.00</p>
10.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort	Tiada	Tiada	Tiada
11.	Tourism Selangor Sdn Bhd - Jumlah sumbangan CSR keseluruhan RM21,000.00	<p>a. Mangsa banjir Kelantan</p> <p>b. Rumah Kebajikan Kampung</p>	<p>a. Sumbangan yang diberikan adalah bertujuan untuk meringankan beban mangsa banjir di Kelantan pada 24 December 2014</p>	<p>a. RM5,000.00</p>

		Medan PJ & Baitu Hidayah Puchong	<p>a. Program Sentuhan Kasih Lebaran 2015 bersama Cadbury - Program 'Shopping Raya' dan Majlis berbuka puasa bersama 50 orang anak-anak yatim ini merupakan program CSR gabungan kerjasama Tourism Selangor bersama Cadbury Malaysia.</p> <p>Seramai 50 orang anak yatim dan 10 orang ibu tunggal dari Rumah Kebajikan Kampung Medan PJ dan Baitu Hidayah Puchong diraikan dan kanak-kanak mendapat RM250.00 untuk membeli-belah keperluan hari raya.</p>	b. RM16,000.00
12.	Communication Corporation Sdn Bhd	Bayaran melalui Bendahari Negeri Selangor	Bantuan kepada mangsa banjir Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak	RM5,000.00
13.	Rangkaian Mesra Sdn Bhd	Tiada	Tiada	Tiada
14.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	Khidmat Pasca Banjir Pantai Timur	Bantuan kepada mangsa banjir	Tidak berkaitan. Sumbangan adalah dalam bentuk tenaga kerja sahaja
15.	MSNS Holdings Sdn Bhd	Yayasan Warisan Anak Selangor	Bantuan kemudahan daripada aspek kebajikan, pembangunan modal	RM3,000.00

			insan dan pendidikan untuk anak-anak kelahiran Selangor	
16.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	Rujuk Lampiran A (i)		
17.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	a. Badan kebajikan / kelab b. Program Rehabilitasi c. Program Keagamaan d. Program Tajaan	a. Sumbangan program-program / majlis / tabung / bengkel b. Program – program alam sekitar / pemulihan dan kehijauan v c. Sumbangan Majlis Tilawah d. Sumbangan membina / menaik taraf / tabung / surau / masjid sebagainya	a. RM104,835.00 b. RM2,810.00 c. RM3,000.00 d. RM15,000.00
18.	Invest Selangor Berhad	Yayasan Warisan Anak Selangor	Sumbangan Tabung Generasi YAWAS (TERAS)	RM5,000.00
19.	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	Tiada	Tiada	Tiada
20.	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	Tiada	Tiada	Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : STATUS *DEVELOPMENT CHARGES*

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah yang terkini *Development Charges* yang diperolehi oleh MBPJ?
- b) Bagaimanakah wang tersebut digunakan? Senaraikan penggunaan mengikut kawasan dari tahun 2008-2015?

JAWAPAN:

- a) Jumlah terkini Development Charge sehingga Julai 2015: RM44,724,131.57
- b) Wang dalam akaun Caj Pemajuan ini digunakan bagi tujuan:
 - i. Perbelanjaan untuk program-program membina dan menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan awam.
 - ii. Perbelanjaan untuk menyelesaikan isu-isu berkenaan dengan masalah kesesakan lalulintas dan penyediaan kemudahan awam yang berkaitan dengan masalah pembangunan baru.
 - iii. Lain-lain perbelanjaan yang berkaitan pengurusan dan pembangunan baru yang diluluskan serta difikirkan perlu oleh Majlis.
 - iv. Berikut merupakan senarai projek-projek yang telah diluluskan menggunakan peruntukan akaun Caj Pemajuan bermula pada tahun 2010-2015:

Bil.	Projek	Kawasan
1.	Projek Perintis 'Livable City Petaling Jaya @ Section 52' (Fasa Pertama) <ul style="list-style-type: none">• Pentas Utama• Pentas Mini• Pintu Gerbang dan Papan Tanda Informasi• Kiosk Jualan	Seksyen 52

	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem Lampu Hiasan Menara MBPJ 	
2.	<p>Projek Perintis 'Livable City Petaling Jaya @ Section 52' (Fasa Kedua)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Boulevard • Pengindahan Lorong Belakang • 'Street Art' • Kerja-kerja Tambahan Pentas • Bilik Persalinan 	Seksyen 52
3.	Pelaksanaan Projek 'PJ City Cycleways Network' Projek 'Damansara Damai Urban Park Cycleways'	Damansara Damai
4.	Projek 'Kota Damansara Community Forest Cycleways' Fasa 1	Kota Damansara
5.	Projek 'Ara Damansara Cycleways'	Ara Damansara
6.	Projek 'PJS 10 Cycleways'	PJS 10
7.	Penyediaan TLK dan Tandas Awam serta lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan Tanjung	Seksyen 5
8.	Penyediaan TLK di Tanah Rizab Rentisan Elektrik di Asia Jaya	Seksyen 4
9.	Projek Taman Awam Di Atas Sebahagian Tanah Rizab Keretapi, Jalan Railway 1/2, Seksyen 1, Petaling Jaya	Seksyen 1
10.	Projek 'Barrier Free' di Pusat Bandar Seksyen 52	Seksyen 52
11.	Pembinaan Dewan Komuniti di Sebahagian Urban Park 1, Jalan PJU 10/1, Damansara Damai dan Lain-lain Kerja Berkaitan	Damansara Damai (PJU 10)
12.	Menaiktaraf Urban Park dan Kerja-kerja Berkaitan di Urban Park 2, PJU 10/1C, Damansara Damai, Petaling Jaya	Damansara Damai (PJU 10)
13.	Kerja-kerja Membina dan Menyiapkan Bangunan 'PJ Planning Exhibition Center' 1 1/2 Tingkat Bersebelahan Ibu Pejabat MBPJ dan Lain-lain Kerja Berkaitan	Seksyen 52
14.	Projek Pelaksanaan Projek Pemutihan Kawasan Blackspot di Flat Medan Indah, Jalan PJS 4/27, Petaling Jaya	PJS 4
15.	Projek 'Taman Medan PJS 2 Cycleways'	PJS 2
16.	Kerja-kerja Menaiktaraf dan Penambahbaikan Laluan Basikal dan Lain-lain Kerja Berkaitan di bawah Projek 'Kota Damansara Community Forest Cycleways'	Kota Damansara
17.	Projek Perintis Menaiktaraf Infrastruktur, Landskap dan Saliran Jln. Cempaka, Kampung Kayu Ara, PJU 6A	Kampung Kayu Ara (PJU 6A)

18.	Kajian Penyediaan Garis Panduan Rekabentuk Bandar (Urban Design Guideline) PJ	Petaling Jaya
19.	Sistem Maklumat Perancangan Pengangkutan dan Lalulintas PJ secara Digital	Petaling Jaya
20.	Projek Perintis Liveable City PJ @ SS 2	SS 2
21.	Projek Perintis Liveable City PJ @ PJS 2	PJS 2

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SKIM HIJRAH

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah skim Hijrah yang telah diagihkan dan adakah ia telah berjaya memberikan pulangan yang baik kepada Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Sehingga Julai 2015, Hijrah Selangor telah membuka sebanyak 22 cawangan operasi di setiap kawasan Parlimen. Permohonan peserta telah diterima daripada setiap DUN (56 DUN) dan sehingga kini Hijrah Selangor telah meluluskan pinjaman kepada seramai 7203 orang peserta dengan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM 32.9 juta.

Pihak Hijrah Selangor menjangkakan pendapatan minima bulanan peserta setelah penyertaan Hijrah Selangor adalah sebanyak RM3,000.00 sebulan. Juga dijangkakan peningkatan pendapatan satu kali ganda daripada pendapatan asal setelah menyelesaikan tiga (3) pinjaman dengan Hijrah Selangor. Contohnya pendapatan asal ketika mula menyertai Hijrah Selangor adalah RM1,500.00, selepas tiga kali pinjam dengan Hijrah pendapatan peserta meningkat kepada RM3,000.00. Justeru itu, ianya dapat memenuhi hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk melebarkan golongan kelas menengah dan juga dapat menangani masalah kemiskinan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : SKIM KESIHATAN PERCUMA -MAMOSEL

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah juga penyertaan wanita secara tahunan semenjak ianya di lancarkan sehingga Julai 2015
- b) Apakah sasaran penyertaan untuk tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Skim Kesihatan Wanita (SKW) telah dilaksanakan semenjak November 2010. SKW juga dikenali sebagai Program Pemeriksaan Mammogram Percuma Selangor (MammoSel). Program ini adalah bertujuan untuk memberi perkhidmatan pemeriksaan mammogram secara percuma kepada seluruh wanita di Negeri Selangor. Semenjak program ini dilancarkan sehingga 30 Jun 2015 jumlah perbelanjaan SKW adalah seperti berikut:-

Tahun	Bulan	RM	Peserta
2010		227,700.00	2,688
2011		1,117,190.00	11,317
2012		363,620.00	3,638
2013	Jan	23,220.00	258
	Feb	16,650.00	185
	Mac	28,170.00	313
	April	13,140.00	146
2014	April	540.00	6
	Jun	14,920.00	164
	Jul	3,170.00	33
	Aug	2,250.00	25
	Oct	2,430.00	27
	Dec	22,010.00	240
2015	Mac	18,220.00	194
	April	12,310.00	135
	Mei	17,710.00	187
	Jun	21,150.00	231
Keseluruhan		1,904,400.00	19,787

Taburan mengikut kaum sehingga Jun 2015

Tahun	Melayu	Cina	India
2010	1135	1294	259
2011	6084	3810	1415
2012	2026	1094	514
2013	439	235	220
2014	223	228	44
2015	465	200	81
Total	10372	6861	2533

Pecahan peratus mengikut kaum sehingga Jun 2015

Melayu	52.42%
Cina	34.67%
India	12.80%
Lain-Lain	0.11%

- b) Kerajaan Negeri telah melakukan usaha untuk menambah pusat-pusat perkhidmatan mamogram bagi menampung lebih ramai peserta. Buat ketika ini kita cuma menggunakan khidmat *National Cancer Society Malaysia* (NSSM) yang turut memberikan khidmat untuk Lembaga Perancangan dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Ini telah menyebabkan tidak ramai wanita dapat menyertai dan menikmati perkhidmatan ini.

Kerajaan Negeri telah mendapat persetujuan beberapa pengendali perkhidmatan mamogram untuk bersama menjayakan program ini. Antara yang telah memberikan persetujuan adalah Kumpulan Perubatan Johor (KPJ), BP Healthcare, Salam Medical Centre, Darul Ehsan Medical Centre dan Columbia Asia Sdn. Bhd.

Untuk tahun 2015 tiada sasaran khusus telah ditetapkan kerana Kerajaan Negeri lebih menumpukan kepada mencari pengendali khidmat mamogram yang berwibawa dan bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor. Dengan termeterainya persefahaman dengan beberapa pengendali perkhidmatan mamogram seperti di atas, Kerajaan Negeri berharap sekitar 2000 orang peserta akan dapat menikmati perkhidmatan mamogram percuma sehingga penghujung tahun ini.

Kerajaan Negeri berharap setelah pengendali perkhidmatan dan Pusat Khidmat Masyarakat DUN telah serasi dan selesa dengan gerak kerja yang ditetapkan, sasaran 9,500 peserta setahun akan dapat dicapai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK PEMBANGUNAN DESA

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah peruntukan untuk naik taraf infrastruktur di kawasan kampung-kampung tradisi Melayu dan Cina untuk tahun 2007-2015 mengikut pecahan daerah.
- b) Senaraikan jumlah peruntukan dan jenis projek yang telah dijalankan untuk naik taraf infrastruktur perkampungan Melayu dan Cina bagi Pejabat Daerah Gombak bagi tahun 2008-2015.

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan bagi menaiktaraf infrastruktur di kawasan kampung tradisi Melayu dan Cina mengikut pecahan daerah adalah seperti di lampiran A.
- b) Jumlah peruntukan dan jenis projek yang telah dijalankan untuk naik taraf infrastruktur perkampungan Melayu dan Cina bagi Pejabat Daerah Gombak bagi tahun 2008-2015 adalah seperti di lampiran B.

LAMPIRAN A

i) Kampung Tradisi Melayu

DAERAH/ TAHUN	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	2015* (RM)
Petaling	300,000.00	505,000.00	598,710.00	1,869,078.00	6,178,936.92	483,158.90	681,400.00	872,904.00
Klang	300,000.00	425,000.00	1,133,464.50	4,025,644.75	4,497,621.13	459,316.00	459,384.60	710,710.00
Gombak	300,000.00	405,000.00	1,733,166.45	3,612,147.93	3,215,255.81	485,532.46	480,000.00	852,699.50
Hulu Langat	273,300.00	442,953.50	845,190.42	2,913,879.03	4,794,799.23	406,145.70	374,696.00	2,837,760.00
Sepang	300,000.00	275,000.00	600,000.00	2,658,836.00	1,799,963.50	432,160.00	467,750.00	1,032,336.40
Kuala Langat	300,000.00	330,300.00	600,000.00	4,091,608.49	2,236,530.88	399,153.34	500,000.00	913,066.00
Kuala Selangor	300,000.00	260,000.00	896,778.99	2,319,385.58	3,000,583.81	358,978.00	391,768.70	1,916,083.87
Hulu Selangor	300,000.00	300,000.00	971,137.65	2,584,268.54	2,241,565.77	488,338.53	501,469.00	826,828.83
Sabak Bernam	299,980.00	400,820.00	1,002,022.60	2,828,676.65	2,093,978.10	496,042.10	500,000.00	1,238,050.00
JUMLAH	2,673,280	3,344,073.50	8,380,470.61	26,903,524.97	30,059,244.15	4,008,825.03	4,356,468.30	11,200,438.60

**Data adalah sehingga Julai 2015 sahaja*

ii) Kampung Baru Cina

DAERAH / TAHUN	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)
Petaling	542,618.56	151,708.50	413,937.50	421,740.00	1,370,054.00	445,512.00	24,850.00
Klang	219,000.00	554,327.99	128,870.00	601,883.87	-	-	770,188.42
Gombak	209,873.47	600,898.50	630,561.00	995,185.50	1,075,784.37	735,150.00	794,107.00
Hulu Langat	355,567.29	486,070.45	920,426.87	522,917.75	471,387.70	569,139.00	756,521.00
Sepang	156,650.00	414,494.00	285,078.00	56,000.00	-	83,900.00	303,090.00
Kuala Selangor	325,856.34	408,360.50	443,941.62	590,609.77	114,870.40	631,394.00	736,767.00
Kuala Langat	5,000.00	540,057.25	209,902.80	420,061.60	-	-	38,000.00
Hulu Selangor	112,286.55	430,937.93	192,261.42	279,139.95	186,746.20	479,700.00	556,288.70
Sabak Bernam	1,174,426.51	802,588.00	1,0002,848.10	985,317.00	770944.84	917,987.00	852394.00
JUMLAH	3,101,278.72	4,389,443.12	3,224,979.21	4,872,855.44	3,803,041.31	4,617,882.00	4,832,206.12

LAMPIRAN B

Projek yang telah dijalankan untuk naik taraf infrastruktur perkampungan Melayu dan Cina bagi Pejabat Daerah Gombak bagi tahun 2008-2015.

DAERAH		GOMBAK			
JENIS PROJEK		JUMLAH PERUNTUKAN			
		2008	2009	2010	2011
(1)	Projek Kemudahan Asas Desa	10,405,000.00	180,000.00	977,873.10	2,221,336.55
(2)	Projek Pembangunan Kampung Baru	-	213,923.47	600,898.50	582,260.25
(3)	Projek Penyelenggaraan Jalan Kampung	993,000.00	120,000.00	541,000.00	625,000.00
(4)	Projek Marris	-	-	-	-
(5)	Projek Caruman Kubur	-	-	-	-
(6)	Projek Kerajaan Prihatin	262,000.00	519,000.00	7,602.00	353,075.00
(7)	Projek Lain-lain	219,040.00	-	146,385.75	1,900,000.00
JUMLAH		11,879,040.00	1,032,923.47	2,273,759.35	5,681,671.80

DAERAH		GOMBAK			
JENIS PROJEK		JUMLAH PERUNTUKAN			
		2012	2013	2014	2015
(1)	Projek Kemudahan Asas Desa	685,000.00	1,025,576.08	736,642.00	1,086,097.50
(2)	Projek Pembangunan Kampung Baru	913,230.00	935,230.00	735,150.00	876,618.10
(3)	Projek Penyelenggaraan Jalan Kampung	-	49,750.00	240,000.00	1,020,158.00
(4)	Projek Marris	-	1,408,265.25	884,650.00	978,325.00
(5)	Projek Caruman Kubur	-	-	1,067,250.00	1,353,440.00
(6)	Projek Kerajaan Prihatin	-	-	85,116.80	66,466.00
(7)	Projek Lain-lain	2,122,168.00	83,320.00	52,000.00	-
JUMLAH		3,720,398.00	3,502,141.33	3,800,808.80	5,381,104.60

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan keseluruhan projek-projek perumahan terbengkalai di Selangor yang akan dibaikpulih dan telah dibaikpulihkan.
- b) Senaraikan pemaju-pemaju yang dilantik bagi setiap projek pemuliharaan rumah terbengkalai tersebut.
- c) Nyatakan PBT yang mempunyai Jawatankuasa khas untuk menangani masalah projek terbengkalai.

JAWAPAN:

a) dan b) akan dijawab bersekali.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan projek perumahan terbengkalai di Negeri Selangor yang dalam perancangan pemuliharaan dan sedang dipulihkan melibatkan sebanyak 29 projek. Berikut adalah senarai projek dan pemaju penyelamat yang dilantik bagi tujuan pemuliharaan iaitu :

BIL.	NAMA PROJEK	PEMAJU ASAL	PEMAJU PENYELAMAT	STATUS
1	Projek Perumahan Pangsa Kos Sederhana di atas Lot PT 9195, Jalan PJS 2, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan TD Management Sdn. Bhd. (Digulung)	Tetuan Masteron Sdn. Bhd.	Projek Sedang Dipulihkan.
2	Rumah Pangsa Kos Rendah di Plot F, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Peter Brickworks Sdn. Bhd.	Tetuan Peter Brickworks Sdn. Bhd.	Projek Dalam Perancangan Pemulihan
3	Pangsapuri Perkhidmatan Kos Tinggi, Platinum Damansara, Di Atas Lot Pt 1428, Seksyen Pju 1, Petaling Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Dataran Mantin Sdn. Bhd.	Tetuan 128 Damansara Sdn. Bhd.	Projek Sedang Dipulihkan.
4	Projek Perumahan Rumah Kos Rendah, Jalan Pluto U5/158, Seksyen U5, Shah Alam	Tetuan Unique Creation Sdn. Bhd.	Tetuan ECL Management Sdn. Bhd.	Projek Sedang Dipulihkan.
5	Projek Pembinaan Pangsapuri Rimau Indah, Fasa 3, Di bawah Geran No. 36409, Lot No. 3783, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Bukit Rimau Development Sdn. Bhd.	Tetuan Worldwide Holding Berhad	Projek Dalam Perancangan Pemulihan
6	Projek Perumahan Teres Satu Taman Andaman 5, Jalan Tanjung Sepang 30/112, Seksyen 30, Shah Alam	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd.	Tetuan Essential Construction & Trading Sdn Bhd	Projek Dalam Perancangan Pemulihan
7	Projek Perumahan Taman Andaman Timor 3, Jalan Kebun, Kota Kemuning, Daerah Klang, Shah Alam	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd.	Tetuan Flora Holiday Sdn. Bhd.	Projek Dalam Perancangan Pemulihan

8	Taman Kencana Fasa 3, Ampang, Daerah Hulu Langat.	Tetuan Syarikat Jaya Kencana Sdn. Bhd. (Digulung)	Tetuan Garden Meridian Sdn. Bhd.	Projek Dalam Perancangan Pemulihan
9	Projek Rumah Pangsa Kos Sederhana Di Atas Lot Pt4992, Kg. Pasir Tambahan Hulu Klang, Daerah Gombak, Selangor. (Estana Court Condominium)	Tetuan Promista Development Sdn. Bhd. (Digulung)	Tetuan Kismajaya Sdn. Bhd.	Projek Dalam Perancangan Pemulihan
10	Projek Pembinaan 1,609 Unit Pangsapuri Ukay Bestari, Mukim Ampang, Daerah Gombak	Tetuan Damai Bistari Sdn. Bhd.	Pelikuidasi : KPMG	Projek Sedang Dipulihkan.
11	Projek Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Kelisa Ria, Kampung Keramat Tangkas, Jalan Reko, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan TJ Plaza Sdn. Bhd.	Tetuan Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd.	Projek Sedang Dipulihkan.
12	Projek Perumahan Taman Lingkaran Nur, Batu 12, Jalan Cheras, 43000 Kajang	Tetuan Saktimuna Sdn. Bhd. (Digulung)	Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Kuala Lumpur	Projek Sedang Dipulihkan
13	Projek Pembinaan Pangsapuri Gombak Perdana Villa, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Aga Development Sdn. Bhd. (Digulung)	Tetuan Stable Growth Sdn. Bhd.	Projek Sedang Dipulihkan.
14	Kampung Tersusun Kiai Hj. Arshad, Batu 291/2, Jalan Batu Arang Ke Batang Berjuntai, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor	Tetuan Aramin Sdn. Bhd.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Projek Sedang Dipulihkan.

15	Projek Astana Square Service Apartment, Di atas HS(D) 21817 PT 1985, Bandar Selayang	Tetuan Sedaya Sdn. Bhd.	Tetuan CRS Corporate Advisory Sdn. Bhd.	Projek Sedang Dipulihkan.
16	Taman Desa Utama, Sungai Merab, Sepang	Aras Dimensi Sdn Bhd (Digulung)	Tetuan Stevenzac Consulting Sdn. Bhd	Projek Dalam Perancangan Pemulihan
17	Projek Perumahan Taman Tradisi Indah, Jalan Masjid Sultan 9C/KS13, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Fifth Marine Development Sdn. Bhd.	Tetuan Zakaria Augustine Kang Consultancy Sdn Bhd	Projek Dalam Perancangan Pemulihan
18	Projek Perumahan Taman Desa Kencana, GM 3850 Lot 2757, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Binalif Bina Sdn. Bhd.	Tetuan Faktor Aktif Sdn. Bhd.	Projek Dalam Perancangan Pemulihan
19	Projek Perumahan Taman Meru Ria 2, Di Atas GM 3928 Lot 3750, Jalan Belimbing, Meru, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Binalif Bina Sdn. Bhd.	Tetuan Ajma Resources Sdn. Bhd.	Projek Sedang Dipulihkan.
20	Projek Perumahan Taman Desa Sri Saujana 1, Di Atas Lot 2159 GM 2751, Mukim Teluk Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	Tetuan Excel Trillion Sdn. Bhd.	Projek Dalam Perancangan Pemulihan
21	Projek Perumahan Taman Kelisa (Tambahan), Di atas Lot 373 dan 378, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	Tetuan Sedar Indah Development Sdn. Bhd.	Projek Sedang Dipulihkan.

22	Projek Perumahan Kos Rendah Di Taman Sungai Yu Indah, Sungai Yu, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Syarikat Serambi Padu Sdn. Bhd.	Tetuan Syarikat Serambi Padu Sdn. Bhd. (Pemaju Asal)	Projek Dalam Perancangan Pemulihan
23	Projek Perumahan Taman Seri Wangi Di Atas Lot 103, Mukim Tanjong Karang, Jln Sungai Tenggi Kiri, Bandar Tanjong Karang,	Tetuan K.A Resources Sdn. Bhd. (Lama)	Tetuan 99 Development Sdn. Bhd.	Projek Sedang Dipulihkan.
24	Projek Pembesaran Desa Kerayong Indah, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Bumi Circle Sdn. Bhd.	Tetuan Probil Industries (M) Sdn. Bhd.	Projek Dalam Perancangan Pemulihan
25	Projek Pembesaran Kampung, Taman Desa Mawar Di atas Lot P.T. 1175, Kampung Sungai Yu, Mukim Ujong Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Lian Feng Constraction Sdn. Bhd.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Projek Dalam Perancangan Pemulihan
26	Projek Perumahan Bandar Baru Serendah, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Manco Sdn. Bhd.	Worldwide Holding Berhad	Projek Dalam Perancangan Pemulihan
27	Projek Pembesaran Kampung Melayu Rasa Di Lot 1783, Jalan Ampang Pechah, Mukim Rasa, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Litar Jaya Sdn. Bhd. (Digulung)	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Projek Dalam Perancangan Pemulihan
28	Projek Pembesaran Kampung Koskan, Jalan Sungai Buaya, Sungai Choh, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Ehsanibu Sdn. Bhd.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Projek Dalam Perancangan Pemulihan

29	Projek Pembesaran Kampung Mukim Serendah (Serendah Perdana), Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Kamsu Sdn. Bhd.	Tetuan Kamsu Sdn. Bhd. (Pemaju Asal)	Projek Dalam Perancangan Pemulihan
----	---	------------------------	--------------------------------------	------------------------------------

- c) Buat masa ini, Jawatankuasa Khas untuk menangani masalah projek terbengkalai di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hanya melibatkan Majlis Perbandaran Subang Jaya sahaja menubuhkan jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Projek Terbengkalai dan Bangunan Bermasalah yang diadakan secara berkala. Walau bagaimanapun, terdapat juga Pihak Berkuasa Tempatan yang mengadakan mesyuarat pemantauan projek terbengkalai secara berkala tanpa penubuhan Jawatankuasa Khas. Sebagai contoh, Majlis Perbandaran Klang yang melaksanakan pemantauan projek terbengkalai di bawah Mesyuarat Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Bangunan Tanpa Izin dan lain-lain Pihak Berkuasa juga membincangkan dalam Mesyuarat 'One Stop Centre' (OSC). Terdapat juga isu projek terbengkalai yang dipantau secara 'case by case' oleh Jabatan Bangunan di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah menubuhkan Jawatankuasa Induk Pemantauan Projek Terbengkalai Negeri Selangor yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang dipengerusikan oleh EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar dalam memantau dan mengenalpasti kaedah penyelesaian projek terbengkalai di Selangor. Perbincangan ini akan melibatkan secara langsung dengan agensi berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan seperti Jabatan Bangunan, Jabatan Perancang, Jabatan Kejuruteraan dan lain-lain jabatan berkaitan serta agensi luar seperti Pejabat Tanah, JPBD Negeri, JKR, SYABAS, TNB, IWK dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan senarai nama ketua setiap PeBT dan laporan lengkap prestasi setiap ketua Penggerak Belia Tempatan tahun 2015.
- b) Sila kemukakan senarai program yang telah / akan dijalankan untuk golongan Belia pada tahun 2015.

JAWAPAN:

- a) Senarai nama ketua setiap PeBT dan laporan lengkap prestasi setiap ketua Penggerak Belia Tempatan tahun 2015 adalah sebagaimana berikut :-

NO	PBT	NAMA KETUA PeBT (INDUK) / ZON	ZON	BILANGAN AKTIVITI DAN MESYUARAT
1	MBPJ	Ahmad Zaim Bin Ishak	18	15
2	MDKL	Nuresman Bin Ramli	4	26
3	MPK	Adam Bin Abdul Kadir	N50	28
4	MPSJ	Mohd Rizal Bin Abd Raman	12	17
5	MDSB	Ismail Bin Hashim	2	38
6	MPKJ	Mohd Salehuddin Bin Kidin	7	40
7	MBSA	Muriza Hazrul Bin Abdul Muhi	7	22
8	MPAJ	Muhamad Mizan Adli B Mohd Noor	17	22
9	MDKS	Sharan Bin Mohd Salleh	10	33
10	MDHS	Mohammad Effendi Bin Rahim	17	17
11	MPS	Mohammad Azwan Bin Mohd Kamaruzaman	9	20
12	MPSP	Mohd Nazwan Bin Saidi	CYBERJAYA	28

- b) Di antara program yang telah dan akan dijalankan untuk golongan belia pada tahun 2015 sebagaimana berikut :-

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	International Youth Conference	3 Februari 2015	Shah Alam
2	Himpunan Generasi Muda bersama Y.B Exco	12 April 2015	Dewan Jubli Perak SUK
3	International Selangor Cyber Game	9-10 Mei 2015	The Strand Kota Damansara
4	Program ADUN Muda Selangor	27-28 Mei	Dewan Negeri Selangor
5	Selangor PLUS Peringkat DUN	Mei-Ogos 2015	Setiap DUN
6	Karnival Gen-S 2.0	Sept 2015	Bangi
7	Program GP Larian 5 Km	Sept – Nov 2015	Belum ditentukan
8	Grand Finale Selangor Plus	Oktober 2015	Shah Alam
9	Change Mgt & Kursus Asas	Okt 2015	Shah Alam
10	Extreme Outdoor Challenge 4WD	Oktober 2015	Hulu Selangor
11	Jelajah Exco Generasi Muda	Okt 2015	Seluruh Selangor
12	Santai Kaki Motor	Nov 2015	Kuala Selangor
13	Program Sukarelawan Generasi Muda Selangor	Dec 2015	Belum ditentukan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : KEKERAPAN ADUAN AWAM HAL KUTIPAN SAMPAH TIDAK SEPERTI
DIJADUALKAN**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada kajian dan kesan baik dan buruk selepas tindakan kepada kontraktor?
- b) Adakah keupayaan fasiliti dan tenaga kerja kontraktor, keluasan zon dan harga rendah punca sebahagian punca masalah ini?
- c) Apakah cadangan bagi meningkatkan prestasi pengurusan ini?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini tiada kajian dibuat berhubung perkara itu. Ini kerana bagi penamatan kontrak kontraktor, PBT-PBT mempunyai SOP penamatan dan *back-up* kontraktor.
- b) Tidak, setiap kontraktor yang dilantik telah telah meneliti kemampuan masing-masing sebelum membuat tawaran. PBT-PBT telah membekalkan maklumat yang sewajarnya untuk dijadikan asas tawaran oleh kontraktor yang berminat. PBT-PBT juga mewujudkan jawatan kuasa teknikal bagi meneliti tawaran yang dikemukakan bagi memastikan tawaran yang disyorkan adalah dari kontraktor yang benar-benar berkelayakan.
- c) Sebagai usaha penambahbaikan, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk PBT-PBT Selangor menggunakan Garis Panduan Penyeragaman Dokumen Tender untuk Spesifikasi Kutipan Sisa Isi Rumah (2015) yang merangkumi:
 - i. Penyeragaman Dokumen Tender yang merangkumi
 - a. Spesifikasi perkhidmatan kutipan sampah;
 - b. Lori kompaktor;
 - c. Jenis premis;
 - d. Kekurangan kutipan;
 - e. Notis Tindakan Pembetulan (NTP); dan
 - f. Penamatan Kontrak dan *Bill Of Quantity* (BQ);

- ii. *Standard Operation Procedure (SOP)*
 - a. Prosedur Pemeriksaan, Penyeliaan dan Pemantauan kerja-kerja kutipan
 - b. Prosedur Siasatan dan Tindakan Aduan
 - c. Prosedur Arahan Kerja *Back-up* bagi kutipan domestik
 - d. Prosedur Pengambilalihan Penyelenggaraan Perkhidmatan Kutipan Domestik
 - e. Prosedur Penamatan Kontraktor Kutipan Sisa Domestik

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan kepada semua kampung baru berserta dengan projek dan nilainya masing-masing.
- b) Adakah kerajaan merancang untuk meningkatkan lagi peruntukan tahunan?

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun semasa 2015, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru. Sehingga 10 Ogos 2015, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM4,832,206.12 (Ringgit Malaysia: Empat Juta Lapan Ratus Tiga Puluh Dua Ribu, Dua Ratus Enam dan Sen Dua Belas Sahaja) dan pecahan senarai peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan kepada semua kampung baru berserta dengan projek dan nilainya masing-masing adalah seperti di Lampiran A.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa menjadikan kebajikan rakyat sebagai agenda utama dalam pentadbiran negeri. Merujuk kepada ucapan Y.A.B Dato' Menteri besar Selangor pada pembentangan belanjawan 2015 yang lalu, Kerajaan Negeri tuntas untuk menjadikan prinsip keadilan sosial sebagai teras dalam amalan pentadbiran. Menginsafi kemajmukan dan kerencaman masyarakat serta cabaran baru pada hari ini, Kerajaan Negeri mahu seluruh rakyat Selangor disantuni dan dipelihara kepentingannya dengan penuh tanggungjawab tanpa mengira ras, agama, faham politik dan gender.

Atas dasar itu, adalah hasrat Kerajaan Negeri untuk meningkatkan lagi peruntukan tahunan bagi tujuan pembangunan kampung baru agar pembangunan fizikal dan sosial di kampung-kampung baru ini seiring dan selari dengan kemajuan negara.

LAMPIRAN A**JUMLAH PERUNTUKAN YANG TELAH DILULUSKAN BAGI KAMPUNG BARU/BAGAN/TERSUSUN NEGERI
SELANGOR SEHINGGA OGOS 2015**

BIL	DAERAH	KAMPUNG	PROJEK	NILAI (RM)	AGENSI PELAKSANA
1	Petaling	Kampung Baru Seri Kembangan	Menggantikan 'stainless handrail' di jambatan Jalan SK 7/11	24,850.00	PDT Petaling
2	Gombak	Kampung Sungai Bakau	Kerja-kerja membina longkang U-Drain	190,000.00	PDT Gombak
		Kg Baru Sg Terentang	Kerja-kerja membaiki dan menaik taraf longkang bagi Lorong 5 dan Lorong 7 di Kg Baru Sg Terentang	82,275.00	
		Kg Desa Kuala Garing	Kerja membaiki dan menaik taraf longkang bagi kawasan perumahan di jalan DKG 1, Kg Desa, Kuala Garing	106,688.00	
		Kuala Garing Selatan	Kerja-kerja menurap semula jalan di Kg Kuala Garing selatan.	75,342.00	
		Kg Lee Kim Sai	Kerja-kerja menurap semula jalan dan membaiki serta menaik taraf longkang bagi jalan LKS, LKS 1, serta LKS 8/1 di kampung Lee Kim Sai	73,167.00	
		Kg Baru Kundang	Menaik taraf longkang di jalan ST1 dan ST3, Kg Baru Kundang	42,303.00	
		Kg Baru Kuang	Menaik taraf longkang di Kg Baru Kuang	47,750.00	
		Kg Baru Kuala Ampang	Kerja-kerja membaiki pulih Dewan JKKK Kg Baru Kuala Ampang	20,240.00	
		Kg Desa Aman	Membaiki pulih longkang yang rosak di jalan DA/6 Kg Desa	40,562.00	

			Aman		
		Kg Kepong Ulu	Kerja-kerja menyelenggara dan menaik longkang di Jalan 5A	31,360.00	PDT Gombak
			Kerja-kerja menyelenggara dan menaik taraf longkang di Jalan 7	19,963.00	
			Kerja-kerja menyelenggara dan menaik taraf longkang di Jalan 14	19,961.00	
		Kg Kuala Ampang	Cadangan membina dan menyiapkan papan tanda serta lain-lain kerja berkaitan di atas tanah rezab kerajaan di Jalan Awan Kg Kuala Ampang.	44,496.00	MPAJ
3	Klang	Bagan Pulau Ketam	Menggantikan "catwalk" kayu kepada konkrit dan pagar keselamatan di Jalan Tepi Jambatan Sg Satu.	213,976.64	PDT Klang
		Bagan Sungai Lima	Menggantikan "catwalk" kayu kepada konkrit dan pagar keselamatan di Kg Bagan Sg Lima (Jalan Selatan Tokong Hock Hai/1)	150,362.00	
		Bagan Hylam	Membaik pulih gelanggang bola keranjang di kg Bagan Hylam	66,182.00	
		Bagan Pulau Ketam	Kerja-kerja meroboh dan membina semula "catwalk" konkrit yang uzur serta memasang pagar keselamatan di Bagan Teochew	339,667.78	
4	Sepang	Kg Baru Seri Dengkil	Membina pintu gerbang	40,000.00	MPSP
			Membaik pulih balairaya JKKK	47,340.00	
			Membina papan tanda jalan di setiap lorong dan jalan di Kg	15,750.00	

			Seri Dengkil dalam dwi-bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Cina		MPSP
		Kg Baru Salak	Menaik taraf gelanggang bola keranjang terbuka kepada berbumbung	200,000.00	
5	Hulu Langat	Kg Kwan Ting Baru	Menaik taraf longkang di Kwan Tung Baru, Mukim Kajang	107,560.00	PDT Hulu Langat
			Menurap semula jalan di Lorong Kwan Tung 1	34,127.00	
		Kg Baru Bt 9, Cheras	Menaik taraf dan membaik pulih longkang di Jalan 3,4 dan 4A	157,270.00	
		Kg Baru Kenangan 18, Hulu Langat	Membina longkang baru "V-Shape" di Jalan Kenangan 12 (kira-kira 50 meter)	59,370.00	
			Membina longkang baru "V-Shape" di Jalan Kenangan 6 (kira-kira 150 meter)		
			Membina longkang baru di lorong belakang antara Jalan 5 dan Jalan 6 (kira-kira 150 meter) di Kg Sg Makau		
		Kg Baru Ampang	Menaik taraf longkang dan menurap semula Jalan 8 dan Jalan 10	32,124.00	
			Menaik taraf gelanggang bola keranjang	54,370.00	
Kg Baru Balakong	Kerja-kerja menaiktaraf longkang di Jalan KB 1/3, Jalan Pekan, Kg Baru Balakong dan kawasan sekitar serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.	150,700.00	MPKJ		
Kg Baru Batu 11, Cheras	Kerja-kerja menaiktaraf longkang Pekan Batu 11 Balakong dan kawasan sekitar serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.	161,000.00			
6	Kuala Langat	Kg Baru Tanjung Sepat Indah	Membina Pusat Kitar Semula	38,000.00	MDKL
7	Hulu Selangor	Kg Baru Damai	Membina Longkang uzur sedia ada dan kerja-kerja berkaitan di kg Baru Damai, Serendah	54,691.00	

		Kg Baru Stesyen, Hulu yam	Membina longkang konkrit di Lorong Pisang 2	36,506.00	PTD Hulu Selangor
		Kg Baru Asam Kumbang	Membaik pulih dan menaik taraf longkang jenis U-Shape	24,961.00	
		Kg Baru Sejantung	Menurap semula jalan dari rumah No 35 hingga kedai logam Nam Seng sepanjang 250 meter	19,900.00	
		Kg Baru Gurney	Membina longkang baru bagi menggantikan longkang uzur sedia ada dan kerja-kerja berkaitan di Kg Baru Gurney, Ulu yam Bharu	94,955.70	
		Kg Bukit Chandang	Menaik taraf dan menambah peralatan senaman untuk golongan dewasa di tapak permainan	27,000.00	MDHS
		Kg Baru Damai	Kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan gelanggang bola keranjang	32,750.00	
			Membaik pulih balairaya	40,425.00	
		Kg baru Air Panas Kerling	Mengubahsuai dan menaik taraf balairaya JKKK Kg Baru Air Panas Kerling, Kuala Kubu Bharu	108,700.00	
		Kg Stesyen Ulu Yam lama	Membaik pulih balairaya Kg Baru ulu Yam	58,600.00	
		Kg Sejantung Kalumpang	Membaik pulih dan menaiktaraf balairaya	57,800.00	
8	Kuala Selangor	Kg Baru Sri Bejantai	Membaik pulih longkang di lorong 4, Jalan Merdeka, Kg Baru Sri Bejantai	30,880.00	PDT Kuala Selangor
		Bagan Sg Tengkorak	Kerja-kerja merobohkan bangunan balai JKKK Bagan Sg Tengkorak	11,000.00	PDT Kuala Selangor
		Bagan Sg Kajang	Membina laluan selisish kenderaan di Jalan utama Kg Bagan Sg Kajang	35,379.00	
		Kg Baru Sri Bejantai	Membaik pulih sistem saliran dan pengairan dan membina bonggol jalan dari Jalan baru ke Jalan Kg Sri Berjantai	40,670.00	

		Bagan Sg Kajang	Membina pejalan kaki "catwalk" di kg Bagan Sg Kajang sepanjang 400 kaki dan 10 kaki lebar	171,425.00	MDKS	
		Bagan Sg Yu	Menggantikan pejalan kaki "catwalk" lama dengan "catwalk" konkrit di Bagan Sungai Yu	212,375.00		
		Kg Baru Ijok	Cadangan membina dan menyiapkan balairaya JKKK serta kerja-kerja berkaitan di Kg Baru Ijok, Bestari Jaya	235,038.00		
9	Sabak Bernam	Kg Baru Site B Sekinchan	Membekalkan pokok LED di Jalan Raden, Pekan Sekinchan	19,800.00	PDT Sabak Bernam	
			Membekalkan pokok LED di Jalan Bahagia, Pekan Sekinchan	19,800.00		
			Mbaiki pulih dan menaik taraf signboard pintu gerbang	13,950.00		
		Kg Baru Site A Sekinchan	Mbaiki pulih dan menaik taraf signboard pintu gerbang	13,950.00		
		Kg Baru site C Sekinchan	Mbaiki pulih dan menaik taraf signboard pintu gerbang	13,950.00		
		Bagan Teluk Rhu	Membina pintu gerbang	41,400.00		
		Sg Pulai	Mbaiki pulih Lorong 2 di seberang Bagan Sg Pulai sepanjang 500 meter	20,000.00		
		Bagan Sg Besar	Kerja-kerja membaiki pulih jalan premix sekitar balairaya JKKK Bagan Sg Besar	53,900.00		
		Bagan Sekinchan	Mbaiki pulih dan menaik taraf signboard pintu gerbang	19,450.00		
		Site B Sekinchan	Mbaiki pulih dan menaik taraf serta lain-lain kerja berkaitan di Dewan JKKK	37,100.00		MDSB
		Site C Sekinchan	Membina bumbung bola keranjang di kg Baru Site C Sekinchan	199,698.00		
		Bagan Nakhoda Omar	Membina bumbung gelanggang bola keranjang BNO	199,698.00		

		Bagan Sg Burung	Membina bumbung gelanggang bola keranjang awam di Bagan Sg Burung	199,698.00	
			JUMLAH	4,832,206.12	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : TABUNG PESAKIT KRONIK SELANGOR

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat tabungan untuk membantu pesakit kronik yang tidak berkemampuan untuk menjalani rawatan?
- b) Adakah kerajaan menetapkan sebarang nilai siling untuk rawatan susulan bagi pesakit kronik?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai program khusus seperti Tabung Untuk Membantu Pesakit Kronik yang tidak berkemampuan untuk menjalani rawatan. Namun, **Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor** Kerajaan Negeri telah membantu ramai pesakit termasuk pesakit kronik yang kurang bernasib baik dalam mendapatkan bantuan dan rawatan perubatan.

Berikut merupakan 10 jenis penyakit kronik tertinggi yang dirawat di hospital-hospital kerajaan di Negeri Selangor mengikut kategori "*International Stastical Classification of Diseases and Related Health Problems (ICD)*" dan kesemua penyakit ini meliputi penyakit-penyakit yang diberi bantuan di dalam **Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor**:-

BIL.	PERKARA	%KES	%KEMATIAN
1.	<u>Penyakit Paru-paru</u> I. Influenza II. Asthma	9.96	13.30
2.	<u>Penyakit jangkitan kuman</u> I. Leptospirosis II. Dengue Fever	9.00	26.75
3.	<u>Penyakit Kardiovascular</u>	7.17	18.44

	I. Serangan Jantung II. Penyakit arteri, arteriol dan kapilari		
4.	<u>Penyakit usus</u> I. Penyakit Hati II. Penyakit Apendiks III. Gangguan pundi hempedu, saluran biliary dan pankreas	5.00	4.40
5.	<u>Penyakit buah pinggang</u> - Penyakit yang memerlukan rawatan dialisis sepanjang hidup	4.73	2.88
6.	<u>Ketumbuhan dan barah</u> I. Kanser Payudara II. Kanser Paru-paru III. Kanser Rahim dan Ovari	4.18	13.74
7.	<u>Penyakit congenital</u> - Kecacatan semenjak dari lahir. Kecacatan pada Jantung (Congenital Heart Disease)	3.98	2.03
8.	<u>Penyakit metabolik</u> - Penyakit Kencing Manis (Daibetes)	3.31	1.21
9.	<u>Penyakit lemah tahap kesihatan</u> - Sistem Imuniti badan yang rendah seperti penyakit HIV atau sedang menerima rawatan Chemotherapy	2.95	0.34
10.	<u>Penyakit darah</u> I. Chronic Anaemia II. Thalessemia III. Leukemia	2.82	6.57

Sejak tahun 2012, Program ini telah membantu sebanyak 1,176 pesakit yang terdiri daripada pesakit buah pinggang, penyakit jantung yang memerlukan pembedahan segera, kanser dan penyakit metabolik yang memerlukan rawatan dialisis dan lain-lain rawatan.

Di antara bantuan yang di sediakan di bawah **Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor** ialah Dialisis, Katarak Mata, Pembedahan Kecil, Lain-lain Rawatan dan Kaki Palsu. Jumlah kelulusan adalah bergantung kepada permohonan dan had bantuan yang diluluskan yang menepati syarat-syarat bantuan dan baki peruntukan yang masih ada.

Oleh yang demikian, ingin saya jelaskan di sini bahawa Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor adalah untuk seluruh rakyat Negeri Selangor.

- b) Bagi tahun 2015, setiap penerima bantuan di bawah Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor boleh menerima bantuan rawatan terhad kepada RM5,000.00 setahun sahaja termasuk rawatan susulan bagi pesakit kronik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : SEKTOR PEMBUATAN

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Menurut Jabatan Perangkaan Negara pada tahun 2013, sektor pembuatan yang kebanyakannya adalah SME merupakan penyumbang ekonomi kedua terbesar di Selangor iaitu meliputi 32.8%. Apakah status sektor pembuatan pada tahun 2014?
- b) Senaraikan kawasan-kawasan industri pembuatan SME di Selangor mengikut daerah bagi tahun 2013-2015 (terkini).
- c) Apakah insentif yang diwujudkan Kerajaan Negeri dalam menggalakkan lagi pertumbuhan sektor SME di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Sektor pembuatan dianggarkan menyumbangkan 30.6% daripada KDNK Negeri Selangor pada tahun 2014.
- b) Terdapat 200 kawasan industri SME di Negeri Selangor. Ringkasan jumlah kawasan industri di Selangor mengikut daerah adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	PBT	Bilangan Kawasan Industri
1.	Sabak Bernam	Majlis Daerah Sabak Bernam	3
2.	Kuala Selangor	Majlis Daerah Kuala Selangor	6
3.	Hulu Selangor	Majlis Daerah Hulu Selangor	12
4.	Gombak	Majlis Perbandaran Selayang	39
		Majlis Perbandaran Ampang Jaya	9
5.	Klang	Majlis Perbandaran Klang	26

6.	Petaling	Majlis Bandaraya Shah Alam	26
		Majlis Bandaraya Petaling Jaya	14
		Majlis Perbandaran Subang Jaya	17
7.	Hulu Langat	Majlis Perbandaran Kajang	29
8.	Kuala Langat	Majlis Daerah Kuala Langat	13
9.	Sepang	Majlis Perbandaran Sepang	6
Jumlah Kawasan Industri			200

Senarai terperinci kawasan-kawasan mengikut daerah tahun 2013-2015 seperti di **Lampiran I**.

- c) Secara dasarnya pihak Kerajaan Negeri tiada menawarkan sebarang insentif atau ganjaran berbentuk kewangan kepada pelabur tempatan atau asing.

Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor berperanan sebagai mediator kepada pelabur untuk membantu firma dari melalui proses pelaburan bermula dari mengenalpasti tapak, menyelaras permohonan-permohonan kelulusan pembangunan serta membantu para pelabur menyelesaikan masalah yang dihadapi sama ada melibatkan pihak Kerajaan Negeri mahupun pihak Kerajaan Persekutuan.

Dalam membantu menyelesaikan isu pelaburan yang berbangkit, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Projek secara berkala setiap bulan yang dipengerusikan oleh YB Dato' EXCO bagi membincangkan permasalahan yang berbangkit dan membantu pihak pelabur untuk mempercepatkan proses penyelesaian dan proses pembangunan yang dicadangkan.

Lampiran I

Bil.	Daerah	PBT	Senarai Kawasan-Kawasan Industri
1.	Sabak Bernam	Majlis Daerah Sabak Bernam	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sekinchan Industrial Area 2. Sungai Besar 3. Sabak Bernam SMI Zone
2.	Kuala Selangor	Majlis Daerah Kuala Selangor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Suria Industrial Area, Kuala Selangor 2. SMI Industrial Area Kuala Selangor 3. Alam Jaya Industrial Park 4. Batang Berjantai Techno Industrial Park 5. Asahi Industrial Area 6. Kota Puteri Industrial Area
3.	Hulu Selangor	Majlis Daerah Hulu Selangor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kalumpang Ind. Area 2. Zurah Ind. Park, Rasa 3. Tengas Ind. Area, Hulu Yam Bharu 4. Kampong Perabut Ind. Area, Hulu Yam Bharu 5. MIEL Ind. Area, Batang kali 6. Selisek Ind. Area, Batang Kali 7. Batu 30 Ind. Area, Serendah 8. Sungai Choh Ind. Area 9. Kawasan Perindustrian Automotif, Serendah 10. Anugerah Suria Ind. Area, Sg. Choh 11. Bukit Beruntung Ind. Area 12. Bukit Sentosa Ind. Area
4.	Gombak	Majlis Perbandaran Selayang	<ol style="list-style-type: none"> 1) Rawang Perdana Industrial Park 2) Rawang Integrated Industrial Park

			<ol style="list-style-type: none">3) Rawang Indah Industrial Park4) Superbox Industrial Area5) Great Wall Plastic Industrial Area6) Belma Johan Industrial Area7) Chok San Industrial Area8) Rawang Hi-Tech Industrial Area9) Rawang Jaya Industrial Area10) Sri Hijau Industrial Area11) PKNS Industrial Park, Bt 1612) PKNS Industrial Park, Bt 2013) Greenpark Industrial Centre, Bt 2014) Greatyear Industrial Area15) Taman Velox, Rawang16) KRI Industrial Area17) Kundang Industrial Estate18) Teknologi Tinggi Industrial Area19) Selayang Utama Industrial Area20) Taman Bidara Industrial Area21) Prima Selayang Light Industrial Area22) Taman Selayang Baru Industrial Area23) Selayang Indah Industrial Area24) Bolton Industrial Area25) Sri Gombak Industrial Area26) Dolomite Industrial Area27) Sri Batu Caves Industrial Area
--	--	--	---

			<ul style="list-style-type: none"> 28) Batu Caves Industrial Area 29) Bukit Rahman Putra Industrial Park 30) Magilds (Karambunai) Industrial Area 31) Sungai Buloh Jaya Industrial Area 32) Kampung Jaya Industrial Area 33) Desa Aman Industrial Area 34) Taman Ehsan Industrial Area, Kepong 35) Sri Ehsan Industrial Area 36) Usaha Ehsan Industrial Area 37) Bukit Desa Industrial Area 38) KIP Industrial Area (Kepong) 39) Tago Industrial Park
		Majlis Perbandaran Ampang Jaya	<ul style="list-style-type: none"> 1. FIZ Hulu Kelang 2. Keramat AU3 Industrial Area (SMI) 3. Pandan Cahaya Light Industrial Area 4. Kampung Pandan SMI Area 5. Kampung Baru Ampang Tambahan Light Industrial Area (SMI) 6. Taman Kencana Light Industrial Area (SMI) 7. Pandan Indah Light Industrial Area (SMI) 8. Pandan Mewah Light Industrial Area (SMI) 9. Taman Tasek Tambahan Industrial Area (SMI)
5.	Klang	Majlis Perbandaran Klang	<ul style="list-style-type: none"> 1. Marine Industrial Park, Kapar 2. Batu 2 Industrial Area,

			<p>Jalan Kapar</p> <ol style="list-style-type: none">3. Sungai Kapar Indah4. Meru Industrial Area5. Pekan Meru Industrial Zone6. Able Link Industrial Park, Meru7. Meru Indah Industrial Park8. Sementa Industrial Zone9. Sungai Puloh Industrial Area, Klang Utama10. Klang Utama Industrial Area11. Bukit Raja Industrial Estate12. Sungai Rasa Industrial Area13. Taman Klang Jaya Industrial Area14. Sentosa Industrial Area15. Kg. Baru Industrial Area, Pandamaran16. Sobena Jaya Industrial Park, Pandamaran17. Land Pac Industrial Park, Pandamaran18. MIEL Industrial Area, Pandamaran19. Kampung Idaman Industrial Area20. Telok Gong Industrial Area21. Bandar Sultan Suleiman Industrial Area22. Selat Klang Utara Industrial Area23. Taiwanese Industrial Park24. Pulau Indah Industrial Park25. Port Klang Free Zone26. Selangor Halal Hub (Ph 1 & Ph 11)
--	--	--	--

6.	Petaling	Majlis Bandaraya Shah Alam	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hicom-Glenmarie Industrial Park (Sect. U1) 2. Temasya Industrial Park (Sect. U1) 3. Subang Square Industrial Park 4. Mah Sing Integrated Industrial Park (Sect. U5) 5. Saujana Indah Industrial Park 6. Bukit Jelutong Industrial Park (Sect. U8) 7. Kampung Baru Subang, (Sect. U3) 8. Batu Tiga Industrial Park, (Sect. U2) 9. Subang Perdana Light Industrial Park, (Sect. U3) 10. Kampung Baru Sungai Buloh 11. Dadimur Industrial Area 12. Bukit Raja Prime Industrial Park (Sect. 7) 13. Industrial Area (Sect. 15, 16, 17 & 24) 14. Lion Industrial Park(Sect.22 & 26) 15. MIEL Industrial Area, (Sect. 21 & 23) 16. AXIS Industrial Park (Sect. 25) 17. Hicom Industrial Estate (Sect. 26, 27, 28) 18. Sime UEP Industrial Park (Sect. 26) 19. Megah Indah Industrial Park (Sect. 27) 20. Kota Kemuning Industrial Park (Sect. 31) 21. Berjaya Industrial Park (Sect. 32)
----	----------	----------------------------	--

			<p>22. Shah Alam Technology Park (Sect. 33)</p> <p>23. Elite Industrial Park (Sect. 33)</p> <p>24. Alphine Industrial Park, (Sect. 34)</p> <p>25. Bukit Kemuning Industrial Park, (Sect. 34)</p> <p>26. AMJ Industrial Area (Sect. 36)</p>
		Majlis Bandaraya Petaling Jaya	<p>1) Section 13 Industrial Area (Jalan Bersatu)</p> <p>2) Section 19 Industrial Area</p> <p>3) Section 51 Industrial Area (Jalan Tandang)</p> <p>4) Section 51A Industrial Area, (Jalan 222)</p> <p>5) FIZ Sungai Way (SS 08)</p> <p>6) Taman Mayang Industrial Park (SS 25 & 26)</p> <p>7) Medan Maju Jaya, Batu 7 (PJS 1, 2)</p> <p>8) Taman Medan (PJS 3 & 4)</p> <p>9) Jalan Klang Lama (PJS 5)</p> <p>10) Jaya Industrial Park (PJU 2)</p> <p>11) Sunway Damansara Technology Park (PJU 5)</p> <p>12) Selangor Science Park 1, Kota Damansara (PJU 5)</p> <p>13) Sungai Buloh Industrial Area/Sg. Buloh Industrial Park (PJU 5)</p> <p>14) Sri Damansara Light Industrial Area (PJU 9)</p>
		Majlis Perbandaran Subang Jaya	<p>1. Subang Hi- Tech Industrial Park</p> <p>2. Sime UEP Industrial Park</p> <p>3. Bandar Sunway Industrial Park</p>

			<ol style="list-style-type: none"> 4. Subang Industrial Park / Sungai Penaga Industrial Park 5. Bukit Tandang Industrial Area 6. Kinrara Industrial Park (Sect. 1 & 2) 7. Bandar Bukit Puchong Industrial Area 8. Puchong Industrial Area (Sect.1) 9. Puchong Utama Industrial Area 10. Puchong Town Centre Industrial Area 11. Puchong Jaya Industrial Park 12. Maju Jaya Industrial Centre 13. Bukit Serdang Industrial Area (Sect. 7, 8 & 9) 14. Bukit Serdang Industrial Area (Sect. 14) 15. Serdang Jaya Industrial Area 16. Seri Kembangan Industrial Area 17. PKNS Seri Kembangan Industrial Area
7.	Hulu Langat	Majlis Perbandaran Kajang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bandar Baru Bangi, Industrial Area (Sect. 10) 2. Selaman Industrial Park, Bandar Baru Bangi. 3. MIEL Industrial Area, Bandar Baru Bangi, (Sect. 13) 4. SMI Park, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi 5. Sungai Tangkas Industrial Area, Kajang 6. Kampung Kwang Tong Industrial Area, Sungai Chua

			<ol style="list-style-type: none">7. Bukit Angkat Industrial Area, Sg. Chua8. Sri Jenaris Industrial Area9. Kajang Utama Industrial Area10. Cheras Jaya Industrial Estate11. Selesa Jaya Industrial Park, Cheras12. Mas Jaya Industrial Area, Cheras13. Balakong Jaya Industrial Park14. Balakong New Village Industrial Park15. Teras Balakong Industrial Area16. Taming Jaya Industrial Park17. Sg. Ramal/Balakong Industrial Area18. Villaraya Industrial Park, Semenyih19. Seri Haneco Industrial Area, Semenyih20. Mega Industrial Park, Bandar Teknologi Kajang21. Ria Industrial Area, Semenyih22. Kajang Jaya Industrial Area, Semenyih23. Bandar Kajang Technology Park24. Sungai Lalang Industrial Park, Semenyih25. Bandar Rinching Industrial Area, Beranang26. Bandar Tasik Kesuma Industrial Area, Beranang27. Mahkota Industrial Area, Beranang
--	--	--	--

			<ul style="list-style-type: none"> 28. Beranang Industrial Area 29. Kampung Sungai Tekali Industrial Area
8.	Kuala Langat	Majlis Daerah Kuala Langat	<ul style="list-style-type: none"> 1. FIZ Telok Panglima Garang 2. Telok Panglima Garang Industrial Zone Area 3. Kebun Bharu Industrial Area, Batu 9 4. Jenjarom (Taman Yayasan) Industrial Area 5. Jenjarom Light Industrial Area 6. Banting Industrial Area 7. Sungai Sedu Industrial Area 8. Taman Muhibbah Light Industrial Area 9. Bandar Sungai Emas Industrial Area 10. Bandar Baru Brookland Industrial Area 11. Olak Lempit Industrial Area 12. Olak Lempit Furniture Complex 13. Tanjung Sepat Industrial Area
9.	Sepang	Majlis Perbandaran Sepang	<ul style="list-style-type: none"> 1. Meranti Permai Industrial Park 2. Taman Mas Industrial Park 3. Meranti Jaya Industrial Park 4. Kosmopleks, Bandar Baru Salak Tinggi 5. Selangor Science Park II, Bukit Baja 6. Sepang Industrial Area, Batu 2
Jumlah Kawasan Industri			200

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

**TAJUK : TENDER PROJEK MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL) DARI
TAHUN 2013 HINGGA BULAN JULAI 2015**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan nama syarikat yang berjaya memperolehi tender projek MDKL dari Tahun 2013 hingga bulan Julai 2015.
- b) Sila asingkan mengikut DUN Sijangkang, Morib, Telok Datok dan Tanjong Sepat.
- c) Sila nyatakan jumlah kos yang berjaya memperolehi tender setiap projek.

JAWAPAN:

- a) Nama syarikat yang berjaya memperolehi tender projek MDKL dari Tahun 2013 hingga bulan Julai 2015 adalah seperti di lampiran.
- b) Jawapan seperti di lampiran.
- c) Jumlah kos yang berjaya memperolehi tender setiap projek adalah seperti di lampiran.

TAJUK : TENDER PROJEK MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL) DARI TAHUN 2013 HINGGA BULAN JULAI 2015

a) Sila nyatakan nama syarikat yang berjaya memperolehi tender projek MDKL dari 2013 hingga bulan Julai 2015

BIL	NO TENDER	TAJUK KERJA	TARIKH LANTIKAN	NAMA KONTRAKTOR	HARGA KONTRAK (RM)
1	MDKL/JPP/I:T:03/2013	Cadangan Membaikpulihan Bangunan Astaka Beserta Infrastruktur Berkaitan Di Stadium Jugra, Banting, Kuala Langat	18/12/2013	JFMA ENTERPRISE SDN BHD	1,459,522.00
46	SURAU AT TAQWA- IBADAH QURBAN	10.10.14	11561	1,750.00		28,537.20
47	fogging mesin	10.11.14	11866	5,200.00		23,337.20
48	BADAN ISLAM	29.10.14	11649	500.00		22,837.20
49	PERSATUAN KEBAJIKAN BLOK B	05.11.14	11672	1,000.00		21,837.20
50	PASTI AL IKHWAN DESA MENTARI	12.11.14	11698	1,000.00		20,837.20
51	PASTI AL IKHWAN DESA MENTARI- PRG HARI Keluarga	13.11.14	11714	7,000.00		13,837.20
52	masjid nurul ehsan- sumbangan cuti sekolah	02.12.14	11787	5,000.00		8,837.20
53	madrshah al hukmiah	02.12.14	12012	500.00		8,337.20
54	mbpj- sewa khemah	02.12.14	11919	495.00		7,842.20
55	mbpj- sewa khemah pastik Al Ikhwan	02.12.14	11919	620.00		7,222.20
56	bayar balik- hafazan	20.12.14	11885	2,200.00		5,022.20
57	bayar Balik- Komuniti Sejahtera	20.12.14	11884	2,000.00		3,022.20
58	Surau Muhajirin	20.12.14	11886	1,000.00		2,022.20
59	pasti pj selatan	20.12.14	11887	1,000.00		1,022.20
						1,022.20
						1,022.20
				79,177.80	19,800.00	1,022.20

PERBELANJAAN KERJA-KERJA -PUAN NORLIANA (2013)

ZON 22

BIL	JENIS PERBELANJAAN	TARIKH	NO. BAUCER	SOSIAL	PEMBANGUNAN BAYARAN	BAKI PERBELANJAAN
						100,000.00
1	sewa dewan SS7/28 - jamuan	15.02.13	9346	550.00		99,450.00
2	mbpj- sewa kemudahan	04.02.13	9314	710.00		98,740.00
3	pasti izzatul islamiyah	04.02.13	9317	3,000.00		95,740.00
4	pusat dakwah serantau	04.02.13	9316	1,000.00		94,740.00
5	IRA Suria Ent-memasang pagar baru SS7/28	06.03.13	9596		13340.00	81,400.00
6	Masjid dato Kamaruddin	04.02.13	9315	3,000.00		78,400.00
7	mbpj - sewa pokok	21.01.13	9287	265.00		78,135.00
8	mbpj- sewa pokok 19/01/13	30.01.13	9301	330.00		77,805.00
9	masjid nurul yaqin	20.02.13	9367	2,000.00		75,805.00
10	PASTI AL-IKHWAN	20.02.13	9368	2,000.00		73,805.00
11	IKRA	27.02.13	9395	3,000.00		70,805.00
12	PASTI AS SIDDIQ	27.02.13	9399	1,000.00		69,805.00
13	bayar balik-TBC	08.03.13	9430	6,098.00		63,707.00
14	Ssumbangan al hidayah	08.03.13	9427	2,000.00		61,707.00
15	sumbangan - masjid jumhuriyah	08.03.13	9426	2,000.00		59,707.00
16	DACS	27.02.13	9400	1,000.00		58,707.00
17	PASTI AR RAUDAH	13.03.13	9454	1,500.00		57,207.00
18	mbpj-sewa pokok	12.03.13	9442	165.00		57,042.00
19	MBPJ- SEWA PERALATAN	13.03.13	9453	85.00		56,957.00
20	MBPJ- SEWA PERALATAN MASJID NURUL YAQIN	13.03.13	9453	370.00		56,587.00
21	MBPJ- SEWA PERALATAN BICARA BERSAMA SELIBRITI	13.03.13	9453	125.00		56,462.00
22	Bayar balik- kerja-kerja membina Papan Tanda	27.03.13	9511	4,000.00		52,462.00
23	mbpj- sewa dewan PJS	27.03.13	9510	330.00		52,132.00
24	pertubuhan nisa300.	05.04.13	9545	1,000.00		51,132.00
25	mbpj -sewa padang	05.04.13	9544	300.00		50,832.00
26	MBPJ- SEWA PERALATAN	05.04.13	9520	250.00		50,582.00
27	mbpj- sewa pokok24.05.13	28.05.13	9636	165.00		50,417.00
28	PASTI Islamiyah	10.06.13	9668	2,500.00		47,917.00
29	IKRA- TAMAN MEDAN-SUMBANGAN	10.06.13	9667	2,500.00		45,417.00
30	PASTI AS SIDDIQ-HARI GURU	10.06.13	9666	1,000.00		44,417.00

31	SURAU AT TAQWA	04.07.13	9751	1,000.00		43,417.00
32	MASJID JUMHURIYAH	04.07.13	9750	500.00		42,917.00
33	SUMBANGAN - PA SISTEM	04.07.13	9749	8,950.00		33,967.00
34	pasti al ikhwan	16.07.13	9787	1,000.00		32,967.00
35	ikwan	19.07.13	9827	3,000.00		29,967.00
36	suaram	16.07.13	9788	1,500.00		28,467.00
37	sm thafiz			300.00		28,167.00
38	BAYAR BALIK	17.07.13	9815	4,900.00		23,267.00
39	bayar balik-program ehwa	01.08.13	9918	1,990.00		21,277.00
40	persatuan alumni sek men keb taman datuk harun	02.09.13	10007	500.00		20,777.00
41	mbpj sewa pokok hiasan & dewan			1,065.00		19,712.00
42	Bayar balik- hari raya	05.09.13	10028	9,105.50		10,606.50
43	SUMBANGAN PASTI PROGRAM SANTAI	05.09.13	10027	1,000.00		9,606.50
44	ALFIRAS CATERING-IKWAN	02.10.13	10123	3,470.00		6,136.50
45	IKATAN WANITA DAERAH PETALING(IKWAN)	07.11.13	10248	2,500.00		3,636.50
46	PERSATUAN KEBAJIKAN MUSLIMAH SAIDATUL (PKIMSA)	07.11.13	10256	500.00		3,136.50
47	pertubuhan nisa	07.11.13	10250	500.00		2,636.50
48	PASTI AR RAUDAH	02.12.13	10373	800.00		1,836.50
49	BAYAR BALIK- KHEMAH	07.11.13	10247	1,000.00		836.50
50	PASTI AL -IKHWAN	07.11.13	10249	800.00		36.50
51						36.50
52						36.50
				86,623.50	13340.00	36.50

PERBELANJAAN KERJA-KERJA - JEYASALEEN (2013)

ZON 19

BIL	JENIS PERBELANJAAN	TARIKH	NO. BAUCER	SOSIAL	PEMBANGUNAN BAYARAN	BAKI PERBELANJAAN
						100,000.00
1	MBPJ - SEWA DEWAN	21.01.13	9287	400.00		99,600.00
2	MEDAN KEMBARA- LALUAN TANGGA FLAT SEK 22	22.03.13	9629		19,950.00	79,650.00
3	MEDAN KEMBARA- kerusi rehat pondok RT	29.03.13	9621		5,000.00	74,650.00
4	poh toh SS 2	06.02.13	9322	2,000.00		72,650.00
5	MEDAN KEMBARA- ALAT PERMAINANA TAMAN 22/ 45	29.03.13	9641		19,930.00	52,720.00
6	SEWA DEWAN	15.02.13	9346	100.00		52,620.00
7	SEWA DEWAN MBPJ- JLN MEDAN 12			135.00		52,485.00
8	mbpj - SEWA DEWAN SS9a/1	08.03.13	9432	250.00		52,235.00
9	mbpj - SEWA DEWAN SS9a/1(perayaan Ponggal)	08.03.13	9432	212.50		52,022.50
10	MBPJ- SEWA PERALATN	21.03.13	9477	290.00		51,732.50
11	MBPJ- SEWA PERALATAN T/B C	21.03.13	9477	777.50		50,955.00
12	TELEKOM- (JAN)	05.03.13	9416	86.92		50,868.08
13	TELEKOM- (FEB)	26.03.13	9490	46.88		50,821.20
14	sewa dewan	12.04.13	9565	387.50		50,433.70
15	sewa khemah	12.04.13	9565	35.00		50,398.70
16	TEL MAC	29.05.13	9639	30.74		50,367.96
17	TEL APRIL	05.06.13	9652	21.78		50,346.18
18	PEMBINAAN HELMY-KERANGKA BUMBUNG 22/32	02.08.13	10178		19,730.00	30,616.18
19	PEMBINAAN HELMY- MEMBINA PAGAR FLAT SERI AMAN	28.08.13	10185		18,925.40	11,690.78
20	SUMBANGAN- JAWATANKUASA RT SEK 20A	02.08.13	9920	3,000.00		8,690.78
21	MBPJ- SEWA KEMUDAHAN	28.06.13	9719	256.00		8,434.78
22	SURAU ADDINIAH	19.07.13	9831	1,000.00		7,434.78
23	INDIPENDENT LIVING	22.07.13	9839	1,000.00		6,434.78
24	KELAB SAHABAT	22.07.13	9840	2,000.00		4,434.78
25	TEL- MEI	16.07.13	9807	55.00		4,379.78
26	mbpj- wang kenderaan	20.08.13	9960	871.80		3,507.98
27	TEL- JULAI 13	13.09.13	10047	209.90		3,298.08
28	TEL- OGOS	19.09.13	10064	125.74		3,172.34
29	MBPJ- SEWA PERALATAN JKRT	26.09.13	10101	271.00		2,901.34
30	PERSATUAN PENDUDUK - SEWA KHEMAH	25.09.13	10094	765.00		2,136.34

31	mbpj- sewa dewan	25.10.13	10213	625.00		1,511.34
32	mbpj- sewa dewan-7/11	29.10.13	10216	625.00		886.34
33	TEL- SEPT	19.11.13	10316	153.02		733.32
34	TEL -OKT			111.82		621.50
	TEL -NOV / DIS			185.44		436.06
	bayar balik - piala pj	31.12.13	10665	220.00		216.06
				16,248.54	83,535.40	216.06

PERBELANJAAN KERJA-KERJA -IR TIONG BOON KEONG / CHONG (2013)

ZON 20

BIL	JENIS PERBELANJAAN	TARIKH	NO. BAUCER	SOSIAL	PEMBANGUNAN BAYARAN	BAKI PERBELANJAAN
						100,000.00
1	SEK KAFA AL- HIDAYAH	08.02.13	9338	2,295.00		97,705.00
2	JKKK (KG BARU SERI SETIA)	20.02.13	9369	5,000.00		92,705.00
3	MASJID AL HIDAYAH	21.03.13	9449	1,000.00		91,705.00
4	PERSATUAN PENDUDUK KG TUNKU	24.04.13	9593	2,000.00		89,705.00
5	Sykt Jasa - kerosakan dewan SS 1/ 19				19,820.00	69,885.00
6	bayar balik-sewa dewan komuniti	26.06.13	9708	1,200.00		68,685.00
7	POH TOH TAMAN MEGAH	18.12.13	10497	6,000.00		62,685.00
8	JAWATANKUASA RT SS20	18.12.13	10496	2,000.00		60,685.00
9	KARYANA- CHARITY (TONY)	10493	10493	7,000.00		53,685.00
10	PERSATUAN PENGANUT DEWA SAB JIAO	31.12.13	10549	2,000.00		51,685.00
11	LEMBAGA PENGURUS SJK © SUNGAI WAY	31.12.13	10584	2,000.00		49,685.00
12	PERSATUAN KEBAJIKAN PENDUDUK TAMAN SUBANG	31.12.13	10582	2,000.00		47,685.00
13	PAKATAN KEBAJIKAN ISLAM KG TUNKU	31.12.13	10587	2,000.00		45,685.00
14	PERSATUAN AGAMA BUDDHA GUANG , TMN UNIV	31.12.13	10558	2,000.00		43,685.00
15	PERTUBUHAN IBU TUNGGAL SEMARAK KASIH	31.12.13	10583	2,000.00		41,685.00
16	PERSATUAN PENDUDUK SS 1	31.12.13	10586	2,000.00		39,685.00
17	PUSAT JAGAAN SUMBER KAIROS	31.12.13	10579	2,000.00		37,685.00
18	PERSATUAN PENGANUT DEWA KAM YING	31.12.13	10578	2,000.00		35,685.00
19	SUNGAIN WAY YOUTH CLUB	31.12.13	10577	2,000.00		33,685.00
20	PERSATUAN TARIAN NAGA DAN SINGA	31.12.13	10590	2,000.00		31,685.00
21	RUMAH ORANG-ORANG TUA SERI SETIA	31.12.13	10561	2,000.00		29,685.00
22	PERSATUAN BARAH SELANGOR DAN W/PERSEKUTUAN	31.12.13	10589	2,000.00		27,685.00
23	PERSATUAN RUMAH BERHALA LENG ENG TIAN SG WAY	31.12.13	10585	2,000.00		25,685.00
24	PER RUMAH BERHALA LENG ENG TIAN SG WAY-WANITA	31.12.13	10575	2,000.00		23,685.00
25	rumah berhala- tanglung	31.12.13	10603	16,000.00		7,685.00
26	PERSATUAN TARIAN NAGA DAN SINGA	31.12.13	10611	1,600.00		6,085.00
27	RUMAH ORANG-ORANG TUA SERI SETIA	31.12.13	10613	3,000.00		3,085.00
28	PERTUBUHAN IBU TUNGGAL SEMARAK KASIH	31.12.13	10612	3,000.00		85.00
						85.00
				80,095.00	19,820.00	85.00

PERBELANJAAN KERJA-KERJA -HJ. GHAZALI BIN DAUD (2013)

ZON 21

BIL	JENIS PERBELANJAAN	TARIKH	NO. BAUCER	SOSIAL	PEMBANGUNAN BAYARAN	BAKI PERBELANJAAN
						100,000.00
1	ameeran resources - penutup longkang ss 6	22.04.13	9934		14,758.00	85,242.00
2	bayar balik- pejabat	01.02.13	9307	2793.00		82,449.00
3	konstrium global- menurap primax SS5D	28.03.13	9660		17,935.00	64,514.00
4	sumbangan- Pusat dakwah serantau	26.02.13	9381	1,000.00		63,514.00
5	bayar balik- peralatan meja	05.03.13	9418	2,124.00		61,390.00
6	sri kayangan- membaiki longkang	01.03.13	9470	4,400.00		56,990.00
7	PROGRAM -smart camp	02.04.13	9521	4,018.10		52,971.90
8	MBPJ- SEWA DEWAN	02.04.13	9520	359.00		52,612.90
9	bayar baik- peralatan pejabat	04.04.13	9543	79.60		52,533.30
10	mbpj- sewa khemah	11.07.13	9772	123.50		52,409.80
11	SRI KENANGAN- MEMBAIKI LONGKANG SS 5D/11	15.10.13	10632		17,768.00	34,641.80
12	ZIZI CATERING- -DAMBANG RAMADAN	15.08.13	9965	6,500.00		28,141.80
13	BAYAR BALIK- SEWA TOND SAMPAH	16.07.13	9810	340.00		27,801.80
14	Bayar Balik- Iftar Ramadhan	25.07.13	9874	800.00		27,001.80
15	bayar Balik- tabung haji	25.07.13	9874	850.00		26,151.80
16	zizi CATERING- -iftar RAMADAN surau ss 5d	25.07.13	9905	800.00		25,351.80
17	zizi CATERING- -iftar RAMADAN surau ss 5 a	25.07.13	9905	800.00		24,551.80
18	zizi CATERING- -iftar RAMADAN surau kastam	19.07.13	9905	800.00		23,751.80
19	zizi CATERING- -iftar RAMADAN dewan SS6/1	05.07.13	9894	750.00		23,001.80
20	PER. PERUBATAN ISLAM	16.08.13	9945	500.00		22,501.80
21	MBPJ- sewa peralatan	26.08.13	9966	397.50		22,104.30
22	pusat wanita	02.09.13	10010	1,000.00		21,104.30
23	sk men keb kelana jaya	03.09.13	10019	500.00		20,604.30
24	self mastery academy	02.09.13	10011	1,870.00		18,734.30
25	Bayar Balik-- PA Sistem	03.09.13	10017	500.00		18,234.30
26	bayar balik- peralatan pejabat	20.09.13	10076	1,685.10		16,549.20
27	PIBG SK KELANA JAYA	20.09.13	10077	700.00		15,849.20
28	MBPJ- HARI MALAYSIA	20.09.13	10071	405.00		15,444.20
29	mbpj- sewa peralatan	03.10.13	10126	910.00		14,534.20
30	MBPJ- SEWA POKOK HIASAN	08.11.13	10280	165.00		14,369.20

31	MBPJ- PIBG SK KELANA JAYA	08.11.13	10280	230.00		14,139.20
32	mukmin dinamik resources	14.11.13	10300	4,930.00		9,209.20
33	karnival sukan futsal	28.11.13	10361	1,000.00		8,209.20
34	MBPJ- SEWA KEMUDAHAN 23/11/13	28.11.13	10365	365.00		7,844.20
35	BAYAR BALIK- SUMBANGAN DEEPAVALI PJS 7			700.00		7,144.20
36	BAYAR BALIK -SUMBANGAN DEEOAVALI SS 5A	05.12.13	10383	3,158.10		3,986.10
37	BAYAR BALIK- CERAMAH PERDANA	12.12.13	10443	1,350.00		2,636.10
	BAYAR BALIK- PERALATAN PEJABAT	17.12.13	10489	55.45		2,580.65
	mbpj- sewa peralatan 02.12.13 motivasi			380.00		2,200.65
						2,200.65
						2,200.65
				47,338.35	50,461.00	2,200.65

PERBELANJAAN KERJA-KERJA -AZRI MOHAMAD ARISH (2013)

ZON 23

BIL	JENIS PERBELANJAAN	TARIKH	NO. BAUCER	SOSIAL	PEMBANGUNAN BAYARAN	BAKI PERBELANJAAN
						100,000.00
1	sumbangan- maulid rasul Pusat Komuniti Wanita Seri Setia	01.02.13	9299	500.00		99,500.00
2	sumbangan- Pertubuhan amal prihatin selangor	01.02.13	9313	2,000.00		97,500.00
3	sumbangan - Masjid Datuk kamaruddin	06.02.13	9331	3,000.00		94,500.00
4	bayar balik- perbelanjaan pejabat	06.02.13	9330	507.10		93,992.90
5	Pusat dakwah serantau	21.01.13	9788	3,000.00		90,992.90
6	Pusat Penduduk SS9	22.01.13	9293	4,000.00		86,992.90
7	mbpj-sewa dewan	13.02.13	9341	600.00		86,392.90
8	TADIKA ISLAM AL-HIDAYAH	19.02.13	9359	4,000.00		82,392.90
9	PERSATUAN PENDUDUK SS9	19.02.13	9358	5,000.00		77,392.90
10	MBPJ- PERALATAN- 16/2/2013	28.02.13	9406	380.00		77,012.90
11	MBPJ- PERALATAN- 3/2/2013	28.02.13	9406	235.00		76,777.90
12	PERJUMPAAN BERSAMA PENDUDUK	28.02.13	9405	320.00		76,457.90
13	PERSATUAN PENDUDUK SS9	28.02.13	9404	3,000.00		73,457.90
14	surau al ikhlas- sumvbangan	19.03.13	9473	1,000.00		72,457.90
15	bayar balik- perbelanjaan pejabat	19.03.13	9472	950.00		71,507.90
16	bayar balik- perbelanjaan pejabat	19.03.13	9472	121.90		71,386.00
17	Aznur barakah- membina tembok di ss8/8	18.07.13	10059		8,200.00	63,186.00
18	bayar baik- mesra rakyat - kesyukuran	22.05.13	9628	2,840.00		60,346.00
19	mbpj sewa dewan	13.06.13	9678	400.00		59,946.00
20	mbpj sewa dewan	13.06.13	9678	150.00		59,796.00
21	surau- al-ikhlas sek 19	04.07.13	9748	2,000.00		57,796.00
22	IKRA PJS 2D	04.07.13	9746	1,000.00		56,796.00
23	bayar balik- perbelanjaan alat komputer	4.07.13	9747	289.00		56,507.00
24	MASJID RAMADHAN	16.07.13	9798	1,500.00		55,007.00
25	SURAU AL QUDDUS	16.07.13	9797	1,000.00		54,007.00
26	MADRASATUL ISLAMIAH	16.07.13	9796	1,000.00		53,007.00
27	PERSATUAN PENDUDUK SS9	16.07.13	9804	1,500.00		51,507.00
28	YAYASAN AMAL MALAYSIA	24.07.13	9862	3,000.00		48,507.00
29	MASJID AL HIDAYAH	16.07.13	9795	3,000.00		45,507.00
30	PUSAT DAKWAH SERANTAU	16.07.13	9794	2,000.00		43,507.00

31	PER. PENDUDUK SS8/8	23.07.13	9852	1,000.00			42,507.00
32	BAYAR BALIK-BANNER /STICKER	16.07.13	9793	830.00			41,677.00
33	MBPJ- SEWA PERALATAN	16.07.13	9792	88.50			41,588.50
34	AHMAD FOOD	02.07.13	9806	5,250.00			36,338.50
35	MBPJ- SEWA POKOK	01.07.13	9733	165.00			36,173.50
36	MBPJ- SEWA PERALATAN	24.07.13	9857	88.50			36,085.00
37	SUZ COLLECTION- SEWA KHEMAH DAN LAIN	10.05.13	9837	880.00			35,205.00
38	srk agama kafa ar ramah	19.07.13	9830	1,700.00			33,505.00
39	SUARU ADDINIAH	19.07.13	9833	1,500.00			32,005.00
40	PARALATAN PEJABAT	19.07.13	9834	243.50			31,761.50
41	Bayar balik- perbelanjaan RAMADHAN	16.07.13	9813	927.95			30,833.55
42	PER. BOMBA	31.07.13	9914	2,500.00			28,333.55
43	PUSAT WANITA BERDAYA	31.07.13	9913	1,500.00			26,833.55
44	BAYAR BALIK- KAD UCAPAN TBC	29.07.13	9896	480.00			26,353.55
45	bayar balik- khatam quran	29.07.13	9893	3,266.70			23,086.85
46	mkbpj -sewa peralatan	11.09.13	9957	327.50			22,759.35
47	BAYAR BALIK- TAJAAN 5 ORANG	05.08.13	9926	250.00			22,509.35
48	MBPJ- SEWA DEWAN	14.08.13	9937	250.00			22,259.35
49	Bayar balik- perbelanjaan hari raya	02.09.13	10009	5,112.00			17,147.35
50	bayar balik- baiki peralatan	02.09.13	10006	500.00			16,647.35
51	# IKATAN	20.09.13	10079	1,200.00			15,447.35
52	PERSAT. PENDUDUK SS 9	20.09.13	10080	2,000.00			13,447.35
53	PERSAT. PENDUDUK SS 9- sambutan merdeka	02.09.13	10005	1,000.00			12,447.35
54	MBPJ- sewa peralatan	13.09.13	10049	91.50			12,355.85
55	MBPHJ- SEWA KHEMAH 7/9	02.09.13	10006	970.00			11,385.85
56	MBPJ- SEWA PERALATAN 7/9	13.09.13	10058	151.50			11,234.35
57	PERSATUAN PENDUDUK SS9	03.10.13	10129	2,000.00			9,234.35
58	BAYAR BALIK- TONER / AIS KRIM	03.10.13	10125	1,665.00			7,569.35
59	PERSATUAN PENDUDUK SS9	25.10.13	10207	1,500.00			6,069.35
60	PEMBERSIHAN PEJABAT AHLI MAJLIS BULAN 9&10/2013	11.11.13	10275	600.00			5,469.35
61	mbpj- sewa petak	18.11.13	10314	1,386.00			4,083.35
62	MBPJ- SEWA DEWAN	27.11.13	10347	4,067.50			15.85
				91,784.15	8,200.00		15.85

PERBELANJAAN KERJA-KERJA -AZMAN BIN YUSUF (2013)

ZON 24

BIL	JENIS PERBELANJAAN	TARIKH	NO. BAUCER	SOSIAL	PEMBANGUNAN BAYARAN	BAKI PERBELANJAAN
						100,000.00
1	PEARL VIOLET ENT- Khemah/kerusi BBQ SAMA PARLIMEN	30.01.13	9363	1,820.00		98,180.00
2	CAHAYA KEJAYAAN ENT- HAMPER	30.01.13	9366	800.00		97,380.00
3	UNIQUE INC SERVICE 9506/ 14.02.13	11.04.13	9506	17,900.00		79,480.00
4	PRIM ASIA- PA SISTEM FUTSAL ANAK MUDA	20.02.13	9504	1,000.00		78,480.00
5	PRIM ASIA- JAMUAN FUTSAL ANAK MUDA	20.02.13	9503	1,000.00		77,480.00
6	PRIM ASIA- HADIAH FUTSAL ANAK MUDA	20.02.13	9502	5,000.00		72,480.00
7	SALURAN NILAI SDN BHD-BBQ SANTAI BERSAMA RAKYAT	25.01.13	9507	5,000.00		67,480.00
8	surau al-hidayah	29.03.13	9514	500.00		66,980.00
9	KSDK- SEPAK TAKRAW	29.03.13	9517	500.00		66,480.00
10	MBPJ- SEWA DEWAN	29.03.13	9516	165.00		66,315.00
11	KOMPAS EMAS- SANTAI PEMUDA DIMASJID AL HUSNA	15.03.13	9588	6,670.00		59,645.00
12	QAIRO RESOURCES	15.02.13	9586	2,000.00		57,645.00
13	KSDK- BAJU HARI KELUARGA	15.03.13	9587	2,000.00		55,645.00
14	BAYAR BALIK- HAMPER MASJID AL HUSNA	23.04.13	9589	1,750.00		53,895.00
15	AMIR CAHAYA ZIARAH RAKYAT ZON 24	25.02.13	9585	1,500.00		52,395.00
16	TEL- MAC	29.05.13	9639	157.78		52,237.22
17	TEL APRIL	05.06.13	9652	33.74		52,203.48
18	BAYAR BALIK- HAMPER	30.07.13	9904	5,000.00		47,203.48
19	MASJID AL HUSNA	30.07.13	9901	300.00		46,903.48
20	SURAU AL UKUWAH	30.07.1	9902	300.00		46,603.48
21	SURAU AL MUSTAQIM	30.07.13	9903	300.00		46,303.48
22	bayar balik- Hari ibu	20.08.13	9962	1,650.00		44,653.48
23	Bayar balik-face to face baju	20.08.13	9962	1,800.00		42,853.48
24	nff sejati- face to face baju makan	27.06.13	9961	1,000.00		41,853.48
25	nff sejati- face to face hari ibu	04.07.13	9961	1,300.00		40,553.48
26	nms - sewa khemah	20.03.1	9963	1,502.50		39,050.98
27	NFF sejati Ent- makan gotong royong	27.06.03	9961	850.00		38,200.98
28	TEL- JULAI	25.08.13	10032	181.75		38,019.23
29	tel-OGOS	19.09.13	10064	202.94		37,816.29
30	SURAU AL-ISTIQAMAH DESA MENTARI- korban	02.10.13	10119	6,680.00		31,136.29

31	tel sept	07.10.13	10126	500.00		30,636.29
32	BAYAR BALIK- PROGRAM KEMERDEKAAN	18.10.13	10186	3,900.00		26,736.29
33	BAYAR BALIK- PROGRAM HARI RAYA	18.10.13	10186	4,400.00		22,336.29
34	BAYAR BALIK- -PROGRAM HARI RAYA BLOK 5 D. MENTARI	18.10.13	10186	3,355.00		18,981.29
36	BAYAR BALIK- KHEMAH	07.11.13	10246	705.00		18,276.29
37	BAYAR BALIK- - JAMUAN KRT B LOK 4	21.11.13	10325	3,000.00		15,276.29
38	BAYAR BALIK- SUMBANGAN T-SHIRT	07.11.13	10246	2,310.00		12,966.29
39	TEL SEPT	19.11.13	10316	824.20		12,142.09
40	BAYARA BALIK- PER. PENDUDUK	04.12.13	10388	3,850.00		8,292.09
42	BAYAR BALIK- DEEPAVALI blok 5	04.12.13	10388	6,650.00		1,642.09
43	sumbangan- persatuan penduduk Tmn Subang Indah	13.12.13	10467	500.00		1,142.09
	tel oktober	11.12.13	10404	440.46		701.63
						701.63
				99,298.37	-	701.63

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PENGURUSAN KOLAM IKAN

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan membantu menanggung caj penggunaan air bumi oleh pihak LUAS kepada pengusaha kolam ikan?
- b) Apakah skim yang boleh membantu mereka?

JAWAPAN:

- a) Sumber air dikawal selia oleh LUAS berdasarkan peruntukan-peruntukan yang berkaitan di dalam Enakmen LUAS 1999. Tanggungjawab LUAS adalah kawalan terhadap apa-apa aktiviti yang menggunakan sumber air bagi memastikan kuantitinya mencukupi bagi semua sektor dan kualitinya yang baik untuk digunakan. Melalui kelulusan Kerajaan Negeri, pengenaan lesen dan caj abstraksi sumber air ini dilaksanakan sebagai salah satu langkah untuk mengawal penggunaan sumber air yang lebih optima di semua peringkat dan kelangsungannya untuk masa-masa akan datang.

Pengusaha kolam ikan perlu menanggung caj penggunaan sumber air (sama ada air permukaan atau air bumi) bagi aktiviti akuakultur selaras dengan peruntukan Seksyen 44(1) yang menggariskan; 'Lembaga adalah antara lain diberikan kuasa perundangan untuk mengenakan caj ke atas penggunaan, abstraksi, pengeluaran, pembuangan, penyaliran, pelencongan dan pengepungan air atau sumber lain'.

- b) Buat masa ini tiada skim yang disediakan. Walau bagaimanapun, LUAS membantu dari segi nasihat teknikal seperti kesesuaian lokasi, ujian telaga dan juga kapasiti pengepaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : TABUNG PEMBERDAYAAN WANITA

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah perbelanjaan yang digunakan dari tahun 2008 hingga kini?
- b) Berapakah jumlah yang mendapat manfaat daripada tabung tersebut mengikut umur dan kaum?

JAWAPAN:

(a) dan (b)

Sebagai makluman, tiada sebarang Tabung Pemberdayaan Wanita disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Namun begitu, Kerajaan Negeri Selangor menyediakan peruntukan pembangunan secara tahunan berjumlah RM1,000,000.00 di bawah vot P01-07013 Program Pemberdayaan Wanita dan Keluarga bagi melaksanakan program-program yang memberi manfaat dan penglibatan semua lapisan golongan wanita melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : RANCANGAN MALAYSIA KE-11 (RMK-11) NEGERI SELANGOR

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan projek-projek dan nilainya di Selangor berdasarkan RMK-11?
- b) Sejauh manakah impak projek tersebut kepada pembangunan sosioekonomi Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Negeri Selangor adalah tempoh pelaksanaan projek pembangunan bagi tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2016 sehingga tahun 2020. Penyediaan RMKe-11 Negeri Selangor akan tertumpu pada agenda untuk merencanakan pertumbuhan pembangunan di Negeri Selangor menjelang tahun 2020 dengan menitikberatkan objektif dan sasaran Kerajaan Negeri berpandukan kepada Pelan Halatuju Pembangunan RMKe-11 Negeri Selangor.

Bagi maksud tersebut, dianggarkan sejumlah **RM7 billion** akan peruntukan bagi pelaksanaan projek pembangunan jabatan-jabatan di bawah Kerajaan Negeri diperlukan bagi RMKe-11 Negeri Selangor.

Semua permohonan projek pembangunan RMKe-11 yang dikemukakan oleh jabatan hanya layak dipertimbangkan dan diberi keutamaan disenaraikan dalam RMKe-11 Negeri Selangor sekiranya permohonan tersebut mengandungi kriteria dan keperluan perkara berikut:

- (i) projek sambungan RMKe-10;
- (ii) ringkasan lengkap projek (bagi projek baru); dan
- (iii) menepati Pelan Halatuju Pembangunan RMKe-11 Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor juga menolak permohonan perbelanjaan pembangunan yang bersifat operasi seperti pembinaan bangunan pejabat baru. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri akan memberi lebih tumpuan terhadap pelaksanaan projek-projek pembangunan yang mempunyai nilai tambah (*value added*) dari segi penjanaan ekonomi.

b) Berdasarkan Pelan Halatuju Pembangunan RMKe-11 Negeri Selangor tersebut juga dijangka akan memberi impak sosioekonomi kepada rakyat di Negeri Selangor berasaskan visi seperti berikut:

- (i) Teknologi dan infrastruktur moden dan terkini;
- (ii) Modal insan berkemahiran tinggi;
- (iii) Pertumbuhan ekonomi yang mampan dan seimbang;
- (iv) Merencanakan pelaburan dan perniagaan di Negeri Selangor;
- (v) Penyampaian perkhidmatan awam ke arah pembangunan komuniti kelas pertama; dan
- (vi) Perumahan mampan dalam persekitaran kondusif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : MAJLIS PECAH TANAH RUMAH SELANGORKU

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lokasi dan tarikh Majlis Pecah Tanah Rumah SelangorKu yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri?
- b) Nyatakan secara terperinci lokasi, jumlah unit dan jangkamasa pembinaan Rumah SelangorKu?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Ogos 2015, terdapat 10 projek yang melibatkan 24,181 unit Rumah Selangorku telah dibuat Majlis Pelancaran dan Pecah Tanah yang disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor. Senarai lokasi dan tarikh majlis tersebut adalah seperti berikut :

BIL	PEMAJU	LOKASI/ DAERAH	PROGRAM (TARIKH)
1.	Sime Darby Property (Klang) Sdn. Bhd.	Bukit Raja, Mukim Kapar, Klang	Pelancaran & Pendaftaran Pembeli Rumah Selangorku 20.03.2015
2.	Bandar Rimbayu Sdn. Bhd.	Bandar Rimbayu, Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat.	Pelancaran & Pendaftaran Pembeli Rumah Selangorku 22.03.2015
3.	Gemilang Waras Sdn. Bhd.	Bandar Bukit Tinggi 2, Mukim Klang, Klang.	Majlis Pecah Tanah & Pendaftaran Pembeli Rumah Selangorku 28.03.2015
4.	Gabungan Efektif Sdn. Bhd.	Bandar Parkland, Mukim Klang, Klang.	

5.	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd.	Taman Alam Budiman, Seksyen U10, Shah Alam, Petaling	Majlis Penyerahan Surat Tawaran 5.4.2015
6.	Selaman Sejati Sdn. Bhd	Jalan Rusa, Mukim Klang, Klang	Majlis Pecah Tanah & Pendaftaran Pembeli Rumah Selangorku 18.04.2015
7.	Elite Park Sdn.Bhd. (Mah Sing Group)	Bandar Kundang, Mukim Rawang, Gombak	Majlis Pecah Tanah & Pendaftaran Pembeli Rumah Selangorku (15.05.2015)
8.	Semai Meranti Sdn.Bhd. (Mah Sing Group)	Bandar Kundang, Mukim Rawang, Gombak	
9.	Seribu Baiduri Sdn. Bhd. (LBS Land Group)	Bandar Saujana Putra, Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat,	Majlis Pecah Tanah & Pendaftaran Pembeli Rumah Selangorku (16.05.2015)
10.	Jade Homes Sdn. Bhd.(Gamuda Land Berhad)	Jade Hills, Pekan Kajang, Hulu Langat	Majlis Pecah Tanah & Pendaftaran Pembeli Rumah Selangorku (23.05.2015)

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, berikut merupakan perincian senarai projek, jumlah unit dan jangkamasa pembinaan Rumah Selangorku seperti berikut:

BIL	PEMAJU	PROJEK	BIL. UNIT	STATUS PROJEK
-----	--------	--------	-----------	---------------

1.	Sime Darby Property (Klang) Sdn. Bhd.	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku Di Atas PT 69097 (HSD 138520), PT 72198 (HSD 15134), Lot 45390 (Geran 154246), dan Lot 46961 (Geran 164622), Mukim Kapar, Klang.	2,403	Jangka Mula – Disember 2015 Jangka Siap - Disember 2018
2.	Bandar Rimbayu Sdn. Bhd.	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku Di Atas Lot PT 36346 HS(D) 33613, Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat.	2,330	Jangka Mula - Disember 2015 Jangka Siap - Disember 2018
3.	Gemilang Waras Sdn. Bhd.	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku Di Atas Hakmilik Geran 15543 Lot 117120 Dan Geran 155544 Lot 17125, Mukim Klang, Klang.	695	Jangka Mula - Mei 2015 Jangka Siap – Mei 2018
4.	Gabungan Efektif Sdn. Bhd.	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku Di Atas Hakmilik Geran 53052 Lot 67694, Mukim Klang, Klang.	1,041	
5.	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku Di Taman Alam Budiman, Seksyen U10, Shah Alam, Petaling	536	Mula Kerja - Julai 2014 Jangka Siap - Dis 2015
6.	Selaman Sejati Sdn. Bhd	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku Di Atas Lot 9754 PT 18288 Jalan Rusa, Mukim Klang, Klang	84	Jangka Mula - Ogos 2015 Jangka Siap - Ogos 2018
7.	Elite Park Sdn.Bhd. (Mah Sing Group)	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku Jenis C (850 kps) sebanyak 488 unit Di Atas Lot 24673 (PT 3080) Bandar Kundang, Mukim Rawang, Gombak	488	Jangka Mula – Mei 2015 Jangka Siap – Jun 2018

8.	Semai Meranti Sdn.Bhd. (Mah Sing Group)	Cadangan Pembangunan 560 unit Rumah Selangorku di atas Pt 2802, Mukim Rawang, Gombak	560	Jangka Mula –Dis 2015 Jangka Siap – Dis 2018
9.	Seribu Baiduri Sdn. Bhd. (LBS Land Group)	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku Di Atas Lot 32884, 32885 & 62611 (32886), Bandar Saujana Putra, Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat.	1,312	Jangka Mula - November 2015 Jangka Siap - November 2018
10.	Jade Homes Sdn. Bhd.(Gamuda Land Berhad)	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku Di Jade Hills, Pekan Kajang, Hulu Langat.	714	Jangka Mula – Okt. 2015 Jangka Siap – Okt. 2018
JUMLAH			10,163	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : TANGKI SIMPANAN AIR DI FLAT-FLAT PPR KOTA DAMANSARA

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa unit tangki flat-flat PPR Kota Damansara yang telah diselenggara selama tempoh 6 bulan yang lepas?
- b) Nyatakan nama flat-flat PPR Kota Damansara yang telah melalui penyelenggaraan tangki air?
- c) Nyatakan nama kontraktor yang dilantik untuk kerja-kerja pembersihan tangki air?

JAWAPAN:

- a) Pangsapuri di kawasan Kota Damansara yang diselenggara oleh Perumahan dan Hartanah Sdn Bhd (PHSSB) adalah PPR Kota Damansara.

Di PPR Kota Damansara terdapat 8 unit tangki air yang diselenggara. Kali terakhir tangki air dicuci secara keseluruhan adalah pada April 2014 oleh kontraktor Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Walaubagaimanapun, PHSSB menjalankan penyelenggaraan mencuci tangki air "flushing" dengan kekerapan dua (2) bulan sekali.

- b) Pangsapuri yang berada di bawah pengurusan PHSSB di kawasan Kota Damansara adalah PPR Kota Damansara.
- c) Di PPR Kota Damansara, kerja-kerja pembersihan tangki air dijalankan oleh kontraktor mekanikal dan elektrik yang telah dilantik iaitu Uda Dayaurus Sdn. Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : YAYASAN DAR AL-QARD AL HASAN SELANGOR (YAQ)

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramaikah penerima skim YAQ yang telah berjaya keluar daripada Garis Kemiskinan?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mereka yang gagal dalam projek ini?
- c) Apakah ada program susulan bagi mereka yang gagal?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod YAQ terdapat seramai 3,133 peserta telah mengambil 4 kali pinjaman daripada SKIMSEL. Daripada jumlah tersebut seramai 2,418 atau 77% telah berjaya meningkatkan pendapatan seterusnya keluar daripada garis kemiskinan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, satu kajian yang terperinci perlu dilaksanakan. Dengan indikator-indikator tertentu selain daripada berbentuk kewangan (yang biasanya adalah pendapatan isi rumah), indikator sosial seperti pemilikan aset (rumah, kereta, premis peralatan dan lain-lain), tahap pendidikan anak-anak dan kesihatan perlu dijadikan kayu pengukur untuk melihat keberkesanan bantuan mikrokredit yang ditawarkan oleh YAQ.

Selain daripada itu, pihak Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor, juga telah melancarkan satu program baru iaitu Hijrah Selangor. **HIJRAH SELANGOR** adalah program Mikrokredit Bersepadu yang menggantikan skim-skim mikrokredit SKIMSEL, MIMBAR dan WALA. Pelaksanaan Hijrah Selangor berobjektifkan peningkatan keberkesanan penyampaian bantuan dengan mudah, cepat dan tidak membebankan, menggalakkan penabungan, mewujudkan rangkaian usahawan serta membina usahawan yang berwawasan kepada rakyat negeri Selangor. Pencapaian objektif program ini akan memberikan impak kepada pembasmian kemiskinan dan melebarkan golongan kelas menengah sebagaimana yang divisikan oleh YAB Dato' Menteri Besar. Maka bagi program-program sebelum ini, tiada kajian impak akan dijalankan.

- b) Pihak Hijrah Selangor akan membuat pemantauan dan lawatan berterusan kepada mereka yang terlibat untuk mengenalpasti punca kegagalan dan merangka program pemulihan.
- c) Pihak Hijrah merangka modul latihan kepada mereka yang gagal untuk meningkatkan pendapatan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan Negeri dan swasta yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PEMBANGUNAN USAHAWAN

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi meningkatkan pendapatan usahawan di Selangor?
- b) Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri pada tahun 2015 bagi melaksanakan program meningkatkan kemahiran usahawan?
- c) Senarai program-program yang dilaksanakan pada tahun 2015 bagi meningkatkan kemahiran usahawan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa peka dan prihatin terhadap keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil yang mengakibatkan kenaikan harga barang sekaligus meningkatkan kos operasi usahawan yang akan mengakibatkan penurunan pendapatan / keuntungan. Oleh itu, mulai tahun 2015, Kerajaan Negeri telah menaikkan peruntukan Pembangunan Usahawan Negeri Selangor sebanyak 38% iaitu RM109.8 juta bagi tahun 2015 berbanding RM79.5 juta pada tahun 2014. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah menaik taraf bantuan Dana Industri Kampung kepada Dana Usahawan Mikro Selangor yang sekaligus menaikkan siling bantuan daripada RM10,000.00 per permohonan kepada RM30,000.00 per permohonan. Kerajaan Negeri juga mereformasikan aktiviti riadah kepada aktiviti sosioekonomi seperti menganjurkan Selangor Food Mega Festival (SFMF15) yang telah berjaya mengumpul hasil jualan sebanyak RM1.167 juta dalam tempoh 2 hari. Kerajaan Negeri juga telah menganjurkan Festival Ramadhan Selangor (FESTIRA15) dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Usahawan PKNS dan PKNS Real Estate untuk membantu usahawan menjana ekonomi dan pendapatan tambahan mereka di sepanjang bulan Ramadhan. Tidak ketinggalan juga, Kerajaan Negeri Selangor turut menganjurkan bengkel jualan / peningkatan pendapatan melalui Facebook (*FB Marketing*). Kaedah *FB marketing* juga dapat membantu usahawan menjimatkan / mengurangkan kos tetap perusahaan (*fix cost*) seperti penyewaan premis pengeluaran dan mencapai pasaran yang lebih luas tanpa sempadan.

- b) Peruntukan Kerajaan Negeri pada tahun 2015 bagi melaksanakan program meningkatkan kemahiran usahawan adalah sebanyak RM109,800,000.00 seperti perincian di bawah:-

BIL	JABATAN / AGENSI	PERUNTUKAN (RM)
1.	Seksyen Sektor, UPEN	3,000,000.00
2.	Bahagian Pembangunan Usahawan, PKNS	5,000,000.00
3.	Hijrah Selangor	100,000,000.00
4.	Kumpulan Perangsang Selangor	1,800,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		109,800,000.00

- c) Sebanyak 49 program yang telah dan akan dilaksanakan pada tahun 2015 di bawah Sekretariat Usahawan Selangor. Program-program tersebut ialah:-

BIL	PROGRAM / LATIHAN
1.	Program Peningkatan Keupayaan Rekabentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor (4P)
2.	Penyertaan ke Penang International Halal Expo & Exhibition Convention (PIHEC)
3.	Penyertaan ke Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)
4.	Penyertaan ke Halal Fiesta Malaysia (HALFEST)
5.	Penyertaan ke Program Chocolate and Candy Festival
6.	Penganjuran Selangor Food Mega Festival 2015 (SFMF15)
7.	Penganjuran Festival Ramadhan 2015 (FESTIRA15)
8.	Fashion Street, Temasya15
9.	Bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor
10.	Kursus Marketing 4P dan SWOT
11.	Seminar FTA,AEC, and <i>Export – new opportunity</i>
12.	Kursus Pemborong, pereka dan pengilang China
13.	Bengkel <i>Simplified Facebook Marketing</i>
14.	Seminar <i>How to enter hypermarket</i>
15.	Seminar Kepentingan Pendaftaran Syarikat
16.	Bengkel Mangkin Keusahawanan Diri (MKD) bersama MASMED, UiTM
17.	Kursus Pengendalian Makanan
18.	Seminar Borong China Dan Pemasaran Online
19.	Bengkel Imej Profesional
20.	Bengkel Pemasaran Internet Siri 1
21.	Bengkel Penyediaan Rancangan Perniagaan
22.	Temuduga Dan Taklimat Bengkel Pemasaran Internet
23.	Bengkel Pemasaran Internet Siri 2
24.	Seminar 18 Kunci Rahsia Tarik Duit Dan Berkat
25.	Bengkel Pemasaran Internet Siri 3

26.	Bengkel Pembuatan Kek Dan Biskut
27.	Kursus Pengurusan Kewangan Perniagaan Terancang
28.	Seminar Inspirasi Usahawan
29.	Seminar Pelaburan Hartanah
30.	Seminar Penjenamaan
31.	Foundation Mastery Entrepreneurship Mindset
32.	Business Model
33.	Merchandising And Retail Concept
34.	Social Media & Internet Marketing Strategy
35.	Creativity, Problem Solving & Business Innovation
36.	90 Days Action Plan
37.	Program Latihan Bimbingan Usahawan Sedia Ada
38.	Program Bimbingan Awal Kepada Bakal Usahawan Baru Melalui Kategori Ibu Tunggal, OKU, Siswa, Belia, Wanita Dan Ladang
39.	Pinjaman Hijrah Skim 1 (RM1,000.00 – RM5,000.00)
40.	Pinjaman Hijrah Skim 2 (RM6,000.00 – RM10,000.00)
41.	Pinjaman Hijrah Skim 3 (RM15,000.00 – RM20,000.00)
42.	Pinjaman Hijrah Skim 4 (RM30,000.00 – RM50,000.00)
43.	Bantuan Modal Perkhidmatan Penyelenggaraan Penghawa Dingin
44.	Bantuan Modal Penyelenggaraan Motosikal
45.	Bantuan Modal Penternakan
46.	Bantuan Modal Kontraktor Binaan Muda Selangor (Kobinas)
47.	Bantuan Modal Perkhidmatan Kedai Dobi
48.	Bantuan Modal Gerai Minum Air Tebu
49.	Bantuan Modal Restoran (Cili Api & Katering)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : BEKALAN AIR MENTAH

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan dan strategi kerajaan negeri untuk memastikan bekalan air mentah mencukupi di masa hadapan?
- b) Apakah jaminan kerajaan bahawa sumber air mentah juga selamat dari segi kesihatan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah dan sedang menjalankan projek-projek serta kajian-kajian sebagai inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan kelangsungan sumber air mentah secara jangka panjang adalah terjamin. Melalui hasil kajian-kajian yang telah dijalankan, sumber air mentah Negeri Selangor adalah dijangkakan dapat memenuhi keperluan bekalan air sehingga tahun 2050 dan seterusnya sekiranya dapat dibangunkan sepenuhnya.

Berikut adalah senarai projek-projek serta kajian-kajian pembangunan sumber air mentah di Negeri Selangor dan kebolehdapatan sumber air dalam bentuk juta liter sehari (JLH) apabila siap kelak :

- i) Projek HORAS 600 - 600 JLH.
- ii) Projek HORAS 3000 - 3000 JLH.
- iii) Projek Langat 2 - 1,890 JLH.
- iv) Projek penyaluran air mentah Pahang – Selangor ke Sungai Langat – 500 JLH.
- v) Kajian Kebolehlaksanaan bagi Membangunkan Sumber Air Tambahan Dari Projek Tebatan Banjir Sungai Rasau – 300 JLH.
- vi) Kajian Kebolehdapatan Sumber Air Bumi Di Negeri Selangor - 2,373 JLH.

- vii) Kajian Cadangan pemindahan air mentah dari Sungai Bernam ke Empangan Sungai Tinggi - 250 JLH.
- viii) Kajian Cadangan Loji Rawatan Air Labohan Dagang, Kuala Langat - 300 JLH.
- ix) Kajian Kebolehdapatan Sumber Air Tambahan Dalam Lembangan Sungai Langat. Kajian ini akan mengkaji kebolehdapatan serta kuantiti sumber air mentah tambahan yang boleh diperolehi dalam Lembangan Sungai Langat. Kajian ini akan dijalankan oleh pihak LUAS dalam tahun ini.

Berdasarkan daripada senarai projek-projek serta kajian-kajian di atas, jumlah kuantiti sumber air mentah tambahan yang berpotensi untuk dibangunkan dalam Negeri Selangor ini adalah melebihi 8,000 juta liter sehari (JLH). Jumlah ini dijangkakan mampu untuk memenuhi keperluan bekalan air Negeri Selangor sehingga tahun 2050 dan tahun-tahun seterusnya.

- b) Kerajaan Negeri menjamin sumber air mentah yang di pam ke loji-loji pembersihan air adalah selamat dari segi kesihatan untuk diminum dan digunakan kerana proses pemantauan kualiti air dijalankan melalui 2 peringkat, iaitu :
 - i) pemantauan air mentah di muka sauk, dan
 - ii) pemantauan air terawat selepas proses rawatan di loji pembersihan air.

Pensampelan dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) dan analisa sampel dijalankan oleh Jabatan Kimia Malaysia (JKM). Perbandingan kualiti sampel adalah berdasarkan Garis Panduan Kualiti Air Minum Kebangsaan Bagi Air Mentah dan Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan Bagi Air Terawat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Syarikat Konsesi loji pembersihan air juga menjalankan pemantauan kualiti air mentah dan terawat setiap 2 jam dan dipastikan ianya mematuhi Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan Bagi Air Terawat yang ditetapkan oleh KKM sebelum diagihkan kepada pengguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KEBENARAN DAN KELULUSAN MERANCANG TAMAN PERUMAHAN BARU DI DUN SEMENYIH

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pembinaan taman perumahan baru di DUN Semenyih begitu rancak. Mohon Kerajaan Negeri menyatakan jumlah syarikat atau pemaju perumahan yang telah diberi kelulusan dan kebenaran merancang sejak 2008 serta anggaran pertambahan penduduk berdasarkan bilangan rumah yang dibuat.
- b) Ingin tahu jumlah unit rumah mampu milik Selangorku yang telah diluluskan di DUN Semenyih serta mengapa Kerajaan Negeri tidak mensyaratkan pemaju-pemaju berkenaan membina rumah Selangorku serentak dengan pembinaan rumah-rumah mewah?
- c) Mohon nyatakan apakah pemaju-pemaju tersebut ada menyediakan tapak sekolah rendah dan menengah, tapak surau atau masjid, tapak pusat komuniti, dewan serbaguna dan lain-lain serta mampukah infrastruktur sedia ada seperti jalanraya dan bekalan air bersih menampung pertambahan penduduk di kawasan-kawasan baru tersebut?

JAWAPAN:

- a) Projek pembangunan berskala besar di kawasan DUN Semenyih adalah seperti berikut:

Bil	Nama Projek	Jumlah Unit Kediaman	Bilangan Penduduk Isi Rumah 4.5
1.	Tropicana Height	2,211	9,950
2.	Hill Park III	617	2,777
3.	Kajang East	1,550	6,975
4.	Goodview Height	1,459	6,565
5.	Setia Ecohill	6,354	28,593
6.	Eco Majestic	8,902	40,059
7.	Diamond Hills	830	3,735
8.	Serene Heights	4,051	18,230
	Jumlah	25,974	116,883

- b) Jumlah unit rumah Selangorku yang telah diluluskan di kawasan DUN Semenyih adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis	Bil. Unit	Bil. Unit	Bil. Unit	Bil. Unit	Jumlah
	Kediaman Nama Projek	Rumah Selangorku Jenis A	Rumah Selangorku Jenis B	Rumah Selangorku Jenis C	Rumah Selangorku Jenis D	
1.	Excell Glamour Housing Sdn. Bhd.	100	50	50	298	498
2.	Permodalan Nasional Negeri Selangor Bhd.	90	90	-	180	360
3.	D Hill Sdn. Bhd.	-	310	-	-	310
4.	Kueen Lai Sdn. Bhd.	-	90	-	-	90
5.	Agenda Istimewa Sdn. Bhd.	-	-	377	251	328
6.	Eco Majestic Sdn. Bhd.	-	670	-	-	-
Jumlah		190	1,210	427	729	1,886

- c) Kelulusan Kebenaran Merancang diberikan bagi pemajuan-pemajuan tersebut telah mengambil kira penyediaan kemudahan awam seperti sekolah, rumah ibadat, dewan, balai polis dan bomba, tanah kubur dan lain-lain berdasarkan keperluan garis panduan dan piawaian Perancangan Bandar JPBD Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : MURTAD DI SELANGOR

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kes murtad yang dilaporkan berlaku dalam tahun 2015?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam memastikan kes murtad daripada terus berleluasa?
- c) Statistik yang menunjukkan jumlah kes murtad mengikut pecahan umur dan kawasan parlimen di Selangor.

JAWAPAN:

- a) Tiada kes murtad yang dilaporkan sepanjang tahun 2015.
- b) Tidak berkaitan
- c) Tidak berkaitan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**


TAJUK : HUTANG BEKAS PELAJAR & ALUMNI KUIS

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini hutang bekas-bekas pelajar KUIS yang tertunggak?
- b) Nyatakan jumlah pelajar yang telah membayar dan kos yang telah dibayar serta jumlah pelajar yang belum melunaskan serta kosnya?

JAWAPAN:

a)




Berdasarkan daripada laporan kewangan KUIS bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, pendapatan utama iaitu yuran pengajian dan hostel adalah sebanyak RM 48.87 juta. Manakala jumlah penghutang iaitu hutang pelajar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 pula adalah sebanyak RM 26.93 juta. Peningkatan jumlah Pendapatan melonjak sehingga 39% berbanding peningkatan jumlah Penghutang hanya 11% menunjukkan prestasi pendapatan utama yang semakin meningkat dari tahun-tahun yang sebelumnya. Penghutang pelajar berstatus tidak aktif sehingga tarikh 31 Mei 2015 adalah berjumlah RM10.83 juta. Hutang pelajar adalah sedikit meningkat berbanding bulan yang sebelumnya

kerana terdapat pelajar-pelajar yang telah menamatkan pengajian di KUIS di peringkat Asasi, Diploma Dan Ijazah.

b)

Jenis Pelajar	31 Jan 2015	28 Feb 2015	31 Mac 2015	30 April 2015	31 Mei 2015
Hutang Pelajar Aktif (RM)	16,606,582.04	13,677,633.76	13,558,789.65	13,567,089.68	12,405,373.81
Bayaran Telah Diterima (RM)	836,006.04	4,399,870.15	5,208,976.20	1,063,402.97	1,375,324.64



Merujuk kepada jadual dan graf di atas, berdasarkan rekod penghutang aktif serta kutipan bayaran yang diterima bagi tempoh Januari 2015 sehingga Mei 2015 masih terdapat pelajar berstatus aktif belum membayar yuran sedia ada. Terdapat perbezaan hutang pada setiap bulan kerana berlaku proses pelarasan caj bil serta proses penambahan bil kepada pelajar yang berkaitan. Kutipan bayaran yuran dijangka akan meningkat dengan kadar yang tinggi disebabkan para pelajar perlu menyelesaikan keseluruhan yuran semester semasa sebelum menduduki peperiksaan akhir serta memulakan sesi pengajian terbaru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI NEGERI SELANGOR 2015

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kehadiran Majlis Rumah Terbuka Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Negeri Selangor 2015?
- b) Bagaimanakah kaedah Kerajaan Negeri melantik pengusaha makanan yang terlibat dalam majlis tersebut?
- c) Nyatakan secara terperinci kos perbelanjaan majlis tersebut?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kehadiran Majlis Rumah Terbuka Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Negeri Selangor 2015 ialah 55,750 orang. Butiran jemputan seperti berikut :-

BIL.	JEMPUTAN	JUMLAH
1.	Orang ramai dari 9 daerah (84 BAS X 40 ORG)	3400
2.	Kepimpinan politik / NGO / TSSB (130 BAS X 40)	5200
3.	Orang Asli (JAKOA)	200
4.	Jemputan JKM	450
5.	Ketua Jabatan / VIP / Ahli Majlis / Ketua Kampung / Penghulu	1000
6.	Jemputan SSIC	500
7.	Jemputan YAWAS	25,000
8.	Rakyat jelata	20,000
JUMLAH		55,750

- b) Kaedah pelantikan adalah melalui senarai nama peserta pengusaha-pengusaha makanan daripada Program Hijrah.
- c) Kos perbelanjaan yang terlibat bagi penganjuran Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Negeri Selangor Tahun 2015 adalah berjumlah rm1,669,247.00. Perincian perbelanjaan adalah seperti berikut :-

BIL.	PERIHAL	AMAUN (RM)
1.	Makanan dan minuman	967,430.00
2.	Logistik dan pembersihan	200,985.00
3.	Pengangkutan	55,483.00
4.	Pengacaraan dan persembahan	62,000.00
5.	Gerai dan pameran	71,470.00
6.	<i>Sound & Systems</i>	81,800.00
7.	Sumbangan duit raya	80,600.00
8.	Pakaian seragam petugas	26,539.00
9.	Elaun saguhati petugas	98,600.00
10.	<i>Playground</i> kanak-kanak	5,260.00
11.	Promosi	19,080.00
JUMLAH KESELURUHAN		1,669,247.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : MANIFESTO PAKATAN RAKYAT SELANGOR

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status mutakhir pelaksanaan kesemua janji Manifesto Pakatan Rakyat bagi PRU13, jumlah perbelanjaan yang terlibat dan bilangan benefisiari.

JAWAPAN:

JAWAPAN TIDAK DITERIMA SEHINGGA 9/10/2015

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KUALITI JALAN-JALAN RAYA

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan kualiti jalan-jalanraya diselenggara dengan baik?

JAWAPAN:

- a) i. Melaksanakan Program Kajian Pavemen. Ia adalah satu kaedah saintifik di mana kekuatan, ketahanan dan kerosakan jalan dinilai secara sistematik. Alat yang digunakan adalah seperti *Road Scanner* (IRS), *Falling Weight Deflectometer* (FWD), *Dynamic Cone Penetrometer* (DCP), *Ground Penetrating Radar* (GPR), kajian lalu lintas dan beban gandar. Kerja-kerja penyelenggaraan jalan akan dibuat berdasarkan senarai keutamaan melalui Program Kajian Pavemen tersebut.
- ii. Program latihan komprehensif kepada semua pegawai/kakitangan teknikal JKR/PBT/Pejabat Tanah dan Daerah/JPS yang terlibat secara langsung dengan kerja-kerja penyelenggaraan jalan selama 4 hari di IKRAM mulai Disember 2014 dan diteruskan dalam tahun 2015. Program ini akan diteruskan sehingga semua pegawai/kakitangan Agensi Pelaksana dilatih. Pada tahun 2016, program ini akan turut disertai oleh pihak kontraktor, pihak pembekal dan juga pihak kuari. Program ini adalah bertujuan untuk memberi kemahiran teknikal yang sebenar supaya kualiti pembinaan dapat diperolehi.
- iii. Melaksanakan kerja selenggaraan jalan negeri secara kontrak berpusat mulai Mac 2015.
- iv. Pada akhir tahun 2014, JKR Negeri Selangor telah menerbitkan Garis Panduan Amalan Baik Dalam Kerja Turapan dan Selenggara Jalan dan telah diedarkan kepada semua pegawai JKR di Negeri Selangor sebagai rujukan semasa kerja pengawasan di tapak.
- v. Spesifikasi pembinaan dan membaiki jalan raya sentiasa ditingkatkan. Ibu Pejabat JKR Malaysia sentiasa mengemas kini spesifikasi pembinaan dan

selenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh kumpulan pakar di Ibu Pejabat JKR Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PROGRAM KEUSAHAWANAN HIJRAH

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kelayakan peserta Hijrah ditentukan? Berapa ramai yg telah menyertainya, mengikut jantina tahun 2015?
- b) Apakah prosedur dan proses pemantauannya?
- c) Adakah konsep bimbingan dan latihan keusahawanan menjadi ciri skim Hijrah?

JAWAPAN:

- a) Kelayakan peserta Hijrah ditentukan melalui syarat-syarat kelayakan seperti berikut:
 - Warganegara Malaysia berumur 18 tahun hingga 60 tahun
 - Memiliki premis perniagaan yang khusus
 - Mempunyai lesen/permit perniagaan yang sah
 - Tidak mempunyai rekod pinjaman yang tidak baik dari mana-mana institusi kewangan atau agensi kerajaan
 - Satu pinjaman di bawah Skim HIJRAH SELANGOR sahaja dalam satu-satu masa
 - Satu pinjaman di bawah Skim HIJRAH SELANGOR sahaja dalam satu-satu isirumah
 - Satu pinjaman di bawah Skim HIJRAH SELANGOR sahaja dalam satu-satu perniagaan perkongsian
 - Terlibat secara langsung di dalam perniagaan

Peserta Hijrah mengikut jantina sehingga Julai 2015 adalah seperti berikut :

Perkara	Bilangan	%
Lelaki	1,920	27
Perempuan	5,283	73
Jumlah	7,203	100%

b) Prosedur dan proses pemantauan peserta Hijrah Selangor ditentukan melalui kaedah pemantauan pembiayaan dan pemantauan bayar balik.

i) Pemantauan Pembiayaan

a) Pemantauan permohonan peserta mengikuti SOP yang ditetapkan

- Pegawai Hijrah dan Pengurus Cawangan Hijrah wajib memastikan semua bakal peserta mematuhi syarat-syarat pinjaman yang telah ditetapkan dalam prosedur (seperti jawapan a)

b) Pemantauan Kelulusan Pinjaman

- Semua borang permohonan pinjaman wajib disiasat bagi memastikan perniagaan yang dicadangkan telah beroperasi, jumlah tambahan modal yang dipohon adalah bersesuaian dengan perniagaan yang sedang dijalankan dan menilai kemampuan bayaran balik berasaskan prestasi perniagaan tersebut.

ii) Pemantauan Bayar Balik

- Kutipan bayar balik secara mingguan supaya tidak membebankan kerana jumlah yang kecil.
- Kutipan bayaran balik dibuat di premis perniagaan supaya mengeratkan hubungan baik di antara Pegawai Hijrah dan peserta .

c) Latihan-latihan yang dirancang dilaksanakan secara berperingkat daripada latihan asas sehingga kepada kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh seorang usahawan. Latihan-latihan ini akan dilaksanakan oleh pihak Hijrah Selangor dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti STANCO-STANCO berkaitan seperti Kebajikan, Wanita dan Usahawan, INPENS, PKNS, UNISEL dan lain-lain agensi berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : DIVIDEN YANG DIBERI OLEH ANAK-ANAK SYARIKAT KERAJAAN
KEPADA KERAJAAN NEGERI**

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain daripada Kumpulan Semesta Sdn Bhd, nyatakan anak-anak syarikat GLC lain yang telah memberi dividen kepada Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 2008
- b) Mengapakah terdapat anak-anak syarikat GLC yang masih gagal memberi dividen kepada Kerajaan Negeri Selangor?
- c) Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan anak-anak syarikat GLC negeri memberi dividen sebagai pulangan pelaburan kepada kerajaan negeri?

JAWAPAN:

Anak Syarikat Kerajaan Negeri didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui pegangan saham sebanyak 50% atau lebih, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi.

Berikut merupakan senarai Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor :-

Bil	Anak Syarikat / Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor
1	Permodalan Negeri Selangor Berhad
2	Bukit Beruntung Golf & Country Resort
3	Tourism Selangor Sdn Bhd
4	Communication Corporation Sdn Bhd
5	Rangkaian Mesra Sdn Bhd
6	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd
7	MSNS Holdings Sdn Bhd
8	Kumpulan Darul Ehsan Berhad
9	Kumpulan Semesta Sdn Bhd
10	Invest Selangor Berhad

Bil	Anak Syarikat / Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor
11	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
12	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor

- a) Selain daripada Kumpulan Semesta Sdn Bhd, anak-anak syarikat lain yang telah memberi dividen kepada Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 2008 adalah seperti maklumat berikut :-

Bil	Anak Syarikat	Jumlah dividen tahun 2008 - 2014 (RM)	Tahun kewangan
1	Permodalan Negeri Selangor Berhad	*14,400,000.00	2008 – RM1.2 juta 2009 – RM1.2 juta 2010 – RM2.4 juta 2011 – RM2.4 juta 2012 – RM2.4 juta 2013 – RM2.4 juta 2014 - RM2.4 juta
2	Bukit Beruntung Golf & Country Resort	TIADA	TIADA
3	Tourism Selangor Sdn Bhd	TIADA	TIADA
4	Communication Corporation Sdn Bhd	TIADA	TIADA
5	Rantaian Mesra Sdn Bhd	TIADA	TIADA
6	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	TIADA	TIADA
7	MSNS Holdings Sdn Bhd	*13,760.08	2013 - RM5,616.00 2014 - RM8,144.08
8	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	TIADA	TIADA
9	Invest Selangor Berhad	TIADA	TIADA
10	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	TIADA	TIADA
11	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	TIADA	TIADA

* Dividen dibayar kepada MBI

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada tiga (3) anak syarikat Kerajaan Negeri yang membuat bayaran dividen tersebut, terdapat tujuh (7) syarikat yang menjalankan program Kerajaan Negeri yang **tidak bermotifkan keuntungan** seperti senarai berikut :-

Bil	Anak Syarikat
1.	Tourism Selangor Sdn Bhd
2.	Communication Corporation Sdn Bhd
3.	Rantaian Mesra Sdn Bhd
4.	Invest Selangor Berhad
5.	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
6.	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor
7.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri tidak mengarahkan anak-anak syarikat di atas tersebut untuk membuat pembayaran dividen kepada Kerajaan Negeri.

Manakala, terdapat dua (2) anak syarikat Kerajaan Negeri yang **merekodkan keuntungan di tahap sangat minimum/kerugian tahunan yang berterusan** yang seterusnya menyebabkan syarikat-syarikat tersebut gagal untuk membuat pembayaran dividen kepada Kerajaan Negeri seperti berikut :-

Bil	Anak Syarikat
1.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort
2.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad

Walaupun Kumpulan Darul Ehsan Berhad tidak membayar dividen kepada Kerajaan Negeri, KDEB telah memberikan sumbangan bagi program-program Kerajaan Negeri. Pada tahun 2015, pihak KDEB telah menyumbang dalam pelbagai program Kerajaan Negeri seperti contoh yang berikut :-

Bil	Nama program	Jumlah sumbangan (RM)
1.	Program Rangsangan Tanggungjawab Masyarakat Selangor (RTMS) 2015	416,400.00
2.	Program Rangsangan Sukan Selangor (RSS) 2015	1,431,428.00
3.	Program Rangsangan Usahawan Selangor (RUS) 2015	616,118.00
Jumlah		2,463,946.00

- c) Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa membuat pemantauan berterusan ke atas anak-anak Syarikat yang mengalami kerugian tersebut bagi membantu memulihkan kedudukan kewangan mereka. Sebagai langkah yang lebih komprehensif, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) baru-baru ini telah menubuhkan Darul Ehsan Investment Group (DEIG) bagi membantu Kerajaan Negeri dalam menstrukturkan semula fungsi dan peranan anak syarikat. Perancangan ini dijangkakan dapat mengukuhkan lagi strategi korporat serta tadbir urus syarikat yang seterusnya dapat memberikan pulangan kepada pelaburan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : BELIA

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaikkan jumlah peruntukan PeBT Selangor dari RM 5000 kepada RM 10,000 setahun memandangkan kos pelaksanaan program semakin meningkat?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri menyambut baik bagi hasrat untuk menaikkan jumlah peruntukan Program PeBT daripada RM5,000.00 kepada RM10,000.00 setahun. Namun begitu, pada tahun 2015, peruntukan program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) masih dikekalkan seperti tahun 2014 di mana setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan diperuntukkan sebanyak RM120,000.00 yang menjadikan keseluruhan adalah sebanyak RM1,440,000.00 untuk semua PBT bagi menjalankan program-program PeBT yang telah dirancangan. Untuk makluman, peruntukan tersebut akan disalurkan kepada PBT di mana PBT dikehendaki untuk memantau dan merancang pelaksanaan program PeBT masing-masing untuk memastikan pelaksanaan program adalah sebagaimana yang telah dirancangan.

Justeru itu, PeBT setiap zon boleh bergabung dengan zon-zon lain bagi menjalankan program yang besar serta mempunyai impak yang tinggi dengan menjalinkan hubungan baik dengan ADUN dan Ahli Majlis masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PELABURAN

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jumlah nilai pelaburan di negeri Selangor?
- b) Negara manakah yg terbanyak melabur di Selangor?
- c) Sektor manakah yang paling ramai pekerja asing di negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh Januari hingga Mac 2015 sebanyak 62 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan jumlah modal pelaburan bernilai RM 1.950 bilion.

Status	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Projek Baru	45	2,966	516,356,483	226,859,939	743,216,422
Pengembangan / Pembrebaran Projek	17	1,024	280,862,745	926,431,229	1,207,293,974
Jumlah	62	3,990	797,219,228	1,153,291,168	1,950,510,396

* Sumber : MIDA

- b) Bagi tempoh Januari hingga Mac 2015, sebanyak RM 1.153 bilion adalah disumbangkan oleh pelabur asing dan pelabur daripada Jepun mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi dengan nilai pelaburan berjumlah RM 865 juta dengan 8 projek diikuti pelabur dari Singapura sebanyak RM 93 juta dengan 2 projek dan pelabur dari United Kingdom sebanyak RM 66 juta dengan 2 projek.

Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Japan	8	705	865,362,174
Singapore	2	77	93,997,798
United Kingdom	2	157	66,010,000
Iran	1	61	27,284,000
British Virgin Island	1	45	23,000,000
Korea Rep.	2	44	17,292,000
Mauritius	1	98	15,300,000
Germany	3	43	13,996,800
Bermuda	1	69	11,489,604
China	2	169	10,168,340
United States	1	8	5,000,000
Pakistan	1	24	4,390,452
Netherlands	1	0	0
Jumlah Modal Pelaburan	***	***	1,153,291,168

* sumber : MIDA

- c) Merujuk statistik kelulusan projek perkilangan di Selangor mengikut industri bagi tempoh Januari hingga Mac 2015, Industri yang paling ramai pekerja asing di Negeri Selangor adalah industri – industri yang berorientasikan tenaga buruh (*labor intensive*) seperti;-
- i. Sektor pembuatan barangan mesin dan peralatan (**Machinery & Equipment**).
 - ii. Sektor pembuatan barangan plastik (**Plastic Products**).
 - iii. Sektor pembuatan barangan logam asas (**Basic Metal Products**).
 - iv. Sektor pembuatan barangan makanan (**Food Manufacturing**).
 - v. Sektor pembuatan barangan logam dibentuk (**Fabricated Metal Products**).

Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Machinery & Equipment	12	759	134,012,722	52,698,861	186,711,583
Plastic Products	5	338	27,369,851	4,390,452	31,760,303
Basic Metal Products	4	329	271,150,649	0	271,150,649
Food Manufacturing	7	301	83,953,263	116,397,998	200,351,261
Fabricated Metal Products	8	273	35,500,050	26,896,800	62,396,850
Non-Metallic Mineral Products	1	271	0	718,044,000	718,044,000
Electronics & Electrical Products	5	225	47,946,441	66,792,000	114,738,441
Rubber Products	2	185	21,435,061	0	21,435,061
Transport Equipment	2	177	5,000,000	27,284,000	32,284,000
Furniture & Fixtures	1	169	13,459,980	0	13,459,980
Textiles & Textiles Product	2	143	8,230,002	7,400,000	15,630,002
Scientific & Measuring Equipment	2	132	9,302,148	0	9,302,148
Chemical & Chemical Products	5	121	15,993,549	20,148,200	36,141,749
Wood & Wood Products	2	87	47,094,027	9,792,000	56,886,027
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	1	69	49,690,396	72,669,604	122,360,000
Paper, Printing & Publishing	1	32	1,038,029	2,595,253	3,633,282
Beverages & Tobacco					0
Leather & Leather Products					0
Miscellaneous	2	379	26,043,060	28,182,000	54,225,060
Jumlah	62	3,990	797,219,228	1,153,291,168	1,950,510,396

* Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : MASALAH PENCEROBOHAN RIZAB SUNGAI LEMBAH KINRARA

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan dan status terkini bagi projek kenaikan taraf rizab sungai Lembah Kinrara?
- b) Apakah tindakan yang akan diambil terhadap kilang-kilang haram termasuk kilang besi buruk yang masih beroperasi di atas rizab sungai Lembah Kinrara?
- c) Apakah langkah yang akan diambil bagi mencegah dan menghentikan segala aktiviti pembuangan sampah haram serta pembakaran sampah di kawasan tersebut?

JAWAPAN:

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

- a) Tiada projek projek menaiktaraf rizab sungai Lembah Kinrara di bawah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Projek kenaikan taraf rizab sungai Lembah Kinrara telah dipertanggungjawabkan kepada pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Perbandaran Subang Jaya) untuk tindakan sewajarnya diambil bagi menangani masalah pencerobohan rizab di kawasan yang terlibat.

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

- b) Tiada tindakan yang diambil terhadap kilang-kilang haram termasuk kilang besi buruk yang masih beroperasi di atas rizab sungai Lembah Kinrara memandangkan penguatkuasaan kilang bukan di bawah bidang kuasa LUAS. Walau bagaimanapun, tindakan bersepadu boleh dilaksanakan dalam aspek pemantauan dan penguatkuasaan bersama agensi berkaitan.
- c) Aktiviti pembuangan sampah di Sungai Klang, pihak LUAS telah mengambil beberapa tindakan dalam memastikan perkara ini dapat diatasi. Pihak LUAS turut

menerima aduan bukan sahaja daripada orang awam bahkan agensi kerajaan sendiri.

Sehubungan itu, pihak LUAS telah membawa isu ni ke dalam dua jawatankuasa iaitu Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang dan Mesyuarat Pengurusan Lembangan Sungai Dan Pantai Negeri Selangor. Melalui dua mesyuarat ini, tindakan susulan dan secara bersepadu dapat diambil bersama agensi berkaitan.

Antara tindakan yang diambil adalah melalui pengeluaran notis, penutupan kawasan dan operasi pembersihan kawasan. Walau bagaimana pun, pemantauan secara berterusan perlu dilakukan di kawasan-kawasan ini juga perlu dititik beratkan memandangkan kawasan-kawasan yang dijadikan tempat pembuangan sampah ini berlaku secara 'on-off'. Antara masalah lain yang dihadapi adalah seperti berikut:

- i. Lokasi pembuangan sampah ini terletak di kawasan yang tersembunyi dan tidak dapat dilihat dari luar.
- ii. Isu pembuangan sampah secara 'on-off'.
- iii. Masalah gengsterisme di kawasan tersebut.
- iv. Kawasan rizab Sungai Klang yang panjang.
- v. Kawasan rizab Sungai Klang menjadi laluan utama keluar masuk ke premis industri.
- vi. Status tanah yang bukan sepenuhnya rizab sungai.

Bagi memastikan isu ini tidak berulang-berulang perkara-perkara berikut perlu diambil kira:

- i. Memasang papan tanda larangan pembuangan sampah di lokasi tersebut,
- ii. Menutup laluan keluar masuk ke tempat pembuangan sampah melalui kaedah barrier, blok konkrit, pagar dan sebagainya.
- iii. Menjadikan tebing Sungai Klang sebagai kawasan rekreasi dan riadah melalui agensi yang berkaitan.
- iv. Melakukan penyelenggaraan berkala seperti jadual ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : SKIM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jenis Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor sehingga hari ini?
- b) Sila kemukakan senarai terkini jumlah perbelanjaan untuk setiap skim MES yang dilaksanakan.
- c) Berapakah penerima DUN Teratai yang mendapatkan manfaat daripada skim-skim MES sehingga hari ini?

JAWAPAN:

- a) Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor mempunyai sebanyak 18 program yang dirangka khusus bagi membantu golongan-golongan sasar memperbaiki kehidupan. Bermula Mac 2015, Skim Mikrokredit Selangor dan Skim Mikrokredit Miskin Bandar telah digabung di bawah Program Hijrah Selangor. Program-program lain yang terdapat di bawah Skim MES adalah Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Hadiah Anak Masuk Universiti, Skim Mesra Usia Emas, Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang, Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M²), Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL), Insentif Perkahwinan Belia, Pusat Tuisyen Rakyat, Pusat Dialisis Rakyat, Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR), Skim Bantuan Tadika (TUNAS), Cuti Bersalin 90 Hari, Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari, Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari, Jom *Shopping* (Warga Emas + Ibu Tunggal), Pusat Khidmat Krisis Sehati (OSCC) dan Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral. Senarai program di bawah Skim MES yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi yang dilantik adalah seperti di Lampiran A.
- b) Jumlah perbelanjaan bagi program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) setakat 30 Jun 2015 yang dilaporkan adalah berjumlah RM1,307,266,969.83. Bagi Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) dan Hadiah Anak Masuk Universiti, jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM16,073,200 dan RM3,509,000. Manakala sebanyak RM152,852,500 dan RM8,069,545.20 pula telah dibelanjakan di bawah Skim Mesra Usia Emas dan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang.

Untuk kedua-dua Skim Mikrokredit, iaitu Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel) dan Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR), perbelanjaan setakat 30 Jun 2015 adalah sebanyak RM99,826,650 dan RM10,915,528. Program Hijrah Selangor yang baru dilancarkan pada Mac 2015 yang lalu telah mencatatkan sebanyak RM37,199,000 jumlah perbelanjaan. Bagi Skim Kesihatan Wanita (MammoSel) sejumlah RM1,904,400 telah dibelanjakan dan sejumlah RM10,907,400 pula dibelanjakan di bawah Program Jom *Shopping*. Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si Kembar) dan Skim Bantuan Tadika (TUNAS) pula masing-masing telah membelanjakan sebanyak RM1,418,320 dan RM7,664,022. Manakala di bawah Insentif Perkahwinan Belia dan Pusat Tuisyen Rakyat sebanyak RM6,939,000 dan RM16,145,564 telah dibelanjakan. Perbelanjaan paling tinggi di bawah Program MES adalah bagi Program Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M3) Pertama, iaitu sejumlah RM931,239,616 telah dibelanjakan untuk seluruh rakyat Selangor.

Ringkasan bagi statistik penerima faedah dan perbelanjaan setakat 30 Jun 2015 bagi setiap skim MES yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi yang dilantik adalah seperti di Lampiran B.

- c) Rakyat Selangor di DUN Teratai juga tidak terkecuali daripada menerima manfaat daripada Skim MES yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Melalui semakan yang dilakukan, sejumlah 4,947 orang di DUN Teratai telah menikmati faedah daripada skim ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 883 adalah penerima faedah daripada Program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) manakala 450 orang telah menerima faedah melalui Program Hadiah Anak Masuk Universiti. Skim Mesra Usia Emas telah memberi faedah kepada seramai 1,137 orang di DUN Teratai dan Program Hijrah Selangor yang baru dilancarkan telah menarik minat hampir 74 orang di DUN ini. Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel) telah menyalurkan bantuan kepada seramai 104 orang manakala seramai 770 orang pula telah menggunakan perkhidmatan di bawah Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL). Insentif Perkahwinan Belia telah memberi manfaat kepada seramai 43 orang manakala Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR) dan Skim Bantuan Tadika (TUNAS) masing-masing mencatatkan jumlah penerima faedah seramai 3 dan 7 orang. Program terakhir iaitu Jom *Shopping* telah berjaya memberi manfaat kepada 1,476 orang di DUN Teratai.

Ringkasan bagi statistik penerima faedah di DUN Teratai setakat 30 Jun 2015 bagi setiap skim MES yang dilaksanakan adalah seperti di Lampiran C.

LAMPIRAN A**Skim MES****Senarai Terkini Program dan Agensi yang Terlibat**

BIL.	PROGRAM	AGENSI
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
3	Skim Mesra Usia Emas	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)
4	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	Seksyen Sektor, UPEN
5	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M ³) Pertama	Kerajaan Negeri Selangor
6	Program Hijrah Selangor (SkimSel + MiMBAR)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor
7	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)
8	Insentif Perkahwinan Belia	Seksyen Sektor, UPEN
9	Pusat Tuisyen Rakyat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
10	Pusat Dialisis Rakyat	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)
11	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)
12	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)
13	Cuti Bersalin 90 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
14	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
15	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
16	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)
17	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	Seksyen Sektor, UPEN
18	Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral	Pejabat Tanah dan Galian Selangor

LAMPIRAN B

Program MES

Statistik Jumlah Perbelanjaan Untuk Setiap Skim MES Setakat 30 Jun 2015

BIL.	PROGRAM	AGENSI	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	16,073,200.00
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	3,509,000.00
3	Skim Mesra Usia Emas	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	152,852,500.00
4	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	Seksyen Sektor, UPEN	8,069,545.20
5	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M ³) Pertama	Kerajaan Negeri Selangor	931,239,616.00
6	Skim Mikro Kredit Selangor (SkimSel)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	99,826,650.00
7	Skim Mikro Kredit Miskin Bandar (MiMBAR)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	10,915,528.00
8	Program Hijrah Selangor (SkimSel + MiMBAR)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	37,199,000.00
9	Skim Mikro Kredit Wanita Ladang (WALA)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	2,603,224.63
10	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	1,904,400.00
11	Insentif Perkahwinan Belia	Seksyen Sektor, UPEN	6,939,000.00
12	Pusat Tuisyen Rakyat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	16,145,564.00
13	Pusat Dialisis Rakyat	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	-
14	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	1,418,320.00
15	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	7,664,022.00
16	Cuti Bersalin 90 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	-
17	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	-
18	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	-
19	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	10,907,400.00
20	Pusat Khidmat Krisis Sehati (OSCC)	Seksyen Sektor, UPEN	-
JUMLAH			1,307,266,969.83

LAMPIRAN C**Program MES****Statistik Jumlah Penerima Faedah di DUN Teratai Setakat 30 Jun 2015**

BIL.	PROGRAM	AGENSI	PENERIMA FAEDAH (ORANG)
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	883
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	450
3	Skim Mesra Usia Emas	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	1137
4	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	Seksyen Sektor, UPEN	Tiada Maklumat
5	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M ³) Pertama	Kerajaan Negeri Selangor	Seluruh Rakyat Selangor
6	Program Hijrah Selangor (SkimSel + MIMBAR)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	74
7	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	104
8	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	Tiada Maklumat
9	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	Tiada Maklumat
10	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	770
11	Insentif Perkahwinan Belia	Seksyen Sektor, UPEN	43
12	Pusat Tuisyen Rakyat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Tiada Maklumat
13	Pusat Dialisis Rakyat	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	-
14	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	3
15	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	7
16	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	1476
17	Pusat Khidmat Krisis Sehent (OSCC)	Seksyen Sektor, UPEN	-
JUMLAH			4947

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN BAHU JALAN, RUMPUT DAN PERPARITAN
JALAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN BAWAH JKR DI DUN MERU.**

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bolehkah pihak MPK menuntut balik bayaran atas kerja-kerja kecemasan di bawah seliaan JKR?
- b) Apakah tindakan terhadap kontraktor yang gagal patuh syarat pemotongan rumput?
- c) Bilakah tempoh dapat diselesaikan masalah bahu jalan berlopak, rendah dan bertimbun tanah di DUN Meru?

JAWAPAN:

- a) Tuntutan boleh dibuat dan JKR akan merujuk perkara ini kepada Pegawai Kewangan Negeri.
- b) Tindakan yang dikenakan adalah dengan tidak membuat bayaran, menahan bayaran atau membuat potongan bayaran. Kontraktor juga tidak akan dilantik untuk kerja akan datang.
- c) 6 bulan dan dijangka siap pada April 2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PERUNTUKAN KEPADA MASJID DAN SURAU

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan peruntukan yang telah diluluskan kepada semua masjid dan surau berserta dengan projek dan nilainya masing-masing.
- b) Nyatakan SOP permohonan peruntukan hal-ehwal Islam.

JAWAPAN:

- a) Peruntukan projek yang telah diluluskan kepada semua masjid, SRA & Kompleks Islam di dalam RMK-10 adalah sebanyak RM420,000,000.00 di bawah peruntukan Pembangunan (P.14) Jabatan Agama Islam Selangor. Senarai masjid yang dilaksanakan menggunakan peruntukan tersebut disertakan di Lampiran B.

Maklumat kos baikpulih masjid daripada tahun 2008 - 2015 adalah seperti yang berikut:

Baikpulih Masjid:

BIL	TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
1.	2008	2.0 JUTA
2.	2009	3.0 JUTA
3.	2010	4.0 JUTA
4.	2011	6.0 JUTA
5.	2012	6.0 JUTA
6.	2013	5.0 JUTA
7.	2014	6.5 JUTA
8.	2015	5.0 JUTA

Tiada peruntukan disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan surau.

- b) Peruntukan bagi pembinaan masjid adalah berdasarkan keperluan setempat dan disyorkan oleh PAID kepada Jawatankuasa Kariah MAIS. Kelulusan peruntukan adalah tertakluk kepada Rancangan Malaysia (5 tahun) yang diselaraskan oleh pihak UPEN.

SENARAI RMK-10 (DALAM PERANCANGAN)

BIL	PEMBINAAN DALAM PERANCANGAN	DAERAH	STATUS
	<u>SEKOLAH</u>		
1	SRA DENAI ALAM	PETALING	
2	SRA BANDAR COUNTRY HOMES	GOMBAK	
3	SRA SG. KANTAN 3	H.LANGAT	
4	MITS BAGAN LALANG	SEPANG	
5	SRA EHYAUL FALAH 2, SG. BESAR	S.BERNAM	
	<u>MASJID</u>		
1	MASJID JAMEK PEKAN KAJANG	H.LANGAT	
2	MASJID TMN. BKT. BELIMBING	H.LANGAT	
3	MASJID BKT. MAHKOTA BANGI	H.LANGAT	

BILANGAN

SEKOLAH = 5

MASJID = 3

SENARAI RMK-10 (PEMBINAAN TAHUN 2011)

BIL	PEMBINAAN TAHUN 2011	DAERAH	TARIKH SIAP	STATUS
	<u>SEKOLAH</u>			
1	SRA SEK. 24, SHAH ALAM	PETALING	30.01.2013	SIAP
2	SRA KG. BAIDURI	PETALING	02.01.2012	SIAP
3	SRA BANDAR KINRARA 5	PETALING	06.02.2013	SIAP
5	SRA BANDAR BKT PUCHONG	PETALING	11.01.2011	SIAP
4	SRA & MASJID SUBANG MEWAH	PETALING	30.04.2010	SIAP
8	SRA PUTRA PERDANA	SEPANG	30.04.2010	SIAP
6	SRA BUKIT NAGA	KLANG	06.09.2011	SIAP
7	SRA TMN. TUN PERAK, BNDR TUN HUSSEIN ONN	H.LANGAT	13.04.2012	SIAP
9	SRA PUNCAK ALAM	K.SELANGOR	22.05.2012	SIAP
10	SRAI SAUJANA UTAMA	K.SELANGOR	21.05.2012	SIAP
11	SRA BUKIT SENTOSA	H. SELANGOR	12.06.2011	SIAP
12	MITS ALAM IMPIAN	PETALING	04.12.2014	SIAP
13	SRA BANDAR TASEK PUTERI, RAWANG	GOMBAK	31.12.2012	SIAP
14	SRA PEKAN MERU	KLANG	08.02.2013	SIAP
15	SRA LEMBAH JAYA SELATAN	H.LANGAT	28.12.2012	SIAP
16	SRA SG. CHUA	H.LANGAT	22.01.2013	SIAP
17	SRA BANDAR BARU SALAK TINGGI	SEPANG	08.03.2013	SIAP
	<u>PEJABAT AGAMA ISLAM</u>			
1	KOMPLEKS ISLAM HULU LANGAT	H.LANGAT	28.02.2013	SIAP
	<u>MASJID</u>			
1	MASJID KG. LINDUNGAN PJS 6	PETALING	01.11.2012	SIAP
2	MASJID BUKIT JELUTONG	PETALING	27.03.2012	SIAP
3	MASJID NEGERI (KAFETERIA)	PETALING	02.05.2011	SIAP
4	MASJID SG. RAMAL LUAR	H.LANGAT	24.03.2009	SIAP
5	MASJID UBUDIAH SG. DARAH	K.SELANGOR	28.05.2011	SIAP
6	MASJID GESIR TENGAH (BAIKPULIH)	H.SELANGOR	23.04.2010	SIAP
7	MASJID BINJAI JAYA	S.BERNAM	12.02.2010	SIAP
8	MASJID KG. RAJA UDA	KLANG	28.02.2012	SIAP
9	MASJID TAMAN SRI MUDA	KLANG	04.07.2013	SIAP
10	MASJID KG. JENJARUM	K.LANGAT	13.12.2013	SIAP


BILANGAN

SEKOLAH = 17

MASJID = 10

PAID = 1

 PROJEK SAMBUNGAN DARIPADA RMK-9

 BELUM SELESAI BAYARAN PERUNDING
RMK-9

 PROJEK PEMBINAAN RMK-10

SENARAI RMK-10 (PEMBINAAN TAHUN 2012)

BIL	PEMBINAAN TAHUN 2012	DAERAH	TARIKH SIAP	STATUS
	<u>SEKOLAH</u>			
1	SAM PAYA JARAS	PETALING	25.11.2013	SIAP
2	SRA SERI DAMANSARA	PETALING	10.12.2013	SIAP
3	SAM KANCHONG DARAT	K.LANGAT	07.10.2012	SIAP
4	SRA BUKIT CHANGGANG	K.LANGAT	17.05.2014	SIAP
5	SRA KG. SEKAMAT	H.LANGAT	09.07.2013	SIAP
6	SRA SG. MERAB LUAR	SEPANG	20.03.2015	SIAP
7	SRA BAGAN LALANG	SEPANG	20.06.2014	SIAP
8	SRA PARIT BARU	S.BERNAM	30.12.2014	SIAP
	<u>MASJID</u>			
1	MASJID DATO' HAJI KAMARUDDIN MASJID JAMEK TUN UDA SEK. 16, SHAH ALAM	PETALING	26.03.2015	SIAP
2	MASJID SIMPANG 3, IJOK	PETALING	08.06.2013	SIAP
3	MASJID FELDA SG. TENGI	K.SELANGOR	02.05.2014	SIAP
4		H.SELANGOR	15.09.2014	SIAP

BILANGAN

SEKOLAH = 8

MASJID = 4

Lampiran B

SENARAI RMK-10 (PEMBINAAN TAHUN 2013)

BIL	PEMBINAAN TAHUN 2013	DAERAH	TARIKH SIAP	STATUS
1	<u>SEKOLAH</u> SRA KG. TANGKAS	H.LANGAT	24.11.2014	SIAP
1	<u>PEJABAT AGAMA ISLAM</u> KOMPLEKS ISLAM GOMBAK	GOMBAK	15.09.2014	DP
2	KOMPLEKS ISLAM KUALA SELANGOR	K.SELANGOR	22.09.2014	DP
1	<u>MASJID</u> MASJID AL-ISLAH KG. SEMENTA	KLANG	12.05.2015	DP
2	MASJID SEK. 7 SHAH ALAM	PETALING	24.06.2014	SIAP
3	MASJID SAIDINA ALI, BKT SENTOSA 2	H.SELANGOR	18.12.2014	SIAP

* DP = DALAM PEMBINAAN

BILANGAN

SEKOLAH = 1

MASJID = 3

PAID = 2

(SENARAI RMK-10 (PEMBINAAN TAHUN 2014))

BIL	PEMBINAAN TAHUN 2014	DAERAH	TARIKH SIAP	STATUS
	<u>SEKOLAH</u>			
1	SRA KOTA DAMANSARA	PETALING	03.03.2016	DP
2	SRA SERI KUNDANG	GOMBAK	06.07.2015	DP
3	SRA KEBUN BAHARU	K.LANGAT	18.08.2016	DP
4	MITS BAGAN TERAP	S.BERNAM	10.02.2016	DP
	<u>PEJABAT AGAMA ISLAM</u>			
1	KOMPLEKS ISLAM K. LANGAT	K.LANGAT	23.02.2015	DP
	<u>MASJID</u>			
1	MASJID AL-ISLAH SERI KEMBANGAN	PETALING	23.12.2015	DP
2	MASJID TAMAN UKAY PERDANA, HULU KLANG	GOMBAK	17.07.2016	DP
3	MASJID AL-HIDAYAH, KG. JOHAN SETIA	KLANG	11.03.2015	DP
4	MASJID TAMAN PADU PERMAI	S.BERNAM	31.04.2016	DP

* DP = DALAM PEMBINAAN

BILANGAN

SEKOLAH = 4

MASJID = 4

PAID = 1

SENARAI RMK-10 (PEMBINAAN TAHUN 2015)

BIL	PEMBINAAN TAHUN 2014	DAERAH	TARIKH SIAP	STATUS
1	<u>MASJID</u> MASJID JALAN KEBUN	KLANG	15.06.2016	DP

* DP = DALAM PEMBINAAN

BILANGAN

SEKOLAH = 0

MASJID = 1

PAID = 0

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : WIFI PERCUMA DI DUN SUNGAI PELEK

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berkenaan dengan Projek Penambahan Lokasi Wifi Percuma dalam setiap DUN yang telah dicadangkan kepada Kerajaan Negeri, bilakah projek ini dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Projek Penambahan Lokasi WiFi Percuma dalam setiap DUN masih berjalan. Setakat 31 Julai 2015 sejumlah 600 lokasi telah berjaya disiapkan.

Untuk DUN Sungai Pelek, pemasangan telah dilaksanakan pada bulan Mei 2015 di dua lokasi iaitu Medan Selera Bandar Baru Salak Tinggi dan Medan Selera Pantai Bagan Lalang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : TANAH LESEN MENDUDUKI SEMENTARA (T.O.L)

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah polisi kerajaan terhadap tanah Lesen Menduduki Sementara (T.O.L) ini?

JAWAPAN:

a) Berdasarkan keputusan terbaharu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 12/2015 pada 25 Mac 2015, Kerajaan Negeri hanya meluluskan pengeluaran TOL atas tanah rizab kerajaan bagi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- i. Tapak semaian / tapak jualan pokok hiasan
- ii. Tanaman kontan
- iii. Pondok pengawal
- iv. Papan iklan (*billboard*)
- v. Tempat meletak kereta

Walau bagaimanapun, pertimbangan kelulusan adalah berdasarkan kepada ulasan daripada jabatan-jabatan teknikal yang mengurus tadbir tanah-tanah rizab tersebut dan setelah mendapat kebenaran daripada Pegawai Pengawal tanah rizab yang berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 66 Kanun Tanah Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : ORANG ASLI

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan JKOA dalam mempertingkatkan sosial ekonomi dan pendidikan masyarakat orang asli di Selangor?
- b) Apakah rancangan kerajaan dalam pengembangan adat, budaya dan bahasa orang asli di negeri Selangor?
- c) Apakah status usaha kerajaan dalam menggazettekan tanah warisan kampung-kampung orang asli di Selangor?

JAWAPAN:

JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI NEGERI SELANGOR

- a) JAKOA Negeri Selangor tidak bekerjasama dalam menyediakan jawapan.

BADAN BERTINDAK TANAH ORANG ASLI NEGERI SELANGOR

- b) BBTOAS tidak terlibat dalam memelihara adat dan budaya Orang Asli Selangor. BBTOAS hanya mengusahakan pewartaan tanah dan penyelesaian masalah tanah Orang Asli.

Dalam hal mengembang adat Orang Asli mendapat kerjasama PADAT dan Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Kebudayaan unik Orang Asli iaitu Suku Mahmeri diberi tumpuan dari segi promosi dan pendedahan kepada pihak orang asing.

- c) Setakat tahun 2015, jumlah penempatan Orang Asli dalam proses tindakan untuk digazet oleh PTD (T) Sepang adalah seperti berikut:-

Bil.	Nama Lokasi	Daerah	Keluasan (Ekar)
1.	Kg. Orang Asli Sg. Buah	Selangor	36.431
2.	Kg. Orang Asli Kelinsing	Selangor	164.77

3.	Kg. Orang Asli Bakok	Sepang	9.056
JUMLAH BESAR KELUASAN			210.257

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : TEBATAN BANJIR DI KUALA LANGAT

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan jangka pendek dan panjang Kerajaan Negeri untuk memastikan kejadian banjir kilat tidak berlaku di kawasan-kawasan "hot spot"?
- b) Apakah status dan perkembangan pembinaan 2 kolam takungan air di tebing Sungai Kuala Langat untuk meleraikan masalah banjir kilat di kawasan Taman Perumahan Pekan Banting yang diusahakan oleh JPS?

JAWAPAN:

a) Perancangan jangka pendek

- 1. Penyelenggaraan secara berkala saluran termasuk parit, sungai dan kolam tadahan banjir dan kolam takungan.
- 2. Menaiktaraf pintu air yang rosak.
- 3. Memasang pam sementara di kawasan terbabit.

Perancangan jangka panjang

- 1. Kajian tebatan banjir dan reka bentuk saluran.
 - 2. Menaiktaraf saluran dengan membina struktur parit, melebar dan mendalamkan bagi meningkatkan kapasiti tadahan.
 - 3. Memasang pam kekal yang berkapasiti tinggi di kawasan hotspot banjir dan peruntukan telah diluluskan.
 - 4. Pembinaan kolam tadahan banjir di Pekan Banting.
 - 5. Mengetatkan syarat kepada Pemaju Tanah untuk menggunapakai garis panduan MSMA dalam semua pembangunan tanah.
- b) Reka bentuk terperinci kolam takungan Fasa 1 dan 2 telah siap dijalankan khususnya merangkumi kawasan di Bandar Banting. Walau bagaimanapun Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor sedang dalam proses menetapkan skop kerja yang akan dimasukkan dalam tender Fasa 1 bagi penyediaan dokumen tender setelah permohonan peruntukan projek diluluskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : SERBUAN UNIT INTEGRITI OLEH SUK

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak serbuan yang dijalankan oleh Unit Integriti Setiausaha Kerajaan dalam mengurangkan budaya lepak semasa bekerja pada tahun 2015 sehingga sekarang dan nyatakan bilangan staf yang dikenakan tindakan disiplin?

JAWAPAN:

- a) Sepanjang Januari sehingga Julai 2015, sebanyak empat (4) operasi pemantauan waktu bekerja telah dilaksanakan oleh Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di premis-premis makanan, pusat snooker dan juga pusat membeli belah. Hasil daripada operasi pemantauan yang dilaksanakan, seramai 26 orang telah didapati gagal mematuhi arahan waktu bekerja yang ditetapkan. Berikut adalah butiran terperinci berhubung kesalahan yang dilakukan semasa waktu pejabat dan tindakan yang diambil oleh Ketua Jabatan masing-masing.

Bil.	Bilangan Operasi	Bilangan Pelaku	Kesalahan Dilakukan Semasa Waktu Pejabat	Tindakan
1.	Bil. 1/2015	12	Makan/minum di premis makanan	Teguran bertulis
2.	Bil. 2/2015	6		
3.	Bil. 3/2015	3		Bermain Snooker
		3		
	Bil. 4/2015	2	Membeli belah	
Jumlah		26		

Oleh yang demikian, bilangan kakitangan yang dikenakan tindakan tatatertib bagi pelbagai kesalahan yang dilakukan semasa waktu pejabat adalah seramai 8 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK : ANAK SYARIKAT PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(PKNS)**

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkenaan.

JAWAPAN:

- a) Senarai Anak Syarikat PKNS dan Ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkenaan adalah seperti berikut:-

BIL.	NAMA SYARIKAT	AHLI LEMBAGA PENGARAH
1.	PKNS Engineering & Construction Bhd.	<ul style="list-style-type: none">• Y.B. Tuan Hee Loy Sian• Tuan Haji Azlan bin Md. Alifiah• Y. Bhg. Dato' Ir. Haji Abdul Ghani bin Hashim
2.	Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none">• Tuan Haji Azlan bin Md. Alifiah• Tuan Ir. Izharuddin bin Abd Rahman• Puan Hajah Siti Zubaidah binti Abd. Jabar
3.	PKNS Infra Bhd.	<ul style="list-style-type: none">• Tuan Haji Azlan bin Md. Alifiah• Puan Hajah Noraida binti Haji Mohd. Yusof• Y. Bhg. Dato' Ir. Haji Abdul Ghani bin Hashim• Puan Norzila binti Sidek
4.	Selgate Corporation Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none">• Tuan Haji Azlan bin Md. Alifiah• Puan Hajah Noraida binti Haji Mohd. Yusof• Y. Bhg. Datin Paduka Hajah Norazlina binti Zakaria• Encik Ahmad Sabki bin Yusof

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : YAYASAN SELANGOR (YS)

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan kedudukan kewangan terkini Yayasan Selangor?
- b) Sila kemukakan butiran secara terperinci tentang pendapatan dan perbelanjaan bulanan dan tahunan YS?
- c) Sila nyatakan apakah perancangan YS untuk meningkatkan pendapatan tahunan?

JAWAPAN:

a) Berikut adalah kedudukan kewangan YS sehingga Jun 2015:-

Jumlah Aset	RM349.58 juta
Jumlah Liabiliti	RM49.53 juta (termasuk baki hutang pada Kerajaan Negeri-Perjanjian Novasi)
Jumlah Ekuiti	RM300.05 juta

b)

Perkara	Bulanan (RM'juta)	Tahunan (RM'juta)	Nota
Jumlah Pendapatan Kendalian	1.28	15.41	Pendapatan sewaan hartanah dan kem, parkir, subsidi Kementerian Pendidikan Malaysia.
Jumlah Perbelanjaan Kendalian	1.32	16.67	Kos menyelenggara hartanah termasuk susuitnilai dan kos membiayai pelajar tajaan YS seramai 4,562 orang.
Jumlah Pendapatan Lain-lain	0.34	4.29	Pendapatan usahasama, dividen dan faedah simpanan tetap/jangka pendek.
Belanja Operasi	1.57	19.73	Belanja pentadbiran, penggajian dan yuran guaman/professional.

c) 1. Matlamat strategik untuk pembangunan tanah

BIDANG KEUTAMAAN	PENCAPAIAN
Objektif 1: Penjualan Pembangunan i. Tanah Kundang	Penjualan tanah pembangunan dengan Kebenaran Merancang (KM)
ii. Tanah Bukit Tinggi, Klang	Penjualan tanah pembangunan dengan Kebenaran Merancang (KM)
Objektif 2: Pembangunan Tanah i. Tanah Shah Alam	Pembangunan tanah oleh Yayasan Selangor
ii. Tanah The Wood Resorts	Pembangunan tanah oleh Yayasan Selangor

2. Matlamat strategik hartanah untuk sewaan

Untuk merealisasikan matlamat strategik menjadi sebuah Jabatan yang mampu mencapai agenda ini, Yayasan Selangor telah menetapkan objektif strategik seperti berikut:

BIDANG KEUTAMAAN	PENCAPAIAN
1. Ruang untuk disewa.	Sekurang – kurangnya mencapai 80% <i>occupancy</i> untuk setiap lokasi.
2. Kutipan semasa.	Mencapai sekurang – kurangnya 70% daripada inouis semasa.
3. Hutang tertunggak.	Tidak lebih dari 3 bulan dari inouis dikeluarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PADANG BOLA SEPAK DI BAWAH PBT

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan padang bola sepak menurut PBT di seluruh Selangor.
- b) Senaraikan kos-kos (*actual costs*) yang terlibat sekiranya setiap padang di atas diselenggara menurut spesifikasi yang ditetapkan.
- c) Adakah Kerajaan ada rancangan untuk menyalurkan geran khas secara berjadual bagi penyelenggaraan padang-padang tersebut?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah senarai bilangan padang bola sepak di setiap PBT di seluruh Selangor:

PBT	BIL PADANG BOLA SEPAK
MBSA	78 unit
MBPJ	17 unit
MPK	90 unit
MPAJ	21 unit
MPSJ	22 Unit
MPS	33 Unit
MPKj	69 Unit
MPSp	10 Unit
MDKL	19 Unit
MDHS	31 Unit
MDKS	12 Unit
MDSB	11 Unit

- b) Berikut adalah kos-kos (*actual costs*) untuk penyelenggaraan di setiap PBT di seluruh Selangor :-

PBT	KOS-KOS PENYELENGGARAAN PADANG BOLA SEPAK (RM)
MBSA	233,400.00 setahun
MBPJ	408,000.00 setahun (kecuali padang di Stadium Kelana Jaya).
MPK	720,000.00 setahun
MPAJ	4,536,000.00 setahun
MPSJ	1,200,000.00 setahun
MPS	20,000.00 setahun
MPKj	60,000.00 setahun
MPSp	60,000.00 setahun
MDKL	192,756.00 setahun
MDHS	2,976,000.00 setahun
MDKS	576,000.00(setahun-potong rumput) 10,000 (setahun –mengecat padang dan kelengkapan)
MDSB	550,000.00 setahun

- c) Kerajaan Negeri tiada memperuntukkan geran khas berjadual. Namun Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan untuk penyelenggaraan Infrastruktur Sukan melalui Jawatankuasa Tetap Sukan dan tertakluk kepada keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : DIREKTORI PERMENTORAN USAHAWAN

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Ramai orang muda yang menjadi usahawan gagal kerana tidak mempunyai bimbingan yang lengkap. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai panel mentor dan jabatan dan agensi yang berkaitan untk memastikan golongan muda mempunyai maklumat yang lengkap dan tepat?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan bantuan ini bebas daripada amalan kronisme?

JAWAPAN:

- a) Pihak Kerajaan Negeri mempunyai panel mentor yang sentiasa membincangkan dan memantau aktiviti-aktiviti usahawan. Panel mentor tersebut dikenali sebagai Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan. Di samping itu juga, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor juga telah mewujudkan Sekretariat Pembangunan Usahawan Selangor yang kelak akan menjadi pusat rujukan untuk semua usahawan di Negeri Selangor. Ahli Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor dan Sekretariat Usahawan Negeri Selangor adalah:-
 - i. Unit Pembangunan Usahawan Negeri Selangor, Seksyen Sektor, UPEN;
 - ii. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS);
 - iii. Kumpulan Perangsang Selangor (KPS);
 - iv. Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS);
 - v. Hijrah Selangor; dan
 - vi. Wakil dari setiap Pejabat Daerah / Tanah.

Suka dimaklumkan juga bahawa pada 10 hingga 12 Ogos yang lalu, Kerajaan Negeri telah menghantar 2 orang pegawai ke Program Latihan dan Pentauliahan

Sebagai BisKaunselor di Institut Keusahawanan Negara Berhad. Sekiranya pegawai-pegawai terlibat telah rasmi melakukan sesi kaunseling kepada 50 orang usahawan dengan jayanya, pegawai-pegawai tersebut akan ditauliahkan dan diiktiraf sebagai BisKaunselor dan pegawai-pegawai ini secara tidak langsung layak untuk menjadi mentor usahawan.

- b) Bantuan yang ditawarkan adalah terbuka kepada semua dan pemilihan peserta atau pemohon yang berjaya dibuat melalui Jawatankuasa berasingan iaitu Jawatankuasa Pemilihan Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Tuan atau Puan Pegawai Daerah dan ahli-ahlinya terdiri daripada Penghulu Mukim dan Wakil Pejabat ADN atau Penyelaras DUN dan kemudiannya akan disemak semula oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Peringkat Negeri yang ahlinya terdiri daripada wakil Pejabat Daerah / Tanah dan Sekretariat Usahawan Negeri Selangor di samping maklumat kelayakan dan kriteria pemohon berserta syarat yang *transparent*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PENCEMARAN ALAM SEKITAR SERIUS OLEH SEBUAH KILANG DI LOT 15217, JALAN UDANG GANTUNG, TELOK GONG, PELABUHAN KLANG

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sebuah kilang di Lot 15217, Jalan Udang Gantung, Telok Gong, Pelabuhan Klang telah sangat mencemari persekitaraan dengan sentiasa membakar tayar dan mengeluarkan minyak dan cecair kimia yang sangat berbau. Banyak aduan telah dibuat kepada Majlis Perbandaran Klang tetapi kilang tersebut masih terus melakukan pencemaran dan sangat menderita penduduk-penduduk di sekitar kawasan tersebut. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menghalang pencemaran alam sekitar yang serius tersebut terus dilakukan?

JAWAPAN:

- a) Dimaklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menjalankan siasatan terhadap kilang Green Rubber & Petroleum Sdn. Bhd. beralamat di Kampung Telok Gong, Klang, Selangor. Premis ini menjalankan aktiviti memproses tayar terpakai secara pembakaran menggunakan kaedah "pyrolysis". Hasil siasatan mendapati terdapat kelemahan pada Alat Kawalan Pencemaran Udara kilang yang tidak beroperasi dengan efisien. Sehubungan itu, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah mengeluarkan arahan kepada pihak kilang supaya membuat pembaikan ke atas kelengkapan kawalan pelepasan udara dan kawalan terhadap *carbon black* yang dihasilkan.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor akan terus menjalankan penguatkuasaan dan mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya bagi memastikan kilang tersebut mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : JABATAN KERJA RAYA SELANGOR

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status permohonan peruntukan untuk menaiktaraf persimpangan Rasa di Jalan Persekutuan FR01 dari Tanjung Malim ke Rawang yang sering berlaku kemalangan?
- b) Apakah cadangan JKR Selangor untuk membantu menyelesaikan kesesakan persimpangan Genting Highland di Jalan Persekutuan FR01 dari Tanjung Malim ke Rawang?

JAWAPAN:

- a) Projek ini telah dipohon dalam RMKe-11 di bawah peruntukan Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf persimpangan tersebut.
- b) Jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Persekutuan FT01. Projek ini telah dipohon dalam RMKe-11 di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan dan sedang menunggu kelulusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : PERANAN MENTERI BESAR DI BADAN-BADAN BERKANUN DAN ANAK-
ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan semua jawatan yang dipegang oleh Dato Menteri Besar di semua badan-badan berkanun serta anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Sila senaraikan gaji, elaun serta segala kemudahan yang diterima di setiap jawatan tersebut.

JAWAPAN:

(a) & (b)

Jawatan yang dipegang oleh Dato' Menteri Besar dalam badan-badan berkanun serta anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut :

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) - ("MBI")

Selaras dengan peruntukan dalam Enakmen Menteri Besar Selangor No.3 Tahun 1994 yang diluluskan pada 21^{hb} September 1994, ada menyatakan "orang yang pada masa ini memegang jawatan atau melaksanakan fungsi-fungsi Menteri Besar Selangor dan penggantinya dalam jawatan, hendaklah menjadi Pertubuhan Perbadanan dengan nama "Menteri Besar Selangor" (kemudian daripada ini disebut "Perbadanan").

- Tiada gaji, atau kemudahan yang diterima; dan
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM2,000.00.

Kumpulan Darul Ehsan Berhad ("KDEB")

Selaras dengan peruntukan di dalam Artikel 76, Tataujud dan Tataurusan Syarikat KDEB menyatakan "*sementara Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(Enakmen No.3,1994) memiliki kawalan kepentingan di dalam syarikat, jawatan Pengerusi Syarikat akan disandang oleh Menteri Besar Selangor*".

- Tiada gaji yang diterima;
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM5,000.00;
- Elaun bulanan adalah RM10,000.00;
- Kemudahan diterima adalah pakej percutian RM100,000.00 setahun; dan
- Yuran Pengarah RM100,000.00 dibayar setelah mendapat kelulusan pemegang saham.

Permodalan Negeri Selangor Berhad ("PNSB")

PNSB adalah milik penuh MBI. Menteri Besar sebagai Pengerusi MBI secara langsung adalah juga Pengerusi PNSB.

- Menerima elaun bulanan RM5,000.00;
- Elaun kehadiran mesyuarat sebanyak RM5,000.00; dan
- Kemudahan diterima adalah tambang percutian dan fi pengarah (tertakluk kepada Keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah).

Invest Selangor Berhad ("ISB")

Selaras dengan peruntukan di dalam Tataujud dan Tataurusan syarikat merekodkan bahawa pelantikan Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada kakitangan Kerajaan Negeri Selangor yang memegang jawatan Menteri Besar, Dato' SUK, Dato' PWN, Timbalan SUK (Pembangunan), CEO PNSB (diganti Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan) dan Ketua Pegawai Eksekutif SSIC Berhad.

- Tiada gaji yang diterima;
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM1,000.00;
- Yuran Tahunan Ahli Lembaga Pengarah adalah RM10,000.00 (tertakluk kepada kelulusan pemegang saham); dan
- Tiada sebarang kemudahan lain diterima.

Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. ("PIYSB")

Pelantikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi adalah berdasarkan Pengarah Pertama (YAB Dato' Menteri Besar pada ketika itu) yang dinamakan di dalam Tataujud dan Tataurusan Syarikat (Artikel No. 62).

- Tiada gaji dan kemudahan yang diterima;
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM2,000.00.

Communication Corporation Sdn. Bhd. ("CCSB")

Pelantikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi adalah berdasarkan Pengarah Pertama (YAB Dato' Menteri Besar pada ketika itu) yang dinamakan di dalam Tataujud dan Tataurusan Syarikat (Artikel No. 3).

- Tiada gaji dan kemudahan yang diterima;
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM1,000.00.

Tourism Selangor Sdn. Bhd. ("TSSB")

Pelantikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi berkuatkuasa pada 2^{hb} April 2004 di mana YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada ketika itu telah dilantik. Pelantikan Pengerusi seterusnya adalah berdasarkan jawatan YAB Dato' Menteri Besar Selangor.

- Tiada gaji dan kemudahan yang diterima;
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM1,000.00;
- Yuran pengarah diterima adalah RM8,000.00 (tertakluk kepada kelulusan pemegang saham).

Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor ("YAQ")

Pelantikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi adalah selaras dengan Tataujud dan Tataurusan Syarikat (Artikel No. 10 (a) (i)).

- Tiada gaji, elaun serta kemudahan yang diterima.

Yayasan Warisan Anak Selangor ("YAWAS")

Pelantikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi adalah berdasarkan Pengarah Pertama dan sebagai *Trustee* (YAB Dato' Menteri Besar pada ketika itu) yang dinamakan di dalam Tataujud dan Tataurusan Syarikat (Artikel No. 10 (b)). Pelantikan Pengerusi seterusnya adalah berdasarkan jawatan YAB Dato' Menteri Besar Selangor.

- Tiada gaji dan kemudahan yang diterima; dan
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM1,000.00.

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ("PKNS")

Selaras dengan peruntukan di bawah Klausa 4(1)(a) Enakmen PKNS 1964 "Pengerusi adalah seorang yang pada masa tersebut memegang jawatan Menteri Besar Selangor".

- Tiada gaji yang diterima;
- Elaun tahunan sebanyak RM8,000.00 (tertakluk kepada kelulusan pemegang saham);
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM2,000.00; dan
- Kemudahan yang diterima adalah pemberian potongan harga 15% pembelian rumah atau lot rumah sesebuah PKNS sekali dalam tempoh perkhidmatan dan juga perubatan di Klinik Penal PKNS dan Hospital pakar untuk Ahli Perbadanan & Tanggungan.

Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor ("PKPS")

Selaras dengan peruntukan di dalam Enakmen PKPS, No.2 Tahun 2005 (pindaan) Sub Seksyen (2) menyatakan Pengerusi PKPS hendaklah pada ketika itu memegang jawatan sebagai Menteri Besar Selangor.

- Tiada gaji dan kemudahan yang diterima.
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM1,000.00
- Elaun bulanan sebanyak RM4,000.00 selaras dengan Seksyen 3, Bahagian 8, Enakmen PKPS Tahun 1972.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor ("LPHS")

Selaras dengan peruntukan dalam Seksyen 4(1)(a) Enakmen LPHS 2001, Menteri Besar adalah pengerusi LPHS,

- Tiada gaji yang diterima.
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM500.00 seperti diluluskan berdasar peruntukan dalam IPP WP7.1.

Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn.Bhd. ("PHSSB")

PHSSB adalah milikan penuh LPHS, oleh itu jawatan pengerusi secara otomatiknya di pegang oleh Pengerusi LPHS iaitu Menteri Besar .

- Tiada gaji yang diterima.
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM500.00.
- Pemberian saguhati adalah RM12,000.00 setahun (tertakluk kepada Keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah dari masa ke semasa).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua projek pemaju di Negeri Selangor yang dikecualikan daripada pembinaan rumah Selangorku sejak skim ini diperkenalkan. Tolong beri sebab pengecualian itu diberi dan saiz projek tersebut.

JAWAPAN:

- a) Dasar Rumah Selangorku telah mula diperkenalkan sejak **1 Januari 2014**. Dasar ini telah menetapkan setiap pembangunan perumahan yang dijalankan di Negeri Selangor dikenakan syarat seperti berikut:

Zon Pembangunan Perumahan	Keluasan Pembangunan Keseluruhan Projek (ekar) / Keperluan Penyediaan RUMAH SELANGORKU				
	2 – 5 ekar	5 – 10 ekar	10 – 20 ekar	20 – 50 ekar	50 ekar ke atas
ZON 1	* 20%	30%	40%	50%	50%
ZON 2	-	20%	40%	40%	50%
ZON 3	-	-	40%	40%	50%

* Hanya tertakluk bagi kawasan di bawah Pentadbiran **MPAJ dan MBPJ**

Pengiraan % adalah berdasarkan kepada keseluruhan unit rumah yang dibina dalam sesuatu projek mengikut zon yang terdiri daripada berikut:

Perletakan Zon	Daerah	Mukim
ZON 1	Petaling	Keseluruhan Daerah Petaling
	Gombak	Mukim Batu dan Hulu Kelang
	Klang	Mukim Klang
	Hulu Langat	Mukim Cheras, Kajang Ampang dan Semenyih
	Sepang	Kawasan Cyberjaya
ZON 2	Gombak	Mukim Setapak dan Rawang.
	Hulu Langat	Mukim Hulu Langat, Beranang dan Hulu Semenyih.

	Klang	Mukim Kapar
	Selangor	Keseluruhan Daerah Selangor kecuali Cyberjaya.
	Kuala Langat	Keseluruhan Daerah Kuala Langat
	Kuala Selangor	Mukim Ijok, Kuala Selangor, Jeram, Batang Berjuntai (Bestari Jaya) dan Hujung Permatang
ZON 3	Kuala Selangor	Mukim Pasangan, Tanjung Karang dan Hulu Tinggi
	Hulu Selangor	Keseluruhan Daerah Hulu Selangor
	Sabak Bernam	Keseluruhan Daerah Sabak Bernam

Penyediaan rumah mampu milik tersebut telah ditetapkan harga jualannya di antara RM42,000.00 hingga RM250,000.00 seunit berdasarkan saiz keluasan lantai dan jenis. Berdasarkan kepada syarat pembangunan yang telah ditetapkan tersebut, secara tidak langsung Kerajaan Negeri telah mengawal harga jualannya sekurang-kurangnya 20% hingga 50% bagi sesuatu pembangunan. Baki bagi 50% hingga 80% unit-unit tersebut adalah pada harga bebas.

Oleh demikian, kesemua pembangunan perumahan yang dijalankan di Negeri Selangor perlu mematuhi syarat penyediaan Rumah Selangorku seperti yang dinyatakan di atas dan sehingga kini tiada sebarang pengecualian syarat pembinaan Rumah Selangorku pernah diberikan. Kelonggaran yang pernah diberikan oleh Kerajaan Negeri adalah menukar jenis Rumah Selangorku contohnya daripada Rumah Selangorku Jenis A kepada Jenis B atau sebagainya sekiranya mendapati permintaan semasa yang rendah terhadap rumah-rumah jenis tersebut bagi sesuatu kawasan khususnya Jenis A berdasarkan Sistem Pendaftaran Perumahan Rumah di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 BANGI)**

TAJUK : PERUNTUKAN JALAN KAMPUNG DAN KEUPAYAAN KETUA KAMPUNG

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak Kerajaan Negeri tidak berhasrat menyediakan peruntukan kewangan untuk menaiktaraf jalan-jalan kampung yang tidak mendapat peruntukan mencukupi daripada Kerajaan Persekutuan?
- b) Bagaimanakah pihak Kerajaan Negeri mengkaji keberhasilan dan keupayaan Ketua-ketua Kampung Kerajaan Negeri Selangor?
- c) Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk membantu pemilik-pemilik tanah berkelompok yang tiada kemampuan untuk membina infrastruktur (jalan dan parit) sebab mereka membina rumah masing-masing di lot-lot milik mereka?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM12 juta di bawah Vot Menteri Besar dan SUK - P01/02007 - Penyelenggaraan Jalan Kampung untuk tahun 2015 khas untuk menaiktaraf jalan-jalan luar bandar di semua daerah Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, kelulusan sesuatu projek adalah tertakluk kepada keperluan serta kewajaran kos projek yang dicadangkan.

Satu mesyuarat pelarasan juga telah diadakan oleh Jawatankuasa Tetap Luar Bandar pada 5 Mac 2015 bersama Agensi yang terlibat dalam pembangunan luar bandar termasuk semua Pejabat Daerah/Tanah. Mesyuarat tersebut diadakan untuk mendapatkan input berkaitan projek pembangunan luar bandar yang diperlukan dan mesyuarat turut bersetuju bahawa fokus utama pembangunan luar bandar diberikan untuk menaiktaraf jalan-jalan luar bandar di negeri Selangor.

Sehingga Julai 2015, pihak Unit Perancang Ekonomi telah meluluskan sebanyak 115 buah projek menaiktaraf jalan-jalan kampung di semua daerah negeri Selangor melibatkan peruntukan berjumlah RM8,957,507.78 dengan perincian seperti berikut:

BIL.	DAERAH	JALAN	
		JUMLAH PERMOHONAN PROJEK	ANGGARAN KOS PROJEK (RM)
1	PETALING	7	702,975.00
2	KLANG	11	710,710.00
3	GOMBAK	8	590,250.00
4	KUALA SELANGOR	18	1,459,350.30
5	KUALA LANGAT	22	726,036.00
6	HULU SELANGOR	19	606,041.48
7	HULU LANGAT	45	2,108,751.00
8	SEPANG	10	815,344.00
9	SABAK BERNAM	15	1,238,050.00
JUMLAH		155	8,957,507.78

- b) Penilaian Ketua Kampung dibuat melalui Borang Penilaian Prestasi dan dinilai oleh Penghulu dan Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan. Pelbagai kriteria akan dinilai terhadap Ketua Kampung antaranya berkaitan Sasaran Kerja Tahunan, kegiatan dan sumbangan yang diberikan oleh Ketua Kampung, pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh Ketua Kampung, kualiti peribadi, jalinan hubungan dan kerjasama yang dimiliki dan beberapa kriteria lain. Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang mengadakan Pertandingan Anugerah Kampung Tradisi Terbaik Negeri Selangor Tahun 2015. Penilaian akan dibuat untuk mengukur keupayaan JKKK berdasarkan kriteria-kriteria berikut :

- i. Kepimpinan;
- ii. Penyediaan profil kampung yang dikemaskini;
- iii. Pengwujudan biro-biro dalam organisasi JKKK; dan
- iv. Pengurusan mesyuarat

Pada masa ini pertandingan ini sedang dilaksanakan di peringkat daerah manakala pertandingan peringkat Negeri akan dilaksanakan bermula pada bulan September 2015.

- c) Dasar Kerajaan Negeri sedia ada tidak membenarkan sebarang pelaksanaan projek termasuk projek menaiktaraf dan membaiki jalan di atas tanah hak milik persendirian.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Pejabat Daerah dan Tanah telah memulakan proses penyenaian dan semakan status jalan serta mengenal pasti jalan-jalan kampung yang terletak di atas tanah hak milik persendirian. Pada asalnya, jalan-jalan tersebut dibina atas dasar kepentingan bersama penduduk kampung atau dikenali sebagai izin lalu oleh pemilik tanah terbabit.

Melalui kaedah yang sedang dilaksanakan sekarang, pihak Pejabat Daerah dan Tanah akan melaksanakan kerja-kerja ukur tanah / *'land survey'* bagi mendapatkan jajaran jalan dan sempadan yang sebenar. Langkah seterusnya akan diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri selepas selesai kerja-kerja ukur tersebut sama ada melalui proses Esmen(Seksyen 282 KTN), atau mengguna pakai Hak Lalulalang Pentadbir Tanah (Seksyen 388 & 389 KTN) atau kaedah terakhir iaitu pengambilan balik semula tanah (Seksyen 3).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PENGURANGAN HASIL TANGKAPAN NELAYAN SUNGAI

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah analisis Kerajaan Negeri berkenaan punca pengurangan jumlah tangkapan?
- b) Apakah usaha yang dijalankan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan hasil tangkapan?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Perikanan Negeri Selangor sebagai pihak yang bertanggungjawab telah mengambil langkah memulihkan keadaan bagi meningkatkan hasil tangkapan. Program pelepasan umum bukan sahaja dilaksanakan di Sungai Selangor malah di beberapa sungai dan tasik. Program ini dilaksanakan sebagai salah satu cara untuk meningkatkan stok ikan yang sedia ada. Program pelepasan dijalankan bermula tahun 2010 dan dilakukan bagi tempoh sekurang-kurangnya 3 tahun berterusan bagi menampakkan dan meningkatkan hasil. Spesis yang hendak dilepaskan perlulah spesis asli dari sungai tersebut dan bukan spesis asing. Pelepasan spesis asing adalah dilarang kerana boleh mengganggu ekosistem atau habitat asal dan seterusnya menghapuskan spesis asal di sungai tersebut. Jabatan Perikanan Negeri Selangor sentiasa berusaha untuk mengekalkan stok ikan/udang di lembangan tersebut dengan kadar pelepasan yang sama pada tahun mendatang.

Jabatan Perikanan juga sedang mengumpul data pendaratan ikan sungai daripada nelayan sungai dan dijangka akan dapat dianalisa pada akhir tahun 2015 bagi mengenalpasti keberkesanan program pelepasan yang dilaksanakan.

- b) Jabatan Perikanan Negeri Selangor sebagai pihak yang bertanggungjawab telah mengambil langkah memulihkan keadaan bagi meningkatkan hasil tangkapan. Program pelepasan umum bukan sahaja dilaksanakan di Sungai Selangor malah di beberapa sungai dan tasik. Program ini dilaksanakan sebagai salah satu cara untuk meningkatkan stok ikan yang sedia ada. Untuk rekod pada tahun 2013 sebanyak 235,500 ekor benih ikan dan udang dilepaskan. Lembangan Sungai Selangor sepanjang 140 km meliputi Sungai Sembah, Sungai Batang Kali, Sungai

Rening, Sungai Luit, Sungai Kul, Sungai Kerling, Sungai Gumut, Sungai Darah, Sungai Kubu, Sungai Gerachi, Sungai Peretak dan Sungai Buloh. Pada 2014 pula sebanyak 220,000 ekor benih ikan dan udang telah dilepaskan. Tumpuan diberikan kepada Lembangan Sungai Selangor adalah berikutan perubahan cuaca kering/kemarau pada tahun 2013 dan awal 2014 dan bilangan nelayan darat yang ramai di lembangan ini. Pada tahun 2015 sehingga bulan Julai sebanyak 180,000 ekor benih telah dilepaskan di sungai, tasik dan takungan air umum di seluruh Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : SKIM KESIHATAN WANITA MAMOGRAM

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah skim ini diketahui oleh golongan wanita di Selangor?
- b) Apakah syarat-syarat bagi mendapatkan rawatan tersebut?
- c) Senaraikan pusat rawatan mamogram yang ada di seluruh negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mengakui masih banyak usaha perlu dilakukan bagi memastikan maklumat berkaitan program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) termasuklah program Skim Kesihatan Wanita (SKW) ini.

Walaupun begitu, sehingga kini Kerajaan Negeri Selangor mendapati penerimaan kaum wanita terhadap program SKW ini adalah amat baik meskipun ia tidak mendapat tempat, sokongan dan dokongan daripada media-media arus perdana termasuk rangkaian radio dan televisyen tempatan.

Kerajaan Negeri akan terus berusaha menerusi agensi-agensi yang berkaitan dan akan turut mempelbagaikan cara penyampaian maklumat agar rakyat Selangor mendapat maklumat yang terkini berkaitan pelbagai program dan manfaat yang telah dan akan diwujudkan untuk kebajikan dan kebaikan mereka.

Antara kaedah terkini dalam mempromosikan program MES amnya dan program SKW ini khususnya, Pusat Wanita Berdaya telah digerakkan sepenuhnya bagi membantu memberikan penerangan, mendaftarkan peserta dan membantu memastikan program ini dapat berjalan dengan lancar di semua peringkat kawasan DUN yang berkaitan. Dengan cara ini, diharapkan lebih ramai wanita di Negeri Selangor akan berpeluang untuk menikmati manfaat daripada program ini dan sebarang kesan positif kanser payudara dapat dikesan di peringkat yang paling awal.

- b) Bagi menyertai program mammogram percuma atau MAMOSEL ini, beberapa syarat mudah telah ditetapkan. Wanita yang berminat untuk menyertainya mestilah warganegara Malaysia. Sekiranya mereka tidak lahir di Negeri Selangor, mereka

mestilah telah bermastautin di Negeri Selangor melebihi 10 tahun. Wanita-wanita berkenaan juga mestilah daripada kalangan mereka yang berumur 35 tahun dan ke atas.

Setakat ini Kerajaan Negeri hanya berurusan dengan National Cancer Society Malaysia (NCSM) bagi memberikan khidmat pemeriksaan mammogram tersebut.

Kerajaan Negeri telah pun mendapat persetujuan daripada beberapa pengendali perkhidmatan mammogram yang lain untuk bersama menjayakan program ini. Antara yang telah memberikan persetujuan adalah Kumpulan Perubatan Johor (KPJ), BP Healthcare, Salam Medical Centre, Darul Ehsan Medical Centre dan Columbia Asia Sdn. Bhd.

Dengan penambahan pusat perkhidmatan mammogram ini kelak, Kerajaan Negeri berharap lebih ramai wanita di Negeri Selangor akan berpeluang untuk menikmati khidmat mammogram secara percuma ini. Dengan cara ini juga diharapkan sebarang petanda positif kanser payudara dapat dikesan di peringkat paling awal agar lebih banyak nyawa akan mampu diselamatkan kelak.

- c) Kebanyakan pusat rawatan swasta dan hospital-hospital pakar di Negeri Selangor ini telah menyediakan perkhidmatan saringan mammogram. Antaranya adalah Kumpulan Perubatan Johor (KPJ), BP Healthcare, Salam Medical Centre, Darul Ehsan Medical Centre dan Columbia Asia Sdn. Bhd dan semua hospital-hospital kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : WIFI BERKELAJUAN TINGGI SELANGORKU

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah WiFi *hotspot* yang telah wujud sehingga Jun 2015 mengikut DUN?
- b) Berapakah jumlah kos yang telah digunakan sehingga kini sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bajet 2015?

JAWAPAN:

- a) Jumlah WiFi *hotspot* yang telah wujud dan siap dipasang setakat Jun 2015 adalah sejumlah 277 lokasi. Sehingga 31 Julai 2015, jumlah lokasi yang telah disiapkan adalah 600 lokasi.
- b) Jumlah peruntukan untuk tahun 2015 adalah tidak melebihi RM3 juta. Jumlah yang telah dibelanjakan setakat 31hb Julai 2015 adalah RM300,000. Pembayaran adalah berdasarkan jadual perkembangan sasaran pelaksanaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KEDIAMAN RASMI MENTERI BESAR SELANGOR

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah bayaran bil elektrik dan air di Kediaman Menteri Besar Selangor pada 2012-Jun 2015 mengikut bulan?
- b) Senaraikan secara terperinci perbelanjaan bagi menyelenggara Kediaman Rasmi Menteri Besar Selangor pada 2012-Jun 2015 mengikut bulan?
- c) Senaraikan majlis-majlis rasmi kerajaan yang diadakan di Kediaman Rasmi Menteri Besar Selangor pada 2012-Jun 2015?

JAWAPAN:

- a) Bil air bagi rumah Kediaman Dato' Menteri Besar bagi tempoh Januari 2012 hingga Jun 2015 adalah sebanyak RM82,992.75 (RINGGIT MALAYSIA: Lapan Puluh Dua Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Dua dan Sen Tujuh Puluh Lima) manakala bil elektrik di kediaman tersebut dibayar secara pukal bersama-sama dengan premis Kerajaan yang lain.

BIL AIR							
2012		2013		2014		2015	
BULAN	BIL SEMASA	BULAN	BIL SEMASA	BULAN	BIL SEMASA	BULAN	BIL SEMASA
JAN	2,418.26	JAN	2,198.15	JAN	2,198.15	JAN	591.55
FEB	2,198.15	FEB	2,270.85	FEB	2,345.55	FEB	420.15
MAC	2,051.17	MAC	2,051.17	MAC	2,125.44	MAC	1,030.46
APRIL	2,418.26	APRIL	2,345.55	APRIL	2,198.15	APRIL	734.85
MEI	2,125.44	MEI	2,051.17	MEI	2,125.44	MEI	537.55
JUN	2,345.55	JUN	2,418.26	JUN	2,418.26	JUN	608.85
JULAI	2,270.85	JULAI	2,198.15	JULAI	2,125.44	JULAI	348.85
OGOS	2,125.44	OGOS	2,051.17	OGOS	2,345.55	OGOS	0.00
SEPT	2,418.26	SEPT	2,345.55	SEPT	2,198.15	SEPT	0.00
OKT	2,198.15	OKT	2,270.85	OKT	2,477.35	OKT	0.00
NOV	2,270.85	NOV	2,270.85	NOV	2,198.15	NOV	0.00
DISEMBER	2,198.15	DISEMBER	2,125.44	DISEMBER	329.17	DISEMBER	0.00
JUMLAH	27,038.53	JUMLAH	26,597.16	JUMLAH		JUMLAH	4,272.26

					25,084.80		
JUMLAH KESELURUHAN					RM82,992.75		

- b) Penyelenggaraan di Kediaman Dato' Menteri Besar terbahagi kepada dua (2) bahagian, iaitu pembersihan dalaman serta penyelenggaraan taman (diselenggara oleh Unit Pengurusan Bangunan Pejabat SUK Selangor) dan penyelenggaraan dalaman serta infrastruktur (diselenggara oleh JKR Selangor). Penyelenggaraan adalah seperti berikut:

PERKARA KOS (RM)	TAHUN				JUMLAH
	2012	2013	2014	SEHINGGA JUN 2015	
Pembersihan dalaman serta penyelenggaraan taman	107,040.00	100,599.65	95,999.40	47,999.70	351,638.75
Penyelenggaraan dalaman serta infrastruktur	Rekod belum dijumpai	20,671.30	37,897.00	118,005.80	176,574.10

- c) Senarai Majlis-majlis Rasmi Yang Diadakan Di Kediaman Rasmi YAB Dato' Menteri Besar Selangor seperti di dalam jadual di bawah :

BIL	PROGRAM	TARIKH PROGRAM
2012		
1.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	23.02.2012
2.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	28.03.2012
3.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	06.04.2012
4.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	28.04.2012
5.	Taklimat Berkaitan Kerajaan Negeri Selangor Oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor	26.5.2012
6.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	19.07.2012
7.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	10.06.2012

8.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	28.06.2012
9.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	18.10.2012
10.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	23.11.2012
11.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	26.09.2012
2013		
1.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	21.2.2013
2.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	7.6.2013
3.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	25.9.2013
4.	Bengkel Penyediaan Belanjawan Kerajaan Negeri Selangor	20.10.2013
5.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	24.10.2013
6.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	21.11.2013
2014		
1.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	6.3.2014
2.	Perjumpaan YAB Dato' Menteri Besar Selangor Bersama Pimpinan Masyarakat Negeri Selangor	28.2.2014
3.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	17.4.2014
4.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	13.3.2014
5.	Majlis Tazkirah Bulanan YAB Dato' Menteri Besar Selangor	26.6.2014
6.	Majlis Zikir Munajat Bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor	20.12.2014
2015		
1.	Majlis Khatam Al-Quran Bersama Puan Shamsidar	27.2.2015
2.	Majlis Khatam Al-Quran Bersama Puan Shamsidar	27.3.2015
3.	Majlis Tadabur Al-Quran Bersama Puan Shamsidar	30.4.2015
4.	Majlis Makan Dan Minum Untuk Delegasi Kelantan	14.5.2015

5.	Majlis Tadabur Al-Quran Bersama Puan Shamsidar	28.5.2015
6.	Perjumpaan Ahli Parlimen Belia Dan DUN Selangor	21.5.2015
7.	Taklimat SPR Daftar Pengundi Baru Selangor	31.5.2015
8.	Kunjungan Hormat Isteri-isteri EXCO Kelantan (PURNAMA) Bersama Puan Shamsidar	3.6.2015

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KAWASAN TANAH MILIK KERAJAAN NEGERI DAN PUSAT DI KOTA DAMANSARA

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan keluasan tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri atau Pusat yang masih tidak digunakan di Kota Damansara?
- b) Nyatakan perancangan bagi kegunaan tanah yang masih belum digunapakai dalam jangka masa terdekat?

JAWAPAN:

- a) Secara keseluruhannya, Kota Damansara telah menjalani pembangunan yang pesat dan tanah-tanah yang diberimilik telah dimajukan dan melalui proses serah balik dan berimilik semula. Tanah-tanah yang telah diserahkan oleh pemaju mengikut kelulusan Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kebanyakannya telah dirizabkan atau dijadikan tanah simpanan sama ada untuk kegunaan awam atau diberimilik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Berdasarkan semakan Pejabat Daerah Tanah Petaling, berikut merupakan pecahan mengikut keluasan tanah-tanah simpanan/rizab Kerajaan Negeri dan Tanah Hakmilik PTP.

Bil	Jenis Kegunaan Tanah	Status Tanah	Jumlah Keluasan (Hektar)	Bilangan Tapak Sedia Ada
1	Tapak Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah	Hakmilik PTP	82.27	29
2	Tapak Surau	Tanah Rizab	5.39	19
3	Dewan Orang Ramai	Tanah Rizab	1.86	11
4	Kawasan Hijau	Tanah Rizab	115.34	494
5	Kawasan Rekreasi	Tanah Rizab	10.54	4
6	Kawasan Lapang	Tanah Rizab	214.10	317

Keseluruhan tanah yang diserahkan untuk kegunaan awam telah dibangunkan mengikut kegunaan tanah sedia ada. Tanah simpanan/rizab Kerajaan Negeri akan diwartakan untuk kegunaan awam. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor akan

dilantik sebagai Pegawai Pengawal bagi tanah yang diwartakan dan seterusnya diurus tadbir oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

- b) Keseluruhan tanah di kawasan Kota Damansara telah dimajukan dan diluluskan Kebenaran Merancang oleh MBPJ. Justeru itu, tanah-tanah yang terdapat di kawasan ini telah dibangunkan secara terancang. Tanah-tanah untuk kegunaan awam yang telah diserahkan akan diwartakan. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor akan dilantik sebagai Pegawai Pengawal bagi tanah yang diwartakan dan seterusnya diurus tadbir oleh MBPJ.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PROGRAM HIJRAH

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perbezaan fungsi program HIJRAH dengan YAQ?
- b) Siapakah yang bertanggungjawab dalam menilai kejayaan dan kegagalan program tersebut?
- c) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk program ini? Senaraikan pecahan peruntukan untuk setiap sasaran program.

JAWAPAN:

- a) Fungsi utama YAQ ditubuhkan adalah untuk memberikan pinjaman mikro kredit kepada rakyat negeri Selangor melalui Skim Mikro Kredit Selangor (SKIMSEL), Mikro kredit Miskin Bandar (MIMBAR), dan Wanita Ladang (WALA). Manakala Program Hijrah Selangor adalah program mikro kredit bersepadu yang menggabungkan skim-skim mikro kredit SKIMSEL, MIMBAR dan WALA. Ini bermakna Hijrah Selangor telah mengganti ketiga-tiga skim terdahulu. Walau bagaimanapun nama YAQ masih digunakan kerana nama dalam sijil pendaftaran syarikat atas nama YAQ. Hijrah Selangor dalam perancangan untuk menukar nama YAQ kepada Hijrah Selangor dalam sijil pendaftaran.
- b) Kejayaan dan kegagalan YAQ atau kini dikenali sebagai Program Hijrah Selangor adalah di bawah tanggungjawab Ahli Lembaga Pemegang Amanah dan Pengurusan Hijrah Selangor.
- c) Peruntukan dana 2015 yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada program Hijrah Selangor adalah sebanyak RM100 juta. Dana sedia ada yang telah diperuntukkan kepada SKIMSEL sebanyak RM50 juta, MIMBAR sebanyak RM20 juta dan WALA sebanyak RM5 juta. Jumlah keseluruhan dana terkumpul bagi program Hijrah Selangor adalah sebanyak RM175 juta.

Perkara	SKIMSEL	MIMBAR	WALA	HIJRAH	Jumlah
Peruntukan	50 Juta	20 Juta	5 Juta	100 Juta	175 Juta
Terima dana dari MBI	25,931,068.00	16,822,849.00	2,622,208.00	74,500,000	119,876,125.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : SITUASI BEKALAN AIR

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan butiran kedudukan bekalan air yang terkini?
- b) Sila nyatakan apakah kaedah dan persediaan awal yang dilakukan untuk menangani kemungkinan kemarau panjang yang bakal melanda agar masalah catuan air tidak berulang?
- c) Sila nyatakan jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tujuan tersebut?

JAWAPAN:

- a)
 - 1) Terdapat 34 Loji Rawatan Air di Negeri Selangor yang beroperasi untuk merawat air mentah dari sungai-sungai utama di Negeri Selangor antaranya seperti Sungai Selangor, Sungai Semenyih, Sungai Langat bagi membekalkan air terawat kepada SYABAS untuk diagihkan kepada pengguna di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
 - 2) Dari segi reka bentuk, 34 loji boleh mengeluarkan sebanyak 4,606 JLH air terawat. Keupayaan optimum yang boleh dicapai berdasarkan kepada keupayaan loji untuk mengeluarkan secara *overloading* adalah sebanyak 4,846 JLH.
 - 3) Purata jumlah air terawat yang dikeluarkan untuk tahun 2014 adalah sebanyak 4,593JLH manakala jumlah yang dibilkan kepada pengguna adalah sebanyak 3,047JLH. Daripada jumlah ini, purata air terawat yang hilang sebagai NRW adalah sebanyak 1,546JLH. Mengikut rekod setakat 11 Ogos 2015, pengeluaran semasa dari 34 loji adalah sebanyak 4,732 JLH.

b) dan c)

- 1) Kerajaan Negeri yakin melalui perancangan dan tindakan-tindakan yang telah diambil, bekalan air di Negeri Selangor adalah mencukupi dari segi kualiti dan kuantiti, antaranya adalah seperti berikut:-
 - i. Pelaksanaan Projek Mitigasi 2 yang akan disiapkan sepenuhnya pada Disember 2015 yang akan memberikan penambahan pengeluaran dari loji sedia ada sebanyak 300 JLH. Pelaksanaan Projek Mitigasi 2 ini menggunakan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan dengan anggaran sebanyak RM297,785,382.00. Dengan siapnya projek Mitigasi 2 ini, sejumlah 300 JLH air terawat dari Loji Rawatan Air sedia ada dapat dimasukkan ke dalam sistem agihan kepada pengguna.
 - ii. Melaksanakan projek membaik pulih loji rawatan air Sungai Langat bagi memastikan loji tersebut boleh beroperasi hingga mencapai pengeluaran 500 JLH dengan adanya sistem *standby*.
 - iii. Dengan persetujuan dari Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kerajaan Negeri akan mendapatkan bekalan air mentah 500 JLH dari Sungai Semantan boleh disalurkan ke Sungai Langat dengan menggunakan fasiliti Penyaluran Air Pahang Selangor yang telah siap sepenuhnya seperti muka sauk, terowong dan rumah pam di Semantan sementara menunggu siapnya Projek Langat 2. Kerajaan Negeri telah menulis kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk mendapatkan persetujuan ini.
 - iv. Dengan persetujuan dari Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kerajaan Negeri akan mendapatkan bekalan air bersih dari Negeri Sembilan sebanyak 65JLH. Kerja-kerja pemasangan paip dari Negeri Sembilan ke Negeri Selangor akan dilaksanakan oleh JBA, Malaysia.
 - v. Pengaktifan kerja-kerja pengepaman kolam-kolam takungan di Bestari Jaya dan Kolam HORAS bagi mengawal pelepasan Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi.
 - vi. Kerajaan Negeri Selangor sedang meneliti pembinaan loji-loji baru secara *fast track* untuk digunakan bagi menampung permintaan pengguna menjelang tahun 2017 dengan anggaran kapasiti sebanyak 350 JLH.

- vii. Kerajaan Negeri melaksanakan kempen-kempen kesedaran dimulai dengan semua agensi Kerajaan dalam usaha untuk menggunakan air secara jimat dan berhemah dalam usaha untuk menurunkan sekurang-kurangnya 20% penggunaan domestik yang dianggarkan sebanyak 250 liter/orang/hari. Dengan penjimatan ini, dianggarkan sebanyak 880JLH air dapat disimpan menjelang tahun 2020.
- 2) Pada ketika ini juga Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan Projek Langat 2 yang dijangka akan siap pada tahun 2019. Dengan siapnya Projek Langat 2 ini, sebanyak 1,130 JLH boleh ditambah ke dalam sistem agihan air kepada pengguna.
- 3) Setelah pengambilalihan operasi SYABAS oleh Air Selangor, Kerajaan Negeri melalui Air Selangor akan melaksanakan penilaian semula ke atas operasi pengagihan dan loji rawatan air sedia ada bagi memastikan operasi pengagihan dan rawatan air di Negeri Selangor adalah mencapai tahap keberkesanan yang unggul. Kerajaan Negeri mensasarkan penurunan NRW pada kadar 2% setiap tahun dan dalam tempoh 5 tahun kadar NRW dapat diturunkan ke tahap minimum 25% di mana jumlah air yang dapat disimpan dianggarkan sebanyak 1,156 JLH.
- 4) Dalam memastikan pengurusan sumber bekalan air di Negeri Selangor sentiasa mencukupi, sasaran utama Kerajaan Negeri adalah ke atas perkara-perkara seperti berikut:
 - i. Kebolehdapatan sumber air mentah yang mencukupi selepas tahun 2024 baik dari segi kuantiti dan juga kualiti;
 - ii. Bekalan air bersih yang mencukupi dengan rizab minima sebanyak 15%;
 - iii. Penurunan kadar *Non Revenue Water* (NRW) sekurang-kurangnya pada kadar 25% pada tahun 2020 yang perlu dilaksanakan dengan serius oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor). Sasaran ini adalah bertepatan dengan perancangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang mana tahap NRW kebangsaan berada pada tahap 25% menjelang tahun 2020; dan
 - iv. Pemantauan yang berterusan berhubung kualiti sumber air mentah supaya menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh agensi-agensi yang berkaitan.

- 5) Kadar pertumbuhan penduduk dan pembangunan berdasarkan penggunaan air ialah purata 3.5% setahun. Jumlah bekalan air sedia ada berdasarkan kepada keupayaan dioptimumkan pengeluarannya maksimum hingga mencapai 5252 JLH. Dengan mengambil kira projek pembangunan bekalan air yang sedang dirancang termasuk Projek Langat 2 (Fasa 1), menjelang tahun 2020, diunjurkan bekalan air terawat adalah sebanyak 6,792 JLH.

- 6) Dalam usaha untuk mengenal pasti dengan teliti perancangan yang boleh dibuat bagi menjamin kecukupan bekalan air kepada pengguna, Kerajaan Negeri Selangor telah melantik perunding untuk membuat kajian terperinci mengenai “*Water Resources, Supply, Demand And Distribution Study For Selangor*” untuk dijadikan sebagai *Master pelan* atau *Blueprint* bekalan air. Melalui kajian ini kelak, Kerajaan Negeri boleh mengenal pasti sumber-sumber baru untuk kegunaan masa hadapan. Melalui kajian ini juga, Kerajaan Negeri akan dapat mengenalpasti semua sistem agihan yang sedia ada dan boleh merealisasikan matlamat untuk mengujudkan sistem agihan *inter connection* di mana melalui *inter connection* ini, sekiranya berlaku henti tugas mana-mana loji, maka ia tidak menjejaskan pembekalan kepada pengguna sebaliknya pembekalan kepada loji yang henti tugas tadi boleh ditampung oleh loji rawatan air yang lain dan Kerajaan Negeri boleh menyediakan *masterplan* bekalan air untuk tempoh 50 tahun akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PUSAT HIBURAN HARAM

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengikut kajian setiap PBT, berapakah jumlah pusat hiburan haram di kawasan mereka?
- b) Berapakah jumlah pusat hiburan haram yang telah diserbu dan disita lebih dari sekali ?
- c) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri membendung peningkatan jumlah pusat hiburan haram?

JAWAPAN:

a) dan b)

Sebanyak **260 buah** pusat hiburan haram yang telah diserbu dan diambil tindakan dan sebanyak **46 buah** pusat hiburan haram yang telah diserbu dan disita lebih dari sekali oleh PBT Negeri Selangor. Pecahan mengikut PBT adalah seperti di **Lampiran 1**.

- c) Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh PBT bagi membendung peningkatan jumlah pusat hiburan haram adalah seperti berikut:-
 - i. Memantau dan operasi berterusan di seluruh kawasan PBT terutamanya di kawasan komersial;
 - ii. PBT juga mengadakan operasi-operasi bersepadu yang melibatkan agensi-agensi luar seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) serta lain-lain agensi yang terlibat;
 - iii. Menyita barang-barang perniagaan pusat hiburan haram tersebut;
 - iv. PBT memohon bantuan TNB & Syabas untuk memotong bekalan air dan elektrik;
 - v. PBT akan merobohkan struktur dalaman pusat hiburan haram tersebut; dan
 - vi. Tindakan kompaun ke atas pemilik perniagaan atau pemilik premis.

Lampiran 1

**JUMLAH PUSAT HIBURAN HARAM YANG DIDAPATI BEROPERASI DI KAWASAN
PBT BILANGAN PUSAT HIBURAN YANG TELAH DISERBU & DISITA LEBIH DARI
SEKALI SEHINGGA JUN 2015**

Bil.	PBT	Bilangan Pusat Hiburan Haram	Bilangan Pusat Hiburan Yang Telah Diserbu & Disita Lebih Dari Sekali
1.	MBSA	4	Tiada
2.	MBPJ	53	Tiada
3.	MPSJ	10	15
4.	MPKj	60	7
5.	MPS	10	10
6.	MPK	57	1
7.	MPAJ	50	2
8.	MPSp	Tiada	Tiada
9.	MDKS	6	2
10.	MDKL	Tiada	Tiada
11.	MDSB	5	5
12.	MDHS	5	4
JUMLAH KESELURUHAN		260	46

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KREDIBILITI TEKS KHUTBAH JUMAAT

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan JAIS ke atas masjid yang menyampaikan khutbah berbaur politik dan tidak mendoakan kesejahteraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor?
- b) Bagaimanakah JAIS menangani pihak yang mencabar kredibiliti khutbah jumaat yang disediakan oleh JAIS?

JAWAPAN:

- a) Bagi menangani permasalahan khatib menyampaikan khutbah berbaur politik dan tidak mendoakan kesejahteraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor:
 - i. mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada Nazir atau Jawatankuasa Pengurusan Masjid tersebut dalam masa 7 hari bekerja;
 - ii. Nazir atau Pengurus Masjid akan dipanggil ke JAIS sekiranya jawapan surat tunjuk sebab kurang memuaskan untuk diberi peringatan dan amaran;
 - iii. Memanggil individu berkenaan sekiranya gagal mematuhi peraturan sedia ada agar akur dengan peraturan yang sedia ada;
 - iv. Tindakan tatatertib akan dikenakan kepada individu berwatikah seperti Nazir, Imam atau Jawatankuasa Masjid yang masih tidak mematuhi arahan dan peraturan sedia ada;
 - v. Bagi pemegang tauliah MAIS sekiranya masih tidak mematuhi arahan dan peraturan akan ditarik balik tauliah kebenaran berceramah dan mengajar; dan
 - vi. Mengarahkan pihak masjid agar tidak membenarkan mana-mana khatib yang gagal mematuhi peraturan untuk berkhotbah.
- b) Bagi menangani permasalahan cabaran terhadap kredibiliti khutbah jumaat yang disediakan oleh JAIS:
 - i. Mewajibkan setiap teks khutbah yang diterbitkan mesti melalui semakan, penilaian, saringan dan pengesahan daripada Jawatankuasa Panel Khutbah Negeri Selangor yang telah dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS);

- ii. Sekiranya membabitkan Fatwa atau Hukum Hakam hendaklah melalui semakan dan pengesahan daripada Jabatan Mufti Negeri Selangor sebelum ianya diterbitkan;
- iii. Melaksanakan Seminar Pemantapan Khutbah, Kursus-Kursus Penulisan dan Bengkel Latihan kepada penulis-penulis khutbah;
- iv. Melaksanakan pemantauan khususnya di masjid-masjid bermasalah dan menggunakan langkah-langkah bijaksana untuk membendung mana-mana masjid yang tidak mengikut peraturan seperti menghantar surat tunjuk sebab, nasihat, amaran, dan tindakan tata tertib.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : MAAHAD TAHFIZ

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Maahad Tahfiz yang wujud di Selangor?
- b) Apakah status pendaftaran Maahad Tahfiz persendirian dan rakyat yang masih tertangguh?

JAWAPAN:

a) Jumlah Maahad Tahfiz yang wujud di Selangor:

DAERAH	TAHFIZ	JUMLAH MURID	JUMLAH GURU
S BERNAM	11	2402	175
K SELANGOR	17	1509	109
KLANG	28	1534	139
PETALING	32	4214	140
K LANGAT	13	464	29
SEPANG	10	801	69
H LANGAT	45	1539	146
GOMBAK	25	1596	64
H SELANGOR	11	1452	38
JUMLAH	192	15511	909

- b) Semua pendaftaran Maahad Tahfiz Persendirian yang berdaftar akan melalui 2 proses pendaftaran iaitu Pendaftaran Sementara dan Pendaftaran Penuh.
 - i. Pendaftaran Sementara :Tiada pendaftaran sementara yang tertangguh sekiranya maahad tahfiz memenuhi penyediaan dokumen-dokumen yang diperlukan.
 - ii. Pendaftaran Penuh : Memerlukan kelulusan dan sokongan dari beberapa pihak berkepentingan seperti Bomba, Pejabat Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sekiranya syarat mereka telah dipenuhi Jabatan akan meluluskan dalam Jawatankuasa Pendaftar Sekolah yang dipengerusikan oleh Sahibus Saadah Pengarah JAIS

- Nota: Syarat tambahan terkini semua guru di sekolah Tahfiz Persendirian perlu mempunyai Surat Perakuan Mengajar yang dikeluarkan oleh Bahagian Dakwah Selangor menggantikan tauliah mengajar yang selama ini dijadikan sebagai syarat mengajar di sekolah persendirian dan swasta sebelum pendaftaran penuh diberikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : LAWATAN KERJA EXCO KE LUAR NEGARA

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan tarikh, nama EXCO, negara dilawati dan kos perbelanjaan lawatan yang telah dilaksanakan dari tahun 2008-2014?
- b) Apakah impak lawatan tersebut kepada pembangunan sosioekonomi Selangor?

JAWAPAN:

a) dan (b) adalah seperti di **Lampiran 1**.

LAMPIRAN 1

MAKLUMAT BERHUBUNG LAWATAN DI DALAM DAN LUAR NEGARA OLEH AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
NEGERI SELANGOR (EXCO) BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 31 OKTOBER 2011

JAWATANKUASA TETAP PELANCONGAN						
BIL	NAMA LAWATAN / PROGRAM	EXCO DAN PEGAWAI TERLIBAT	DESTINASI & TEMPOH	KOS YANG TERLIBAT (RM)	PEMBIAYAAN KOS TERLIBAT	HASIL / FAEDAH
1.	Lawatan Kerja Rasmi	Y.B. Puan Elizabeth Wong	Melbourne, Australia 28 Feb – 4 Mac 2010	21,050.00	Jawatankuasa Tetap Pelancongan	Promosi pelancongan Negeri Selangor
2.	Lawatan Kerja Rasmi	Y.B. Puan Elizabeth Wong	Jakarta, Indonesia 11 – 14 April, 2008	6,698.00	Jawatankuasa Tetap Pelancongan	Promosi pelancongan Negeri Selangor
3.	Lawatan Kerja Rasmi	Y.B. Puan Elizabeth Wong	Bangkok, Thailand 20 Ogos 2010	3,289.00	Jawatankuasa Tetap Pelancongan	Promosi pelancongan Negeri Selangor
4.	Lawatan Kerja Rasmi	Y.B. Puan Elizabeth Wong	Hangzhou/ Shanghai, China 23 – 26 April 2011	4,070.00	Jawatankuasa Tetap Pelancongan	Promosi pelancongan Negeri Selangor
5.	Lawatan Kerja Rasmi	Y.B. Puan Elizabeth Wong	Brunei 27 – 28 Julai 2011	3,632.00	Jawatankuasa Tetap Pelancongan	Promosi pelancongan Negeri Selangor

JAWATANKUASA TETAP ALAM SEKITAR

6.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010 Convention, New Delhi pada 5 – 9 Januari 2010	i. Y.B. Puan Elizabeth Wong ii. Yeø Eng Kang	Shanghai, China 2-7 Julai 2010	31,280.00	Peruntukan semasa	i. Menghadiri 'Towards A Low-Cartoon City: Environment Protection and Urban Responsibility'. ii. Jamuan serta dialog bersama MAYCHAM (Malaysian Chamber of Commerce).
----	---	---	-----------------------------------	-----------	-------------------	--

JAWATANKUASA TETAP KERAJAAN TEMPATAN

7.	Lawatan Teknikal ke Balikpapan, Indonesia Bagi Penyediaan Undang-Undang Kecil Burung Walet Dan Garis Panduan Industri Burung Walet negeri Selangor	Y.B. Tuan Ronnie Liu bersama seramai 26 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai-pegawai di Pihak Berkuasa Tempatan	Balikpapan, Indonesia 3 – 6 Mac 2010	39,297.00	Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan	Penambahbaikan terhadap Undang-Undang Kecil dan Garis Panduan Burung Walet yang telah dirangka.
----	--	--	---	-----------	--------------------------------------	---

8.	Lawatan Kerja Ke Shanghai, Hangzhou Dan Xiamen, Republik Rakyat China	Y.B. Tuan Ronnie Liu bersama seramai 25 orang peserta yang terdiri dari Pegawai-Pegawai di Pihak Berkuasa Tempatan	Shanghai, Hangzhou dan Xiamen, China 3 – 10 Oktober 2010	87,775.00	<ul style="list-style-type: none"> i. RM25,500.00 - Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan ii. RM62,275.00- Peruntukan B01 – Menteri Besar & SUK 	<p>Menambahbaik keadaan sedia ada PBT. Antara penemuan dan cadangan yang dikemukakan oleh Y.B. Ronnie Liu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mewujudkan Selangor Urban Planning Exhibition Hall; ii. Menaiktaraf Taman sedia ada di PBT yang berkemampuan; dan iii. Menubuhkan Unit Perhubungan Antarabangsa.
JAWATANKUASA TETAP KAJIAN DAN PENYELIDIKAN						
9.	Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program Pravasi Bharatiya Divas Convention	<ul style="list-style-type: none"> i. Y.B. Tuan Ronnie Liu ii. Y.B. Tuan Xavier Jayakumar 	New Delhi, India 5 – 9 Januari 2010	16,487.00	Peruntukan Portfolio Kajian Dan Penyelidikan	MMKN Ke41/2011 meluluskan penyertaan Kerajaan Negeri Selangor dalam program ini.

JAWATANKUASA TETAP PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN & SETINGGAN

10.	Persidangan Pembangunan Komuniti "Inspiring Communities, Building Community From The Inside Out'	<ul style="list-style-type: none"> i. Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad ii. Y.B. Dr. Hj. Yaakob bin Sapari 	Eastbank Centre Sheppartom, Australia 5 september 2011	28,181.00	P-01- Pembangunan Ekonomi Kampung Tradisi	Mengkaji pembangunan komuniti di Australia.
11.	Lawatan Teknikal Tentang Konsep Rumah Mampu Milik	<ul style="list-style-type: none"> i. Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad ii. Y.B. Pegawai kewangan Negeri 	Ontario, Canada 20 Mei 2011	49,936.00	Perbendaharaan	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengkaji konsep dan sistem perumahan di Kanada. ii. Mengadakan Seminar Rumah Mampu Milik di SACC pada 5 Julai 2011
12.	Expo 2010, Shanghai, China	i. Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad dan EXCO Negeri Selangor	Shanghai, China 5 Oktober 2010	23,070.00	Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan	Mengkaji cara hidup dan perkembangan pembangunan di China

13.	Pembentang Kertas Kerja pada Seminar 'Affordable Housing Project – <i>Creating Better Living Standards for Social Improvement and Economic Growth in Malaysia</i> '.	<ul style="list-style-type: none"> i. Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad ii. Pengarah Eksekutif LPHS 	Singapura 1 Ogos 2010	37,047.00	Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan	Memperkenalkan konsep perumahan di Malaysia terutamanya Negeri Selangor
JAWATANKUASA TETAP PEMODENAN PERTANIAN, PENGURUSAN SUMBER ALAM & PEMBANGUNAN USAHAWAN						
14.	Expo 2010, Shanghai, China (<i>Better City, Better Life</i>)	<ul style="list-style-type: none"> i. Y.B Dr. Yaakob bin Sapari ii. En. Zukirmin bin Ahmad, Pegawai Khas EXCO iii. En. Mohd Redwan bin Alias, Pegawai Dasar EXCO iv. En. Shamsul Sharil Badliza, Timbalan Pengarah, UPEN 	Shanghai, China 14 – 19 Mei 2011	45,718.00	Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam & Pembangunan Usahawan	
15.	Konvensyen Masyarakat India Sedunia "Pravasi Bharatiya Divas" 2011, India	Y.B Dr. Yaakob bin Sapari bersama AMMKN	New Delhi, India 7 – 9 Januari 2011	23,818.00	Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam & Pembangunan Usahawan	

16.	Bio Asia 2011 The Global Bio Business Forum Cinerence Programmed & Technical Visit	i. Y.B. Dr. Yaakob bin Sapari ii. Y.B. Tuan Shuhaimi bin Shafiei, Pembantu EXCO	Hyderabad, India 20 – 28 Feb 2011	37,412.00	Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam & Pembangunan Usahawan	
17.	Eurasia Business & Economic Society (EBES) Istanbul, Turki	i. Y.B. Dr. Yaakob bin Sapari ii. Tuan Haji Noryzal bin Zainal Abidin, Setiausaha Kanan Y.B. EXCO	Istanbul, Turki 28 – 5 Jun 2011	24,939.00	Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam & Pembangunan Usahawan	
18.	Persidangan Pembangunan Komuniti " Inspiring Communities, Building Community From The Inside Out"	i. Y.B. Dr. Yaakob bin Sapari ii. En. Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, Timbalan Pengarah Seksyen Sektor	Eastbank Centre Shepparton, Australia 5 – 11 September 2011	80,285.00	P-01- Pembangunan Ekonomi Kampung Tradisi	
19.	Lawatan Kerja Dato' Menteri Besar Selangor ke Wilayah Gazvin, Iran	Y.B. Dr. Yaakob bin Sapari,	Wilayah Gazvin, Iran 26 Okt – 2 Nov 2011	8,779.00	Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam & Pembangunan Usahawan	

JAWATANKUASA TETAP KESIHATAN

20.	Lawatan Kerja Rasmi	Y.B. Dr. Xavier Jayakumar	New Delhi, India 7 – 9 Januari 2011	23,318.00	Jawatankuasa Tetap Kesihatan	Perkongsian ilmu berkaitan isu kesihatan.
21.	<i>Asia Pacific dental Congress</i>	Y.B. Dr. Xavier Jayakumar	Manila, Filipina 1 Mei 2011	11,100.00	Jawatankuasa Tetap Kesihatan	Memperkenalkan teknologi terkini berhubung penjagaan kesihatan mulut.

JAWATANKUASA TETAP PENDIDIKAN, PENDIDIKAN TINGGI DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

22.	Lawatan Rasmi Pendidikan Ke Luar Negara	i. Y.B Dr. Hajah Halimah binti Ali ii. Puan Zabidah bt Safar – Perbendaharaan Negeri iii. En Mohamad Zain A Hamid - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia iv. Siti Syazwani bt Ab Latib - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	United Kingdom, 17 - 22 Julai 2011	98,282.00	Standco Pendidikan Tinggi	i. Menjalinkan kerjasama untuk program latihan jangka masa pendek, program pengajian peringkat Doktor Falsafah (PHD) dan Penyelidikan bersama fokus di dalam bidang "Green Chemistry". ii. Lawatan Islamic Academy Cambridge telah menghasilkan kerjasama di
-----	---	--	---------------------------------------	-----------	---------------------------	---

		<p><u>UNISEL</u></p> <p>i. Prof. Dr Anuar bin Ahmad -Timbalan Naib Canselor (Akademik)</p> <p>ii. Dato' Profesor Abdul Latif Ibrahim - Pengarah Pusat Bio-IT</p> <p>iii. Puan Nazirah bt Abu Samah - Pensyarah Kanan, Pusat Bio-IT</p>				<p>antara kedua pihak untuk memperkukuhkan organisasi IAME (International Academy of Muslim Education)</p> <p>iii. Lawatan ke Fakulti Sains Hayat, Universiti Manchester telah membawa kepada satu kerjasama di antara kedua pihak di dalam Sains Hayat .</p>
23.	Lawatan Rasmi Pendidikan Tinggi Ke Mesir	<p>i. Y.B .Dr Halimah Binti Ali</p> <p>ii. Pn Siti Munirah Ibni Hajar - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia</p> <p>iii. Siti Syazwani bt Ab Latib - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia</p>	Jordan & Mesir 1 – 7 Mei 2011	60,874.00	Standco Pendidikan Tinggi	<p>i. Mengukuhkan hubungan di antara Kerajaan Negeri Selangor, Unisel dengan Islamic World Academy od Science (IAS)</p> <p>ii. Lawatan ke Universiti Petra , Jordan telah mewujudkan</p>

		<p><u>UNISEL</u></p> <p>i. Prof. Dr Anuar bin Ahmad - Timbalan Naib Canselor (Akademik)</p> <p>ii. Dato' Profesor Abdul Latif Ibrahim - Pengarah Pusat Bio-IT</p> <p>iii. Pn. Nazirah bt Abu Samah - Pensyarah Kanan, Pusat Bio-IT</p> <p>iv. Pn. Fatimah Corazon Abdullah - Pensyarah Kanan Pusat Bio-IT</p>				<p>kerjasama penyelidikan di dalam bidang "Green Chemistry" dan "Natural Products.</p> <p>iii. Pertemuan dengan Kementerian Pengajian Tinggi Jordan telah membuka kepada kerjasama di dalam bidang penyelidikan mikrobioteknologi, yang boleh dijalinan di antara Universiti Yarmuk dan Universiti Jordan.</p>
24.	Lawatan Rasmi Pendidikan Tinggi Ke Hyderabad, India	<p>i. Y.B. Dr Halimah Binti Ali</p> <p>ii. Siti Syazwani bt Ab Latib - Bahagian Pengurusan Sumber Manus</p>	Hyderabad, India 21 – 23 Feb 2011	14,989.00	Standco Pendidikan Tinggi	Menghasilkan beberapa ruang kerjasama, di antaranya ialah di dalam aspek pensyarah jempunan, latihan industri kepada Pelajar dan kakitangan. Namun begitu, kerjasama ini

		<p><u>UNISEL & UPM</u></p> <p>i. Datuk Dr Rosti bin Saruwono - Naib Canselor UNISEL</p> <p>ii. Pro. Dr Mohd. Khushairi bin Mohd Rajuddin - <i>Dean, Faculty of Science and Biotechnology, UNISEL</i></p> <p>ii. Pn Fatimah Corazon Binti Abdullah - <i>National Program Coordinator, International Academy of Life Sciences and Biotechnology, UNISEL</i></p> <p>iv. Prof. Datin Paduka Dr. Aini Binti Ideris - <i>Deputy Vice Chancellor (Academic and International), Universiti Putra Malaysia</i></p>				<p>masih belum dapat dilaksanakan kerana Hyderabad masih mengamalkan dasar yang tertutup khususnya di dalam aktiviti pertukaran pensyarah. Namun begitu, untuk program latihan industri kepada pelajar dan kakitangan akademik ia boleh dilaksanakan melalui program "Study in India" yang sedang dilaksanakan di India.</p>
--	--	--	--	--	--	--

		v. Prof. Dr. Abdul Manan Bin Mat Jais - <i>Faculty of Medicine and Health Sciences,</i> Universiti Putra Malaysia				
JAWATANKUASA TETAP PENDIDIKAN, PENDIDIKAN TINGGI DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN						
25.	Lawatan Kerja Ke Timur Tengah	i. Y.B. Dato' Dr Hassan bin Mohamed Ali ii. En. Muhammad Asmadi bin Mustakim iii. En. Ahmad Darul Akmar bin Mohamed Ali	Maghribi, Mesir, Arab Saudi, Yaman dan Sudan 23 Dis – 7 Jan 2011	139,294.00	Jabatan Agama Islam (JAIS)	Menjalin kerjasama antara Institusi Pengajian Tinggi Malaysia dan Timur Tengah
26.	Lawatan Kerja Ke Bandung dan Jakarta Untuk Mempelajari Kejayaan Usaha Dakwah Islamiah di Indonesia	i. Y.B. Dato' Dr Hassan bin Mohamed Ali ii. Dr. Azahar bin Yaakub iii. En. Ali bin Mohammed iv. En. Ramli bin Sidom v. En. Hashim bin Mohamad	Indonesia 16 – 21 Jun 2011	50,615.00	Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam dan Jabatan Agama Islam (JAIS)	i. Meninjau sistem pengajian Islam yang dilihat berkesan untuk dicontohi oleh masjid-masjid di Selangor. ii. Melakukan lawatan hormat ke atas tokoh-tokoh dakwah Indonesia.

JAWATANKUASA TETAP PELABURAN, PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN

27. Lawatan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan adalah seperti di **Lampiran A.**

JAWATANKUASA TETAP KEBAJIKAN, HAL EHWAL WANITA, SAINS TEKNOLOGI INOVASI DAN KEBUDAYAAN

28. Lawatan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan adalah seperti di **Lampiran B.**

**MAKLUMAT LAWATAN KERJA RASMI KE LUAR NEGARA OLEH SETIAP
JAWATANKUASA TETAP (STANCO) BAGI TAHUN 2010 DAN 2011**

JAWATANKUASA TETAP: PELABURAN, PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN

1.	NAMA LAWATAN	Lawatan Teknikal ke India (Pravasi Bharatiya Divas)
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. YB Tuan Dr Xavier Jayakumar Arulanandam 2. YB Tuan Ronnie Liu Tan 3. YB Tuan Manikavasagam Sundaram 4. YB Tuan Sivarasa K. Rasiah 5. YB Tuan Manoharan Malayalam 6. YB Tuan Muthiah Maria Pillay 7. En. Pakiyathan Anamaly 8. En. Chandra Mohan S Thambirajah 9. En. Narayanan Perumal 10. En. Ramli Mohd Tahir 11. En. Mohd Azri Hashim 12. En. Noor Azmawi Abdul Aziz
	DESTINASI	India
	TARIKH	5 -10 Januari 2010
	KOS YANG TERLIBAT	RM 13,859.93
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Mempromosikan peluang-peluang pelaburan negeri Selangor dan meninjau potensi perniagaan dan peluang pelaburan yang boleh disertai oleh anak-anak syarikat kerajaan negeri dan syarikat-syarikat dari Selangor di India.
2.	NAMA LAWATAN	Lawatan Teknikal ke Eropah (Germany, Italy, Belgium, UK)
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. Dato' Mhd Jabar 2. Farid Mohamad Ba'ai
	DESTINASI	Berlin, Hamburg, Frankfurt, Venice, Brussel, Prestwick, London
	TARIKH	7 - 22 Mac 2010
	KOS YANG TERLIBAT	RM 233,60.80
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Lawatan Teknikal ini bertujuan untuk mengadakan kunjungan hormat ke ibu pejabat syarikat-syarikat yang telah beroperasi atau melabur di negeri ini. Disamping itu juga, usaha ini adalah bagi menarik syarikat-syarikat berkenaan untuk menambah pelaburan mereka pada masa akan datang. Lawatan ini turut mengunjungi syarikat-syarikat yang berpotensi melabur di negeri Selangor.

3.	NAMA LAWATAN	Lawatan Teknikal ke Shanghai (Shanghai International Expo)
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. YB Teresa Kok Suh Sim 2. Pn. Roslina Chiew Abdullah 3. Pn. Norzila Bt Sidek
	DESTINASI	Shanghai
	TARIKH	28 Mac – 2 April 2010
	KOS YANG TERLIBAT	RM 29,600.55
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Program lawatan kerja ke Shanghai di mana delegasi Selangor melawat Shanghai Expo 2010.
4.	NAMA LAWATAN	Lawatan Teknikal ke Shanghai (Shanghai International Expo)
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. YB Teresa Kok Suh Sim 2. Pn. Roslina Chiew Abdullah 3. En. Patrik Lai
	DESTINASI	Shanghai
	TARIKH	30 Mei – 5 Jun 2010
	KOS YANG TERLIBAT	RM 14,070.00
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Merupakan program lawatan teknikal sambil belajar ke Shanghai EXPO 2010.
5.	NAMA LAWATAN	Lawatan Teknikal ke Shanghai (Shanghai International Expo)
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. En. Mohd Syahid Othman
	DESTINASI	Shanghai
	TARIKH	11 – 16 Jun 2010
	KOS YANG TERLIBAT	RM 16,385.00
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Merupakan program lawatan teknikal sambil belajar ke Shanghai EXPO 2010.

6.	NAMA LAWATAN	Lawatan Teknikal ke Eropah (Germany & Netherlands)
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. YB Teresa Kok Suh Sim 2. Dato' Mhd Jabar 3. Mr. Farid Mohamad Ba'ai 4. Madam Jauriah A. Ghani 5. Mr. Roswaidin Mohd Zin 6. Mr. Mahinder Singh 7. Ms. Shahira Johari
	DESTINASI	Berlin, Hannover, Werlte, Cologne, Amsterdam
	TARIKH	12 – 26 Jun 2010
	KOS YANG TERLIBAT	RM 232,127.66
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Mempromosikan peluang-peluang pelaburan negeri Selangor di Eropah. Di samping mengadakan kunjungan hormat kepada syarikat-syarikat yang telah membuat pelaburan di negeri Selangor bagi mengeratkan hubungan serta mendapatkan maklum balas mengenai perancangan pelaburan mereka di Selangor.
7.	NAMA LAWATAN	Lawatan Teknikal ke Shanghai (Shanghai International Expo)
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. En. Mohd Azuan Khairoji
	DESTINASI	Shanghai
	TARIKH	2 – 7 Julai 2010
	KOS YANG TERLIBAT	RM 12,705.07
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Merupakan program lawatan teknikal sambil belajar ke Shanghai EXPO 2010.

8.	NAMA LAWATAN	Lawatan Teknikal ke Shanghai (Cangchun)
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. YB Teresa Kok Suh Sim 2. YB Hannah Yeoh 3. Pn. Roslina Chiew Abdullah 4. Hajah Roziah Bt Ahmad
	DESTINASI	Cangchun
	TARIKH	29 Ogos – 5 September 2010
	KOS YANG TERLIBAT	RM 21,594.20
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Mempromosikan peluang-peluang pelaburan negeri Selangor di China.
9.	NAMA LAWATAN	Lawatan Teknikal ke Shanghai (Shanghai International Expo)
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. Cik. Sharifah Norfazera Syeed Ahmad Nazar
	DESTINASI	Shanghai
	TARIKH	3 – 10 Oktober 2010
	KOS YANG TERLIBAT	RM 21,928.00
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Merupakan program lawatan teknikal sambil belajar ke Shanghai EXPO 2010.
10.	NAMA LAWATAN	Lawatan Teknikal ke Shanghai (Shanghai International Expo)
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali 2. En. Noor Azmawi Abdul Aziz
	DESTINASI	Shanghai
	TARIKH	10 – 15 Oktober 2010
	KOS YANG TERLIBAT	RM 40,409.27
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Merupakan program lawatan teknikal sambil belajar ke Shanghai EXPO 2010. Program lawatan ini lebih menfokuskan kepada lawatan sambil belajar bagi mempelajari bagaimana pihak berkuasa Kerajaan Shanghai dalam merancang dan melaksanakan pembangunan bandar Shanghai.

11.	NAMA LAWATAN	Lawatan Teknikal ke Korea Selatan dan Taiwan
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	<ol style="list-style-type: none"> 1. YB Teresa Kok Suh Sim 2. Dato' Mhd Jabar 3. En. Farid Mohamad Ba'ai 4. En. Mohd Zulkepli Embong 5. En. Ilyas Jamil 6. Pn. Arfa'eza Bt Ab. Aziz 7. En. Mohd Rozuwan B. Abdullah 8. En. Mohd Amran B. Husain 9. En. Mohd Wazir Abdul Ghani 10. En. Ir Mohamad Sharif B. Mohd Som 11. Pn. Khuzaimah Jamaluddin 12. En. Ang Chee Kian 13. Pn. Choo Sook Mei 14. Cik Qayyatul Izzati Hassan
	DESTINASI	Seoul
	TARIKH	30 Oktober – 11 November 2010
	KOS YANG TERLIBAT	RM 146,501.20
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Mempromosikan peluang-peluang pelaburan negeri Selangor di Korea dan Taiwan. Di samping mengadakan kunjungan hormat kepada syarikat-syarikat yang telah membuat pelaburan di negeri Selangor bagi mengeratkan hubungan serta mendapatkan maklum balas mengenai perancangan pelaburan mereka di Selangor.
12.	NAMA LAWATAN	12 th Asia-Pacific Conference of German Business
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali
	DESTINASI	Singapura
	TARIKH	14 Mei 2010
	KOS YANG TERLIBAT	RM 13,309.60
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Menjalinkan hubungan <i>networking</i> dengan ahli-ahli perniagaan Jerman dari seluruh dunia yang berkumpul di Singapura di samping mempromosikan peluang-peluang pelaburan negeri Selangor.

13.	NAMA LAWATAN	Lawatan Teknikal ke India (Pravasi Bharatiya Divas)
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. En. Mohd Azuan Khairoji
	DESTINASI	India
	TARIKH	5 – 10 Januari 2011
	KOS YANG TERLIBAT	RM 27,589.00
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Mempromosikan peluang-peluang pelaburan negeri Selangor dan meninjau potensi perniagaan dan peluang pelaburan yang boleh disertai oleh anak-anak syarikat kerajaan negeri dan syarikat-syarikat dari Selangor di India.
14.	NAMA LAWATAN	Lawatan Teknikal ke Indonesia
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. YAB Tan Sri Dato Sri Abdul Khalid Ibrahim 2. YB Teresa Kok Suh Sim 3. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali 4. En. Noor Azmawi Abdul Aziz
	DESTINASI	Jakarta
	TARIKH	10 – 12 Februari 2011
	KOS YANG TERLIBAT	RM 35,947.55
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Lawatan ini adalah bagi mencari peluang-peluang pelaburan dan perniagaan di Indonesia di samping menjalinkan hubungan perniagaan dengan ahli-ahli perniagaan Indonesia. Kerajaan Negeri melalui SSIC Berhad juga telah menandatangani satu MoU bersama Gabungan LIMA PPTKIS (Indonesia) bagi menjalinkan kerjasama untuk penempatan tenaga kerja di sektor perindustrian di Selangor.
15.	NAMA LAWATAN	Lawatan Teknikal ke China
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. YB Teresa Kok Suh Sim 2. Pn. Roslina Chiew Abdullah
	DESTINASI	Shanghai, Ningbo, Chengdu
	TARIKH	28 Februari – 5 Mac 2011
	KOS YANG TERLIBAT	RM 45,672.00
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Mempromosikan peluang-peluang pelaburan negeri Selangor di China.

16.	NAMA LAWATAN	Lawatan Penggalakkan Pelaburan MIDA ke Eropah
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali 2. En. Noor Azmawi Abdul Aziz
	DESTINASI	Berlin, Vienna, Paris, London
	TARIKH	24 Mac – 6 April 2011
	KOS YANG TERLIBAT	RM 230,568.00
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Lawatan kerja ke beberapa syarikat di Eropah serta penyertaan di dalam Misi Penggalakkan Perdagangan Dan Pelaburan anjuran MIDA ke Berlin, Vienna dan Paris secara tidak langsung dapat mempromosikan peluang-peluang pelaburan yang ditawarkan di dalam pelbagai bidang kepada ahli-ahli perniagaan di bandar-bandar yang dikunjungi tersebut.
17.	NAMA LAWATAN	Lawatan Kerja Teknikal ke Shanghai
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. YB Teresa Kok Suh Sim 2. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali 3. Dato' Mohd Jaafar b. Mohd Atan 4. Dato' Kamal Ariffin 5. En. Noor Azmawi Abdul Aziz
	DESTINASI	Shanghai
	TARIKH	17 – 19 Julai 2011
	KOS YANG TERLIBAT	RM 45,256.00
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Lawatan ini adalah untuk memperkenalkan projek Pembersihan Sungai Klang di samping menjemput syarikat berkaitan Kerajaan China melibatkan diri secara serius dalam projek pembersihan Sungai Klang.
18.	NAMA LAWATAN	Lawatan Teknikal ke China
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. Pn. Roslina Chiew Abdullah
	DESTINASI	Nanning
	TARIKH	10 – 14 Julai 2011
	KOS YANG TERLIBAT	RM 10,028.30
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Mempromosikan peluang-peluang pelaburan negeri Selangor di China.

19.	NAMA LAWATAN	Lawatan Promosi Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor ke Melbourne dan Sydney, Australia
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. YB Teresa Kok Suh Sim 2. Y.Bhg. Dato' Noordin Sulaiman 3. Y.Bhg. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali 4. En. Mohd Haniff Hassan 5. En. Farid Mohamad Ba'ai
	DESTINASI	Melbourne, Sydney
	TARIKH	24 – 31 Julai 2011
	KOS YANG TERLIBAT	RM 309,323.11
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Lawatan Kerja ke Melbourne dan Sydney secara langsung dapat mempromosikan peluang-peluang pelaburan yang ditawarkan di dalam pelbagai industri yang berpotensi terutama bioteknologi dan produk halal kepada ahli-ahli perniagaan yang ditemui. Disamping meningkatkan hubungan kerjasama dua hala antara Kerajaan negeri Selangor bersama Melbourne City Council dan Sydney City Council.
20.	NAMA LAWATAN	Lawatan Kerja Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor ke Jerman
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim 2. YB Xavier Jayakumar 3. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali 4. En. Noor Azmawi Abdul Aziz
	DESTINASI	Frankfurt, Stuttgart, Munich
	TARIKH	11 – 16 September 2011
	KOS YANG TERLIBAT	RM 317,115.00
	PEMBIAYAAN TERLIBAT KOS	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan
	HASIL/FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	Lawatan kerja ini memberi peluang kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor mengadakan kunjungan hormat ke ibu pejabat syarikat-syarikat Jerman yang telah beroperasi atau melabur di negeri ini. Disamping itu juga, usaha ini adalah bagi menarik syarikat-syarikat berkenaan untuk menambah pelaburan mereka pada masa akan datang.

MAKLUMAT LAWATAN KERJA RASMI KE LUAR NEGARA OLEH SETIAP
JAWATANKUASA TETAP (STANCO) BAGI TAHUN 2010 DAN 2011

JAWATANKUASA TETAP : KEBAJIKAN, HAL EHWAL WANITA, SAINS
TEKNOLOGI INOVASI DAN KEBUDAYAAN

1	NAMA LAWATAN / PROGRAM	MAKLUM BALAS LAWATAN RASMI TEKNIKAL JAWATANKUASA TETAP SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI (STANDCO STI) NEGERI SELANGOR KE FORUM ICT DAN EXPO DUNIA DI NINGBO SHANGHAI, CHINA
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1. Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL 2. WAHILMAN SIWAR (SUB BTM) 3. ADELIN BINTI ABDUL LATIB (PSU)
	DESTINASI	SHANGHAI, CHINA
	TARIKH	14 – 19 MEI 2010
	KOS YANG TERLIBAT	RM11,970.00 (YB RODZIAH)
	PEMBIAYAAN KOS TERLIBAT (Sumber Peruntukan)	STANCO SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI
	HASIL / FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	<ul style="list-style-type: none"> • Menghadiri forum "ICT dan Pembangunan Urbanisasi" • Topik-topik ICT dan pengurusan bandar, cara hidupan bandar, logistik moden, industri, perniagaan, pendidikan serta tanggungjawab sosial. • Memperkenalkan penggunaan internet sebagai "marketing tool" kepada para peserta PKW (Pusat Komuniti Wanita) yang merangkumi wanita dan juga ibu tunggal dalam membantu memasarkan produk yang dihasilkan dimana ianya boleh diiklankan secara maya tanpa memerlukan kos yang tinggi berbanding pemasaran cara konvensional yang memerlukan modal tinggi serta skop pemasaran yang terhad. • Program ini akan diteruskan dari semasa ke semasa menjadi salah satu teras program bagi pembangunan wanita. • Mempercepatkan pelaksanaan projek SPINS (Selangor Public Infrastructure Network

		<p>Service) sebagai salah satu flagship kerajaan negeri selangor di dalam menjadikan Selangor menjadi negeri makmur dengan menjadikan teknologi sebagai penyelesaian masalah serta menyediakan perkhidmatan wifi percuma kepada rakyat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengembangan idea keatas “Dasar Workfare” di mana teknologi ICT membolehkan kerajaan negeri memantau golongan penerima bantuan supaya keluar daripada status kemiskinan. • Meninjau peluang bagi kaedah komunikasi/penyampaian maklumat antara kerajaan negeri dengan rakyat yang lebih berkesan seperti projek yang sedang dilaksanakan iaitu “IDM” (Interior Display Media) yang dipasang di dalam bangunan-bangunan kerajaan. • Selain itu juga, projek yang bakal diperkenalkan (masih diperingkat perbincangan) bagi memantapkan lagi kaedah komunikasi/penyampain iaitu penggunaan teknologi IPTV (Internet Protocol TV) dimana adalah secara terus ke rumah. Teknologi ini berupaya mewujudkan perkhidmatan “video conferencing” (bergantung kepada kelajuan talian) • Delegasi ini juga berpeluang untuk melihat kecanggihan auditorium teater yang menggunakan teknologi canggih 4 dimensi yang mengagumkan yang menjadi tanda aras (benchmark) bagi sesebuah auditorium teater atau bagi pembangunan teater di negeri ini.
--	--	---

2.	NAMA LAWATAN / PROGRAM	VITAL VOICES OF ASIA LEADERSHIP AND TRAINING SUMMIT DI NEW DELHI ,INDIA PADA 13 HINGGA 17 SEPTEMBER 2010
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	1.Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL 2.KHANSA' BT ZULKIFLEE
	DESTINASI	NEW DELHI, INDIA
	TARIKH	14 – 17 SEPTEMBER 2010
	KOS YANG TERLIBAT	RM21,747.00
	PEMBIAYAAN KOS TERLIBAT (Sumber Peruntukan)	STANCO WANITA
	HASIL / FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	<ul style="list-style-type: none"> • Lawatan ini bertujuan bagi meningkatkan rangkaian bersama pimpinan wanita dari seluruh dunia, mempelajari pembangunan, perkongsian serta merangka kaedah strategik bagi penglibatan wanita dalam pelbagai aspek seperti <ul style="list-style-type: none"> ○ ekonomi, ○ politik dan hubungan antarabangsa/masyarakat ○ hak asasi • Hasil daripada lawatan ini juga telah tertubuhnya MAPMAS (Majlis Anti Pemerdagangan Orang) yang mana usaha ini juga sejajar dengan pemeliharaan hak asasi mereka yang berstatus 'diperdagangkan' yang bukan sahaja golongan wanita, malahan merangkumi dari peringkat golongan umur. Perlaksanaan ini sedang berjalan dan telah mendapat kerjasama baik dengan pihak PBT Negeri Selangor serta kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain. • Secara tidak langsung penubuhan MAPMAS ini juga telah meningkatkan imej Kerajaan Negeri Selangor dipersada antarabangsa yang pastinya akan memberi kesan positif dari aspek pelaburan dari luar negara ke Negeri Selangor khususnya. • Golongan "Wanita ladang" juga telah menjadi salah satu fokus dalam pembelaan hak-hak wanita dari aspek pembangunan ekonomi dan mendapat perhatian Kerajaan Negeri dimana Dato' Seri

		<p>Menteri Besar telah mengumumkan bajet sebanyak RM 5 juta bagi melaksanakan program Mikrokredit Wanita Ladang sebanyak RM 5 juta pada 31 Julai 2011 lalu di program Konvensyen Wanita Ladang bagi meningkatkan ekonomi wanita yang kebanyakannya meraih pendapatan yang sangat minima di ladang-ladang getah serta sawit.</p> <ul style="list-style-type: none">• Perbincangan mengenai isu keganasan terhadap wanita dan kisah-kisah kejayaan berkenaan pemulihan mangsa keganasan terhadap wanita daripada beberapa negara Asia juga turut menjadi agenda dan dikongsikan.• Input ini sangat berguna bagi penambahbaikan kepada program Kempen OSCC (One Stop Crisis Center atau Pusat Khidmat Krisis Sehent).
--	--	--

3.	NAMA LAWATAN / PROGRAM	LAWATAN KERJA JAWATANKUASA TETAP SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI NEGERI SELANGOR (STANDCO STI) KE ACCURIX MELBOURNE DAN ALP POLITICAL ADVISOR'S PROGRAM SUMMIT DI SYDNEY, AUSTRALIA PADA 28 APRIL HINGGA 7 MEI 2011
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
	DESTINASI	MELBOURNE
	TARIKH	28 APRIL – 7 MEI 2011
	KOS YANG TERLIBAT	RM11,983.00
	PEMBIAYAAN KOS TERLIBAT (Sumber Peruntukan)	STANCO SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI
	HASIL / FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	<ul style="list-style-type: none"> • Hasil lawatan telah dibentangkan di dalam mesyuarat MMKN • Lawatan bagi meninjau dengan lebih dekat pelaksanaan gabungan sistem wifi dan juga CCTV. Lawatan juga meninjau keberkesanan, kecanggihan serta kepantasan sistem tersebut. • Gabungan sistem yang ada di sana akan dilaksanakan di negeri Selangor yang dinamakan "SPINS" (Selangor Public Infrastructure Network System) • Lawatan juga melihat bagaimana teknologi ICT dapat meningkatkan/menambahbaik urus tadbir yang baik di dalam mentadbir kerajaan negeri yang mana boleh dikembang ke pentadbiran kerajaan tempatan. • Satu program yang dipanggil SELCARE II yang diadakan telah dilaksanakan dimana satu slot khas berkenaan kajian secara atas talian telah dibentangkan oleh penceramah yang sememangnya pakar didalam membuat kajian secara talian daripada Australia dan New Zealand bersama kakitangan kerajaan negeri Selangor

4.	NAMA LAWATAN / PROGRAM	LAWATAN KERJA KE KAMPUNG TASIK MALAYA, BANDUNG DAN JAKARTA, INDONESIA OLEH JAWATANKUASA KERJA PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR ,MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
	DESTINASI	TASIK MALAYA, BANDUNG DAN JAKARTA, INDONESIA
	TARIKH	16-21 JUN 2011
	KOS YANG TERLIBAT	RM21,372.00
	PEMBIAYAAN KOS TERLIBAT (Sumber Peruntukan)	MBPJ
	HASIL / FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	<ul style="list-style-type: none"> • Bersama-sama delegasi MBPJ untuk melihat pelaksanaan skim mikrokredit yang dilaksanakan di sana. • Bertemu dengan pihak "Walikota" untuk melihat pentadbiran pelaksanaan program di sana spt <ul style="list-style-type: none"> ◦ Penghasilan produk secara kecil-kecilan- satu kampung satu produk • Lawatan ke perusahaan kecil yang boleh dimanfaatkan untuk program mikrokredit dimana penduduk kampung terlibat sama dalam kerja-kerja yang diagih-agihkan dikalangan masyarakat. • Perbincangan bersama pihak MIMBAR bagi melihat potensi dan merangka program-program mikrokredit yang boleh dilaksanakan di Negeri Selangor.

5.	NAMA LAWATAN / PROGRAM	MISI MENEROKA PELABUR DARI NEGARA CHINA
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
	DESTINASI	SHANGHAI, CHINA
	TARIKH	17 – 19 JULAI 2011
	KOS YANG TERLIBAT	RM11,764.00
	PEMBIAYAAN KOS TERLIBAT (Sumber Peruntukan)	STANCO KEBUDAYAAN
	HASIL / FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	<ul style="list-style-type: none"> Misi pelaburan bersama EXCO2 bagi meninjau peluang pelaburan bagi pembiayaan Projek Kota Kebudayaan di mana perancangan projek tersebut terletak di dalam Projek Pemulihan/ Pemeliharaan/Pembersihan Sungai Kelang.

6.	NAMA LAWATAN / PROGRAM	CADANGAN LAWATAN KERJA YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR KE WILAYAH GAZVI, IRAN DARI 26HB OKTOBER – 31HB OKTOBER 2011
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
	DESTINASI	IRAN
	TARIKH	26 OKTOBER – 1 NOVEMBER 2011
	KOS YANG TERLIBAT	RM 8,779.00
	PEMBIAYAAN KOS TERLIBAT (Sumber Peruntukan)	STANCO SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI
	HASIL / FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	

6.	NAMA LAWATAN / PROGRAM	LAWATAN SAMBIL BELAJAR SETIAUSAHA-SETIAUSAHA PEMADAM JAJAHAN KE PUSAT PEMULIHAN DADAH, SURABAYA, INDONESIA
	EXCO DAN SENARAI PEGAWAI TERLIBAT	Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
	DESTINASI	SURABAYA, INDONESIA
	TARIKH	11 – 14 FEBRUARI
	KOS YANG TERLIBAT	RM 1,240.00
	PEMBIAYAAN KOS TERLIBAT (Sumber Peruntukan)	PEMADAM
	HASIL / FAEDAH LAWATAN KEPADA KERAJAAN NEGERI	<ul style="list-style-type: none"> • Lawatan ini bertujuan untuk melihat keberkesanan program pemulihan para penagih yang dijalankan oleh rumah perlindungan tersebut yang menggunakan pendekatan Islam. • Pihak PEMADAM sedang berbincang dan menyediakan kertas kerja untuk melaksanakan program seumpama itu untuk dilaksanakan di negeri ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : STRATEGI PEMBANGUNAN PERUMAHAN SELANGOR

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim (Pelabuhan Klang) mohon YB Exco Perumahan nyatakan: Senarai lengkap dan status terkini projek pembangunan perumahan kos rendah bawah RM45,000 di seluruh Selangor pasca PRU13, lokasi setiap projek dan syarikat yang terlibat.

JAWAPAN:

- a) Sebelum tahun 2014, Rumah berharga RM 42,000 dengan keluasan 700 kaki persegi dikenali sebagai Rumah Kos Rendah dan bermula Januari 2014, ia telah dijenamakan semula sebagai Rumah Selangorku Jenis A. Secara keseluruhan sebanyak 7,758 unit Rumah Kos Rendah dan Rumah Selangorku Jenis A dengan jumlah yang telah dibina sebanyak 951 unit, projek yang sedang dalam pembinaan adalah sebanyak 580 unit dan selebihnya 6,227 masih belum dibina yang berstatus sedang membuat permohonan ke Pihak Berkuasa Tempatan dan pindaan MMKN.

Perincian mengikut tahun dan unit adalah seperti berikut;

- i. Tahun 2013

PBT	BIL PROJEK	STATUS PEMBINAAN			JUMLAH UNIT
		SIAP DIBINA	DALAM PEMBINAAN	BELUM DIBINA	
MBSA	1	-	-	1	243
MPSJ	2	2	-	-	951
MPSP	2	-	1	1	701
JUMLAH	5	2	1	1	1,895

ii. Tahun 2014

PBT	BIL PROJEK	STATUS PEMBINAAN			JUMLAH UNIT
		SIAP DIBINA	DALAM PEMBINAAN	BELUM DIBINA	
MBSA	1	-	-	1	183
MPAJ	1	-	-	1	60
MPSJ	4	-	-	4	738
MPKj	4	-	-	4	100
MPSp	1	-	1	-	104
MPS	1	-	-	1	260
MDKL	1	-	1	-	30
MDKS	3	-	-	3	180
JUMLAH	16	-	2	14	1,555

iii. Tahun 2015

PBT	BIL PROJEK	STATUS PEMBINAAN			JUMLAH UNIT
		SIAP DIBINA	DALAM PEMBINAAN	BELUM DIBINA	
MBSA	2	-	-	2	2,647
MPSJ	3	-	-	3	373
MPKJ	4	-	-	4	656
MPSp	1	-	1	-	104
MPS	1	-	-	1	260
MPK	2	-	-	2	268
JUMLAH	13	-	1	12	4,308

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR (URBAN REGENERATION)

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam isu bandar lama yang memerlukan pembangunan semula?
- b) Adakah MBPJ membuat pelan pembangunan semula kawasan-kawasan di Petaling Jaya yang sudah berusia lebih 30 tahun?
- c) Bagaimana kawasan Taman Dato' Harun dan Taman Medan dapat dibangunkan semula?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat komited untuk menyelesaikan isu bandar-bandar lama atau usang ini, iaitu melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor yang sedang menyediakan kajian draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035. Antara cadangan dan perancangan terhadap kawasan-kawasan lama atau bandar usang ini adalah melalui peningkatan aktiviti pembaharuan bandar bagi mengatasi kekurangan tanah untuk perbandaran terutama di Petaling Jaya, Klang dan Kajang. Pembaharuan bandar ini akan dapat mengoptimumkan penggunaan tanah dan memberi ruang untuk membaik pulih kemudahan infrastruktur sedia ada di kawasan pusat bandar, di samping mengurangkan rebakan bandar di kawasan hijau.

Kerajaan Negeri turut menggalakkan pembaharuan bandar melalui insentif dan kerjasama strategik antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak swasta melalui kaedah *Public Private Partnership* (PPP). Selari dengan itu, pembaharuan bandar juga adalah merupakan satu peluang bagi meningkatkan penyertaan penduduk di dalam perancangan bandar melalui pendekatan '*participatory planning*'.

Antara pendekatan lain yang dapat dilaksanakan adalah pembangunan di kawasan '*Brownfield*', melalui kajian Pengenalpastian Kawasan-kawasan *Brownfield* di Selangor yang telah dijalankan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, sekurang-kurangnya terdapat hampir 212 kawasan

brownfield mengikut kategori yang telah dikenalpasti terdapat di Negeri Selangor. Kawasan yang telah dikenalpasti ini boleh diambil tindakan dengan tiga (3) keadah iaitu pemulihan semula tapak (*remediation*), penjanaaan/pembangunan aktiviti semula tapak (*revitalization*) dan pengintegrasian semula (*reintegration*) ekonomi.

Secara keseluruhannya, pembaharuan bandar ke atas kawasan-kawasan lama atau bandar usang memerlukan penglibatan dan pendekatan secara berintegrasi yang melibatkan pelbagai pihak dan keterlibatan pemilik-pemilik tanah. Kerajaan Negeri sentiasa memberi galakkan bagi membangunkan kawasan-kawasan ini untuk meningkatkan ekonomi dan mengoptimumkan penggunaan tanah secara berkesan.

- b) Kerajaan Negeri Selangor pada 5 April 2009 telah meluluskan cadangan pembangunan semula Bandar sebagai salah satu Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor bagi kawasan Petaling Jaya. Ianya melibatkan cadangan pembangunan semula kawasan Pusat Bandar Seksyen 52, Seksyen 51 dan Seksyen 51A. Draf akhir bagi cadangan ini dari perunding yang dilantik oleh Kerajaan Negeri telah dikemukakan kepada UPEN pada 3 Januari 2012 untuk tindakan selanjutnya.

Setakat ini Majlis telah melaksanakan 2 pelan pembangunan semula di kawasan Petaling Jaya iaitu RKK Seksyen 13 (Zon Industri kepada perdagangan) dan Pelan Pembangunan Kg. Sungai Kayu Ara.

- c) Taman Medan secara dasarnya merupakan kawasan perumahan yang berkonsepkan kejiranan. Sehubungan dengan itu, antara cadangan pembangunan semula yang boleh dicadangkan adalah menaiktaraf sistem jalan dan saliran sedia ada, kemudahan masyarakat, pembangunan sektor penjaja dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : DEWAN SUKAN

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina gelanggang sukan pelbagai guna bentuk seperti dewan tertutup atau stadium tertutup seperti Stadium MPSJ Serdang Jaya di Daerah Gombak?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri pada masa ini tidak berhasrat untuk membina gelanggang sukan pelbagai guna bentuk memandangkan sudah terdapat stadium tertutup di Negeri ini seperti Stadium Malawati, Stadium Kuala Selangor dan Stadium Serdang yang boleh digunapakai untuk menjalankan program-program sukan terutamanya oleh golongan generasi muda. Di samping itu, pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna bentuk tersebut sudah tentu akan melibatkan kos pembinaan yang tinggi termasuk kos penyelenggaraan yang perlu diambil-kira di mana satu kajian perlu dibuat untuk kesesuaian terhadap cadangan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PROJEK FESTIVAL LAKECITY PUCHONG BERLOKASI DI BELAKANG IOI MALL

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status permohonan kebenaran merancang (KM) terhadap projek tersebut?
- b) Nyatakan status zon guna tanah bagi keseluruhan lokasi projek tersebut mengikut pengubahan pelan terkini.
- c) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh PBT sekiranya informasi pengiklanan yang tidak tepat dipaparkan sebelum sebarang kelulusan pembangunan dari PBT?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan semakan dan rekod didapati tiada sebarang permohonan kebenaran merancang (KM) yang dibuat di atas nama Festival *LakeCity* Puchong (lot 827).
- b) Keseluruhan lokasi projek (lot 827) terlibat dengan permohonan pindaan zon gunatanah dalam Draf RT MPSJ (P2) 2020 daripada zon industri kepada zon perniagaan dan perkhidmatan.
- c) Informasi pengiklanan melibatkan representasi jualan di bawah hartanah strata tindakan adalah di bawah bidang kuasa KPKT. Sehubungan itu, PBT tiada sebarang kuasa untuk mengambil tindakan terhadap informasi pengiklanan sebelum sebarang kelulusan pembangunan diberikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : RUMAH IBADAT ISLAM DAN BUKAN ISLAM

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan senarai tapak tanah yang diberikan kepada Rumah Beribadat Islam dan Rumah Beribadat Selain Islam.
- b) Adakah Kerajaan Selangor bersedia untuk mensyaratkan sebahagian tanah/bangunan untuk projek-projek baru sebagai tempat beribadat agama?

JAWAPAN:

- a) Bilangan tapak untuk Rumah Ibadat Islam mengikut Daerah di Negeri Selangor sehingga 2015 adalah seperti berikut :

BIL.	DAERAH	MASJID	SURAU
1.	Petaling	125	426
2.	Gombak	50	234
3.	Klang	59	265
4.	Hulu Langat	71	416
5.	Hulu Selangor	30	160
6.	Sepang	29	95
7.	Kuala Selangor	61	168
8.	Kuala Langat	41	142
9.	Sabak Bernam	53	223
JUMLAH		519	2,129

Bilangan tapak untuk Rumah Ibadat Selain Islam mengikut PBT dari 2008 sehingga Mei 2015 di Negeri Selangor adalah seperti berikut :

BIL	DAERAH	RUMAH IBADAT			JUMLAH
		KUIL	TOKONG	GEREJA	
1.	Petaling	21	17	8	46
2.	Gombak	9	5	5	19

3.	Klang	17	18	0	35
4.	Hulu Langat	12	7	3	22
5.	Hulu Selangor	8	3	2	13
6.	Sepang	2	11	3	16
7.	Kuala Selangor	4	10	0	14
8.	Kuala Langat	4	3	2	9
9.	Sabak Bernam	3	10	0	13
JUMLAH		80	84	20	187

b) Kerajaan Negeri Selangor melalui **MANUAL GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI SELANGOR** yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perancang Bandar & Desa (JPBD) Negeri Selangor telah mensyaratkan agar kemudahan keagamaan tempat ibadat selain Islam perlulah disediakan berdasarkan Garis Panduan seperti berikut:

- i. **Keluasan tapak** tidak melebihi 03 hektar (1.2 ekar) dan kawasan lot yang diliputi oleh bangunan adalah di antara 40% - 60%.
- ii. **Tadahan penduduk** perlulah 5,000 penduduk 1 tapak atau 2,600 penganut /1 tapak.
- iii. **Anjakan Bangunan** - Menghadap Jalan-12.1m (40')
Sempadan Bersama-6.1m (20')
- iv. **Laluan Keluar Masuk** Minimum 12.1m (40').
- v. **Perimeter Planting** Minimum 3.1m (10') di sekeliling tapak (tidak termasuk jarak anjakan bangunan) untuk tujuan landskap.
- vi. **Komponen Kemudahan**

a) Perancangan Tempat Ibadat Selain Islam

- i. Penyediaan Tempat Ibadat Selain Islam diharuskan bagi mereka yang mengamalkan kepercayaan aga ma masing-masing.
- ii. Merizabkan tapak yang sesuai untuk dijadikan tempat ibadat bukan Islam secara sah.

- iii. Menyediakan ruang atau dewan pertemuan masyarakatnya.
- iv. Jika tapak Tempat Ibadat Bukan Islam yang hendak dibina terletak di dalam kawasan di mana majoriti masyarakatnya bukan penganut agama tersebut, maka notis hendaklah disampaikan kepada penduduk yang menetap dalam radius 200 m di sekitar tapak (atau sekurang-kurangnya 40 buah rumah), untuk mendapatkan pandangan dan kemusykilan sebelum ianya dapat diluluskan.
- v. Konsep pemusatan perlu mengambil kira kriteria seperti :
 - *Kemampuan, keluasan jalan untuk menampung*
 - *Keserasian lokasi alam sekitar*
 - *Persetujuan penduduk setempat dan keperluannya.*

b) Lokasi Peletakan

- i. Rumah Ibadat Selain Islam hendaklah didirikan di tengah-tengah kelompok masyarakat berkenaan.
- ii. Pembangunan tempat keagamaan di premis kedai dan kediaman adalah tidak dibenarkan, kecuali terbukti tidak terdapat tanah atau kawasan yang sesuai untuk tujuan tersebut. Ia hanya dijalankan secara 'case-by-case' tertakluk kepada tidak timbulnya kacau ganggu kepada penghuni di kawasan sekitar dan keputusan PBT.
- iii. Perancangan tapak untuk pembinaan tempat ibadat bukan Islam hendaklah mengikut piawaian yang ditetapkan.
- iv. Tiap-tiap keramat atau tempat penyembahan sementara yang dibina di tapak projek pembinaan hendaklah dimansuhkan sebaik sahaja projek siap.
- v. Tidak dibenarkan dibina di kawasan lapang dan tidak boleh ditempatkan di sekeliling loji kumbahan atau pencawang TNB.

- vi. Menyediakan jalan susur dan kemudahan TLK yang secukupnya supaya tidak mengganggu lalu lintas.

c) Ketinggian Reka Bentuk

- i. Ketinggian arca dan bangunan tokong, kuil, gereja, gudwara dan lain-lain tempat keagamaan perlu disesuaikan dengan ketinggian bangunan sekitar dan tertakluk kepada garis panduan atau piawaian kawalan ketinggian yang dikuatkuasakan oleh PBT.
- ii. Di kawasan majoriti penganut Islam, ketinggian bangunan dan arca tempat keagamaan selain Islam perlu disesuaikan, dengan ketinggian bangunan, kubah dan menara masjid sekitar.
- iii. Seboleh mungkin, ketinggian bangunan tempat keagamaan perlu mengambil kira keseragaman latar belakang (*skyline*), warna dan pemandangan (*scenery*) supaya ia berharmoni dengan pembangunan sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : STATUS PERANCANGAN PROJEK PEMBINAAN BAHARU KOMPLEKS
SUKAN MPK DI MERU**

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan telah diluluskan?
- b) Bilakah tempoh mula dan siap projek tersebut?
- c) Apakah masalah di tapak cadangan di Lot 5266, 5267 dan Padang Serai Wangi sudah tidak dapat dirundingkan atau ada tapak baru?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM 1 juta.
- b) Projek ini masih tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat masalah status tanah yang perlu disemak di Pejabat Tanah Dan Daerah Klang.
- c) Secara khususnya, masalah di tapak cadangan di lot 5266, 5267 dan Padang Serai Wangi adalah berstatus tanah kerajaan dan Pejabat Tanah Daerah Klang belum menyatakan status/kategori tanah sama ada rizab rekreasi ataupun kawasan riadah. Di atas tanah tersebut terdapat sebuah Padang Bola Sepak, Dewan Orang Ramai, Tadika Kemas, Deretan Kedai Pembangunan Luar Bandar (PLB), Pentas, Gelanggang Badminton terbuka yang telah didirikan sejak lebih kurang 20 tahun yang lalu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PENJAJA WARGA ASING

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah penjaja warga asing yang berniaga di seluruh negeri mengikut PBT masing-masing.
- b) Nyatakan tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan aktiviti perniagaan mereka diberhentikan dengan segera.

JAWAPAN:

a) dan b)

PBT telah meletakkan syarat utama bagi pemohon lesen penjaja mestilah warganegara Malaysia sahaja dan tidak membenarkan pemohon dari kalangan warga asing memohon lesen tersebut. Sehubungan itu, PBT tiada maklumat yang khusus berkenaan jumlah penjaja warga asing yang berniaga di seluruh Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, PBT sentiasa memantau aktiviti ini dan menjalankan operasi berkala. Melalui operasi-operasi yang dilaksanakan bersama agensi dalaman dan luaran, ada didapati warga asing ini memberi alasan bahawa mereka diupah atau diambil bekerja oleh peniaga warganegara sebagai pembantu mereka walaupun tanpa permit kerja yang sah. Walau bagaimanapun, PBT tetap akan mengambil tindakan penarikan lesen yang dikeluarkan kepada mana-mana pemilik yang didapati membenarkan perniagaan mereka dijalankan oleh warga asing dan tindakan penyitaan ke atas barangan perniagaan mereka dilakukan serta merta bagi memberhentikan aktiviti mereka dengan segera. Antara tindakan PBT bagi membendung peniaga yang menyewakan tapak perniagaannya kepada warga asing adalah:-

- i. Menyita barang jualan serta peralatan perniagaan dan tidak akan dikembalikan;
- ii. Peniaga akan dikenakan kompaun maksimum;
- iii. Lesen penjaja atau permit perniagaan peniaga akan ditarik dan dibatalkan serta merta;
- iv. Memastikan pemilik lesen mestilah berada di lokasi perniagaannya ketika pemantauan;

- v. PBT akan menyenarai hitam nama peniaga jika mengulangi kesalahannya;
dan
- vi. Penguatkuasa PBT sentiasa menjalankan rondaan dan operasi berkala di seluruh kawasan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PEMASANGAN LAMPU LED

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah status projek pemasangan lampu jalan LED di setiap DUN yang telah diluluskan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, projek pemasangan lampu jalan LED di setiap DUN telah ditukar kepada pemasangan lampu jalan atas kekangan kos yang tinggi. Sehubungan itu, berdasarkan cabutan keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 24/2015 yang telah disahkan pada 5 Ogos 2015 telah menimbang dan meluluskan cadangan pemasangan lampu jalan di setiap DUN di kawasan PBT dengan syarat seperti berikut :
- i. UPEN dan Perbendaharaan Negeri akan meneliti semula cadangan tersebut sama ada boleh dikategorikan sebagai penyelenggaraan lampu jalan dan mematuhi skop kerja seperti yang digariskan dalam Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) dan ditampung sepenuhnya di bawah peruntukan MARRIS; atau
 - ii. Sekiranya tidak mematuhi garis panduan berkenaan, MMKN bersetuju peruntukan pembangunan sedia ada sebanyak RM 1,000,000.00 digunapakai bagi pelaksanaan pemasangan lampu jalan ini iaitu sebanyak RM700,000.00 menggunakan baki Vot P01-03009 (Kerajaan Tempatan) dan sebanyak RM300,000.00 melalui pelarasan semula peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri sedia ada. Tumpuan diberi kepada jalan- jalan PBT yang mempunyai statistik kadar jenayah yang tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : PARIT JEPUN (PARIT GUNASAMA)

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah penyelesaian pejabat tanah terhadap parit jepun?
- b) Apakah polisi kerajaan untuk jangka masa panjang?

JAWAPAN:

- a) Pejabat Daerah/Tanah Petaling maklum mengenai masalah parit jepun yang terdapat di kawasan ADUN Paya Jaras berdasarkan aduan yang diterima oleh Pentadbiran ini daripada penduduk setempat. Aduan yang diterima adalah mengenai kelemahan sistem perparitan yang tidak dapat menampung takungan air setiap kali hujan lebat yang melanda di kawasan ini sehingga mengakibatkan banjir. Justeru itu, hasil dari siasatan tapak yang dijalankan, permasalahan parit jepun ini sewajarnya dimajukan untuk diselesaikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang dilihat mempunyai kepakaran mengenai sistem saliran dan kejuruteraan air. Selain itu juga, bagi menangani masalah ini, kos yang dianggarkan adalah tinggi manakala pentadbiran ini hanya bertanggungjawab dalam melaksanakan projek-projek kecil dalam lingkungan daerah sahaja. Pentadbiran ini berpandangan kajian terperinci mengenai sistem saliran di kawasan ini perlu dijalankan oleh JPS terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan dapat dilaksanakan.
- b) Bagi menangani masalah ini dalam jangka masa panjang, Pentadbiran ini berpendapat adalah wajar dijalankan satu kajian terperinci mengenai cara untuk menangani kelemahan sistem saliran sedia ada di kawasan ini khususnya yang melibatkan paip jepun. Ini kerana persekitaran kawasan yang wujud di kawasan ini merupakan kawasan perumahan dan kerajaan negeri berkemungkinan perlu meluluskan proses pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT1960) untuk tujuan penambahbaikan sistem saliran sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : PERUNTUKAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM DI DAERAH KUALA LANGAT

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan nama pertubuhan / persatuan mengikut kategori Tokong, Kuil dan Gereja, jumlah peruntukan diluluskan bagi tahun 2013, 2014 sehingga bulan Julai 2015 di Daerah Kuala Langat.
- b) Apakah buku panduan, peraturan yang diguna pakai oleh Jawatankuasa RIBI semasa memutuskan jumlah peruntukan kepada sesebuah pertubuhan / persatuan RIBI?
- c) Apakah pendirian dan keputusan yang di ambil oleh Kerajaan Negeri terhadap bangunan RIBI yang dibina di atas tanah rizab Kerajaan (rizab sungai, jalan dan lain-lain), roboh, halau dan tanpa menyediakan tapak pemindahan?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan yang telah diluluskan kepada pihak Tokong, Kuil dan Gereja bagi tahun 2013, 2014 dan sehingga bulan Julai 2015 di Daerah Kuala Langat adalah berjumlah RM 533,400.00. Perincian mengikut kategori adalah seperti jadual di bawah :

TAHUN / JENIS	2013	2014	2015 (Sehingga Julai)	JUMLAH
TOKONG	0.00	255,900	67,500	323,400
KUIL	20,000.00	60,000.00	40,000.00	120,000.00
GEREJA	0.00	15,000.00	105,000.00	120,000.00
JUMLAH	20,000.00	330,900.00	212,500.00	563,400.00

- b) Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Selain Islam mempunyai satu Garis Panduan Berhubung Hal Ehwal Selain Islam Dan Peranan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor yang menggariskan tatacara bantuan Kewangan.

Peruntukan kewangan yang akan diberikan kepada setiap bangunan keagamaan adalah bergantung kepada jumlah peruntukan semasa yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Bantuan kewangan akan diberikan kepada bangunan keagamaan bagi tujuan berikut:

- Baik pulih bangunan keagamaan sedia ada;
- Sumbangan bagi tujuan pemindahan bangunan keagamaan yang dirobohkan; dan
- Pendidikan keagamaan.
- Pembelian peralatan bagi tujuan mengadakan kelas-kelas agama. (MMKN ke 30/2009 yang diadakan pada 16.9.2009)

Kaedah pemberian bantuan kewangan kepada bangunan keagamaan selain Islam di Negeri Selangor diluluskan berdasarkan tujuan permohonan :-

- 1) Bagi tujuan pendidikan keagamaan dan pembelian peralatan bagi tujuan mengadakan kelas-kelas agama boleh mengecualikan syarat bahawa pemohon mesti mempunyai status tanah yang sah.
- 2) Bagi tujuan baik pulih bangunan keagamaan sedia ada dan sumbangan bagi tujuan pemindahan bangunan keagamaan yang diroboh perlu mematuhi syarat bangunan keagamaan yang berdaftar Jabatan Pendaftaran Pertubuhan **atau** mempunyai status tanah yang sah.

Bantuan diberikan hanya untuk tujuan pengurusan rumah ibadat dan bukannya bertujuan untuk pembesaran rumah ibadat. (MMK. No.59/19/2011 : MMKN ke 22/2011 yang diadakan pada 22.6.2011) dan Peruntukan perlu dipohon melalui wakil rakyat tempatan.

- c) Mana-mana permohonan pewartaan terhadap Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang berada di atas rizab Kerajaan seperti rizab jalan, sungai dan lain-lain tidak akan disokong oleh pihak Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam untuk pewartaan. Ini merujuk kepada Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor bilangan 1/1993, yang menyatakan penolakan terus permohonan-permohonan tanah di kawasan lapang dan kemudahan awam.

Di samping itu, MMKN ke 8/2007 yang diadakan pada 7 Mac 2007 telah memutuskan semua Pentadbir Tanah Daerah diminta membuat *summary rejection* bagi permohonan pemberimilikan/pewartaan tanah-tanah kerajaan di atas rizab kerajaan seperti rizab sungai dan kawasan hutan simpan.

Walau bagaimanapun, sekiranya RIBI tersebut terletak di atas rizab kerajaan dan terdapat cadangan pembangunan daripada pihak kerajaan, RIBI tersebut diminta untuk berpindah dengan menyediakan satu tapak ganti sekiranya ada di kawasan berhampiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : 14. BAYARAN KEPADA KONTRAKTOR PEMBERSIHAN DI MBPJ

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah harga anggaran per ton sampah yang dibayar MBPJ kepada kontraktor-kontraktor pembersihan dan sisa pepejal dan bagaimanakah maklumat-maklumat ini telah diguna dalam mempakej tender, kontrak dan sebutharganya. Sila guna contoh di Zon 19 dan 20.

JAWAPAN:

- a) Harga anggaran per ton sampah pukal/kebun yang dibayar oleh MBPJ kepada kontraktor dalam lingkungan RM 200.00 / setan sebagai asas rujukan. Namun, harga tender / sebutharga muktamad adalah berdasarkan kepada harga yang ditawarkan oleh kontraktor dan diputuskan oleh Lembaga Tender. Majlis telah mengamalkan formula baru untuk lantikan kontraktor pada bulan Jun 2015 bagi anggaran jumlah sisa pukal / kebun di kawasan perkhidmatan yang baru di mana jumlah sampah telah dianggarkan dan ditetapkan manakala kontraktor akan menawarkan kadar harga dan jumlah. Sekiranya pengutipan melebihi had yang ditetapkan, maka Majlis akan memberi arahan kerja kepada kontraktor untuk kutipan lanjut dengan kos tambahan mengikut kadar harga yang ditawarkan. Bagi kawasan Zon 19 (Seksyen 20, Seksyen 21 & Seksyen 22) dan Zon 20 (SS 1, SS 3 dan SS9A), kontrak kedua-dua zon yang berkuatkuasa pada 1 April 2014 adalah mengikut formula lama di mana jumlah sampah dan kadar adalah ditetapkan oleh kontraktor ketika membuat tawaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 BANGI)**

TAJUK : CUKAI PINTU PBT

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon perincian kadar cukai-cukai pintu kediaman bagi seluruh PBT di Selangor.
- b) Mohon perincian hasil daripada kutipan cukai pintu kediaman bagi seluruh PBT di Selangor.
- c) Apakah Kerajaan Negeri ada cadangan untuk menaikkan kadar cukai pintu di mana-mana PBT dalam tempoh lima tahun dari sekarang?

JAWAPAN:

- a) Kadar cukai pintu di PBT berbeza-beza mengikut jenis dan lokasi pegangan. Perincian kadar cukai pintu kediaman bagi seluruh PBT di Selangor adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Hasil daripada kutipan cukai pintu kediaman bagi seluruh PBT di Selangor adalah seperti berikut:

PBT	Jumlah Kutipan Cukai Kediaman Tahun 2014 (RM)
MBSA	56,471,701.79
MBPJ	80,163,400.90
MPK	56,557,947.88
MPAJ	95,330,000.00
MPSJ	49,266,638.81
MPS	52,524,976.00
MPKj	38,180,952.42
MPSp	18,458,603.12
MDKS	12,772,694.79
MDHS	15,940,981.61
MDKL	11,604,179.44
MDSB	1,475,032.47
JUMLAH	488,747,109.23

- c) Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk menaikkan kadar cukai taksiran. Ini berikutan keadaan taraf hidup semasa yang semakin meningkat dan pelaksanaan Cukai Perkhidmatan (GST) pada tahun ini dilihat akan membebankan rakyat.

Walau bagaimanapun cukai taksiran merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT Negeri Selangor dan dalam usaha meningkatkan hasil, PBT memberi fokus kepada aktiviti hasil bukan cukai, antaranya ialah dengan merancang pembangunan ekonomi setempat bagi menggalakkan pelesenan aktiviti penduduk, mengurus harta-harta majlis dengan lebih efisien (nilai sewaan yang kompetitif), penguatkuasaan (denda dan kompaun). Pengawalan perbelanjaan di majlis dengan mengamalkan konsep 'value for money' di mana semua perolehan kerja/barang adalah melalui proses sebut harga, tender selain mengamalkan sikap jimat-cermat dengan menggunakan sumber dalaman Majlis.

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

BIL.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran	
		Bangunan	Tanah Kosong
1.	Kediaman(Landed)	4.0%	3.5%
2.	Kediaman(bertingkat)	3.5%	3.5%
3.	Komersial	7.0%	6.5%
4.	Pangsapuri Servis	5.0%	5.0%
5.	Perindustrian	7.5%	7.0%

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL.	Kawasan	Kategori Pegangan	Kadar Cukai Taksiran
1.	Seksyen 1,2,3 /Seri Setia/ Kampung Baru Damansara (Seksyen 17A)/ PJS 2,4,6 dan sebahagiannya PJS	Kediaman	7.7%
		Lain-lain Pegangan	8.8%
2.	Kampung Kayu Ara/ Kayu Ara Indah / Kampung Cempaka dan semua kampung tradisional di Petaling Jaya	Semua Pegangan	5.5%
3.	Petaling Jaya Selatan dan Petaling Jaya Utara	Rumah Kos Rendah Sahaja	7.7%
4.	Sri Damansara /Mayang Mas dan Megah Mas	Kediaman / Tanah Kosong	5.5%
		Lain-lain Pegangan	6.6%
		Kediaman Bertingkat	5.0%

BIL.	Kawasan	Kategori Pegangan	Kadar Taksiran
5.	Semua kawasan yang tidak termasuk dalam 1-4 diatas (Kawasan Maju)	Semua Pegangan	8.8%
6.	Petaling Jaya Utara	Pertanian	5.5%
7.	Semua Kawasan Petaling Jaya Kediaman Bertingkat	Flat Kos Rendah	5.0%
		Apartmen dan Kondominium (Kecuali item 4)	6.0%
		Pangsapuri Servis	6.6%

**MAJLIS PERBANDARAN
KLANG**

Bil.	Kawasan	Kadar Cukai Taksiran			
		Kediaman/ Pertanian	Tanah Kosong (Kediaman)	Perindustri an /Perniagaan	Tanah Kosong (Perindustrian/ Perniagaan)
1.	Pusat Perdagangan	10.5%	10.5%	11.5%	11.5%
2.	Kawasan Maju	9.5%	9.5%	10.5%	10.5%
3.	Sedang membangun	6.5%	6.5%	7.5%	7.5%
4.	Simpanan Melayu	2.2%	2.2%	3.25%	3.25%

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran		
		Industri	Komersial	Kediaman
1.	Kawasan Maju	7.15%	6.6%	5.5%
2.	Kampung (Bukan Rezab Melayu)	7.15%	6.6%	2.2%
3.	Kampung (Rezab Melayu)	7.15%	6.6%	1.1%

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran
1.	Kediaman	5.0%
2.	Perniagaan	6.0%
3.	Perdagangan	6.0%
4.	Industri	6.0%
5.	Pertanian	2.0%
6.	Subang Jaya	8.0%

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran Tahun
1.	Kediaman Kampung	4.0%
2.	Kediaman Kos Rendah	8.0%
3.	Kediaman Taman Perumahan	8.6%
4.	Komersial	6.5-10.8%
5.	Industri	12.0%

**MAJLIS PERBANDARAN
KAJANG**

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran			
		Kawasan Simpanan Melayu	Kawasan Belum Membangun	Kawasan Membangun	Kawasan Maju
1.	Kediaman	2.2%	4.40%	7.7%	8.8%
2.	Perniagaan/Kedai	3.3%	8.25%	8.8%	9.9%
3.	Perkilangan/Perusahaan	4.4%	9.35%	9.9%	11.0%
4.	Institusi	-	-	5.5%	-
5.	Tanah Pertanian	1.1%	1.10%	1.1%	1.1%

**MAJLIS PERBANDARAN
SEPANG**

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran
1.	Kediaman	7.35%
2.	Komersial	8.40%
3.	Industri	9.45%

**MAJLIS DAERAH HULU
SELANGOR**

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran
1.	Kediaman	9.0%
2.	Komersial	11.0%
3.	Industri	8.0%

**MAJLIS DAERAH KUALA
SELANGOR**

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran
1.	Perniagaan	7 - 8%
2.	Kediaman	6 - 7%
3.	Perumahan	10 -12%
4.	Pertanian (Rezab Melayu)	2.0%
5.	Pertanian	1.0%
6.	TOL	3%

**MAJLIS DAERAH KUALA
LANGAT**

Bil.	Kawasan	Kadar Cukai Taksiran			
		Perindustrian	Perniagaan	Kediaman	Pertanian
1.	Bandar Mahkota Banting	12.0%	10.0%	10.0%	-
2.	Bandar Seri Ehsan	12.0%	11.0%	11.0%	-
3.	Bandar Saujana Putra	6.5%	6.5%	5.5%	1.0%
4.	Pulau Carey	13.0%	11.0%	11.0%	1.0%
5.	Telok Panglima Garang	13.0%	11.0%	11.0%	1.0%
6.	Sungai Jarum	8.5%	8.5%	8.5%	1.0%
7.	Sungai Sedu	8.5%	8.5%	8.5%	1.0%
8.	Sungai Manggis	14.0%	14.0%	11.0%	1.0%
9.	Telok Datok	14.0%	14.0%	13.0%	1.0%
10.	Banting	14.0%	14.0%	14.0%	1.0%
11.	Morib	13.0%	13.0%	12.0%	1.0%

**MAJLIS DAERAH SABAK
BERNAM**

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Taksiran	
		Kawasan Maju	Kawasan Kurang Maju
1.	Kediaman	11.8%	8.5%
2.	Komersial	12.0%	10.8%
3.	Industri	13.0%	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : GAYA HIDUP KELUARGA SIHAT DAN CERGAS

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar dan program Kerajaan terhadap pembangunan gaya hidup keluarga sihat dan cergas?
- b) Apakah komponen-komponen utama yang mahu dicapai oleh Kerajaan dalam pembangunan program ini?
- c) Apakah kos-kos yang terlibat dan berapakah jumlah peruntukan yang perlu dikeluarkan setiap tahun bagi program ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa menyokong dan memberi galakan terhadap program-program pembangunan gaya hidup keluarga sihat dan cergas. Sejak tahun 2014, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Sihat Selangor dan pada tahun 2015, program ini dijenamakan semula sebagai Karnival Sihat Selangor.

Program ini merupakan salah satu tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri di dalam memberi kesedaran awam mengenai penjagaan kesihatan serta amalan gaya hidup sihat.

Program ini mensasarkan penyertaan dan penglibatan peserta daripada pelbagai peringkat usia, bangsa dan ianya dilaksanakan di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

- b) Antara komponen utama yang ingin di capai melalui program ini adalah seperti berikut: -
 - i. Aktiviti berjalan 10,000 langkah;
 - ii. Aktiviti kayuhan jantungku;
 - iii. Aktiviti senamrobik;
 - iv. Promosi pemakanan sihat;
 - v. Promosi kesihatan oleh JKNS;
 - vi. Pemeriksaan kesihatan percuma oleh Klinik Kesihatan Daerah;

- vii. Pemeriksaan kesihatan percuma oleh PERKESO;
 - viii. Pemeriksaan MAMOGRAPH oleh MAKNA;
 - x. Program derma darah;
 - xi. Program kesedaran denggi;
 - xii. Promosi Program Bantuan Sihat Selangor; dan
 - xiii. Jualan produk kesihatan
- c) Bagi tahun 2015, semua 12 PBT dan 9 Pejabat Daerah/ Tanah di peruntukan RM10,000.00 bagi pelaksanaan program ini menjadikan jumlah peruntukan bagi tujuan program ini adalah sebanyak RM190,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PELAN TINDAKAN MENCEGAH BANJIR DI DUN SELAT KLANG

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan kawasan Selat Klang dikatakan di bawah paras laut, apakah pelan tindakan bagi mengelakkan banjir berlaku di DUN Selat Klang?
- b) Sila sertakan jadual kerja bagi menjayakan pelan tersebut serta jabatan dan agensi terlibat serta badan pemantau *progress* kerja.

JAWAPAN:

- a) Antara pelan tindakan bagi mengelakkan banjir yang berlaku di DUN Selat Klang adalah dengan pelaksanaan projek berikut:
 - Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran bagi mengatasi banjir kilat di Pelabuhan Klang, Selangor Fasa 1 (Pakej1) yang sedang berjalan dan melibatkan kerja-kerja pembinaan *pump gate* dan dinding penahan banjir
 - Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran bagi mengatasi banjir kilat di Pelabuhan Klang, Selangor Fasa 1 (Pakej 2) yang sedang dalam proses penilaian tender di mana projek ini akan melaksanakan skop kerja yang sama seperti skop kerja di bawah pakej 1.
 - Pembelian pam bagi tujuan pengepaman air laut terutamanya ketika air pasang tinggi pada lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti.
- b) Satu *taskforce* banjir telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri tahun 2015 yang diketuai YB Hj Zaidy bin Abdul Talib EXCO Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani dan dianggotai pelbagai agensi kerajaan seperti JPS, JKR, JPBD dan lain-lain. Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab merangka, menyelaraskan dan melaksanakan program-program sebelum banjir, semasa banjir dan selepas banjir.

Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 2 kali dan melalui *taskforce* tebatan banjir juga pasukan petugas ops lumpur telah diwujudkan dan operasi bersepadu telah dilaksanakan sebanyak 1 kali.

Maklumat Tambahan :

Senarai siren banjir dalam daerah Klang :

KOD_STN	NAMA_STN	DAERAH
1	JALAN KEBUN, JOHAN SETIA	KLANG
2	KG. JOHAN SETIA 1	KLANG
3	KG. JOHAN SETIA 2	KLANG
4	TUGU KERIS, SG RASAU	KLANG
5	TMN. SENTOSA 1	KLANG
6	TMN. SENTOSA 2	KLANG
7	BANDAR PUTERI	KLANG
8	BUKIT RIMAU	KLANG
9	BT.4, KG. JAWA, SG KANDIS	KLANG
10	TMN. SRI MUDA 1	KLANG
11	TMN. SRI MUDA 2	KLANG
12	TMN. SRI MUDA 3	KLANG
13	PEKAN MERU	KLANG
14	JLN. SG. KAPAR BESAR, (JLN. BENTENG)	KLANG
15	JLN. JAYA SETIA, BUKIT KAPAR, MERU	KLANG
16	BT. 8 ½, KG. BUKIT KAPAR, MERU	KLANG

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PROJEK PERTANIAN RASA PNSB

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan Projek Pertanian Rasa PNSB bagi tujuan ternakan ikan air tawar, ternakan ayam, pembiakan kuda dan ladang buah-buahan secara terperinci.
- b) Adakah tanah Projek Pertanian Rasa PNSB terlibat dalam pencurian pasir?
- c) Apakah pemantauan kerja-kerja Projek Pertanian Rasa PNSB telah dilakukan sejak tahun 2008?

JAWAPAN:

- a) Projek pertanian yang dijalankan adalah merupakan konsep pertanian bersepadu di mana ia melibatkan tanah milik Setiausaha Kerajaan Selangor (Perbadanan) (PSKS) yang diuruskan oleh PNSB seluas 362.526 Hektar @ 895.713 ekar melalui 22 hakmilik yang terletak di sepanjang Sungai Selangor sekitar Mukim Sungai Tinggi, Batang Kali dan Hulu Yam Daerah Hulu Selangor.

Walaupun Surat Kuasa Wakil dan Perjanjian Pengurusan yang telah dimeterai pada 24 Jun 1992 antara pihak Setiausaha Kerajaan Selangor (Perbadanan) (PSKS) dan PNSB telah rasminya dibatalkan pada 2 Jun 2014 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang melibatkan keseluruhan tanah-tanah di bawah Projek Pertanian Bersepadu Rasa.

Pihak Menteri Besar Incorporated (MBI) merupakan pengurus baru ke atas tanah-tanah ini dan telah mengarahkan PNSB untuk membantu menguruskan sementara waktu tanah-tanah ini sehingga arahan selanjutnya diperolehi. Di antara projek-projek yang telah diusahakan adalah seperti senarai berikut:-

NO.	AKTIVITI PERTANIAN / TERNAKAN	PESERTA	LUAS
1	Ternakan Ikan Air Tawar	3 peserta	227.644 ekar
2	Pengeluaran Telur & Ternakan Ayam	1 peserta	58.107 ekar

3	Ladang Buah-Buahan (Nangka)	1 peserta	6.62 ekar
4	Lembu & Kambing	3 peserta	124.51 ekar
5	Tanaman Kelapa Sawit	3 peserta	8.14 ekar
6	Tanaman Getah	1 peserta	50.00 ekar
7	Sayur-Sayuran	5 peserta	114.276 ekar
8	Kilang Memproses Batu Bata dan Kayu	1 peserta	15.00 ekar
9	Aktiviti Perlombongan	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.	65.412 ekar
JUMLAH		19 peserta	669.709 Ekar

Nota* Baki kawasan tanah seluas 226.004 ekar terdiri daripada kawasan-kawasan yang berisiko ditenggelami air, tebing sungai, juga kawasan yang dipenuhi air termasuk kolam dan berpaya yang sukar untuk dibangunkan sebagai kawasan pertanian

- b) PNSB pernah menghadapi masalah pencerobohan tanah bagi menjalankan kegiatan mencuri pasir di sebahagian kawasan tersebut. Walau bagaimanapun isu ini telah dapat ditangani dari masa ke semasa dengan kerjasama pihak Pejabat Daerah / Tanah (PDT) Hulu Selangor dan pihak polis.
- c) i. PNSB telah menjalankan aktiviti pemantauan tapak dari masa ke semasa ke atas tanah-tanah di bawah Projek Pertanian Bersepadu Rasa bagi memastikan tiada pencerobohan tanah oleh syarikat / individu yang tidak berkenaan menjalankan sebarang aktiviti tanpa kebenaran sah daripada PNSB / Kerajaan Negeri atau agensi berkaitan diperolehi terlebih dahulu.
- ii. Memastikan bahawa penyewa-penyewa menjalankan kegiatan pertanian / penternakan yang sah dari sudut undang-undang, bebas daripada sebarang pencemaran dan kacau ganggu serta bertanggungjawab ke atas tanah-tanah yang disewa daripada isu pencerobohan dan lain-lain sepertimana syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Sewaan / Pajakan.
- iii. Memastikan penyewa-penyewa menjelaskan bayaran sewaan tanah mengikut kadar dan tempoh yang telah ditetapkan serta mematuhi segala syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Sewaan / Pajakan yang telah disempurnakan.

iv. Memastikan bahawa segala cukai yang dikenakan oleh pihak Majlis atau PDT Hulu Selangor dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PEJABAT TANAH PETALING

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah pengambilan tanah untuk tujuan pembinaan Jalan Harapan tidak dapat dilaksanakan?
- b) Mengapakah semua kes penguatkuasaan tanah di DUN Damansara Utama lama tidak dapat diselesaikan?
- c) Sila nyatakan status kesemua permohonan geran tanah di Kampung Chempaka. Sila nyatakan sebab-sebab permohonan tertunggak.

JAWAPAN:

- a) Pejabat Daerah Tanah Petaling ini telah menerima permohonan Pengambilan Tanah daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tujuan Cadangan Pembinaan Jalan Harapan (14/47) dan lain-lain kerja berkaitan dari Bulatan Jalan Universiti dengan Jalan Semangat ke Jalan Damansara, Petaling Jaya .Untuk makluman, Pentadbiran ini sedang dalam proses untuk mendapatkan ulasan dari jabatan-jabatan teknikal antaranya dari Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Sehingga kini, pentadbiran ini telah menerima ulasan dari Jabatan Kerja Raya bertarikh 7 Mei 2015.

Seterusnya, setelah mendapat ulasan dari kesemua jabatan teknikal pentadbiran ini akan menyediakan satu kertas ringkasan bagi tujuan kelulusan Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor sebelum tindakan selanjutnya dapat diambil.

- b) Berdasarkan kepada aduan yang direkodkan oleh Unit Penguatkuasa Pejabat Daerah Tanah Petaling bagi kawasan DUN Damansara Utama hanya terdapat dua (2) aduan mengenai penguatkuasaan tanah yang diterima iaitu:

No.Fail	Jenis aduan	Status terkini
P.T.P 3A(SGB) 27/13	Aktiviti perniagaan dan stor simpanan barang di bawah Talian Rentis TNB di Kampung	Aktiviti yang berjalan adalah aktiviti perniagaan dan stor simpanan barang, terdapat

	Chempaka Damansara	<p>sebanyak 14 struktur binaan yang telah didirikan di dalam kawasan simpanan rizab rentis TNB. Notis terakhir yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Tanah Petaling adalah pada 6 Januari 2014 dan mesyuarat terakhir yang dijalankan adalah pada 25 September 2014. Penguatkuasaan tidak dijalankan adalah kerana kawasan mempunyai potensi yang tinggi untuk dicerobohi semula sekiranya tiada sebarang cadangan untuk menggunakan tanah tersebut oleh mana-mana jabatan kerajaan bagi membantu pengawalan pencerobohan secara berterusan. Pemasangan pagar berduri tidak mencukupi sebagai kaedah kawalan kerana kawasan adalah berdekatan dengan kawasan penduduk.</p>
P.T.P 3A(DM) 15/14	Aktiviti Simpanan lori-lori kumbahan di atas di jalan SS 4C/22	<p>Aktiviti yang berjalan adalah aktiviti simpanan lori-lori kumbahan, disyaki sisa kumbahan dibuang secara terus ke dalam sistem saliran berdekatan. Hasil semakan mendapati bahawa aktiviti berjalan di atas tanah hakmilik Golden City Development Sdn. Bhd bernombor lot 47, 48, 49, 50, 51 dan 52 dengan jumlah luas keseluruhan kawasan berjumlah 2019 meter</p>

		persegi. Pejabat Daerah Tanah Petaling tidak dapat mengambil tindakan penguatkuasaan kerana status tanah adalah berstatus hakmilik
--	--	--

- c) Berdasarkan semakan yang dilakukan bermula dari tahun 2011 sehingga Julai 2015, sebanyak 105 jumlah permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah telah diterima oleh Pejabat Daerah Tanah Petaling. Daripada keseluruhan jumlah permohonan tersebut sebanyak 58 permohonan telah diluluskan manakala 6 permohonan telah ditolak atas alasan-alasan tertentu. Justeru itu, baki permohonan yang belum mempunyai kelulusan masih dalam tindakan Pentadbiran ini. Keseluruhan 43 permohonan ini diproses secara berkelompok dan Pentadbiran ini masih menunggu ulasan dari Jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan sebelum kertas ringkasan dapat dikemukakan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN). Justeru itu, bagi menangani masalah ini, Pejabat Daerah Tanah Petaling telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Tanah secara berkala bagi mempercepatkan proses sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PREMIUM TANAH

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan 10 pembayaran premium tanah terbesar di Negeri Selangor bagi Tahun 2014 dan 2015.
- b) Apakah lokasi ciri-ciri pembangunan tanah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Sepuluh pembayar premium tanah terbesar di Negeri Selangor bagi tahun 2014 dan 2015 adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Lokasi tanah yang dibangunkan kebanyakannya terletak berdekatan dengan Lembah Klang dan melibatkan cadangan pembangunan bercampur.

LAMPIRAN A**SENARAI PEMBAYARAN PREMIUM TANAH TERBESAR DI NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN 2014 DAN 2015**

BIL	PEMBAYAR	JUMLAH (RM)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	182,050,020.65
2.	Sime Darby Ampar Tenang Sdn. Bhd	112,244,971.00
3.	Sime Darby Elmina Development Sdn. Bhd.	73,495,601.26
4.	Salak Land Development	51,067,500.00
5.	Tm Facilities Sdn. Bhd.	29,480,744.00
6.	Glomac Rawang Sdn. Bhd.	15,865,372.00
7.	Cash Band (M) Bhd.	15,712,200.00
8.	Bekerley Sdn. Bhd	15,503,340.00
9.	Gapadu Harta Sdn. Bhd.	14,419,127.00
10.	Sime Darby Putra Height Development Sdn. Bhd.	972,200.00

Sumber : Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(N26 BANGI)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK (SEWA)

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain membina rumah mampu milik untuk tujuan jualan, bilakah Kerajaan Negeri mahu memulakan membina rumah yang serupa untuk tujuan sewaan sahaja?
- b) Apakah strategi Kerajaan dalam menangani masalah-masalah pembeli hak milik strata yang tidak membayar 'fee' penyelenggaraan dan tidak mengambil inisiatif menukar milik kepada pemilikan individu?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan Negeri tidak membina rumah mampu milik untuk disewakan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan membeli rumah yang telah dibina oleh pemaju swasta untuk disewakan kepada golongan yang tidak berkelayakan membeli rumah dengan peruntukan berjumlah RM2.3 juta seperti yang telah diluluskan.
- b) Kegagalan pembeli atau pemilik petak untuk membayar caj *fee* penyelenggaraan adalah satu kesalahan di bawah seksyen 34, Akta Pengurusan Strata 2013.

Seksyen 25, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] mewajibkan pemunya petak membayar caj, dan caruman kepada kumpulan wang penjelas, kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB).

Seksyen 136, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] memperuntukkan pendakwaan hanya boleh dimulakan di bawah Akta ini dengan mendapat keizinan daripada Timbalan Pendakwaraya. LPHS telah memperolehi keizinan tersebut khususnya bagi menjalankan pendakwaan di bawah Akta 757.

Setakat dari Januari 2012 sehingga 31 Julai 2015, LPHS telah menerima sebanyak 823 notis peringatan (yang lengkap) daripada Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Selangor untuk menuntut tunggakan caj penyelenggaraan dan pengurusan terhadap pembeli. Daripada 823 notis tersebut, sebanyak 750 kes pendakwaan telah difailkan dan baki sebanyak 73 masih menunggu izin pendakwaan daripada Timbalan Pendakwaraya (TPR) Negeri Selangor.

Manakala berkenaan kegagalan mana-mana pihak untuk melakukan pindahmilik kepada pemilikan individu, Seksyen 19A (2) Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 memperuntukkan dengan jelas bahawa mana-mana pembeli berkewajipan untuk menyempurnakan dokumen pemindahan hakmilik strata dalam masa 30 hari atau apa-apa tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian bagi Negeri Selangor dari tarikh notis pemindahan hakmilik strata diserahkan kepada pembeli. Sekiranya mana-mana pemilik gagal untuk mematuhi notis pemindahan hakmilik strata tersebut maka mereka telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 19A (3) Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit. Walau bagaimanapun, peruntukan ini adalah di luar bidang kuasa LPHS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : KEMAJUAN INDUSTRI ASAS TANI

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi baru Kerajaan Negeri untuk memajukan industri asas tani di Selangor?
- b) Nyatakan statistik keuntungan yang diperolehi melalui industri asas tani di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah merangka beberapa strategi bagi memajukan lagi industri asas tani di Negeri Selangor seperti mana di dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Antaranya ialah dengan menggalakkan usahawan untuk meningkatkan pengeluaran produk menerusi penggunaan mesin dan teknologi terkini menerusi insentif bantuan mesin dan peralatan. Selain itu, usahawan bimbingan Jabatan akan sentiasa dipantau kebersihan premis dan bengkel pemprosesan agar sentiasa bersih dan mengamalkan Amalan Pengilangan Yang Baik (Good Manufacturing Practices, GMP). Pihak Jabatan menerusi insentif bantuan menaiktaraf bengkel pemprosesan adalah bagi meningkatkan bilangan bengkel pemprosesan makanan yang mendapat pensijilan GMP. Selain itu, program peningkatan pembungkusan dan analisa mikrobiologi dan kandungan nutrisi juga diteruskan bagi menambahbaik pembungkusan dan meningkatkan kualiti produk usahawan bimbingan. Pihak Jabatan juga menggalakkan usahawan menyertai dan mengadakan promosi dan jualan di peringkat tempatan dan antarabangsa.
- b) Pada tahun 2014, nilai jualan bagi usahawan industri asas tani bimbingan Jabatan ialah RM267 juta meningkat sebanyak 96 juta berbanding tahun 2013.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KENDERAAN RASMI KERAJAAN NEGERI SELANGOR

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan no plat, model dan kegunaan kesemua kenderaan rasmi Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Berapakah kos penyelenggaraan kenderaan-kenderaan ini dari tahun 2012-2014?
- c) Berapakah perbelanjaan petrol bagi kegunaan kenderaan rasmi ini pada tahun 2012-2014?

JAWAPAN:

- a) Kenderaan rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor adalah berjumlah sebanyak 81 buah di mana kegunaannya terbahagi kepada 2 iaitu Kereta Rasmi Jawatan (KRJ) serta Kenderaan Jabatan (KJ) seperti yang diperuntukan di dalam Pekeliling Pengurusan Kenderaan Kerajaan WP 4.1/2013.

Kereta Rasmi Jawatan adalah dibekalkan kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Speaker Dewan Negeri Selangor dan 2 orang Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri gred JUSA C. Bagi Kenderaan Jabatan, ia digunakan untuk tujuan guna sama (pool) dan kegunaan pegawai gred 54 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 1 Tahun 2013.

Maklumat terperinci kegunaan kenderaan adalah seperti di LAMPIRAN A.

- b) Kos terperinci penyelenggaraan setiap kenderaan dari tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di LAMPIRAN A.
- c) Penggunaan minyak adalah terbahagi kepada 2 pembekal iaitu Petronas dan Shell. Kos terperinci dari tahun 2012 hingga 2014 bagi setiap pembekal adalah seperti di LAMPIRAN B.

LAMPIRAN B

Penggunaan Minyak Bagi Kenderaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Pembekal	Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2014	JUMLAH
Petronas	147,690.92	129,292.35	62,844.80	339,828.07
Shell	159,864.05	167,079.82	172,960.35	499,904.22
JUMLAH	307,554.97	296,372.17	235,805.15	839,732.29

Penggunaan Minyak Bagi Kenderaan Pejabat Dewan Negeri Selangor

Pembekal	Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2014	JUMLAH
Petronas	TIDAK MENGGUNAKAN MINYAK PETRONAS			
Shell	227,115.99	193,505.23	264,061.00	684,682.22
JUMLAH	227,115.99	193,505.23	264,061.00	684,682.22

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KILANG DI KOTA DAMANSARA

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah lesen kilang yang telah diluluskan di kawasan Kota Damansara?
- b) Adakah terdapat perancangan untuk membuka kawasan perindustrian baru di Kota Damansara?
- c) Nyatakan jumlah kilang haram yang dikenalpasti dan tindakan yang diambil di Kota Damansara?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 12 lesen kilang yang telah diluluskan di kawasan Kota Damansara.
- b) Setakat ini tiada perancangan untuk membuka kawasan perindustrian baru di Kota Damansara.
- c) Tiada kilang haram yang dikenalpasti dan tindakan yang diambil di Kota Damansara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : SKIM BANTUAN AM

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hasil kajian Kerajaan Negeri ke atas Skim Bantuan Am?
- b) Berapa ramaiakah penerima Skim Bantuan Am ini mengikut pecahan DUN dan kaum?

JAWAPAN:

- a) Sebagai makluman, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah menyediakan satu kertas cadangan berhubung dengan Skim Bantuan Am untuk diangkat ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk kelulusan. Melalui kertas cadangan tersebut, kadar bantuan am Negeri Selangor akan ditambah baik setelah mengambilkira teguran-teguran audit yang diterima oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor.

Selain daripada itu, sebagai makluman ahli Yang Berhormat, satu kajian umum berhubung kadar kemiskinan Negeri Selangor juga turut dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Jawatankuasa Tetap Kemiskinan dengan kerjasama Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) kini sedang menjalankan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor bermula pada Mac 2015 hingga Mac 2016. Secara ringkasnya, objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor melalui justifikasi pengiraan dan pembinaan indeks kemiskinan, mengenalpasti statistik kemiskinan bagi penduduk berdasarkan daerah dan kaum di Negeri Selangor dan mewujudkan dan membangunkan Sistem Maklumat yang dinamakan Informasi Kesejahteraan Rakyat Majmuk Selangor (IKRAMS) yang mengandungi data lengkap dan holistik isirumah Selangor yang berpendapatan di bawah PGK Negeri Selangor.

Oleh yang demikian, kajian ini dilihat berupaya membolehkan Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti dan merangka dasar baru, program dan peruntukan yang lebih komprehensif untuk membasmi kemiskinan secara efektif serta memastikan

setiap bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah tepat kepada golongan sasaran yang benar-benar memerlukan.

- b) Statistik penerima Bantuan Skim Bantuan Am mengikut pecahan DUN dan Kaum adalah seperti berikut:

BIL	DUN	Jumlah penerima	Melayu	Cina	India	Lain-lain
1	N01 SUNGAI AIR TAWAR	139	99	15	25	0
2	N02 SABAK	85	23	16	44	2
3	N03 SUNGAI PANJANG	110	50	35	25	0
4	N04 SEKINCHAN	57	30	9	18	0
5	N05 HULU BERNAM	126	71	32	23	0
6	N06 KUALA KUBU BAHARU	175	48	67	40	20
7	N07 BATANG KALI	341	124	80	137	0
8	N08 SUNGAI BURONG	61	46	10	5	0
9	N09 PERMATANG	100	38	27	35	0
10	N10 BUKIT MELAWATI	135	45	6	84	0
11	N11 IJOK	87	24	2	61	0
12	N12 JERAM	150	80	18	52	0
13	N13 KUANG	68	60	3	5	0
14	N14 RAWANG	128	55	32	41	0
15	N15 TAMAN TEMPLER	73	32	23	18	0
16	N16 BATU CAVES	147	51	19	77	0
17	N17 GOMBAK SETIA	26	13	5	8	0
18	N18 HULU KELANG	36	21	8	7	0
19	N19 BUKIT ANTARABANGSA	8	8	8	0	0
20	N20 LEMBAH JAYA	29	6	8	12	2

BIL	DUN	Jumlah penerima	Melayu	Cina	India	Lain-lain
21	N21 CHEMPAKA	8	3	1	4	0
22	N22 TERATAI	7	2	3	1	0
23	N23 DUSUN TUA	21	10	3	3	2
24	N24 SEMENYIH	39	23	4	10	3
25	N25 KAJANG	55	16	9	29	1
26	N26 BANGI	7	7	0	0	0
27	N27 BALAKONG	8	8	0	0	0
28	N28 SERI KEMBANGAN	77	25	3	49	0
29	N29 SERI SERDANG	26	13	4	9	0
30	N30 KINRARA	22	3	15	4	0
31	N31 SUBANG JAYA	81	21	35	25	0
32	N32 SERI SETIA	98	38	15	45	0
33	N33 TAMAN MEDAN	118	52	10	56	0
34	N34 BUKIT GASING	18	4	6	7	1
35	N35 KAMPUNG TUNKU	9	2	3	4	0
36	N36 DAMANSARA UTAMA	9	4	4	1	0
37	N37 BUKIT LANJAN	48	15	10	21	2
38	N38 PAYA JARAS	56	36	4	6	0
39	N39 KOTA DAMANSARA	139	65	11	62	0
40	N40 KOTA ANGGERIK	74	28	11	35	0
41	N41 BATU TIGA	84	30	39	15	0
42	N42 MERU	98	31	42	25	0
43	N43 SEMENTA	150	34	87	29	0
44	N44 SUNGAI PINANG	24	10	7	7	0

BIL	DUN	Jumlah penerima	Melayu	Cina	India	Lain-lain
45	N45 SELAT KLANG	70	28	26	16	0
46	N46 PELABUHAN KLANG	193	68	89	36	0
47	N47 PANDAMARAN	95	30	36	29	0
48	N48 KOTA ALAM SHAH	41	11	25	5	0
49	N49 SERI ANDALAS	197	28	26	16	0
50	N50 SRI MUDA	51	28	31	12	0
51	N51 SIJANGKANG	195	68	15	89	23
52	N52 TELOK DATUK	206	35	33	124	14
53	N53 MORIB	250	87	24	127	12
54	N54 TANJONG SEPAT	147	67	13	32	3
55	N55 DENGKIL	287	127	27	102	3
56	N56 SUNGAI PELEK	303	83	59	142	0
	JUMLAH	5392	2100	1159	1854	86

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : MASALAH PENCEMARAN

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah pencemaran di Selangor pada tahun 2014 mengikut PBT?
- b) Berapakah jumlah kompaun yang telah dikeluarkan dan dibayar pada tahun 2014 mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah pencemaran di Selangor pada tahun 2014 :-

i. Yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

PBT	Bilangan Notis	Bilangan Kompaun	Bilangan Arahan Tutup	Bilangan Kes Tindakan Mahkamah
MBSA	29	27	-	-
MBPJ	107	11	-	-
MPK	-	-	-	-
MPAJ	-	83	38	158
MPS	-	-	-	-
MPSJ	44	7	-	-
MPKJ	-	101	-	-
MPSP	-	-	-	-
MDKL	-	-	-	-
MDKS	-	-	-	-
MDHS	-	-	-	-
MDSB	-	-	-	-
JUMLAH	180	229	38	158

ii. Yang Dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

<u>PBT</u>	Jenis Pencemaran	Bilangan Notis	Bilangan Kompaun	Bilangan Arahan Tutup	Bilangan Kes Tindakan Mahkamah
<u>MBSA</u>	Udara	48	25	-	-
	Air	50	24	-	4
	Buangan Terjadual	149	112	-	3
<u>MBPJ</u>	Udara	3	11	-	-
	Air	7	5	-	-
	Buangan Terjadual	26	12	-	-
<u>MPK</u>	Udara	76	61	-	0
	Air	52	12	-	0
	Buangan Terjadual	124	94	-	1
<u>MPAJ</u>	Udara	1	2	-	0
	Air	12	3	-	2
	Buangan Terjadual	2	0	-	0
<u>MPS</u>	Udara	6	4	-	1
	Air	31	11	-	2
	Buangan Terjadual	12	14	-	-
<u>MPSJ</u>	Udara	7	2	-	-
	Air	10	1	-	-
	Buangan Terjadual	22	17	-	-
<u>MPKJ</u>	Udara	14	19	-	2
	Air	20	14	-	2
	Buangan Terjadual	37	59	-	1
<u>MPSP</u>	Udara	13	3	-	3
	Air	7	12	-	-
	Buangan Terjadual	11	10	-	-
<u>MDKL</u>	Udara	23	7	-	-
	Air	11	18	-	-

	Buangan Terjadual	14	22	-	-
<u>MDKS</u>	Udara	10	1	-	1
	Air	7	0	-	1
	Buangan Terjadual	8	4	-	-
<u>MDHS</u>	Udara	6	2	-	-
	Air	10	6	-	3
	Buangan Terjadual	8	4	-	-
<u>MDSB</u>	Udara	1	2	-	-
	Air	1	2	-	-
	Buangan Terjadual	2	0	-	-
<u>JUMLAH</u>		<u>841</u>	<u>596</u>	<u>=</u>	<u>26</u>

iii. Yang Dikeluarkan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

<u>JABATAN</u>	Jenis Pencemaran	Bilangan Notis	Bilangan Kompaun	Bilangan Arahan Tutup	Bilangan Kes Tindakan Mahkamah
<u>LUAS</u>	Air	32	-	-	-
	<u>JUMLAH</u>	<u>32</u>	<u>=</u>	<u>=</u>	<u>=</u>

- b) Jumlah kompaun yang telah dikeluarkan dan dibayar pada tahun 2014 bagi pencemaran alam sekitar adalah seperti berikut: -

i. Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

PBT	Bilangan Kompaun	Jumlah Kompaun Yang Dikeluarkan (RM)	Jumlah Kompaun Yang Telah Dibayar (RM)
MBSA	27	13,800	-
MBPJ	11	4,000	2,000
MPK	-	-	-
MPAJ	-	-	-
MPS	83	41,500	-
MPSJ	7	3,500	3,250.00
MPKJ	101	117,750.00	-
MPSP	113	56,500	-
MDKL	-	-	-
MDKS	-	-	-
MDHS	-	-	-
MDSB	-	-	-
JUMLAH	342	237,050.00	3,250

ii. Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

Unit	Bilangan Kompaun	Jumlah Kompaun Yang Dikeluarkan (RM)	Jumlah Kompaun Yang telah Dibayar (RM)
Aduan	23	12,000	12,000
EIA	7	14,000	14,000
Lesen	25	50,000	38,000
Gombak	40	80,000	75,250
Kajang	92	184,000	157,000
Sabak Bernam	9	18,000	12,000

Sepang	73	146,000	137,000
Petaling	40	80,000	71,500
Shah Alam Selatan	73	146,000	130,000
Shah Alam Utara	85	170,000	162,000
Klang Selatan	63	126,000	115,000
Klang Utara	66	132,000	122,500
JUMLAH	596	1,158,000	1,046,250

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PELABUR LUAR NEGARA/NEGERI

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hasil kajian semula polisi-polisi dan syarat-syarat pelaburan dan perniagaan bagi menarik semula pelabur luar?
- b) Nyatakan nama syarikat luar yang telah melabur dalam negeri Selangor dan berapa jumlah pelaburan setiap satu dari syarikat tersebut setakat Jun 2015?

JAWAPAN:

- a) Pihak Kerajaan Negeri melalui agensi yang berkaitan telah mengambil inisiatif bagi mengkaji semula polisi-polisi dan syarat-syarat pelaburan dan perniagaan di peringkat Kerajaan Negeri bagi menarik semula pelabur luar dan perkara ini masih dalam peringkat tindakan. Antara polisi-polisi yang sedang dalam proses semakan adalah seperti berikut;-
 - i. Garis Panduan Perolehan Hartanah Oleh Warganegara Asing / Penduduk Tetap / Syarikat Asing di Negeri Selangor.
 - ii. Proses-proses Kelulusan pembangunan seperti Permohonan Kebenaran Merancang, kelulusan Pelan Bangunan, Pelan Infra dan sebagainya.
- b) Bagi tempoh Januari hingga Mac 2015, sebanyak RM 1.153 bilion adalah disumbangkan oleh pelabur asing dan pelabur daripada Jepun mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi dengan nilai pelaburan berjumlah RM 865 juta dengan 8 projek diikuti pelabur dari Singapura sebanyak RM 93 juta dengan 2 projek dan pelabur dari United Kingdom sebanyak RM 66 juta dengan 2 projek. Kelulusan projek perkilangan melibatkan pelabur asing adalah seperti berikut;-

Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Japan	8	705	865,362,174
Singapore	2	77	93,997,798
United Kingdom	2	157	66,010,000
Iran	1	61	27,284,000

British Virgin Island	1	45	23,000,000
Korea Rep.	2	44	17,292,000
Mauritius	1	98	15,300,000
Germany	3	43	13,996,800
Bermuda	1	69	11,489,604
China	2	169	10,168,340
United States	1	8	5,000,000
Pakistan	1	24	4,390,452
Netherlands	1	0	0
Jumlah Modal Pelaburan	***	***	1,153,291,168

* sumber : MIDA

Nota :

(Nama-nama pelabur dan jumlah pelaburan bagi setiap projek perkilangan yang diluluskan tidak dapat dinyatakan tanpa kebenaran pihak syarikat-syarikat berkenaan bagi mengelakkan sebarang kesulitan kepada perancangan perniagaan mereka).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : CUKAI PUSAT HIBURAN

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jenis-jenis cukai pusat hiburan yang dikutip oleh PBT?
- b) Berapakah jumlah kutipan cukai pusat hiburan mengikut jenis di setiap PBT tahun 2012-2014?

JAWAPAN:

PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

- a) PBT tidak melakukan kutipan bagi duti hiburan di pusat hiburan walau bagaimanapun, kutipan duti hiburan dikendalikan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor. Berikut merupakan perincian bagi jenis-jenis pusat hiburan yang dikenakan cukai;

Jadual Senarai Jenis Hiburan Yang Dikenakan Cukai

BIL	JENIS-JENIS HIBURAN
1.	Mesin-mesin Hiburan / Elektronik (Simulator, Hi-Tech Machine, Karaoke Box & Go-Kart
2.	Gelanggang Kasut Roda / Roller Balde / Ice Skating
3.	Snuker / Pool Table / Billiard
4.	Football Table / Pin Ball
5.	Bowling
6.	Pub / Karaoke / KTV / Lounge / Cafe
7.	Disko
8.	Pipe Music
9.	Live Music / Live Band
10.	Music Machine / DJ Music
11.	Pameran di Kompleks / Tempat Awam
12.	Pertunjukan Pentas / Teater / Konsert / Tarian / Jamuan Makan Malam di Dewan / Hotel
13.	MTV / Laser Disk
14.	Pesta Hiburan / Fun Fair / Taman Hiburan / Mini Expo di Kompleks atau Tempat Awam
15.	Lumba Kuda / Kereta / Motosikal
16.	Lain-lain Hiburan Bertiket / Pawagam / Cineplex

- b) Berikut merupakan jumlah pencapaian kutipan duti hiburan di Negeri Selangor bagi tahun 2012-2014.

KUTIPAN DUTI HIBURAN MENGIKUT KATEGORI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN 2012 (RM)	TAHUN 2013 (RM)	TAHUN 2014 (RM)
1.	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	1,861,594.06	2,900,570.77	3,919,897.70
2.	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	13,784,885.95	16,301,544.35	17,799,093.95
3.	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	11,269,604.07	12,246,224.32	14,977,876.25
4.	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	5,339,390.72	5,498,820.07	5,518,235.30
5.	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	2,020,266.65	2,643,211.87	2,538,272.15
6.	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	32,880.00	21,912.88	24,720.00
7.	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	611,964.94	587,462.17	329,444.60
8.	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	3,113,473.95	3,268,827.07	3,305,837.15
9.	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	136,897.78	192,202.87	11,640.00
10.	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	194,422.83	266,007.87	106,030.00
11.	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	16,300.80	346,630.27	303,230.30
12.	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	157,402.78	236,752.87	96,165.00
	JUMLAH	RM 38,932,073.55	RM 44,705,168.28	RM 48,930,442.40

KUTIPAN DUTI HIBURAN MENGIKUT KATEGORI JENIS AKTIVITI HIBURAN

	JENIS AKTIVITI HIBURAN	TAHUN 2012 (RM)	TAHUN 2013 (RM)	TAHUN 2014 (RM)
1.	WAYANG GAMBAR	34,492,464.04	40,221,552.38	44,643,785.10
2.	P. PENTAS / LUMBA KUDA	796,265.15	784,462.00	650,877.30
3.	CAGARAN	8,114.36	22,539.00	12,910.00
4.	PUB / LIVE MUSIC / KARAOKE	2,044,462.08	2,048,868.90	2,110,145.00
5.	MESIN HIBURAN	925,217.92	1,015,740.00	932,905.00
6.	SNUKER / POOL / BOWLING	665,550.00	662,036.00	579,820.00
	JUMLAH	RM 38,932,073.55	RM 44,705,168.28	RM 48,930,442.40

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMBANGUNAN KEMUDAHAN DI SRA

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk pembangunan kemudahan di semua SRA yang terlibat?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan menambah jumlah peruntukan untuk pembangunan kemudahan di SRA?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk pembangunan kemudahan di semua SRA yang terlibat adalah seperti yang berikut :-

Baikpulih Sekolah di bawah peruntukan Pembangunan JAIS (P14):-

BIL	TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
1.	2010	6.0 JUTA
2.	2011	6.0 JUTA
3.	2012	6.0 JUTA
4.	2013	5.0 JUTA
5.	2014	6.5 JUTA
6.	2015	3.5 JUTA

- b) Jabatan Agama Islam Selangor merancang untuk menambah peruntukan baikpulih SRA kepada RM7,000,000.00 setahun di bawah RMK-11. Walaubagaimanapun, perancangan tersebut tertakluk kepada kelulusan RMK-11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : STATUS GURU-GURU TAHFIZ DI SELANGOR

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah faktor yang melayakkan seseorang itu menjadi guru tahfiz?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri bagi menyelaraskan kurikulum di Maahad Tahfiz bagi mengelakkan ajaran yang tidak sepatutnya diajar?

JAWAPAN:

- a) Faktor yang melayakkan seseorang menjadi Guru Tahfiz:
 - i. Mempunyai Ijazah serta Diploma dalam bidang Hafazan al-Quran yang diiktiraf,
 - ii. Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kepujian dalam Bahasa Melayu,
 - iii. Lulus Temuduga, dan;
 - iv. Warganegara Malaysia
- b) Setiap Maahad Tahfiz dikehendaki berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor adalah tertakluk dengan Enakmen yang memperuntukkan penggunaan kurikulum yang diluluskan oleh Majlis Agama Islam Selangor;
(Fasal 11.(1) dalam Enakmen No. 2 Tahun 1988 Pindaan 2001 Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam Negeri Selangor “***Tiap-tiap Jamaah hendaklah mematuhi kurikulum yang dibuat oleh Majlis, menggunakan buku-buku teks yang dinyatakan sedemikian dan menjalankan program mengenai latihan guru yang ditetapkan dan mengadakan apa-apa peperiksaan yang dinyatakan oleh Majlis***”)
 - Maahad Tahfiz berkenaan perlu melaksanakan kurikulum yang sedang dilaksanakan di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS);
 - Jabatan Agama Islam Selangor juga mengiktiraf peranan Persatuan Institusi Tahfiz Selangor (PITAS) yang merupakan Badan Bukan Kerajaan yang turut serta memastikan tahfiz dari terjerumus dalam ajaran yang tidak sepatutnya;
 - Jabatan sentiasa melaksanakan tugas pemantauan sepanjang tahun bagi memastikan tahfiz berkenaan melaksanakan kurikulum yang diluluskan.

Nota: Pengerusi dan Setiausaha PITAS dilantik menganggotai Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan dan Tahfiz Negeri Selangor di bawah Majlis Agama Islam Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PENGURUSAN AIR SELANGOR (PASSB)

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan Ahli Lembaga dan pengurusan PASSB?
- b) Nyatakan gaji, elaun dan bonus semua Ahli Lembaga dan pengurusan PASSB?
- c) Bagaimanakah kaedah pemilihan Ahli Lembaga dan pengurusan PASSB dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Senarai Ahli Lembaga Dan Pengurusan PASSB adalah seperti berikut:-

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah

YAB Tuan Mohamed Azmin Haji Ali	Pengarah
YM Raja Dato' Idris Raja Kamarudin	Pengarah
En Suhaimi Kamaralzaman	Pengarah

Pengurusan Kanan

En Suhaimi Kamaralzaman	Ketua Pegawai Eksekutif
-------------------------	-------------------------

Ketua Jabatan

Kevin Lee Shih Min	Ketua Strategi & Perancangan Perniagaan
Amin Lin Abdullah	Ketua Komunikasi Korporat
Raja Ahmad Hidzir Raja Muhamad	Ketua Modal Insan
Zaheeda Banu Mohamad Ariff	Ketua Undang-undang
Ravindran Karupiah	Ketua Teknologi Maklumat

- b) GAJI, ELAUN DAN BONUS

Ahli-ahli Lembaga Pengarah

Setakat ini ahli-ahli lembaga pengarah PASSB tidak dibayar sebarang ganjaran seperti elaun mesyuarat, yuran pengarah dan lain-lain.

Pengurusan Kanan

Struktur penggajian berserta elaun PASSB adalah berdasarkan kepada polisi penggajian dan faedah-faedah sedia ada yang telah diguna pakai oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (“KDEB”) sejak tahun 2012. Tiada bayaran bonus dilaksanakan di peringkat PASSB memandangkan PASSB hanya mula beroperasi pada Februari tahun ini.

c) KAEDAH PEMILIHAN

Ahli-ahli Lembaga Pengarah

Tidak terdapat kaedah khusus bagi pemilihan ahli lembaga pengarah PASSB. PASSB adalah sebuah Syarikat Tujuan Khas (*‘Special Purpose Vehicle’*) yang dimiliki sepenuhnya oleh KDEB. PASSB ditubuhkan bagi tujuan mengendalikan penstrukturan semula industri air di Selangor di mana ketiga-tiga Pengarahnya iaitu YAB Dato’ Menteri Besar (Pengerusi KDEB), YM Raja Dato’ Idris Raja Kamarudin (Pengarah KDEB) dan Encik Suhaimi Kamaralzaman (Presiden KDEB) dan telah dilantik bagi mewakili KDEB bertujuan untuk melindungi serta menjaga kepentingan KDEB khususnya Kerajaan Negeri Selangor.

Pengurusan Kanan

Proses pelantikan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif adalah berdasarkan kepada peranan terkini serta pengalaman beliau di dalam menerajui penstrukturan semula sektor air di Selangor, juga mengambil kira pengalaman luas beliau di dalam sektor yang sama ketika mengetuai Pengurusan Aset Air Berhad (“PAAB”) dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (“IWK”).

Manakala pemilihan perjawatan di peringkat Ketua Jabatan dibuat berdasarkan kepada faktor-faktor kelayakan akademik (*‘academic qualification’*), pengalaman khusus di bidang pengurusan tertentu (*‘relevant working experience’*), skil kepimpinan (*‘leadership skill’*) serta kecekapan (*‘competency’*) calon memenuhi kriteria-kriteria jawatan yang diluluskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perincian pelan strategik bagi 12 bulan pertama setelah empat syarikat konsesi air berjaya diambilalih dan senarai lengkap mereka yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan sehingga ke peringkat penawaran saham air kepada rakyat.

JAWAPAN:

- a) Bagi menyiapkan pelan strategik berkenaan, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) perlu membuat penilaian menyeluruh ke atas semua syarikat pemegang konsesi daripada segi teknikal ataupun kewangan termasuk mengkaji semula prestasi masa lalu (*historical performance*) syarikat-syarikat berkenaan. Langkah ini adalah penting bagi menjamin pelan strategik yang komprehensif dan holistik dapat dihasilkan dengan mengambil kira segala faktor penting yang menyumbang kepada kecekapan dan keberkesanan industri perkhidmatan bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Penilaian menyeluruh ini akan dilaksanakan setelah Air Selangor mengambil alih kesemua empat buah syarikat pemegang konsesi berkenaan. Rancangan penstrukturan semula air di Selangor adalah diterajui oleh YAB Menteri Besar dan dikelolakan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor ("UPEN") dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, syarikat milik Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PENGURUSAN PANGSAPURI KOS RENDAH

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri boleh memastikan JMB mempunyai peruntukan yang cukup bagi kerja-kerja penyelenggaraan?
- b) Bilakah bantuan baikpulih jalan-jalan dalam kawasan pangsapuri kos rendah akan diluluskan?
- c) Bagaimana dapat disingkatkan tempoh menunggu bantuan CERIA bagi pangsapuri-pangsapuri kos rendah?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program bagi memastikan JMB mempunyai peruntukan yang cukup bagi kerja-kerja penyelenggaraan seperti berikut:

- i) Kempen Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni.

Kerajaan Negeri telah melaksanakan program ini kepada 30 kawasan pangsapuri semenjak dari tahun 2008. Hasil analisa ke atas 4 pangsapuri yang telah dilaksanakan program tersebut pada tahun 2014, adalah didapati peratus kutipan caj penyelenggaraan adalah meningkat antara 10% sehingga 20% bagi 4 kawasan tersebut setelah 6 bulan program berkenaan diadakan.

- ii) Ops Bayar
(Tindakan Pendakwaan Ke Mahkamah Bagi Pemilik Tidak Membayar Caj).

Kerajaan Negeri telah membawa 750 kes pendakwaan ke mahkamah bagi pemilik tidak membayar caj. Hasil analisa ke atas 4 pangsapuri (sampel kes), perbandingan hasil kutipan caj bagi tahun 2013 dan 2014, adalah didapati peratus kutipan caj meningkat antara 4 % sehingga 58% seperti berikut:

BIL	PANGSAPURI	JUMLAH KES KE MAHKAMAH	JUMLAH PENINGKATAN	
			NILAIAN (RM)	%
1	Mentari Court	19	1,588,029.74	56
2	Meranti	2	185,305.00	4
3	Orkid	4	12,156.16	2
4	Rimba Jaya 1	120	121,403.70	58

- b) Bantuan membaikpulih jalan-jalan dalam kawasan pangsapuri kos rendah akan dilaksanakan pada tahun 2016. Berdasarkan maklumat daripada semua Pihak Berkuasa Tempatan, anggaran kos yang terlibat adalah sejumlah RM114,953,575.92 seperti berikut:

BIL	PBT	KATEGORI		
		KRITIKAL (RM)	SEDERHANA KRITIKAL (RM)	TIDAK KRITIKAL (RM)
1.	MBSA	6,087,607.38	0	0
2.	MBPJ	3,133,179.00	2,988,759.84	1,092,302.20
3.	MPK	2,175,000.00	16,567,000.00	1,700,000.00
4.	MPSJ	5,859,925.00	2,624,010.00	1,248,400.00
5.	MPAJ	10,429,900.00	12,835,350.00	8,265,175.00
6.	MPS	10,228,390.00	8,271,140.00	4,632,300.00
7.	MPKj	190,000.00	5,221,927.50	0
8.	MPSp	3,030,880.00	0	0
9.	MDHS	546,000.00	569,000.00	0
10.	MDKS	0	4,572,000.00	0
11.	MDKL	138,750.00	636,810.00	1,909,770.00
JUMLAH		41,819,631.38	54,285,997.34	18,847,947.20

- c) Dalam urusan berkaitan tadbir urus kerajaan, proses perolehan adalah tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan. Berdasarkan standard operasi kerja yang ditetapkan, tempoh perolehan Skim CERIA adalah seperti berikut:

BIL	JENIS PEROLEHAN	BILANGAN HARI
1	Sebut harga (kos di bawah RM20 ribu)	58
2	Sebut harga (kos melebihi RM20 ribu)	109
3	Tender	158

Walau bagaimanapun, tempoh yang ditetapkan ini sukar dicapai di atas sebab-sebab yang berikut:

- i) JMB dan MC mengambil masa melebihi 30 hari untuk membayar 5% daripada anggaran kos kerja baik pulih sebagai fi memulakan proses perolehan CERIA.
- ii) Peralatan yang diperlukan tiada stok dan perlu ditempah di luar negara sehingga memakan masa melebihi 3 bulan.
- iii) Jadual kadar harga (*bill of quantity*) yang perlu disediakan mengambil masa melebihi 14 hari kerana memerlukan tindakan siasatan yang lebih terperinci untuk mengenal pasti punca dan tindakan pembetulan yang tepat bagi membaikpulih kerosakan harta bersama terutamanya lif, bumbung dan tangki air.

Untuk beberapa kes kritikal, Kerajaan Negeri juga telah membuat lantikan kontraktor secara terus setelah mendapat kelulusan daripada YB. Pegawai Kewangan Negeri seperti kerja baik pulih bumbung dan tangki air yang rosak akibat ribut di Pangsapuri Taman Permai Indah, Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : KECERIAAN KAMPUNG

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mengindahkan dan menceriakan suasana kampung termasuk mewujudkan kampung tercantik dan meningkatkan sosioekonomi warga kampung?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sedang melaksanakan Pertandingan Anugerah Kampung Tradisi Terbaik Negeri Selangor yang bertujuan untuk melahirkan kampung tradisi yang terbaik melalui pelbagai aspek penilaian yang dipertimbangkan.

Pertandingan ini adalah kali kedua diadakan di Negeri Selangor selepas tahun 2011 di mana pada tahun tersebut sebanyak dua (2) kategori dipertandingkan iaitu Pertandingan Ketua Kampung Tradisi Terbaik dan Pertandingan Rumah Tradisional Tercantik.

Pada tahun 2015, sebanyak dua (2) kategori dipertandingkan iaitu Anugerah Kampung Tradisi Terbaik dan Anugerah Usahawan Desa Terbaik.

Terdapat tujuh (7) kriteria yang digunakan untuk mengiktiraf sesebuah kampung iaitu kepimpinan, pendidikan, ekonomi, kebersihan, keindahan, kerohanian dan sivik serta teknologi maklumat. Selain itu, keaktifan JKKK turut diambil kira terutama bagi aspek penyediaan profil kampung yang dikemaskini, pewujudan biro-biro dalam organisasi JKKK dan dari segi pengurusan mesyuarat JKKK di kampung tersebut.

Bagi meningkatkan sosioekonomi warga kampung, pelbagai aktiviti telah dirancang dan telah dimulakan oleh Kerajaan Negeri iaitu melalui program “1 Daerah 1 Inkubator”, “Program Pembangunan Usahawan Desa : Kursus Kemahiran Jangka Pendek”, dan “Program Pembangunan Usahawan Desa : Industri Komuniti Kampung”. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan pembinaan Dataran Niaga untuk dijadikan medan bagi memasarkan produk-produk kampung dan sebagai tempat untuk penduduk kampung berkongsi idea dan maklumat tentang perniagaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : KADAR KEMISKINAN SELANGOR

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kadar kemiskinan terkini di negeri Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah lanjut untuk mengatasinya secara bersepadu dan berkesan?
- c) Apakah sasaran bilangan dan peratusan yang ingin di keluarkan dari kemiskinan ini?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2014 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (seperti di **JADUAL 2**), negeri Selangor mencatatkan penurunan insiden kemiskinan daripada 0.4% pada tahun 2012 kepada 0.2% pada tahun 2014.

Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang data dan statistik keseluruhan jumlah penduduk miskin yang terkini serta tidak pernah menjalankan bancian kemiskinan khusus untuk negeri Selangor sejak tahun 2008.

Namun begitu, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah pun mengambil inisiatif penting bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan di Negeri Selangor sehingga ke akar umbi. Untuk mencapai hasrat ini, satu kaedah pengukuran terhadap kadar kemiskinan perlu diwujudkan serta Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor yang terkini perlu dimuktamadkan berikutan peningkatan taraf hidup dan ekonomi semasa yang tidak menentu.

Justeru itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 5/2015 bertarikh 4 Februari 2015 yang lalu telah meluluskan pelaksanaan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor serta melantik terus Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) sebagai perunding kajian bermula Mac 2015 hingga Mac 2016.

Secara ringkasnya, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti perangkaan umum berkaitan kemiskinan bagi penduduk berdasarkan daerah dan kaum di Negeri Selangor, menganalisis penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor melalui justifikasi pengiraan dan pembinaan indeks kemiskinan serta mewujudkan dan membangunkan Sistem Maklumat yang dinamakan Informasi Kesejahteraan Rakyat Majmuk Selangor (IKRAMS) yang mengandungi data lengkap dan holistik isi rumah Selangor yang berpendapatan di bawah PGK yang akan ditetapkan.

- b) Seperti mana kita sedia maklum, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah melaksanakan pelbagai program pembasmian kemiskinan memfokuskan kepada program-program ke arah mentransformasikan masyarakat miskin tegar dan miskin kepada masyarakat yang berupaya menjana pendapatan yang mencukupi bagi menanggung kos hidup serta seterusnya berupaya membebaskan diri daripada belunggu kemiskinan. Tiga (3) program teras pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan adalah seperti berikut:-
- i. Teras 1: Program yang berupaya menjana dan meningkatkan pendapatan:-
 - Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan
 - ii. Teras 2: Program yang menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan/ latihan:-
 - Program Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS
 - iii. Teras 3: Program yang berupaya membantu meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos taraf hidup:-
 - Program Pemberian Bantuan Bersempena Perayaan; dan
 - Program Pemberian Bantuan Persekolahan Bersempena *Back to School*.

Selain itu, di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin pula, Kerajaan Negeri turut membantu rakyat Selangor yang kurang berkemampuan memiliki rumah yang selesa sebagai tempat berteduh melalui Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan beberapa Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di bawah Jawatankuasa - jawatankuasa Tetap yang lain untuk membantu meringankan bebanan rakyat seperti Program Air Bersih Percuma sebanyak 20 meter padu sebulan, Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS),

Hadiah Anak Masuk Universiti, Insentif Perkahwinan Belia dan pelbagai lagi. Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Dar Al-Qadr Al Hasan Selangor telah memperkenalkan Program HIJRAH Selangor, di mana ianya merupakan program mikrokredit yang dijangka berupaya meningkatkan pendapatan rakyat Negeri Selangor serta melebarkan golongan kelas menengah.

Melalui pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri ini, ianya dilihat berupaya menghasilkan impak positif terhadap pendapatan golongan sasaran serta seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan di Negeri Selangor.

- c) Pada masa kini, fokus dan tumpuan Kerajaan Negeri adalah untuk membasmi kemiskinan secara total dan efektif. Dengan adanya pelbagai program pembasmian kemiskinan ini diharap berupaya mengurangkan kadar kemiskinan melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) serta seterusnya berjaya keluar daripada belunggu kemiskinan. Walau bagaimanapun, jangkaan peratusan yang ingin dikeluarkan daripada belunggu kemiskinan yang ingin dicapai adalah tertakluk kepada penetapan PGK terkini, iaitu hasil daripada Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan (PGK) bagi Negeri Selangor yang akan diperolehi kelak.

JADUAL 2:

INSIDEN KEMISKINAN MENGIKUT ETNIK, STRATA DAN NEGERI BAGI TAHUN 1970 - 2014

Jadual 5.6: Insiden kemiskinan mengikut kumpulan etnik, strata dan negeri, Malaysia, 1970 - 2014

Table 5.6: Incidence of poverty by ethnic group, strata and state, Malaysia, 1970 -2014

	(%)															
	1970 [*]	1976	1979	1984	1987	1989 ^{**}	1992	1995	1997	1999	2002	2004	2007	2009	2012	2014
Malaysia	49.3	37.7	37.4	20.7	19.4	16.5	12.4	8.7	6.1	7.5	5.1	5.7	3.6	3.8	1.7	0.6
Kumpulan etnik/ Ethnic group																
Bumiputera	64.8	46.4 [†]	49.2	28.7	26.6	23.0	17.5	12.2	9.0	10.2	7.3	8.3	5.3	5.3	2.2	0.8
Cina / Chinese	26.0	17.4 [†]	16.5	7.8	7.0	5.4	3.2	2.1	1.1	2.6	1.5	0.6	0.6	0.6	0.3	0.1
India / Indians	39.2	27.3 [†]	19.8	10.1	9.6	7.6	4.5	2.6	1.3	1.9	1.9	2.9	2.6	2.5	1.8	0.6
Lain - lain / Others	44.8	33.8 [†]	28.9	18.8	20.3	22.8	21.7	22.5	13.0	21.7	14.3	6.9	10.1	6.7	1.5	0.9
Strata																
Bandar / Urban	21.3	15.4	17.5	8.5	8.5	7.1	4.7	3.6	2.1	3.4	2.0	2.5	1.9	1.7	1.0	0.3
Luar Bandar / Rural	58.7	45.7	45.8	27.3	24.8	21.1	12.2	14.9	10.9	12.4	11.4	11.9	7.1	8.4	3.4	1.6
Negeri/State																
Johor	45.7	29.0	18.2	12.2	11.1	10.1	5.6	3.1	1.6	2.5	1.8	2.0	1.5	1.3	0.9	0.0
Kedah	63.2	61.0	53.8	36.6	31.3	30.0	21.2	12.2	11.5	13.5	10.7	7.0	3.1	5.3	1.7	0.3
Kelantan	76.1	67.1	55.0	39.2	31.6	29.9	29.5	22.9	19.2	18.7	12.4	10.6	7.2	4.8	2.7	0.9
Melaka	44.9	32.4	20.4	15.8	11.7	12.4	8.5	5.3	3.5	5.7	2.7	1.8	1.8	0.5	0.1	0.1
Negeri Sembilan	44.8	33.0	26.3	13.0	21.5	9.5	8.1	4.9	4.7	2.5	2.2	1.4	1.3	0.7	0.5	0.4
Pahang	43.2	38.9	26.9	15.7	12.3	10.2	6.9	6.8	4.4	5.5	3.8	4.0	1.7	2.1	1.3	0.7
Pulau Pinang	43.7	32.4	19.7	13.4	12.9	8.9	4.0	4.0	1.7	2.7	1.4	0.3	1.4	1.2	0.6	0.3
Perak	48.6	43.0	30.5	20.3	19.9	19.3	10.2	9.1	4.5	9.5	7.9	4.9	3.4	3.5	1.5	0.7
Perlis	73.9	59.8	63.1	33.7	29.1	17.2	19.8	11.8	10.7	13.3	10.1	6.3	6.8	6.0	1.9	0.2
Selangor	29.2	22.9	14.5	8.6	8.9	7.8	4.3	2.2	1.3	2.0	1.1	1.0	0.7	0.7	0.4	0.2
Terengganu	68.9	60.3	53.1	28.9	36.1	31.2	25.6	23.4	17.3	14.9	10.7	15.4	6.4	4.0	1.7	0.6
Sabah	n.a	58.3	40.7	33.1	35.3	29.7	27.8	22.6	16.5	20.1	16.0	24.2	16.4	19.7	8.1	4.0
Sarawak	n.a	56.5	47.8	31.9	24.7	21.0	19.2	10.0	7.3	6.7	5.8	7.5	4.2	5.3	2.4	0.9
W.P. Kuala Lumpur	n.a	n.a	n.a	4.9	5.2	3.8	1.7	0.5	0.1	2.3	0.5	1.5	1.5	0.7	0.8	0.1
W.P. Labuan	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	2.7	4.2	4.3	1.1	1.1
W.P. Putrajaya	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	0.0	0.0	0.0	0.0

Nota/Note :

^{*} Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja / Refers to Peninsular Malaysia only

^{**} Mulai tahun 1989, data adalah berdasarkan kepada warganegara Malaysia / Starting 1989, data is based on Malaysian citizens

- Tiada kes / No cases

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

**TAJUK: PROJEK USAHASAMA BAWAH DARUL EHSAN INVESTMENT
GROUP (DEIG) DAN ANAK-ANAK SYARIKATNYA**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan syarikat-syarikat yang terlibat dalam projek usahasama (Joint Venture) bersama DEIG serta anak-anak syarikatnya.
- b) Senaraikan lokasi-lokasi serta nama pemaju yang terlibat bagi setiap projek usahasama yang telah dan akan dijalankan oleh DEIG serta anak-anak syarikatnya.
- c) Nyatakan "Gross Development Value" bagi setiap projek usahasama bawah DEIG serta anak-anak syarikatnya dan jangkaan pulangan pelaburan (Return of Investment)

JAWAPAN:

- a) DEIG masih di peringkat awal penubuhan dan dijangka beroperasi pada suku pertama tahun 2016. Oleh itu tiada syarikat yang terlibat dalam projek usahasama bersama DEIG.
- b) Memandangkan ia belum beroperasi sepenuhnya tiada projek usahasama yang dijalankan pada ketika ini.
- c) Pada ketika ini tiada projek usahasama dijalankan di peringkat DEIG. Apabila ia beroperasi kelak, projek usahasama dengan syarikat pembangunan hartanah ini dijangka akan dapat memberi pulangan nilai di antara 15 % hingga 20 % GDV (Gross Development Value).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN PAIP AIR

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan jadual penyelenggaraan dan pembaikan paip-paip air di Teratai.
- b) Sila kemukakan maklumat paip-paip air bocor dan bilangan unit rumah/kedai yang terjejas di DUN Teratai dalam tahun 2013 hingga 2015.

JAWAPAN:

- a) Rekod SYABAS menunjukkan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan setiap tiga bulan sekali.
- b) Maklumat paip bocor dan bilangan akaun yang terlibat adalah seperti di Lampiran 1.

KES PAIP PECAH & BOCOR DI DUN TERATAI DARI TAHUN 2013 HINGGA JULAI 2015

KAWASAN / TAMAN	PEMBAIKAN OLEH KONTRAKTOR						
	PAIP PECAH				PAIP BOCOR		
	2013	2014	SEHINGGA JULAI 2015	JUMLAH AKAUN TERLIBAT JIKA PAIP PECAH	2013	2014	SEHINGGA JULAI 2015
TAMAN MAJU JAYA	2	2	2	921	19	18	24
TAMAN SERAYA	2	2	4	1472	31	31	19
TAMAN BUKIT PERMAI	11	9	11	1033	96	62	59
TAMAN SAGA	2	1	0	1321	19	27	21
TAMAN BUKIT TERATAI	3	7	10	2588	52	57	42
TAMAN MELUR	3	2	0	1270	36	8	7
TAMAN MUDA	2	2	3	9061	52	83	63
KG. CHERAS BARU	16	12	11	903	159	190	131
JUMLAH	41	37	41	18569	464	476	366

KAWASAN / TAMAN	PEMBAIKAN IN-HOUSE SYABAS			
	PAIP BOCOR			
	2013	2014	SEHINGGA JULAI 2015	JUMLAH AKAUN TERLIBAT JIKA PAIP BOCOR
TAMAN MAJU JAYA	12	11	4	1
TAMAN SERAYA	40	31	15	1
TAMAN BUKIT PERMAI	34	46	27	1
TAMAN SAGA	21	18	8	1
TAMAN BUKIT TERATAI	36	60	13	1
TAMAN MELUR	22	20	10	1
TAMAN MUDA	79	89	28	1
KG. CHERAS BARU	73	87	31	1
JUMLAH	317	362	136	8

**JADUAL
PENYENGGARAAN
INJAP**

Bagi kerja
penyenggaraan
injap dilakukan
setiap 3 bulan sekali

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : LEBUHRAYA EKVE

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status kelulusan pembinaan Lebuhraya EKVE.
- b) Nyatakan pendirian Kerajaan Negeri terhadap Lebuhraya EKVE memandangkan terdapat perbezaan pandangan di kalangan penduduk sekitar.

JAWAPAN:

a) dan b)

MMKN Ke 45/2014 yang bermesyuarat pada 19 November 2014 secara dasarnya telah bersetuju dengan jajaran jalan Fasa I Projek EKVE dan diwartakan sebagai Rizab Jalan (lebuhraya) serta hasil rumusan mesyuarat penyelarasan antara agensi yang diselaraskan oleh pihak JPBD Selangor pada 22 September 2014 perlu dipatuhi dalam melaksanakan projek ini iaitu:

- i. Setiap perancangan pembangunan masa depan perlu dilaksana lebih teliti dan proses perbincangan dengan penduduk adalah penting.
- ii. Bagi cadangan EKVE, proses penglibatan awam telah dijalankan pada 5 peringkat. Bagaimanapun tatacara proses penglibatan orang awam perlu di tambah baik dengan maklumbalas dan perbincangan lebih terbuka:
 - “Public Opinion Survey” (POS) merupakan syarat kerajaan persekutuan yang perlu dijalankan selepas perjanjian konsesi.
 - Penyediaan atau pengubahan Rancangan Tempatan melibatkan proses publisiti dan penyertaan awam (Seksyen 13 Akta 172).
 - Laporan DEIA dipamerkan untuk ulasan dan pandangan orang awam dan penduduk yang terlibat selaras dengan prosedur penyediaan pewartaan Pengambilan Tanah (Seksyen 8) Akta Pengambilan Tanah.
 - Proses Pemansuhan Hutan Simpanan Kekal mengikut Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 adalah melalui bantahan awam berdasarkan Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014.

- iii. Pendekatan “*Intergrated Urban Development*” diambil kira dalam penyediaan Rancangan Struktur Negeri Selangor (RSN) untuk keseimbangan pembangunan perbandaran, aspek sosial, ekonomi, alam sekitar, keperluan sistem perhubungan lebuhraya/jalan raya dan sistem pengangkutan awam yang berkesan.
- iv. Ke arah menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, RSN Selangor 2035 menasaskan penggunaan pengangkutan awam sebanyak 50%. Sasaran ini berdasarkan komitmen SPAD yang hanya menasaskan 40% penggunaan pengangkutan kawasan bandar pada tahun 2030.
- v. Kerajaan Negeri Selangor memberi penekanan kepada pengangkutan awam dan menyokong pelaksanaan LRT, MRT dan BRT yang dikawal selia oleh Majlis Pengangkutan Awam Negeri Selangor.
- vi. Laporan Penuh Jawatankuasa Penyiasatan Awam Mengenai Cadangan Pemansuhan Hutan Simpanan Kekal yang terlibat yang telah di kemukakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) juga sebagai asas untuk pertimbangan Kerajaan Negeri untuk membuat keputusan.
- vii. Hutan Simpanan Kekal dibenarkan untuk digunakan bagi pembangunan, selaras dengan Seksyen 11(b), Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985, membenarkan ianya digunakan untuk kegunaan ekonomi yang lebih tinggi daripada kegunaan sekarang dengan syarat hendaklah diganti.
- viii. Jabatan-jabatan teknikal dan agensi berkaitan diminta meningkatkan dan memperketat tindakan pemantauan dan memastikan penguatkuasaan menjadi keutamaan mereka sepanjang pelaksanaan Projek EKVE ini.
- ix. Bersetuju mewujudkan Jawatankuasa Pemantauan Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan dianggotai oleh LLM, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD), JPNS, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS), LUAS dan PBT berkaitan. JPBD Selangor akan menjadi urus setia kepada Jawatankuasa tersebut.
- x. JAS diminta menjalankan pemantauan terperinci ke atas kawasan sepanjang 6 km yang melibatkan kawasan Hutan Simpan Kekal dan kawasan tadahan air dan juga ke atas keseluruhan jajaran EKVE sepanjang 24km.
- xi. Kerja-kerja di tapak hendaklah diberhentikan serta-merta sekiranya didapati menjejaskan alam sekitar dan kualiti air di *Ampang Water Intake*; dan
- xii. LLM diminta menaiktaraf susur di Ukay Perdana sebelum Projek EKVE Fasa I dimulakan bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH PKNS KURANG 1 EKAR DI KAMPUNG SERI
INDAH B**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah PKNS akan merancang membangunkan tanah kurang dari 1 ekar?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, PKNS tiada lagi sebarang perancangan untuk membangunkan tanah yang berkeluasan kurang daripada 1 ekar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PENGAMBILAN BALIK TANAH KERAJAAN

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat banyak tanah kerajaan yang digazettekan untuk kemudahan awam seperti untuk hospital, sekolah, balai polis, balai bomba dan sebagainya. Adakah kerajaan negeri akan mengambil balik tanah yang telah digazettekan tersebut sekiranya kerajaan persekutuan tidak mempunyai rancangan untuk membangunkan tapak tersebut? Adakah sebarang tarikh luput bagi pembangunan di tapak tersebut?
- b) Adakah kerajaan akan mengambil balik tanah yang tidak lagi digunakan seperti laluan TNB dan loji-loji pembentungan?

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada Perkara 85(3) Perlembagaan Persekutuan, jika mana-mana tanah di sesuatu negeri dirizabkan bagi apa-apa maksud persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan boleh menawar untuk melepaskan tanah itu kepada negeri dengan syarat bahawa negeri itu membayar kepada persekutuan nilai pasaran dan amaun bagi apa-apa pemajuan yang dilakukan semasa tanah itu digunakan bagi maksud-maksud persekutuan dan amaun jika ada yang telah dibayar oleh persekutuan atau yang telah dibayar sebelum Hari Merdeka oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu berkenaan dengan kos pengambilan apa-apa kepentingan mengenai tanah itu oleh Kerajaan Negeri dan jika Kerajaan Negeri itu setuju menerima tawaran itu, maka tanah itu terhenti menjadi rizab.

Bagi tujuan pembangunan tanah-tanah rizab tersebut, tiada sebarang tarikh luput ditetapkan di atas tanah yang telah diwartakan atau diberimilik kepada Kerajaan Persekutuan.

Sehubungan itu, bagi menjaga kepentingan tanah-tanah yang diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan awam seperti balai polis, hospital dan sekolah, Kerajaan Negeri baru-baru ini telah menetapkan supaya memasukkan '*Sekatan Kepentingan*' dalam hakmilik tersebut agar Syarat Nyata Tanah dipatuhi mengikut tujuan kemudahan awam seperti yang telah diluluskan sahaja.

- b) Kerajaan Negeri boleh mengguna semula tanah rizab TNB sekiranya pemegang lesen (TNB) tidak lagi menggunakan tanah di mana status tanah tersebut adalah tanah kerajaan. Bagi loji-loji pembentungan yang telah diwarta atau diberimilik kepada Kerajaan Persekutuan, ianya perlu mendapat persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan untuk diserahkan seperti yang dijelaskan dalam Perkara 85(3) Perlembagaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : BANTUAN SEKOLAH SEKOLAH KERAJAAN NEGERI SELANGOR

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan mengikut kategori nama-nama sekolah (SR Tamil, SR Cina, KAFA, SR Agama dan lain-lain) , jumlah kelulusan wang ringgit bantuan sekolah-sekolah Kerajaan Negeri Selangor untuk Fasa 1 dan Fasa 2 pada tahun 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 hingga Julai 2015 di Daerah Kuala Langat.

JAWAPAN:

- a) Program Bantuan Sekolah dilaksanakan bermula pada tahun 2009. Jawapan secara terperinci yang bermula pada tahun 2009 sehingga kini adalah seperti yang dilampirkan.

TAHUN	NAMA SEKOLAH	JUMLAH	DAERAH	DUN	BENTUK BANTUAN
2015	Kafa Integrasi As-Syariff	RM5,000.00	KUALA LANGAT	TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	Kafa Integrasi Al-Mukmin	RM5,000.00		TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ HARAPAN	RM20,000.00		TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEKOLAH MENENGAH ISLAM MADRASAH DARUL MUJAHIDIN	RM10,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	PONDOK MODEN TAHFIZ SAADAH ADDAARAIN	RM70,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	PUSAT PENGAJIAN PONDOK BUSTANUL ARIFAT	RM35,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKC SIMPANG MORIB	RM 30,000.00		MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT PULAU CAREY TIMUR	RM30,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH

TAHUN	NAMA SEKOLAH	JUMLAH	DAERAH	DUN	BENTUK BANTUAN
2015	SJKT JUGRA	RM40,000.00	KUALA LANGAT	MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SUNGAI MANGGIS	RM30,000.00		TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SUNGAI SEDU	RM20,000.00		TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT TELOK DATOK	RM50,000.00		TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT JENJAROM	RM20,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT TELOK PANGLIMA GARANG	RM50,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SUNGAI BUAYA	RM40,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT PULAU CAREY BARAT	RM30,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SIMPANG MORIB	RM30,000.00		MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT PULAU CAREY SELATAN	RM30,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH

TAHUN	NAMA SEKOLAH	JUMLAH	DAERAH	DUN	BENTUK BANTUAN
2014	MADRASAH DARUL MUJAHIDIN	RM 50,000.00	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEKOLAH MADRASAH DARUL MUJAHIDIN	RM30,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	TAHFIZ DARUL ISLAH LIL BANAT	RM 10,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	PONDOK MODEN TAHFIZ SAADAH ADDAARAIN	RM 100,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	PUSAT PENGAJIAN PONDOK BUSTANUL ARIFAT	RM 70,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	MAAHAD DARUL FAQEH	RM 15,000.00		MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	KAFAI KG SAWAH	RM 5,000.00		MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	KAFA INTEGRASI AS SYARIF	RM 5,000.00		TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEK MEN TAHFIZ HARAPAN	RM 18,000.00		TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEK REN ISLAM AL-ANWAR	20,000.00		TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH

TAHUN	NAMA SEKOLAH	JUMLAH	DAERAH	DUN	BENTUK BANTUAN
2014	SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ HARAPAN	RM20,000.00	KUALA LANGAT	TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKC PENG MING	RM8,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKC JENJAROM	RM10,000.00		TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKC KAH WAH	RM8,000.00		TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKC SIMPANG MORIB	RM8,000.00		MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKC CHOONG HUA	RM10,000.00		MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKC TIONG NAM	RM8,000.00		MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT JENJAROM	30,000		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT PULAU CAREY BARAT	20,000		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT TELOK PANGLIMA GARANG	95000		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH

TAHUN	NAMA SEKOLAH	JUMLAH	DAERAH	DUN	BENTUK BANTUAN
2014	SJKT PULAU CAREY SELATAN	RM 25,000.00	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT PULAU CAREY TIMUR	RM 25,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT JUGRA	RM 30,000.00		MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SUNGAI BUAYA	RM 20,000.00		MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SIMPANG MORIB	RM 30,000.00		MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT TELUK DATOK	RM 20,000.00		TELUK DATUK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SUNGAI SEDU	RM 20,000.00		TELUK DATUK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SUNGAI MANGGIS	RM 30,000.00		TELUK DATUK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH

TAHUN	NAMA SEKOLAH	JUMLAH	DAERAH	DUN	BENTUK BANTUAN
2013	MADRASAH DARUL MUJAHIDIN	RM90,000.00	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEKOLAH AGAMA RAKYAT (KAFA INT) AN' NUR	RM5,000.00		MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	PONDOK MODEN SAADAH ADDAARAIN	RM15,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	PUSAT PENGAJIAN PONDOK BUSTANUL ARIFAT	RM100,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	KAFA INTEGRASI KAMPUNG SAWAH	RM10,000.00		MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEKOLAH AGAMA MENENGAH HARAPAN	RM10,000.00		TELUK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKC JENJAROM	RM50,000.00		TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKC KAH WAH	RM50,000.00		TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKC SIMPANG MORIB	RM60,000.00		MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJK(T) SG MANGGIS	7,500		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJK(T) SG SEDU	7,500		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJK(T) TELUK DATUK	10,000		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH

TAHUN	NAMA SEKOLAH	JUMLAH	DAERAH	DUN	BENTUK BANTUAN
2013	SJK(T) PULAU CAREY BARAT	5,000	KUALA LANGAT	-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
2012	MADRASAH TAHFIZ BAITUL MAHABBAH	RM20,000.00		SRI MUDA	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	KAFA INTEGRASI AS-SUFLA	RM5,000.00		SRI MUDA	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SAR KAFA INTEGRASI AN-NUR	RM5,000.00		SRI MUDA	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	KAFA INTEGRASI MASJID PROTON	RM5,000.00		SRI MUDA	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	KAFA INTEGRASI AS-SYABAB	RM5,000.00		SRI MUDA	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	KAFA INTEGRASI AS-SAKINAH	RM5,000.00		SRI MUDA	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	KAFA INTEGRASI AS-SAKINAH	RM5,000.00		SRI MUDA	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ HARAPAN	RM20,000.00		TELUK DATUK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH

TAHUN	NAMA SEKOLAH	JUMLAH	DAERAH	DUN	BENTUK BANTUAN
2012	MADRASAH DARUL MUJAHIDIN	RM70,000.00	KUALA LANGAT	SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEK REN ISLAM AL-ANWAR	RM 24,080.00		TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEK REN ISLAM AKADEMIK CEMERLANG	RM 15,000.00		SERI MUDA	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	INSTITUT TAUFIQ ISLAMI	RM 602,000.00		SERI MUDA	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEK REN ISLAM AL-THAQFAH	RM 50,000.00		SERI MUDA	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEK REN ISLAM INTEGRASI AL-FURQAN	RM 250,000.00		SERI MUDA	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEK REN ISLAM AL-HIDAYAH	RM 30,000.00		SERI MUDA	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEKOLAH AGAMA RAKYAT (KAFA INT) AN' NUR	RM30,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKC JENJAROM	RM30,000.00		TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKC KAH WAH	RM50,000.00		TELOK DATOK	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKC SIMPANG MORIB	RM40,000.00		MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH

TAHUN	NAMA SEKOLAH	JUMLAH	DAERAH	DUN	BENTUK BANTUAN
2012	SJKC CHOONG HUA	RM30,000.00	KUALA LANGAT	MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKC TIONG NAM	RM30,000.00		MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKC PENG MING	RM50,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT JENJAROM	RM32,500.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT PULAU CAREY BARAT	RM45,000.00		SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT BATU AMPAT	RM32,500.00		ANDALAS	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
2011	MADRASAH DARUL MUJAHIDIN	RM10,000.00	SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH	
	INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN DAN DAKWAH GAAPUR	RM10,000.00	MORIB	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH	
	PUSAT PENGAJIAN PONDOK BUSTANUL ARIFAT	RM10,000	SIJANGKANG	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH	
	SRJK(C) TANJUNG SEPAT	RM50,000.00	KUALA LANGAT	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH	
	SJK(C) SIMPANG MORIB	RM60,000.00	KUALA LANGAT	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH	

TAHUN	NAMA SEKOLAH	JUMLAH	DAERAH	DUN	BENTUK BANTUAN
2011	SJKT PULAU CAREY BARAT	RM10,000.00	KUALA LANGAT	-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SIMPANG MORIB	20,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SUNGAI BUAYA	20,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SUNGAI MANGGIS	20,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SUNGAI RENGAM	80,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SUNGAI SEDU	15,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT TELOK DATOK	RM30,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH

TAHUN	NAMA SEKOLAH	JUMLAH	DAERAH	DUN	BENTUK BANTUAN
2010	SEKOLAH AGAMA MENENGAH HARAPAN	RM100,000.00	KUALA LANGAT	-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEKOLAH AGAMA RAKYAT KAMPUNG MEDAN	10.000,00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	KAFKA INTEGRASI BENTENG TENGAH SIJANGKANG	5.000,00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SEKOLAH AGAMA RAKYAT KAMPUNG MEDAN	50000		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJK(C) CHOONG HUA,	RM30,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJK(C) TANJUNG SEPAT	RM30,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJK(C) JENJAROM	RM30,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJK(C) KAH WAH	RM30,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH

TAHUN	NAMA SEKOLAH	JUMLAH	DAERAH	DUN	BENTUK BANTUAN
2010	SJK(C) TIONG NAM,	RM30,000.00	KUALA LANGAT	-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJK(C) PENG MING,	RM30,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SIMPANG MORIB	RM30,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SUNGAI BUAYA	RM30,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
	SJKT SUNGAI MANGGIS	RM30,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH
2009	SEKOLAH MENENGAH HARAPAN	RM130,000.00		-	BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KAWASAN HOTSPOT DENGGI DI SELANGOR

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kesemua kawasan hotspot denggi di Selangor dalam enam bulan pertama tahun 2015 dan bilangan kes denggi berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2013 dan 2014.

JAWAPAN:

- a) Senarai kawasan hotspot denggi di Negeri Selangor dalam enam bulan pertama tahun 2015 adalah seperti di **LAMPIRAN A**, dan bilangan kes denggi berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di jadual berikut:-

**JUMLAH KES DEMAM DENGGI PADA PERTENGAHAN TAHUN
2012, 2013, 2014 DAN 2015**

TAHUN	JUMLAH KES DENGGI	KEMATIAN
2012	5,931	11
2013	6,842	10
2014	29,799	41
2015	39,479	89

Senarai Lokaliti Hotspot Denggi Pertengahan Tahun 2015 Selangor

BIL	NAMA LOKALITI
1	TMN WANGSA PERMAI
2	TMN DAYA
3	SELAYANG BARU K6
4	TMN SRI GOMBAK FASA 9
5	TMN DESA MINANG
6	FLAT PRIMA SELAYANG
7	TMN DESA JAYA
8	TMN SELAYANG JAYA
9	TMN SUNWAY BT CAVES
10	SIERRAMAS SG BULOH
11	APPT SRI EHSAN
12	KG LAKSAMANA
13	BDR BARU SELAYANG FASA 1
14	APPT DESA 1
15	KG SELAYANG INDAH
16	SELAYANG BARU K1
17	AMAN SIARA
18	FLAT PINGGIRAN BT CAVES
19	KG SRI INDAH A
20	BLOK MARKAS FRU
21	HOSTEL KOLEJ PROFESIONAL KEMAHIRAN MARA BERANANG
22	TAMAN JAYA UTAMA ZON 1
23	ASTANA ALAM 3 (PERMATA, KASIH, JUWITA, INTAN)
24	BL PJU 10 ARMANEE KONDO
25	TM PJS 3 FLAT TMN MEDAN 32 (BLOK A - E)
26	KD PJU 5 SEKSYEN 11 GUGUSAN DEDAP 2 (BLOK 6-10)
27	SRI PJS 6 FLAT DESA MENTARI 1 : BLOK 1, 2, 3
28	BL PJU 7 FLAT DESA MUTIARA
29	DUN BG SEKSYEN 17 TERES E
30	BL PJU 8 APT FLORA DAMANSARA 2 (BLOK C - F)
31	BL PJU 10 INDAH KONDO
32	DU SS 21 (1)
33	DU SS 22 (3)
34	KD PJU 1A APT SRI ARA
35	KT SS 9A 1 (JLN 9A/3,5,6,7,8,9,10,11,12,17,20)
36	BL PJU 8 PERDANA EXCLUSIVE KONDO
37	SRI PJS 10 RIDZUAN KONDO
38	DU SS 4C
39	BL PJU 8 ARMANEE TERRACE KONDO

40	BL PJU 9 SD 10
41	BL PJU 9 SD 7
42	SRI PJS 8 MENTARI COURT
43	DU SS 21 (3)
44	KD PJU 5 SEKSYEN 5 SEPAH PUTERI (JLN 5/1-5/19)
45	BL PJU 9 SD 13 APT SRI MERANTI 1 : BLOK A - G
46	TM PJS 1 APT PETALING PERDANA 2 (BLOK I - P)
47	SRI SS 7 STERLING CONDO
48	BL PJU 6A RUMAH PANGSA KAYU ARA
49	KD PJU 1A PPRT B : BLOK D,E,F
50	DU SS 20 (1) : JLN SS 20/1 - SS 20/20
51	BL PJU 8 APT FLORA DAMANSARA 1 (BLOK A, B)
52	DU SS 4A
53	TM PJS 3 TMN MEDAN BARU (TERES E : JLN MEDAN 29, 30, 31, 32)
54	BL PJU 9 SD 9
55	DU PJU 1 (5)
56	BL PJU 6 BU 6 (TERES A : JLN 6/2 - 6/12)
57	TM PJS 2B FLAT DESA MENTARI (BLOK 9, 10)
58	KD PJU 1A D'AMAN RIA KONDO
59	BL PJU 6A PELANGI UTAMA KONDO
60	TM PJS 2D FLAT DESA MENTARI (BLOK 11)
61	BL PJU 8 METROPOLITAN SQUARE CONDO
62	KT SS 9A 2 (JLN 9A/1,2,4,13,14,15,16,18,19)
63	TM PJS 3 TMN SRI MANJA (JLN SM)
64	BL PJU 7 MUTIARA DAMANSARA (TERES A : JLN 7/8 - 7/12)
65	DU SS 22 (4)
66	SRI SS 7 KELANA PUTERI KONDO
67	KT SS 1 TERES B
68	DUN BG SEKSYEN 14 TERES A : JLN 14/1 - JLN 14/28
69	SRI PJS 8 APT DAMAI
70	DUN BG SEKSYEN 51A FLAT IMPIAN B Aiduri
71	BL PJU 10 SAUJANA DAMANSARA (A) : JLN 10/13, 10/14
72	BL PJU 6 FLAT PELANGI DAMANSARA (A, B, C)
73	DU SS 22 (5)
74	BL PJU 6A PUNCAK DAMANSARA KONDO
75	SEKSYEN 15 (DATARAN OTOMOBIL : BLOK 1 - 18)
76	SEKSYEN U20 (BUKIT RAHMAN PUTRA TERES F : JLN BRP 5/1 - BRP 5/8A)
77	SEKSYEN 24 (FLAT H : BLOK 64 - 78)
78	SEKSYEN 7 (FLAT A : BLOK 1 - 12, BLOK 38 - 43)
79	SEKSYEN U2 (TERES G : U2/44 - 45B)
80	SEKSYEN 18 (JLN 18/3 FLAT A : BLOK 2 - 10)
81	SEKSYEN U20 (FASA 1B BBSB : JLN 1B/1 - 1D/3)

82	SEKSYEN 16 (KUARTERS SUK)
83	SEKSYEN U2 (KONDO BUNGA RAYA)
84	SEKSYEN 28 (FLAT D : BLOK 33 - 46)
85	SEKSYEN 11 (TERES B : JLN 11/4 - 11/5)
86	SEKSYEN U2 (PANGSAPURI ILHAM)
87	SEKSYEN U3 (FLAT SUBANG PERDANA : BLOK A - D)
88	SEKSYEN 13 (PANGSAPURI BRUNSFIELD RIVERVIEW)
89	SEKSYEN U5 (PANGSAPURI MATAHARI : BLOK A,B,C & D)
90	SEKSYEN U5 (SUBANG PELANGI : JLN U5/122 - U5/136C & JLN U5/AK ,AJ, AH
91	SEKSYEN 27 (FLAT B : BLOK 26 - 30)
92	SEKSYEN 11 (TERES A : JLN 11/1 - 11/3)
93	SEKSYEN 7 (FLAT D : BLOK 52 - 58)
94	SEKSYEN U3 (SBG PERDANA TERES B : JLN SP 2/1 - 2/16)
95	SEKSYEN 24 (FLAT A : BLOK 1 - 9)
96	SEKSYEN 24 (FLAT B : BLOK 10 - 21)
97	TMN MELAWATI (J)
98	AU3 TMN KERAMAT
99	TMN PERMATA
100	TMN UKAY BISTARI
101	AU4 TMN KERAMAT
102	TMN MELAWATI (F)
103	APPT RESIDENSI BISTARIA
104	TMN KELAB UKAY
105	TMN MELAWATI (JLN BANDAR)
106	BLOK L20-L33A PANDAN JAYA
107	ONE AMPANG AVENUE TAMAN AMPANG UTAMA
108	JALAN WATAN 3,5,7,9 TAMAN SRI WATAN
109	KONDOMINIUM SRI ANGSANA HILIR TAMAN SRI ANGSANA HILIR
110	JALAN PANDAN INDAH 6/2-6/11 PANDAN INDAH COMMERCIAL PARK
111	BLOK M6-M15 PANDAN JAYA
112	APPT DAHLIA COURT PANDAN INDAH
113	PANDAN VILLA DELUXE PANDAN PERDANA
114	JALAN MEWAH 6-8 TAMAN AMPANG MEWAH
115	JALAN NIRWANA 1-17 TAMAN NIRWANA
116	APARTMENT BUKIT TINGGI 2
117	JALAN TKC 3/1-8 TAMAN KOTA CHERAS
118	TAMAN ANGGERIK VILLA
119	JALAN TAMING SARI TAMAN TAMING JAYA
120	APPT KASAWARI TAMAN IMPIAN EHSAN
121	JALAN KEMPAS TAMAN IMPIAN EHSAN
122	JALAN BM 6/1B-9B,11B-13B,15B,17B&10G BANDAR BUKIT MAHKOTA
123	PANGSAPURI VISTA PERDANA BANDAR TEKNOLOGI

124	TAMAN CHERAS PERMATA 1 BATU 9 CHERAS
125	TAMAN SUNGAI JELOK
126	APPT SERI PULAI TAMAN BALAKONG JAYA
127	TAMAN BANGI INDAH
128	JALAN TKC 2 TAMAN KOTA CHERAS
129	PANGSAPURI SUAKASIH BANDAR TUN HUSSEIN ONN
130	APPT TAMAN SINARAN
131	LORONG AMAN TAMAN KAJANG UTAMA
132	APPT TAMAN PRIMA CEMPAKA
133	JALAN 78-86 TAMAN BUKIT MEWAH
134	JALAN 3 TAMAN SRI HANECO
135	TAMAN KAJANG MEWAH
136	TAMAN DAMAI JAYA
137	JALAN 2/1 SEKSYEN 2 BANDAR BARU BANGI
138	JALAN IMPIAN JAYA SAUJANA IMPIAN
139	JALAN 3/23-28,3/35-37 SEKSYEN 3 BANDAR BARU BANGI
140	TAMAN SRI BAHAGIA
141	APPT TAMAN IMPIAN INDAH
142	JALAN 1-8 TAMAN BUKIT MEWAH
143	APPT KENARI TAMAN IMPIAN EHSAN
144	TAMAN MESRA KAJANG
145	JALAN TKP 15-25 TAMAN KANTAN PERMAI
146	APPT SERI KAMELIA TAMAN SEPAKAT INDAH
147	JALAN IMPIAN INDAH SAUJANA IMPIAN
148	TAMAN SRI RAYA
149	JALAN BM 6/A BANDAR BUKIT MAHKOTA
150	JALAN DP 4 BANDAR DAMAI PERDANA
151	TAMAN SRI CHERAS
152	TAMAN KAJANG BARU
153	JALAN CJ 4 TAMAN CHERAS JAYA
154	JALAN BM 6/C BANDAR BUKIT MAHKOTA
155	TAMAN SRI KEJORA
156	SEKSYEN 4 BANDAR TEKNOLOGI
157	JALAN 1/10-1/16 TAMAN SRI TIMAH
158	APPT TAMAN SETIA BALAKONG
159	SEKSYEN 5 BANDAR TEKNOLOGI
160	APPT SRI LAVENDER TAMAN SEPAKAT INDAH
161	LORONG TAN SRI KHOO CHONG KONG TAMAN DESA BAIDURI
162	FLAT SEKSYEN 2 BANDAR BARU BANGI
163	SEKSYEN 4 BANDAR RINCHING
164	APPT MELUR TAMAN SUTERA
165	TAMAN MUHIBBAH

166	BLOK A-G PANGSAPURI BAIDURI BANDAR TASIK KESUMA
167	APPT TAMAN TROPIKA
168	JALAN BM 9 TAMAN BUKIT MEWAH
169	JALAN 3/2-3/12 SEKSYEN 3 TAMAN KAJANG UTAMA
170	FLAT TAMAN BUKIT EMAS
171	JALAN 3/13A-C SEKSYEN 3 TAMAN KAJANG UTAMA
172	PANGSAPURI TAMAN KOPERASI MAJU JAYA
173	APPT CITY HEIGHTS SUNGAI CHUA
174	KAWASAN INDUSTRI SUNGAI LALANG
175	FLAT TAMAN ASA JAYA
176	PANGSAPURI CHERAS UTAMA
177	JALAN PENGHULU BANDAR MAHKOTA CHERAS
178	PKNS BT 17 RAWANG
179	TMN DESA MAS BCH
180	TMN BELMAS JOHAN
181	TMN GARING UTAMA
182	KOTA EMERALD
183	TMN TUN TEJA
184	SIMPAH UTARA BATU ARANG
185	TMN SRI RAWANG
186	APPT SEROJA TTT
187	TMN BERSATU
188	APPT MAWAR TMN TUN TEJA
189	TMN PINGGIRAN PUTRA SEK 1 (JLN PP53 - PP58)
190	BDR KINRARA 1 (JLN 1)
191	TMN PUNCAK JALIL 3 (JLN PUJ 3/1 - 3/13)
192	TMN SG. BESI INDAH 2
193	BDR PUTERI 11
194	TMN SERDANG PERDANA PSRN PERDANA (ONE SOUTH)
195	TMN EQUINE (FLAT PUTRA PERMAI & RUMAH KEDAI)
196	TMN LESTARI PERDANA (PANGSAPURI SRI INDAH)
197	TMN PUNCAK JALIL 2E (JLN PUJ 2/39 - 2/51)
198	USJ 6 (QTS GURU)
199	TMN KINRARA JLN TK 1 (KINRARA COURT)
200	USJ 1 (ANGSANA APPT)
201	TMN UNIVERSITI INDAH 1 (JLN INDAH 1/11 - 1/29 NO. GANJIL)
202	TMN KINRARA JLN TK 3 (VISTA LAVENDER)
203	TMN PUCHONG PERMAI (APPT PERMATA 2)
204	TMN BKT SERDANG 6
205	TMN UNIVERSITI INDAH 2 (JLN INDAH 2/1-2/15)
206	USJ 6/2
207	USJ 1/2

208	USJ 4/6 - USJ 4/7
209	PST BDR PUCHONG PSN INDERA (SRI CEMPAKA)
210	BT 13 KG TENGAH
211	BDR KINRARA 5 (JLN BK 5/1 - 5/8)
212	USJ 4/1
213	BT 13 KG BARU SRI PUCHONG
214	TMN PUCHONG INDAH 3 (SEROJA)
215	TMN KINRARA (JLN TK 1)
216	PJS 7/15 (PANGSAPURI MUTIARA PERDANA)
217	USJ 2/2
218	TMN SERDANG PERDANA SP5 (SKY VILLA, KESIDANG & RUMAH KEDAI)
219	PJS 9/2 - PJS 9/30
220	BDR PUTERI 12
221	BDR PUTERI 8
222	TMN BKT SERDANG 5 (JLN BS 5/11 - 5/20)
223	TMN SERDANG JAYA 3
224	USJ 6/2 (INDERA SUBANG CONDOMINIUM)
225	USJ 8 (SUBANG PERDANA GOODYEAR COURT 4)
226	TMN PUCHONG PERMAI (FLAT BLOK F)
227	USJ 8 (IPD SUBANG JAYA & KUARTERS BOMBA)
228	KOTA PERDANA KP 4 (KOTA IMPIAN)
229	BDR KINRARA 5 (JLN BK 5/9 - BK 5/18) & IPD SERDANG
230	SS 19/6
231	KOTA PERDANA KP 4 (MAWAR JAYA)
232	USJ 14 (SUBANG PERDANA GOOD YEAR COURT 8)
233	TMN SG. BESI INDAH 3
234	USJ 2/4
235	SRI KEMBANGAN 5
236	THE ARC CONDO
237	ASRAMA UNITEN
238	CRESCENT 1, CYBERJAYA
239	UNIPARK CONDO
240	CYBERIA CONDOMINIUM
241	UNI. TENAGA NASIONAL
242	TMN. BAIDURI
243	KG. D. AHMAD RAZALI
244	TAMAN PUTRA IMPIANA, PUCHONG
245	TMN. N.S. MANIAM
246	TMN. PERMATA
247	PUTRA INTAN CONDOMINIUM
248	PUTERI PALMA CONDO, IOI RESORT
249	TAMAN DENGKIL JAYA

250	U.MULTIMEDIA CYBJAYA
251	TMN SRI SUNGAI PELEK
252	APT KENANGA PUTRA PERDANA
253	TAMAN TELUK MERBAU
254	SHAFTBURY RESIDENCE
255	MUTIARA VILLE CYBERJAYA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : MASALAH HAKISAN LONGKANG PARIT 6 SEKINCHAN

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan masalah hakisan tebing longkang Parit 6 terus berlaku?
- b) Sila nyatakan berapakah anggaran kos yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah hakisan tebing longkang Parit 6 secara tuntas?
- c) Sila nyatakan kaedah penyelesaian jangka panjang untuk mengatasi masalah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Masalah hakisan tebing di Parit 6, Sekinchan disebabkan oleh arus deras daripada aliran air sawah dengan kapasiti yang banyak dari kawasan pengairan yang berada di bahagian '*upstream*'. Aliran air yang banyak dari lot sawah terutama pada musim penanaman padi mengakibatkan arus deras yang berlaku di '*downstream*' seterusnya menghakis tebing parit yang dimaksudkan. Tambahan pula, keadaan menjadi semakin teruk jika berlaku hujan dan kapasiti air bertambah. Apabila pintu air dibuka bagi tujuan untuk membuang air ke laut, arus deras akan berlaku dan seterusnya mengakibatkan hakisan tebing.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah mengambil langkah-langkah mengatasi sebahagian masalah tersebut dengan memasang struktur hakisan tebing berhampiran kunci air yang telah dilaksanakan pada tahun 2014.

- b) Untuk makluman Y.B. Tuan, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah mengkaji masalah tersebut dan menganggarkan kos sebanyak RM 4 juta diperlukan bagi menyelesaikan masalah hakisan tebing di Parit 6 secara tuntas dengan merangkumi keseluruhan tebing parit sepanjang 1 kilometer.
- c) Kaedah penyelesaian untuk jangka panjang bagi permasalahan ini adalah dengan menggunakan struktur penahan tebing seperti struktur '*L shape*' atau '*Geobag*' di sepanjang tebing parit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : TAMAN-TAMAN REKREASI

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan tentang perlu dan mesti wujudnya taman-taman rekreasi di setiap kawasan perumahan?
- b) Senaraikan bilangan dan kos penyelenggaraan taman-taman rekreasi menurut PBT.
- c) Berdasarkan KPI yang ditetapkan, nyatakan tahap keutamaan yang diberikan oleh setiap PBT terhadap penjagaan taman-taman ini.

JAWAPAN:

- a) Keperluan penyediaan taman- taman rekreasi di setiap kawasan perumahan ditetapkan dalam Dasar Landskap Negara (DLN) seperti terkandung dalam Teras 3 strategi 3.1 iaitu mewajibkan semua cadangan pemajuan mengambilkira penyediaan infrastruktur hijau mengikut piawaian.

Seksyen 21 Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dan Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Kedua) juga mengkehendaki pemaju supaya memenuhi aspek landskap apabila mengemukakan cadangan permohonan pembangunan termasuk penyediaan kawasan lapang.

Di peringkat Kerajaan Negeri, penyediaan Padang Cergas di bawah Pelan Tindakan 5 Tahun Kerajaan Tempatan juga telah dilaksanakan bermula tahun 2013 dan menetapkan setiap kawasan DUN perlu menyediakan 2 lokasi padang cergas setahun untuk tujuan rekreasi dan riadah.

- b) Berikut adalah senaraikan bilangan dan kos penyelenggaraan taman-taman rekreasi mengikut PBT:

PBT	Bilangan Taman Rekreasi	Kos Penyelenggaraan (RM)
MBSA	743	5,000,000.00
MBPJ	464	1,650,000.00
MPK	994	8,700,000.00
MPAJ	230	1,000,000.00
MPSJ	357	1,602,000.00
MPS	294	3,699,060.00
MPKj	603	6,902,774.85
MPSp	311	191,416.00
MDKL	428	870,000.00
MDHS	120	550,000.00
MDKS	150	1,200,000.00
MDSB	3	20,000.00
JUMLAH	4,697	31,385,250.00

- c) Tahap keutamaan yang diberikan oleh setiap PBT terhadap penjagaan taman-taman berdasarkan KPI yang ditetapkan adalah seperti berikut :
- i. Kemudahan/peralatan rekreasi sentiasa berada dalam keadaan baik :
 - Untuk mengelakkan sebarang kemalangan dan kecederaan
 - Kerja-kerja penggantian/baikpulih peralatan dan kemudahan rekreasi yang rosak akan dilaksanakan dengan kadar segera oleh kontraktor yang dilantik.
 - ii. Penyelenggaraan dan kebersihan :
 - Rumput dipotong sebulan sekali
 - Melantik kontraktor penyelenggaraan untuk memastikan kebersihan kawasan lebih terjamin
 - iii. Penguatkuasaan :
 - Untuk memastikan vandalisme dapat dikurangkan
 - Untuk memastikan tiada kacau ganggu/penyalahgunaan kemudahan rekreasi
 - Meletakkan papan tanda peringatan dan amaran
 - iv. Pemantauan oleh pihak jabatan :
 - Penambahbaikan kemudahan rekreasi dari semasa ke semasa

- Menerima aduan dan cadangan daripada penduduk setempat
- Memastikan kemudahan rekreasi yang disediakan menggunakan material/bahan yang berkualiti dan selamat.

**Dan PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PUSAT SIBER RAKYAT

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan pusat siber rakyat sedia ada dan dalam perancangan. Berapa kos terlibat?
- b) Apakah syarat untuk sesuatu premis akan diluluskan untuk menjadi pusat siber rakyat?
- c) Adakah latihan diberi kepada premis tersebut contoh ajk masjid?

JAWAPAN:

- a) Senarai Pusat Siber Rakyat (PSR) sedia adalah seperti di bawah dan kos yang terlibat adalah RM100,000.00 bagi setiap PSR yang ditubuhkan dan kos keseluruhan yang melibatkan 24 PSR adalah berjumlah RM2.4juta.

LOKASI PUSAT SIBER RAKYAT TAHUN 2010 :

1. PSR PERPUSTAKAAN KLANG
2. PSR PERPUSTAKAAN BANTING,KUALA LANGAT
3. PSR PERPUSTAKAAN SEMENYIH,HULU LANGAT
4. PSR PERPUSTAKAAN PEKAN BESTARI JAYA,KUALA SELANGOR
5. PSR PERPUSTAKAAN DESA KAMPUNG MELAYU AMPANG,HULU LANGAT

LOKASI PUSAT SIBER RAKYAT TAHUN 2011 :

1. PSR KG. KUANTAN,KLANG
2. PSR SEKSYEN 19, SHAH ALAM
3. PSR PERPUSTAKAAN DAERAH GOMBAK
4. PSR PERPUSTAKAAN DAERAH SABAK BERNAM
5. PSR PERPUSTAKAAN DAERAH HULU SELANGOR

LOKASI PUSAT SIBER RAKYAT TAHUN 2012 :

1. PSR PERPUSTAKAAN PELABUHAN KLANG

2. PSR PERPUSTAKAAN SUNGAI PELEK SEPANG
3. PSR PERPUSTAKAAN DATARAN SABAK BERNAM
4. PSR PERPUSTAKAAN HULU BERNAM
5. PSR PERPUSTAKAAN RAWANG

LOKASI PUSAT SIBER RAKYAT TAHUN 2013 :

1. PSR PERPUSTAKAAN DESA KALUMPANG,HULU SELANGOR
2. PSR PERPUSTAKAAN DAERAH HULU LANGAT
3. PSR PERPUSTAKAAN PEKAN SEKINCHAN
4. PSR PERPUSTAKAAN DAERAH KUALA SELANGOR
5. PSR PERPUSTAKAAN SUNGAI UDANG,KLANG

LOKASI PUSAT SIBER RAKYAT TAHUN 2014 :

1. PSR PERPUSTAKAAN DESA JENJARUM,KUALA LANGAT
 2. PSR PERPUSTAKAAN DESA PARIT BARU,SABAK BERNAM
 3. PSR PERPUSTAKAAN DESA PARIT MAHANG,KUALA SELANGOR
 4. PSR PERPUSTAKAAN DESA KUANG,PETALING
- b) Syarat utama bagi penubuhan satu premis Pusat Siber (PSR) adalah premis terletak di bawah bangunan seliaan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS). Ini adalah bertujuan bagi memudahkan pengurusan, pemantauan dan pengoperasian Pusat Siber Rakyat yang berkenaan oleh PPAS.
- c) Latihan dan juga kursus adalah terletak di bawah kendalian Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan latihan ICT adalah terbuka kepada semua pemohon termasuk AJK Masjid berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek pembesaran kampung yang diluluskan sebelum tahun 2008 dan kontraktor asalnya masih membangunkan projek tersebut pada tahun 2015.
- b) Nyatakan dasar premium tanah yang diamal oleh Kerajaan Negeri kepada pembeli lot tanah projek pembesaran kampung pada tahun 2013, 2014 dan 2015.
- c) Status terkini Projek Pembesaran Kampung Rasa (Desa Rening Jaya) Daerah Hulu Selangor yang melibatkan 287 unit rumah yang diluluskan oleh MMKN pada 1 Mac 2000.

JAWAPAN:

PEJABAT DAERAH DAN TANAH HULU SELANGOR

- a)
 - i) Tetuan ARK Development Sdn. Bhd.
 - ii) Tetuan Ikatan Bendera Sdn. Bhd.
- b) Perlaksanaan pembangunan Projek Pembesaran Kampung adalah bertujuan untuk membantu masyarakat setempat terutamanya generasi baru di sesebuah kampung agar memiliki rumah kediaman sendiri pada kadar yang berpatutan dan mampu milik. Hal ini akan menggalakkan generasi baru untuk terus tinggal menetap di kawasan yang sama dan membangunkan tanah kerajaan yang masih kosong dan terbiar sebagai sebuah penempatan baru yang lebih tersusun dan sistematik. Skim ini adalah lebih baik berbanding pemberimilikan tanah kosong secara individu.

Walau bagaimanapun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 33/2008 melalui Kertas EXCO MTES No: 4/28/2008 telah membuat keputusan tidak akan mempertimbangkan sebarang permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah dan pertukaran nama peserta bagi Projek Pembesaran Kampung di seluruh Negeri Selangor.

Manakala dari segi penetapan kadar premium RM0.50 sen sekaki persegi telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor khas bagi tujuan konsep Projek Pembesaran Kampung. Kadar tersebut adalah untuk mengelakkan spekulasi penetapan harga rumah yang telah dipersetujui sama ada akan berubah atau naik jika premium terlalu tinggi.

Pengenaan premium yang rendah akan memastikan kadar harga rumah adalah mampu milik oleh generasi baru yang layak memiliki rumah. Skim Projek Pembesaran Kampung ini adalah berbeza berbanding projek pembangunan yang dimajukan oleh pihak pemaju lain. Di mana pemaju biasanya akan dikenakan kadar bayaran premium mengikut harga pasaran dan penetapan harga rumah adalah tidak dapat dikawal sepenuhnya oleh pihak kerajaan.

Namun begitu PTD Hulu Selangor ada juga mengemukakan semula permohonan perakuan nama dan permohonan kontraktor untuk meneruskan projek sedia ada kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 2012 hingga 2015 iaitu permohonan daripada Tetuan ARK Development Sdn. Bhd. dan Tetuan Ikatan Bendera. Sehingga kini Tetuan ARK Development Sdn. Bhd. telah memperolehi keputusan pada tahun 2014 terhadap baki rumah kediaman yang dibangunkan dengan dikenakan premium mengikut harga pasaran pada kadar premium lebih kurang RM17.00 sekaki persegi.

Di mana kadar premium tanah baru bagi selot tapak berukuran 3200 hingga 3400 kaki persegi berjumlah RM53,500 hingga RM57,000. Kesan peningkatan premium ini menyebabkan pihak pemaju telah menaikkan harga jualan rumah kepada RM250,000 seunit dan memberi kesan kepada pembeli tempatan yang telah menandatangani perjanjian dengan pihak pemaju terpaksa dibatalkan kerana tidak layak. Akhirnya pemaju terpaksa membuka pembelian kepada orang luar untuk mendapatkan pembeli yang layak.

- c) Keseluruhan Projek Pembesaran Kampung Rasa (Desa Rening Jaya) yang melibatkan 287 unit rumah yang diluluskan oleh MMKN pada 1 Mac 2000 telah ada hakmilik, berjaya dilaksanakan dan diduduki oleh pemohon.

Pihak kontraktor Tetuan Ikatan Bendera Sdn. Bhd. telah berjaya melaksanakan projek tersebut. Terkini pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan untuk meneruskan baki ke atas tapak yang masih belum dibangunkan. PTD Hulu Selangor sedang menyediakan Kertas Ringkasan untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menyediakan Standard Operating Procedure (SOP) apabila melakukan operasi di kawasan agama selain daripada Islam? Jika ya, sila bekalkan.
- b) Jika tidak, apakah sebab penangguhan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Tiada Standard Operating Procedure (SOP) khas bagi melakukan operasi di kawasan agama selain daripada agama Islam.
- b) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sedang menyediakan satu Arahan Tetap Pengarah (ATP) bagi mengendalikan kes-kes berprofil tinggi, berkepentingan awam, kompleks dan sensitif. Bagaimanapun ia belum dikuatkuasakan kerana masih belum melepasi Jawatankuasa Arahan Tetap Pengarah (ATP) JAIS. Deraf SOP ini dijangka akan dibincangkan semula pada J/Kuasa ATP Bil 4/2015 yang akan datang dan seterusnya akan dibentangkan di dalam J/Kuasa Kecil Pengurusan Aduan Majlis Agama Islam Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PASUKAN PERONDA UNTUK HUTAN BUKIT GASING

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan cadangan pasukan peronda (forest ranger) untuk kawasan hutan Bukit Gasing?

JAWAPAN:

- a) Pemantauan rutin dijalankan setiap hujung minggu (sekali dalam seminggu) di Hutan Pendidikan Bukit Gasing yang terdiri daripada kakitangan sediada Bahagian Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ. Pemantauan ini dijalankan bertujuan menyelia dan memantau Hutan Pendidikan Bukit Gasing daripada pencerobohan dan penerokaan haram demi untuk memastikan kepelbagaian flora dan fauna dikekalkan di samping memastikan kemudahan yang terdapat di kawasan berkenaan dalam keadaan baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PEMBEKUAN TANAH T.O.L

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kawasan tanah T.O.L di Selangor mengikut DUN?
- b) Apakah status tanah T.O.L yang dibekukan?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), berikut adalah jumlah kelulusan dan keluasan TOL di Negeri Selangor mengikut daerah:

BIL.	DAERAH	JUMLAH KELULUSAN TOL	KELUASAN (EKAR)	KADAR BAYARAN TOL (RM)
1.	Gombak	20	5.68	25,600.00
2.	Hulu Langat	36	2.15	60,500.00
3.	Klang	1,085	184,143.00	682,425.70
4.	Hulu Selangor	8	15.00	4,865.00
5.	Kuala Langat	144	299.98	611,643.48
6.	Kuala Selangor	44	13.30	7,750.00
7.	Petaling	40	48.51	755,555.00
8.	Sabak Bernam	6	6.16	19,584.00
9.	Sepang	14	1.94	41,590.00
JUMLAH KESELURUHAN		1,397	184,535.72	2,209,513.18

Sumber : Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)

b) Berdasarkan keputusan terbaharu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 12/2015 pada 25 Mac 2015, Kerajaan Negeri hanya meluluskan pengeluaran TOL atas tanah rizab kerajaan bagi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- i. Tapak semaian / tapak jualan pokok hiasan
- ii. Tanaman kontan
- iii. Pondok pengawal
- iv. Papan iklan (billboard)
- v. Tempat meletak kereta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PEMBIAYAAN SKIM MIKROKREDIT SELANGOR (SKIMSEL)

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini SKIMSEL?
- b) Nyatakan jumlah penerima SKIMSEL yang telah membayar semula pinjaman sehingga selesai?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah baik dalam SKIMSEL?

JAWAPAN:

- a) Status terkini Program SKIMSEL telah diserapkan ke dalam Hijrah Selangor.
- b) Jumlah penerima pinjaman SKIMSEL sehingga Mac 2015 adalah seramai 11,484. Daripada jumlah tersebut, seramai 9,284 yang telah selesai membuat bayaran balik pinjaman SKIMSEL. Manakala baki peminjam SKIMSEL yang sedang membuat bayaran balik adalah seramai 2200 orang.
- c) Memandangkan Program SKIMSEL telah diserapkan ke dalam Hijrah Selangor, maka Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menambahbaik SKIMSEL. Hijrah Selangor adalah merupakan satu kaedah baru dan efisien bagi pinjaman mikro kredit di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : BAZAR RAMADHAN 2015

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua Bazar Ramadhan 2015 yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan kadar yuran dikenakan mengikut PBT?
- b) Berapakah jumlah kutipan yuran yang dikenakan kepada peniaga Bazar Ramadhan mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Senarai Bazar Ramadhan 2015 yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan kadar yuran mengikut PBT adalah seperti berikut :

PBT	BIL	SENARAI NAMA BAZAR	KADAR YURAN
MBSA	1.	Tapak Pasar Malam, Jalan Plumbum 7/98	Sewa Tapak – RM 30 – RM 90 sebulan
	2.	Tapak Bazarena Stadium Shah Alam	Kutipan Sampah - RM 60 – RM 90
	3.	Tapak Pasar Malam, Jalan 17/20 (Hadapan Dewan MBSA)	
	4.	Tapak Pasar Malam, Jalan 18/A & 18/2	Permit – RM 20
	5.	Tempat Letak Kereta, Jalan 20/2	Patil - RM 5
	6.	Tempat Letak Kereta, Jalan Teraju 25/67 , (Bersebelahan Pasaraya MyDin)	Kursus – RM 60
	7.	Tapak Penjaja Sementara, Jalan U2/H & Jalan U2/K, TTDI Jaya	Apron & Topi – RM 40
	8.	Tempat Letak Kereta, Jalan Sp 2/4, Subang Perdana	Plastik Sampah – RM 10
	9.	Tempat Letak Kereta, Jalan Bunga Ros 2/17	

	10.	Tempat Letak Kereta, Jalan 6/1F (Hadapan Restoran Ali Bistro)	
	11.	Tempat Letak Kereta, Jalan Kristal As7/As	
	12.	Jalan Liku A8/A, (Berdekatan Surau Blok 17-18)	
	13.	Tempat Letak Kereta, Jalan 16/3 (Hadapan Dewan Mbsa)	
	14.	Jalan 18/34, (Hadapan Klinik Ahmad Shah)	
	15.	Tapak Pasar Malam, Jalan 19/D	
	16.	Tapak Usahawan Mikro, Jalan Timun 24/C	
	17.	Tapak Pasar Malam, Jalan Bukit Raja 27/8	
	18.	Tempat Letak Kereta, Jalan 28/5 (Berhampiran Restoran KFC)	
	19.	Jalan Anggerik Aranda B 31/B (Hadapan Pondok Polis Kota Kemuning)	
	20.	Tapak Pasar Malam, Jalan Utarid U5/10)	
	21.	Tapak Pasar Malam, Subang 2, Jalan BV U5/BV	
	22.	Tempat Letak Kereta, Jalan C U8/C, Bukit Jelutong, (Hadapan My Mydin)	
	23.	Tapak Penjaja Sementara, Jalan Pulau Indah Au/10a	
	24.	Tempat Letak Kereta, Jalan Setia Prima C U13/C, (Hadapan Cimb Setia Alam)	
	25.	Jalan Liter D, Bandar Baru Sungai Buluh Fasa 3, (Hadapan Econsave)	
	26.	Tempat Letak Kereta, Bukit Rahman Putra, Bandar Baru	

		Sungai Buluh , Fasa 1	
	27.	Tempat Letak Kereta, Jalan 1 B/2, Bandar Baru Sungai Buluh, Fasa 2	
	28.	Tapak Pasar Malam Kg. Paya Jaras	
	29.	Tapak Pasar Malam Kampung Melayu Subang Tambahan	
	30.	Tapak Pasar Malam Kg Sungai Kandis	
	31.	Tapak Pasar Malam Kg. Bukit Naga	
	32.	Tapak Pasar Malam Kg. Jalan Kebun	
	33.	Subang Suria, Jalan U5/33	
	34.	Taman Bukit Subang	
	35.	Jalan Nova U5/45	
	36.	Tempat Letak Kereta Kompleks Ole-Ole	
	37.	Kompleks PKNS	
	38.	Wisma MAIS	
	39.	Anggerik Mall	
MBPJ	1.	Jalan Teknologi 3/1	Bayaran permit sepetak - RM30.00 sebulan
	2.	Apt Vista Damansara Damai	
	3.	Apt Meranti	
	4.	Sek 4, Kota Damansara	Bayaran kutipan sampah - RM100.00 (Air tebu dan air kelapa sahaja)
	5.	Sek 7, Kota Damansara	
	6.	Sek 5, Kota Damansara	
	7.	Lembah Subang	
	8.	Kg. Sg. Kayu Ara	Bayaran kutipan sampah dan lain-lain – RM50.00
	9.	Prima Damansara	
	10.	SS 6/1, Kelana Jaya	
	11.	Taman Medan PJS 2/3 /Kiosk	Kursus pengendalian makanan – RM50.00
	12.	Sek 17/1A	
	13.	SS8, Sg. Way	Kursus pengendalian makanan pembantu – RM50.00 (seorang)
	14.	Taman Sri Manja	
	15.	Sek 14/27	
	16.	PJS 6/3, Kg. Lindungan	
	17.	Desa Mentari	

	18.	Sek 51A, Kg. Baiduri	<p>Cagaran bagi jenis jualan – RM200.00 (air tebu / airkelapa / satay / ayam percik/ikan bakar)</p> <p>Borang – RM5.00</p> <p>Kad Pembantu (Seorang) – RM5.00 (jika ada)</p> <p>Plet lesen – RM0.00</p> <p>Caj Proses Permit – RM10.00</p>
	19.	Sek 8, Sg. Jernih	
MPSJ	1.	USJ 7	<p>Jualan Makanan / Minuman Balang/Buah-Buahan - RM 185.60 sepetak (sebulan) termasuk GST</p> <p>Jualan minuman (air kelapa / air tebu - RM 265.60 termasuk GST</p>
	2.	USJ 4	
	3.	USJ 1 (Pangsapuri Angsana)	
	4.	Pinggiran USJ	
	5.	Putra Heights	
	6.	SS13	
	7.	Tmn Puchong Perdana	
	8.	Tmn Puchong Permai (Jalan Permai 2/10)	
	9.	Tmn Puchong Permai (Jalan Permai 1/10 -)	
	10.	Tmn Puchong Utama (Jalan Utama 2/1 - Maju Jaya)	
	11.	Taman Wawasan (Jalan Wawasan 2/22)	
	12.	Puchong Utama (Jalan PU 7/1 - JPN)	
	13.	Puchong Indah	
	14.	Puchong Prima	
	15.	Taman Kinrara Sek 1 (Jalan Tmn Kinrara 1/1)	
	16.	Taman Tenaga Puchong	
	17.	Taman Kinrara Sek 4	
	18.	Taman Kinrara Sek 5	
	19.	Jalan Merbuk	

		(Puchong Jaya)	
	20.	Taman Seri Serdang (Jalan 18/35)	
	21.	Taman Universiti Indah,Seri Kembangan (Jalan 2/10)	
	22.	Taman Pinggiran Putra (Jalan PP 1/2)	
	23.	Taman Equine (Jalan PP 1B)	
	24.	Taman Puncak Jalil (Jalan PUJ 3/2)	
MPKJ	1.	Batu 13, Jln Cheras Kajang	<u>Gerai Juadah Ramadhan</u>
	2.	Desa Sri Jenaris (Tapak Pasar Malam Hari Ahad)	Bayaran Permit : RM 150.00 sepetak
	3.	Dataran Prima Saujana, Tmn Prima Saujana	Pengurusan : RM1,000.00
	4.	Ruang Legar Tempat Letak Kereta Tesco Kajang	Cagaran Pengurusan Sampah :
	5.	Jln 2, Taman Kajang Perdana (Tapak Pasar Malam Hari Selasa)	- di bawah 100 petak = RM 2,500.00
	6.	Jln Jasmin 1, Taman Jasmin	- 101 petak dan ke atas = RM 5,000.00
	7.	Hadapan Deretan Kedai Taman Zamrud	(Bayaran Pengurusan dan Cagaran Pengurusan Sampah dikenakan ke atas penganjur manakala Bayaran Permit, Bayaran Borang, Bayaran Proses, Bayaran Petil serta Bayaran Topi & Apron dikenakan ke atas peniaga.)
	8.	Jalan Kajang Mewah 7A,Tmn Kajang Mewah	
	9.	Tapak Pasar Tani (Taman Ramal Indah)	
	10.	Jln Hentian 1, Hentian Kajang (Tapak Pasar Malam Isnin & Jumaat)	
	11.	Jln 3/1, Sek.3, Taman Kajang Utama	
	12.	Berhampiran Surau Al-Huda, Tmn Kajang Sentral	
	13.	Tmn Suntex, BT.9, Cheras	

	14.	Jln Temenggung 21/9, Sek. 9, Bdr Mahkota Cheras	Lain- lain caj : i) Borang : RM 5.00 ii) Proses : RM 10.00 Bayaran Topi dan Apron : RM 25.00 Bayaran Petil Lesen : RM 10.00 <u>Gerai Karnival Ramadhan</u> Bayaran Permit : i) RM 700.00 / khemah (saiz khemah 18' x 18' dan lebih besar) ii) RM 400.00 / khemah (lain- lain khemah) Pengurusan : RM 5,000.00 Cagaran Pengurusan Sampah : RM 5,000.00 (Bayaran pengurusan dan cagaran pengurusan sampah dikenakan ke atas penganjur manakala bayaran permit, bayaran borang bayaran proses dan bayaran petil dikenakan ke atas peniaga.) Lain- lain caj i) Borang : RM 5.00 ii) Proses : RM 10.00
	15.	Apartment Zapin, Taman Balakong Jaya	
	16.	Jalan CJ8, Taman Cheras Jaya	
	17.	Taman Tun Perak 3, (Berhadapan Bangunan Komp. Kord Badminton Pro One)	
	18.	Bersebelahan Padang Bola Sepak Taman Desa Baiduri Awam	
	19.	Tempat Letak Kereta Jalan Suarasa 8/4, Bdr Tun Hussein Onn	
	20.	Tapak Pakir Desa Serdang, Jln Serdang 1	
	21.	Tapak Pasar Malam Taman Harmoni Indah, Bukit Belimbing	
	22.	Persiaran Bandar 2A, Seksyen 9, Bdr Baru Bangi	
	23.	Jln 7/7B, Sek.7 Bdr Baru Bangi	
	24.	Seksyen 16, Bdr Baru Bangi	
	25.	Tapak Letak Kereta Jalan 3/69, Seksyen 3 Tambahan Bdr Baru Bangi	
	26.	Tapak Pasar Malam Seksyen 4, Bdr Bukit Mahkota	
	27.	Jalan Seri Putra 1/3, Bdr Seri Putra	
	28.	Tapak Pasar Malam Taman Seri Nanding	
	29.	Jalan Masuk Taman Harmoni, Semenyih, Kajang	
	30.	Seksyen 1, Berhampiran Pasaraya Billion Bdr Teknologi	

		Kajang	Bayaran Petil Lesen : RM 10.00
	31.	Jalan Semenyih Sentral 5	
	32.	Jln TPS 1/1, Tmn Pelangi Semenyih	
	33.	Jln 5/12, Seksyen 5, Bandar Rinching Semenyih	
	34.	Jalan 3/1, Bdr Tasik Kesuma	
	35.	Tapak Pekan Sehari Beranang	
	36.	Siar kaki Plaza Metro Kajang	
MPS Di bawah pengurusan MPS	1.	Taman Tun Teja	Harga sepetak = RM 150.00 (sebulan) Topi Apron = RM 25.00 Insurans = RM 10.00
	2.	Kg. Melayu Sungai Buloh	
	3.	Kg. Nakhoda	
	4.	Gombak Setia	
	5.	Taman Ehsan	
	6.	Bandar Country Homes (Jalan BCH 1C)	
	7.	Taman Samudra	
	8.	Taman Batu Caves	
	9.	Selayang Utama	
	10.	Bandar Rawang	
	11.	Bandar Baru Selayang (Selayang Mutiara)	
MPS Di bawah pengurusan JKP	12.	Taman Sri Gombak	Harga sepetak = RM 115.00 (sebulan) Insurans = RM 10.00
	13.	Pinggiran Batu Caves	
	14.	Taman Greenwood	
	15.	Bandar Tasik Puteri	
	16.	Selayang Indah	
	17.	Selayang Baru	
MPK	1.	Pulau Indah, Kg Tradisi	RM 150.00 bagi tapak yang tidak melibatkan tapak pasar malam (sebulan) RM 130.00 bagi tapak yang melibatkan tapak pasar malam (sebulan)
	2.	Taman Kem, Pel. Klang (Kecuali hari Khamis)	
	3.	Jalan Petola, Kg Raja Uda (Kecuali hari Khamis)	
	4.	Telok Gong	
	5.	Bandar Armada Putra, Pulau Indah (Kecuali hari Selasa)	
	6.	Pandamaran Jaya, Jalan 66 (Kecuali hari Khamis)	

	7.	Taman Pendamar Indah	
	8.	Kg Idaman (Kecuali hari Selasa)	
	9.	Jalan Batu Nilam 34, Bukit Tinggi 2 (Berhampiran Shell)	
	10.	Pangsapuri Seri Perantau (Kecuali hari Isnin)	
	11.	Tapak Bekas Letak Kereta Econsave Pandamaran	
	12.	Jalan Sri Sarawak (Kecuali hari Selasa)	
	13.	Simpang Empat, Sg Udang (Kecuali hari Ahad)	
	14.	Kg. Delek (Kecuali hari Jumaat)	
	15.	Flat Sri Bayu (Kecuali hari Sabtu)	
	16.	Jalan Penghulu Abu Bakar (Kecuali hari Selasa)	
	17.	Jalan Kluang (Kecuali hari Ahad)	
	18.	Jalan Bukit Kuda (Hadapan MyMydin)	
	19.	Jalan Rantau Panjang	
	20.	Lorong Musran, Rantau Panjang (Kecuali hari Jumaat)	
	21.	Taman Bunga Melor (Kecuali hari Isnin)	
	22.	Jalan Tiara 4, Bandar Baru Klang	
	23.	Bandar Sultan Suleiman, dekat Masjid	
	24.	Taman Meru 4 (Kecuali hari Sabtu)	
	25.	Meru Indah	
	26.	Jalan Paip, Pekan Meru (Kecuali hari Ahad)	
	27.	Taman Meru Selatan (Kecuali hari Isnin)	
	28.	Pangsapuri Meru Ehsan,	

		Persiaran Hamzah Alang	
	29.	Dewan Bukit Kapar	
	30.	Taman Sri Pekan (Kecuali hari Jumaat)	
	31.	Jalan Raja Mokhtar (Kecuali Jumaat)	
	32.	Taman Sg Kapar Indah (Kecuali Sabtu)	
	33.	Taman Cempakasari (Kecuali Rabu)	
	34.	Kg Tok Muda	
	35.	Jalan Keretapi Lama, Kg Sementa (Tangki Air)	
	36.	Kg Perepat	
	37.	Jalan Taiping, Jalan Taman, Jalan Nangka, Jalan Raja Hassan, sepanjang Jalan Melayu (bersebelahan Centrepoint sehingga tempat letak motosikal) dan laluan pejalan kaki antara Jambatan Kota - belakang Plaza MPK	
MPAJ	1.	Lembah Maju	RM 200.00 – RM 250.00 / Tapak (sebulan)
	2.	Pandan Mewah	
	3.	Pandan Indah 3/2B	
	4.	Pandan Jaya	
	5.	Pandan Cahaya	
	6.	Kg. Pandan	
	7.	Kompleks Muhibah	
	8.	Cheras Indah	
	9.	AU5	
	10.	Permata	
	11.	Melawati E1	
	12.	AU2	
	13.	Keramat Permai	
	14.	Bukit Antarabangsa	
	15.	Ukay Perdana	
	16.	Bandar Baru Ampang	
	17.	Ampang Jaya	

	18.	Permai Court	
	19.	Taman Melur	
	20.	Melawati 1A	
	21.	Pandan Indah Padang	
	22.	Bukit Indah	
MPSP	1.	Pasar Ramadhan Kosmopleks	RM 175.00 satu petak (sebulan)
	2.	Pasar Ramadhan Taman Putra Perdana	
	3.	Dengkil	
	4.	Sg. Pelek	
	5.	Pekan Salak	
	6.	Kota Warisan	
	7.	Taman Mas	
	8.	Desa Pinggiran Putera	
	9.	Sg. Merab	
	10.	Cyberjaya	
	11.	Dengkil Jaya	
	12.	Pantai Sepang Putra	
MDKS	1.	Tanjung Karang 1	RM 150.00 sepetak untuk seorang bagi tapak makanan dan minuman biasa (sebulan)
	2.	Tanjung Karang 2	
	3.	Kuala Selangor 1	
	4.	Kuala Selangor 2	
	5.	Sungai Buloh	RM 210.00 sepetak untuk seorang bagi yang menjual air kelapa dan air tebu (sebulan)
	6.	Bestari Jaya	
	7.	Puncak Alam Fasa 2	
	8.	Puncak Alam Fasa 3 (Astana Alam)	
	9.	Puncak Alam (Hadapan Tesco)	
	10.	Saujana Utama	
	11.	Ijok	
	12.	Desa Coalfields	
	13.	Shah Alam 2	
	14.	Alam Jaya	
MDSB	1.	Sekinchan	RM 250.00 sepetak (sebulan)
	2.	Sg Besar	
	3.	Sabak	
	4.	Parit Baharu	
MDKL	1.	Tapak Pasar Malam, Banting	Bayaran permit penjaja

	2.	Taman Banting Baru	- RM 60.00/penjaja Bayaran pelupusan sampah - RM 60.00/penjaja Patil – RM 10.00/penjaja Pas pembantu – RM 10.00/penjaja Pas penjaja – RM 10.00 / penjaja
	3.	Taman Langat Murni	
	4.	Taman Rambai Indah	
	5.	Taman Pahlawan	
	6.	Bandar Saujana Putra	
	7.	Taman Sri Medan	
	8.	Aim Point Plaza	
	9.	Tanjung Sepat	
	10.	Taman Dato' Hormat	
	11.	Bazar Darul Ehsan	
	MDHS	1.	
2.		Bandar Utama Batang Kali	
3.		Taman Seri, Batang Kali	
4.		Taman Cempaka	
5.		Bandar Sg. Buaya	
6.		Jalan Kantan, Bukit Beruntung	
7.		Taman Bahtera, Hulu Bernam	

- b) Jumlah kutipan yuran yang dikenakan kepada peniaga Bazar Ramadhan mengikut PBT adalah seperti berikut :

PBT	JUMLAH KUTIPAN / SEWAAN (RM)
MBSA	389,614.54
MBPJ	42,800.00
MPSJ	203,156.00
MPKJ	393,475.00
MPS	261,400.00
MPK	827,353.76
MPAJ	302,260.00
MPSP	102,790.00
MDKS	147,170.00
MDSB	50,590.00
MDKL	54,000.00
MDHS	102,300.00
JUMLAH	2,876,909.30

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : ELAUN-ELAUN YAB MENTERI BESAR (MB)

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jenis-jenis elaun yang diterima selaras dengan jawatan YAB MB?
- b) Berapakah jumlah elaun yang diterima dari anak syarikat negeri oleh YAB MB sejak menjawat jawatan tersebut?
- c) Berapakah jumlah elaun keseluruhan yang diterima oleh YAB MB sejak menjawat jawatan tersebut?

JAWAPAN:

- (a) Jenis-jenis elaun yang diterima selaras dengan jawatan YAB Dato' Menteri Besar Selangor adalah:

Bil	Jenis Elaun
1.	Elaun Ahli Dewan Negeri Selangor
2.	Elaun Keraian Adun
3.	Elaun Khas Adun
4.	Elaun Kediaman Rasmi
5.	Elaun Pengerusi J/K Tetap MMK
6.	Elaun Keraian
7.	Bayaran Balik Bil Telefon
8.	Elaun Rai M.B & S/U Politik

(b) & (c)

Jawatan yang dipegang oleh Dato' Menteri Besar dalam badan-badan berkanun serta anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut :

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) - ("MBI")

Selaras dengan peruntukan dalam Enakmen Menteri Besar Selangor No.3 Tahun 1994 yang diluluskan pada 21^{hb} September 1994, ada menyatakan "orang yang pada masa ini memegang jawatan atau melaksanakan fungsi-fungsi Menteri Besar Selangor dan penggantinya dalam jawatan, hendaklah menjadi Pertubuhan Perbadanan dengan nama "Menteri Besar Selangor" (kemudian daripada ini disebut "Perbadanan)".

- Tiada gaji, atau kemudahan yang diterima; dan
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM2,000.00.

Kumpulan Darul Ehsan Berhad ("KDEB")

Selaras dengan peruntukan di dalam Artikel 76, Tataujud dan Tataurusan Syarikat KDEB menyatakan "*sementara Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(Enakmen No.3,1994) memiliki kawalan kepentingan di dalam syarikat, jawatan Pengerusi Syarikat akan disandang oleh Menteri Besar Selangor*".

- Tiada gaji yang diterima;
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM5,000.00;
- Elaun bulanan adalah RM10,000.00;
- Kemudahan diterima adalah pakej percutian RM100,000.00 setahun; dan
- Yuran Pengarah RM100,000.00 dibayar setelah mendapat kelulusan pemegang saham.

Permodalan Negeri Selangor Berhad ("PNSB")

PNSB adalah milik penuh MBI. Menteri Besar sebagai Pengerusi MBI secara langsung adalah juga Pengerusi PNSB.

- Menerima elaun bulanan RM5,000.00;
- Elaun kehadiran mesyuarat sebanyak RM5,000.00; dan
- Kemudahan diterima adalah tambang percutian dan fi pengarah (tertakluk kepada Keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah).

Invest Selangor Berhad ("ISB")

Selaras dengan peruntukan di dalam Tataujud dan Tataurusan syarikat merekodkan bahawa pelantikan Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada kakitangan Kerajaan Negeri Selangor yang memegang jawatan Menteri Besar, Dato' SUK, Dato' PWN, Timbalan SUK (Pembangunan), CEO PNSB (diganti Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan) dan Ketua Pegawai Eksekutif SSIC Berhad.

- Tiada gaji yang diterima;
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM1,000.00;
- Yuran Tahunan Ahli Lembaga Pengarah adalah RM10,000.00 (tertakluk kepada kelulusan pemegang saham); dan
- Tiada sebarang kemudahan lain diterima.

Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. ("PIYSB")

Pelantikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi adalah berdasarkan Pengarah Pertama (YAB Dato' Menteri Besar pada ketika itu) yang dinamakan di dalam Tataujud dan Tataurusan Syarikat (Artikel No. 62).

- Tiada gaji dan kemudahan yang diterima;
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM2,000.00.

Communication Corporation Sdn. Bhd. ("CCSB")

Pelantikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi adalah berdasarkan Pengarah Pertama (YAB Dato' Menteri Besar pada ketika itu) yang dinamakan di dalam Tataujud dan Tataurusan Syarikat (Artikel No. 3).

- Tiada gaji dan kemudahan yang diterima;
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM1,000.00.

Tourism Selangor Sdn. Bhd. ("TSSB")

Pelantikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi berkuatkuasa pada 2^{hb} April 2004 di mana YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada ketika itu telah dilantik. Pelantikan Pengerusi seterusnya adalah berdasarkan jawatan YAB Dato' Menteri Besar Selangor.

- Tiada gaji dan kemudahan yang diterima;
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM1,000.00;
- Yuran pengarah diterima adalah RM8,000.00 (tertakluk kepada kelulusan pemegang saham).

Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor ("YAQ")

Pelantikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi adalah selaras dengan Tataujud dan Tataurusan Syarikat (Artikel No. 10 (a) (i)).

- Tiada gaji, elaun serta kemudahan yang diterima.

Yayasan Warisan Anak Selangor ("YAWAS")

Pelantikan YAB Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi adalah berdasarkan Pengarah Pertama dan sebagai *Trustee* (YAB Dato' Menteri Besar pada ketika itu) yang dinamakan di dalam Tataujud dan Tataurusan Syarikat (Artikel No. 10 (b)). Pelantikan Pengerusi seterusnya adalah berdasarkan jawatan YAB Dato' Menteri Besar Selangor.

- Tiada gaji dan kemudahan yang diterima; dan
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM1,000.00.

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ("PKNS")

Selaras dengan peruntukan di bawah Klausa 4(1)(a) Enakmen PKNS 1964 "Pengerusi adalah seorang yang pada masa tersebut memegang jawatan Menteri Besar Selangor".

- Tiada gaji yang diterima;
- Elaun tahunan sebanyak RM8,000.00 (tertakluk kepada kelulusan pemegang saham);
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM2,000.00; dan
- Kemudahan yang diterima adalah pemberian potongan harga 15% pembelian rumah atau lot rumah sesebuah PKNS sekali dalam tempoh perkhidmatan dan juga perubatan di Klinik Penal PKNS dan Hospital pakar untuk Ahli Perbadanan & Tanggungan.

Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor ("PKPS")

Selaras dengan peruntukan di dalam Enakmen PKPS, No.2 Tahun 2005 (pindaan) Sub Seksyen (2) menyatakan Pengerusi PKPS hendaklah pada ketika itu memegang jawatan sebagai Menteri Besar Selangor.

- Tiada gaji dan kemudahan yang diterima.
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM1,000.00
- Elaun bulanan sebanyak RM4,000.00 selaras dengan Seksyen 3, Bahagian 8, Enakmen PKPS Tahun 1972.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor ("LPHS")

Selaras dengan peruntukan dalam Seksyen 4(1)(a) Enakmen LPHS 2001, Menteri Besar adalah pengerusi LPHS,

- Tiada gaji yang diterima.
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM500.00 seperti diluluskan berdasar peruntukan dalam IPP WP7.1.

Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn.Bhd. ("PHSSB")

PHSSB adalah milikan penuh LPHS, oleh itu jawatan pengerusi secara otomatiknya di pegang oleh Pengerusi LPHS iaitu Menteri Besar .

- Tiada gaji yang diterima.
- Elaun kehadiran mesyuarat adalah RM500.00.
- Pemberian saguhati adalah RM12,000.00 setahun (tertakluk kepada Keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah dari masa ke semasa).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : SISTEM SALIRAN DAN PERPARITAN DI KOTA DAMANSARA

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang diambil dalam menangani sistem saliran dan perparitan yang tersumbat di Kota Damansara?
- b) Nyatakan kekerapan penyelenggaraan yang dibuat di Kota Damansara?
- c) Berapakah peruntukan yang dikhaskan untuk penyelenggaraan ini dari tahun 2014 hingga Jun 2015?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di Sungai Rumpit dan Sungai Tambul di kawasan Kota Damansara.
- b) Kerja-kerja penyelenggaraan di Sungai Rumpit dan Sungai Tambul sentiasa dijalankan mengikut keperluan berdasarkan aduan yang diterima oleh pihak jabatan. Berikut adalah senarai kerja-kerja yang telah dilaksanakan di kawasan Sungai Rumpit dan Sungai Tambul :

Bil	Tahun	Tajuk Kerja
1	2014	Menjalankan Kerja-Kerja Membuang Kelodak Di Sebahagian Sungai (Sg Rumpit) Dan Mendalamkan Kolam Tadahan Di Kelab Golf Seri Selangor
2	2014	Menjalankan Kerja-Kerja Membaiki Tebing Runtuh Di Sungai Rumpit Berhampiran <i>Outlet</i> Kelab Golf Seri Selangor Dengan Menggunakan Kaedah <i>Sandbag</i> .
3	2015	Kerja-Kerja Membersih R.O.W Sg. Rumpit, PJU 3, Petaling Jaya, Daerah Petaling, Selangor
4	2015	Kerja-Kerja Membersih R.O.W Sg. Tambul, Kota Damansara, Petaling Jaya, Daerah Petaling, Selangor.

- c) Tiada peruntukan yang dikhaskan untuk penyelenggaraan Sungai Rumpit dan Sungai Tambul.

Maklumat Tambahan :

Aduan yang pernah diterima oleh pihak JPS Negeri Selangor melalui JPS Daerah Petaling sepanjang tahun 2013 sehingga tahun 2015 di kawasan Sungai Rumpit sebanyak 5 aduan seperti berikut. Namun tiada aduan yang dilaporkan diterima di kawasan Sungai Tambul.

**Senarai Aduan di Sungai Rumpit
Tahun 2013 - 2015**

Bil	Tarikh Terima Aduan	Media Aduan	Nama pengadu	Lokasi	Isu	Status Aduan
1	9/12/2013	Aduan Bersurat	Casa Indah 1 Management Corporation	Sungai Rumpit	Kenaikan paras air di Sungai Rumpit akibat hujan lebat	Telah diambil tindakan
2	2/5/2014	18674/14 JPS Careline	Rienna Choo	Sungai Rumpit	Sistem saliran air Sungai Rumpit tidak lancar dan mengakibatkan bau busuk	Telah diambil tindakan
3	16/8/2014		Aduan melalui whatsapp JPS Petaling	Sungai Rumpit	Hakisan tanah yang menyebabkan tebing konkrit longkang runtuh	Telah diambil tindakan
4	29/1/2015	Aduan Telefon	Challis Damansara Management Corporation	Sungai Rumpit	Berkenaan tahap air di sungai bersebelahan No. 1, Jalan PJU 3/30 Sunway Damansara 47810 Petaling	Telah diambil tindakan
5	6/3/2015	3196/15 JPS Careline	Tan	Sungai Rumpit	Pembuangan sisa-sisa pembinaan rumah ke dalam dan tepi sungai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab	Telah diambil tindakan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : KETELUSAN KERAJAAN NEGERI DALAM ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT (FOI)

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jaminan Kerajaan Negeri tidak menyalahgunakan maklumat yang diperolehi daripada pihak ketiga?
- b) Apakah Kerajaan Negeri telus melaksanakan FOI terutama membabitkan isu besar seperti Perjanjian Persefahaman (MoU) Penstrukturan Industri Air?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri komited dalam melaksanakan Enakmen Kebebasan Maklumat ini sepenuhnya termasuk menjaga integriti maklumat yang disalurkan. Pegawai-pegawai Maklumat Jabatan yang telah dilantik bagi menguruskan perihal Enakmen ini telah diberikan penjelasan dan tanggungjawab masing-masing dalam memelihara maklumat yang diterima atau disalurkan.

Berdasarkan Seksyen 13, Enakmen yang sama, memperuntukkan setiap jabatan boleh enggan menunjukkan sama ada ia mempunyai maklumat, atau enggan untuk menyampaikan maklumat, di mana jika berbuat demikian ia akan melibatkan penzahiran tidak munasabah maklumat peribadi orang perseorangan pihak ketiga, melainkan sekiranya:

- pihak ketiga memberi persetujuan secara bertulis terhadap penzahiran maklumat; atau
- orang yang membuat permohonan adalah penjaga yang sah kepada pihak ketiga atau waris yang sah atau pentadbir yang sah pihak ketiga yang telah meninggal dunia.

Berdasarkan kepada Enakmen yang dinyatakan seperti di atas, jelas menunjukkan bahawa sebarang maklumat daripada pihak ketiga yang telah mendapat persetujuan secara bertulis sahaja akan didedahkan kepada pemohon. Oleh itu, tidak akan berlaku kejadian penyalahgunaan maklumat daripada pihak ketiga.

- b) Sebagaimana pernyataan di atas, Pentadbiran Kerajaan Negeri komited dan telus dalam menguruskan perihal Enakmen ini termasuk isu berkaitan penstrukturan industri air di Negeri Selangor yang melibatkan Kerajaan Persekutuan. Pada dasarnya, Pentadbiran ini bersedia memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menyalurkan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh pemohon sekiranya maklumat-maklumat berkenaan berhubung kait dengan agenda pembangunan atau kelestarian hidup rakyat di Negeri Selangor sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : TABUNG AMANAH BENCANA ALAM

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur permohonan Tabung Amanah Bencana Alam?
- b) Senaraikan pemohon dan penerima Tabung Amanah Bencana Alam pada tahun 2014 mengikut DUN?

JAWAPAN:

- a) Mangsa-mangsa bencana alam di Negeri Selangor boleh memohon bantuan bencana melalui Tabung Bencana Daerah, melalui Urus setia Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah, dengan mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:
 - i. Salinan Kad Pengenalan Ketua Keluarga;
 - ii. Laporan / Bukti bergambar bencana yang telah dialami; dan
 - iii. Laporan Polis.
- b) Statistik penerima bantuan bencana alam sepanjang tahun 2014, mengikut pecahan daerah di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	JUMLAH PENERIMA BANTUAN BENCANA
1.	Klang	222
2.	Petaling	24
3.	Kuala Langat	23
4.	Hulu Langat	28
5.	Sabak Bernam	7
6.	Kuala Selangor	14
7.	Gombak	31

8.	Hulu Selangor	123
9.	Selangor	99

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : HASIL DAN SEKTOR PELABUR LUAR NEGARA/NEGERI

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah nama syarikat luar yang telah melabur di dalam negeri Selangor dan sektor manakah setiap syarikat ini laburkan dan berapa jumlah tepat pelaburan mereka?
- b) Ke manakah hasil pelaburan yang diterima akan disalurkan dan berapa jumlah tepat yang diberi untuk setiap satu tempat yang disalurkan?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh Januari hingga Mac 2015 sebanyak 62 projek perkilangan telah diluluskan di Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 1.950 Bilion. Sebanyak RM 797 juta daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 1.153 bilion daripada pelaburan asing. Antara industri-industri yang dilaburkan adalah seperti berikut;-

Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Non-Metallic Mineral Products	1	271	0	718,044,000	718,044,000
Basic Metal Products	4	329	271,150,649	0	271,150,649
Food Manufacturing	7	301	83,953,263	116,397,998	200,351,261
Machinery & Equipment	12	759	134,012,722	52,698,861	186,711,583
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	1	69	49,690,396	72,669,604	122,360,000
Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Electronics & Electrical Products	5	225	47,946,441	66,792,000	114,738,441

Fabricated Metal Products	8	273	35,500,050	26,896,800	62,396,850
Wood & Wood Products	2	87	47,094,027	9,792,000	56,886,027
Chemical & Chemical Products	5	121	15,993,549	20,148,200	36,141,749
Transport Equipment	2	177	5,000,000	27,284,000	32,284,000
Plastic Products	5	338	27,369,851	4,390,452	31,760,303
Rubber Products	2	185	21,435,061	0	21,435,061
Textiles & Textiles Product	2	143	8,230,002	7,400,000	15,630,002
Furniture & Fixtures	1	169	13,459,980	0	13,459,980
Scientific & Measuring Equipment	2	132	9,302,148	0	9,302,148
Paper, Printing & Publishing	1	32	1,038,029	2,595,253	3,633,282
Miscellaneous	2	379	26,043,060	28,182,000	54,225,060
Beverages & Tobacco					0
Leather & Leather Products					0
Jumlah Keseluruhan	62	3,990	797,219,228	1,153,291,168	1,950,510,396

* sumber : MIDA

Nota :

(Nama-nama pelabur dan jumlah pelaburan bagi setiap projek perkilangan yang diluluskan tidak dapat dinyatakan tanpa kebenaran pihak syarikat-syarikat berkenaan bagi mengelakkan sebarang kesulitan kepada perancangan perniagaan mereka).

- b) Hasil pelaburan yang diterima dari aktiviti pelaburan daripada syarikat-syarikat perkilangan asing mahupun tempatan ini merupakan di dalam bentuk pewujudan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan menyumbang kepada perkembangan sektor-sektor perkhidmatan yang lain seperti logistik dan pergudangan, peruncitan dan lain-lain lagi. Perkembangan ini secara langsung membawa kepada pertumbuhan pembangunan kepada kawasan setempat.

Manakala hasil langsung yang diterima oleh pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah menerusi cukai tanah, cukai taksiran dan lesen-lesen yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PILIHANRAYA PBT

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini cadangan pilihan raya PBT di Selangor?
- b) Apakah pendirian terkini Kerajaan Negeri terhadap cadangan ini?
- c) Apakah halangan-halangan cadangan ini tidak dapat dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Pilihanraya Kerajaan Tempatan tidak dapat dilaksanakan buat masa ini memandangkan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor masih tertakluk di Bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang secara jelasnya dinyatakan bahawa Pilihanraya Kerajaan Tempatan adalah tidak dibenarkan. Kekangan undang-undang ini tercatat di bawah seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976.
- b) Berdasarkan hal ini, Kerajaan Negeri perlu mengambil kira keputusan Mahkamah Persekutuan yang membuat keputusan bahawa Enakmen Pilihanraya Kerajaan Tempatan yang diluluskan oleh Kerajaan Pulau Pinang pada 2012 adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak dibenarkan untuk mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan. Oleh yang demikian, bagi menjayakan pelaksanaan Pilihan raya Kerajaan Tempatan, pindaan kepada seksyen 15 Akta 171 ini perlu dibuat di peringkat Parlimen.
- c) Sekiranya pindaan kepada seksyen 15 Akta 171 berjaya dilaksanakan, Kerajaan Negeri komited Pilihanraya Kerajaan Tempatan dapat dilaksanakan seperti yang telah dijanjikan sungguhpun ia kelihatan sukar akibat kekangan sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEGAWAI DAN JAWATANKUASA MASJID

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua pemegang tauliah pegawai dan jawatankuasa masjid yang dilantik oleh pihak JAIS mengikut masjid dan daerah?
- b) Apakah kriteria dan justifikasi pelantikan mereka bagi jawatan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Bilangan pemegang tauliah Pegawai dan Jawatankuasa Masjid yang dilantik mengikut daerah seperti berikut:

BIL	DAERAH	JUMLAH
1.	Petaling	1886
2.	Selangor	598
3.	Hulu Selangor	552
4.	Klang	1058
5.	Kuala Selangor	1311
6.	Sabak Bernam	1081
7.	Gombak	959
8.	Hulu Langat	1150
9.	Kuala Langat	759
JUMLAH		9384

- b) Kriteria dan justifikasi pelantikan adalah seperti berikut:
 - i. Calon hendaklah berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan **tidak melebihi 65 tahun.**
 - ii. Calon hendaklah seorang warganegara Malaysia dan seorang yang bermastautin atau bermukim yang lazimnya tinggal tetap dalam kariah masjid. Peruntukan ini dikekalkan dan dijadikan salah satu kriteria utama.
 - iii. Tidak menganggotai mana-mana jawatan Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah bagi masjid yang lain.

- iv. Boleh membaca, menulis dan mengira.
- v. Bagi jawatan **Nazir**, kelayakan akademik minima ialah mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Agama (SPA) dan keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai Diploma dan ke atas.
- vi. Calon Nazir hendaklah mampu mengetuai halaqah-halaqah yang melibatkan jawatankuasa dan jemaah di samping mampu mengimamkan sembahyang, menyampaikan khutbah serta mengetuai majlis tahlil.
- vii. Bagi jawatan **Setiausaha**, **keutamaan** hendaklah diberi kepada calon yang memiliki pengalaman dalam bidang kesetiausahaan dan pentadbiran.
- viii. Bagi jawatan **Bendahari**, **keutamaan** hendaklah diberi kepada calon yang memiliki ilmu dan berkemahiran dalam bidang Pengurusan Kewangan.
- ix. Bagi jawatan **Imam**, **keutamaan** hendaklah diberi kepada calon yang memiliki Sijil Pelajaran Agama (SPA), mahir dalam bacaan Al-Quran dan mahir dalam hal ehwal Agama Islam.
- x. Calon-calun lain hendaklah terdiri dari mereka yang berlatarbelakangkan pengalaman dan pelbagai bidang kemahiran.
- xi. Calon tidak disabitkan dengan kesalahan dalam mana-mana mahkamah sivil atau mahkamah syariah atau muflis.
- xii. Mempunyai pengetahuan Agama Islam dan lazim melibatkan diri di dalam aktiviti masjid.
- xiii. Mempunyai akhlak yang mulia dan amanah serta selalu membuat amal kebajikan.
- xiv. Sihat tubuh badan dan mental.
- xv. Mempunyai daya kepimpinan.

- xvi. Sentiasa menjalin hubungan baik dengan ahli kariah dan menunjukkan ciri-ciri kreatif serta sering membawa idea-idea baru untuk meningkatkan kemajuan masjid.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : SEMINAR BIMBINGAN KHUSUS PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
UNTUK PT3 DAN SPM**

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menganjur apa-apa seminar bimbingan bagi pelajar yang bakal menduduki PT3 dan SPM tahun ini?
- b) Adakah Kerajaan Negeri meletakkan apa-apa sasaran bagi pencapaian pendidikan pelajar-pelajar sekolah di Negeri Selangor pada tahun ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan PT3 Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Permuafakatan Institusi Pendidikan Islam Selangor (MAPPIS) akan mengadakan program Pecutan Akhir bagi calon PT 3 yang berada di Sekolah Agama Rakyat . Untuk para pelajar yang akan menduduki SPM pula, Kerajaan Negeri menyediakan Program Seminar Belajar Secara Bijak yang dikenali sebagai Program “*Successful Intelligence*” dan untuk persediaan akhir SPM Kerajaan Negeri akan mengadakan Program Pecutan Akhir SPM yang akan bermula pada bulan September nanti.
- b) Seperti yang sudah sedia maklum, pendidikan merupakan satu sektor di bawah bidang kuasa kerajaan pusat, manakala Kerajaan Negeri mempunyai batasan untuk mengelola polisi pendidikan. Malahan pihak sekolah juga, terutamanya sekolah awam di sekitar Selangor, difahamkan telah mendapat arahan untuk tidak terlibat secara terus dengan sebarang program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor termasuklah Exco Pendidikan dan wakil rakyat daripada PAS, KEADILAN dan DAP juga dihalang masuk ke sekolah-sekolah kebangsaan. Sedangkan, saya ada terima aduan PIBG-PIBG yang diketuai pimpinan UMNO telah menjemput pimpinan bahagian UMNO secara terbuka di Majlis PIBG mereka. Adakah adil wakil kerajaan dan wakil rakyat dihalang tetapi ahli pimpinan UMNO dibenarkan? Oleh kerana bidang kuasa Kerajaan Negeri yang terhad di dalam sektor tersebut, ia meletakkan satu batasan bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk menetapkan sebarang sasaran pencapaian pendidikan bagi pelajar-pelajar sekolah di negeri ini. Oleh itu, seperti yang pernah dinyatakan sebelum ini, negara ini perlukan satu anjakan

paradigma di dalam sektor pendidikan. Bidang kuasa di dalam bidang pendidikan perlulah diturunkan untuk membolehkan setiap negeri mempunyai persaingan sesama sendiri. Kuasa ini juga boleh diturunkan seterusnya ke peringkat daerah dan sekolah. Dalam pada itu kita perlu berikan para ibu bapa, pendidik dan pelajar keterbukaan untuk bersuara di dalam perihal pembikinan polisi, dan bukan hanya memberi kuasa penuh kepada ahli politik Kerajaan Pusat dan birokrat yang terselindung di Putrajaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP (DEIG)

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah objektif penubuhan DEIG?
- b) Nyatakan secara terperinci peranan dan bidang tugas DEIG?
- c) Senaraikan Ahli Lembaga dan pengurusan DEIG serta gaji, elaun dan bonus?

JAWAPAN:

- a) Matlamat penubuhan DEIG adalah untuk melaksanakan proses rasionalisasi dan konsolidasi aset milik MBI dan anak syarikatnya serta menjadi syarikat induk pelaburan Kerajaan Negeri.

Apabila aset-aset ini distruktur semula secara komprehensif dan sistematik, pulangan pelaburan kepada Kerajaan Negeri sudah pasti dapat ditingkatkan dan dimaksimakan.

- b) DEIG akan memainkan peranan sebagai syarikat induk pelaburan Kerajaan Negeri.

Beberapa kluster ekonomi akan dibentuk, dirasionalisasi dan dikonsolidasikan seperti sektor pembangunan hartanah; pengurusan aset dan kemudahan; infratstruktur; pasir dan galian; telekomunikasi dan media; pengurusan sisa pepejal; pendidikan dan sektor-sektor yang lain yang berupaya memberi impak strategik kepada kerajaan negeri.

- c) Ahli-Ahli Lembaga Pengarah DEIG terdiri daripada YAB Dato' Menteri Besar Selangor; YB Setiausaha Kerajaan Negeri; YB Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri; Ketua Pegawai Eksekutif MBI, dan Ketua Pegawai Operasi MBI.

DEIG masih dalam peringkat awal penubuhan dan tidak melaksanakan sebarang aktiviti atau transaksi kewangan. Oleh itu kesemua Ahli Lembaga Pengarah tidak menerima elaun buat masa ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jaminan Kerajaan Negeri memastikan kos keseluruhan pengambilalihan empat syarikat konsesi air tidak melebihi RM9.65 billion serta tindakan yang bakal diambil terhadap pihak yang cuba melengahkan atau menggagalkan usaha menyusun semula industri air Selangor.

JAWAPAN:

- a) Memorandum Persefahaman ("*Memorandum of Understanding, MOU*") yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor pada 26 Februari 2014 telah menetapkan nilai indikatif untuk pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air sebanyak RM9.65 bilion. Lanjutan daripada itu dan selaras dengan peruntukan MOU, suatu Perjanjian Utama ("*Master Agreement*") yang menetapkan syarat dan terma penstrukturan semula industri air Selangor telah ditandatangani pada 12 September 2014. Ini diikuti dengan Perjanjian Tambahan ("*Supplemental Agreement*") kepada Perjanjian Utama pula yang telah ditandatangani pada 10 Julai 2015 bertujuan untuk mempercepatkan penyelesaian kepada Perjanjian Utama. Oleh yang demikian, tidak timbul sebarang isu berkaitan sama ada kos pengambilalihan akan melebihi jumlah RM9.65 bilion yang telah dipersetujui atau tidak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PENCEROBOHAN TANAH

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan pencerobohan tanah milik Kerajaan yang berjaya diselesaikan?
- b) Apakah bentuk tindakan/hukuman dikenakan ke atas penceroboh?
- c) Apakah halangan bagi tindakan segera dalam menguatkuasakan undang-undang ke atas kesalahan pencerobohan?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan maklumbalas dari Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), jumlah kes pencerobohan tanah kerajaan yang melibatkan tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 425, Kanun Tanah Negara, dan berjaya diselesaikan dari tahun **2013 hingga 2015** adalah sebanyak **81 kes**.
- b) Penceroboh yang telah didapati mencerooboh tanah kerajaan akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara, yang mana seseorang yang telah disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM10,000.00, atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya sekali. Penceroboh juga akan diarahkan untuk mengosongkan tanah kerajaan yang dicerooboh mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam notis.
- c) Di antara halangan-halangan bagi tindakan segera dalam menguatkuasakan undang-undang ke atas kesalahan pencerobohan tanah kerajaan adalah seperti berikut:
 - i. Kekurangan anggota penguatkuasa dan pegawai penyiasat yang kompeten dalam mengendalikan kes-kes pencerobohan tanah kerajaan.
 - ii. Kekurangan peruntukan kewangan bagi membina papan tanda amaran dan pagar.

Sehubungan itu, bagi mengatasi halangan-halangan tersebut, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) melalui mesyuarat MMKN Bilangan 34/2014 telah meluluskan pertambahan perjawatan bagi tujuan pemerkasaan di Bahagian Penguatkuasaan. Di samping itu, Perbendaharaan Negeri Selangor juga telah meluluskan peruntukan berjumlah RM300,00.00 bagi tujuan pemagaran dan papan tanda di atas semua tanah-tanah kerajaan.

d) Di antara halangan-halangan bagi tindakan segera dalam menguatkuasakan undang-undang ke atas kesalahan pencerobohan tanah kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Kekurangan anggota penguatkuasa dan pegawai penyiasat yang kompeten dalam mengendalikan kes-kes pencerobohan tanah kerajaan.
- ii. Kekurangan peruntukan kewangan bagi membina papan tanda amaran dan pagar.

Sehubungan itu, bagi mengatasi halangan-halangan tersebut, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) melalui mesyuarat MMKN Bilangan 34/2014 telah meluluskan pertambahan perjawatan bagi tujuan pemerkasaan di Bahagian Penguatkuasaan. Di samping itu, Perbendaharaan Negeri Selangor juga telah meluluskan peruntukan berjumlah RM300,00.00 bagi tujuan pemagaran dan papan tanda di atas semua tanah-tanah kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : GAZETKAN KAWASAN BERBASIKAL

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menggazetkan laluan ke Genting Sempah untuk laluan berbasikal pada hari Ahad sehingga jam 1 tengahari dan mohon kawasan sekitarnya untuk dipertingkatkan bagi laluan berbasikal.

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, pihak MPS tiada perancangan untuk menggazetkan laluan ke Genting Sempah. Walau bagaimanapun, MPS sedang dalam perancangan bagi penyediaan laluan berbasikal di dalam kawasan MPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : HIJRAH

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan membesarkan lapisan kelas menengah melalui program hijrah yg telah disebut dalam kenyataan Belanjawan 2015 Selangor, terutama wanita?
- b) Berapakah pendapatan minima bulanan peserta yang di sasarkan setelah terlibat dalam program Hijrah ini?
- c) Nyatakan bidang-bidang penglibatan dan program yang di lalui oleh golongan wanita ini?

JAWAPAN:

- a) Perkembangan terkini membesarkan lapisan kelas menengah terutamanya wanita (mengikut definisi yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor, golongan ini adalah mereka yang berpendapatan RM3000 hingga RM8000 sebulan) adalah seperti berikut:

Program Hijrah Selangor telah membuka ruang yang sangat luas kepada seluruh rakyat Selangor tanpa mengira bangsa, agama dan jantina. Oleh yang demikian, golongan wanita tidak terpinggir untuk mendapat manfaat-manfaat daripada program Hijrah Selangor. Antara manfaat-manfaat yang telah dirancang adalah seperti berikut :

- i) Simpanan/Tabungan dalam Pinjaman
- ii) Jaringan Perniagaan
- iii) Latihan / Khidmat Profesional
- iv) Modal Tambahan Susulan bernilai tinggi
- v) Khairat Kematian
- vi) Penubuhan Koperasi Hijrah Selangor (KHS) dan
- vii) Bazaar Hijrah Selangor

Sehingga Julai 2015, penyertaan golongan wanita adalah tinggi berbanding lelaki iaitu seramai 5,283 orang (73%) berbanding lelaki 1,920 (27%) daripada keseluruhan peserta Hijrah Selangor iaitu 7,203.

Jantina Peserta	Bilangan	Peratus
Lelaki	1,920	27
Perempuan	5,283	73
Jumlah	7,203	100%

- b) Pihak Hijrah Selangor menjangkakan pendapatan minima bulanan peserta setelah menyertai Hijrah Selangor adalah sebanyak RM3,000 sebulan.
- c) Buat masa kini, Hijrah Selangor sedang memfokuskan kepada pemberian pinjaman. Walau bagaimana pun, antara bidang-bidang penglibatan yang akan difokuskan adalah perniagaan makanan dan minuman, perniagaan peruncitan, perniagaan pakaian, perniagaan perkhidmatan kecantikan dan kesihatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap masalah kegagalan pemaju untuk menawarkan rumah kepada pemohon yang telah menerima surat tawaran LPHS?
- b) Nyatakan jumlah permohonan mengikut setiap projek rumah mampu milik di negeri Selangor.
- c) Senaraikan jumlah pemohon yang telah berjaya menerima tawaran LPHS mengikut kaum.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengeluarkan surat amaran kepada pemaju-pemaju yang gagal mematuhi syarat yang telah ditetapkan berhubung penawaran Rumah Selangorku dan sekiranya pemaju berkenaan masih tidak mematuhi syarat tersebut akan dikenakan denda sebanyak 10% daripada harga jualan rumah bagi setiap unit yang dijual tanpa kelulusan seperti mana kelulusan MMKN ke 35/2013.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, bagi permohonan Rumah Selangorku, melalui Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah (SPPRS) pemohon hanya dibenarkan membuat pilihan daerah dan mukim. Jumlah permohonan yang berdaftar di LPHS bagi permohonan Rumah Selangorku di daerah yang terdapat Rumah Selangorku adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Jumlah
1.	Petaling	3,942
2.	Klang	6,221
3.	Hulu Langat	2,848
4.	Gombak	2,006
5.	Sepang	1,657
6.	Kuala Langat	981

Jumlah Keseluruhan	17,655
---------------------------	---------------

- c) Dari tahun 2014 hingga 2015 jumlah pemohon yang berjaya ditawarkan Rumah Selangorku mengikut kaum adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Jumlah
1.	Melayu	4,455
2.	Cina	657
3.	India	557
Jumlah keseluruhan		5,669

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : KEBAJIKAN SELANGOR

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan senarai pemohon DUN Teratai yang berjaya diterima dan gagal ditolak untuk Skim Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam tempoh 2013 hingga masa kini.
- b) Sila kemukakan senarai lengkap ibu tunggal yang dapat bantuan JKM sejak tahun 2013 hingga masa kini.

JAWAPAN:

- a) Statistik pemohon DUN Teratai yang berjaya diterima dan gagal ditolak untuk Skim Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam tempoh 2013 hingga masa kini adalah seperti berikut:

Tahun	Permohonan	Berjaya	Gagal
Tahun 2013	76	69	7
Tahun 2014	131	118	13
Januari hingga Ogos 2015	44	43	1
JUMLAH	251	230	21

Alasan permohonan bantuan ditolak adalah seperti berikut:

- i) Bukan warganegara.
 - ii) Pendapatan isi rumah melebihi had kelayakan yang ditetapkan oleh Jabatan.
 - iii) Masih sihat dan berupaya untuk bekerja dan berdikari untuk menyara kehidupan sendiri.
 - iv) Mempunyai harta yang mengeluarkan hasil/sumber kewangan sampingan seperti rumah sewa, pencen, bantuan PERKESO, bantuan baitulmal dan zakat.
- b) Statistik ibu tunggal yang menerima bantuan JKM sejak tahun 2013 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah ibu tunggal yang menerima bantuan JKM
Tahun 2013	12,150
Tahun 2014	12,220
Januari hingga Ogos 2015	14,237

Statistik ibu tunggal yang menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan mengikut daerah bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

Bil	Daerah	Bantuan Kanak-Kanak	Bantuan Orang Tua	Bantuan Am	Jumlah
1.	Klang	1,119	955	412	2,486
2.	Gombak	395	514	279	1,188
3.	Petaling Jaya	514	606	345	1,465
4.	Hulu Langat	513	694	179	1,386
5.	Kuala Langat	363	697	522	1,582
6.	Hulu Selangor	858	1,021	429	2,308
7.	Sepang	286	173	371	830
8.	Kuala Selangor	117	143	111	371
9.	Sabak Bernam	390	674	222	1,286
10.	Subang Jaya	187	277	124	588
11.	Shah Alam	330	310	107	747
	Jumlah	5,072	6,064	3,101	14,237

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : PROGRAM JOM SHOPPING PESERTA SKIM MESRA USIA EMAS

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan telah menghentikan program Jom *Shopping* untuk Warga Emas?
- b) Bilakah kerajaan akan menyambung semula program ini?

JAWAPAN:

- a) Program Jom *Shopping* adalah merupakan salah satu program nilai tambah yang telah diwujudkan untuk Skim Mesra Usia Emas (SMUE). Program ini telah mendapat sambutan yang amat baik dan begitu dikenali oleh rakyat Selangor daripada setiap peringkat.

Kerajaan Negeri Selangor sememangnya berhasrat untuk menyambung semula program JOM *Shopping* bagi warga emas yang telah berdaftar sebagai ahli SMUE ini. Ia bukan sahaja dapat menceriakan warga emas yang turut serta dalam program tersebut, tetapi dapat juga wadah merapatkan hubungan sesama ahli SMUE. Malahan menjadi jambatan penyambung hubungan yang lebih akrab di antara Ahli-ahli Yang Berhormat dengan rakyat di kawasan mereka.

- b) Oleh kerana terdapat sedikit penambahbaikan dan pengubahsuaian ke atas program ini, ia tidak dapat dilaksanakan pada ketika ini. Kerajaan Negeri akan berusaha untuk melaksanakannya pada tahun hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

**TAJUK : AKTIVITI LETUPAN KUARI BERHAMPIRAN KAWASAN PERUMAHAN
FASA 3A DAN 3B BANDAR SAUJANA PUTRA JENJAROM**

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan undang-undang yang telah / sedang diambil terhadap pemilik kuari?
- b) Apakah tindakan susulan yang diambil oleh Pejabat Tanah Galian Selangor dan jabatan Geosains Mineral untuk menyiasat / membatalkan permit aktiviti leputan kuari di kawasan sini?
- c) Apakah laporan kajian yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri keretakan rumah di kawasan perumahan di sini berpunca daripada aktiviti letupan kuari?

JAWAPAN:

- a) Setelah menerima aduan mengenai aktiviti letupan kuari berhampiran kawasan perumahan fasa 3A dan 3B Bandar Saujana Putra, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat telah mengambil tindakan menggantung sementara Permit Pengeluaran Bahan Batuan (Borang 4C) bagi membolehkan siasatan diadakan bersama pihak Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Tiada sebarang tindakan undang-undang yang diambil memandangkan pemegang permit telah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh agensi-agensi teknikal, iaitu JMG, MDKL dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

- b) PTG Selangor dan pihak JMG telah mengambil tindakan dengan meningkatkan lagi pemantauan ke atas aktiviti-aktiviti letupan kuari dengan meletakkan pegawai pemantau semasa aktiviti letupan dijalankan. Di samping itu, pihak kuari juga telah diberi amaran supaya mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam permit kuari serta menggunakan prosedur letupan yang telah diluluskan.
- c) Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melantik perunding bagi melaksanakan Kajian *Environmental Impact Assessment (EIA)* mengenai aktiviti letupan di

Bandar Saujana Putra. Hasil kajian tersebut akan dibentangkan kepada PTG Selangor dan jabatan-jabatan teknikal untuk tindakan selanjutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KEPADA JKR DAN JPS PADA TAHUN 2015

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak peruntukan pembangunan JKR dan JPS pada tahun 2015 dan berapa banyak daripadanya telah dibelanjakan?
- b) Sila memberi butiran telah setiap satu perbelanjaan dan projek yang belum bermula, telah bermula, telah siap sepenuhnya dan belum bermula pada tahun ini.

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM320 juta kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) manakala sejumlah RM47 juta kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Daripada jumlah tersebut, pihak JKR telah membelanjakan/tanggung sejumlah RM164,370,887.89 (51.35%) manakala pihak JPS telah membelanjakan sejumlah RM13,084,064.20 (27.8%) sehingga 31 Julai 2015.
- b) Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi tahun pelaksanaan dari tahun 2011 sehingga 2015, Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan projek RMKe-10 bagi JKR adalah sebanyak 263 buah projek dan perincian mengikut status fizikal pelaksanaan projek sehingga 31 Julai 2015 adalah seperti Jadual 1 berikut:

**Jadual 1
Status Pelaksanaan Projek RMKe-10
JKR Sehingga 31 Julai 2015**

BIL PROJEK	TOKEN	BELUM MULA (BM)	DALAM PERANCANGAN (DP)	LEWAT JADUAL (LJ)	IKUT JADUAL (IJ)	DALAM JADUAL (DJ)	SIAP (SS)	GUGUR (G)
263		2	22	9	14	2	68	146

Berdasarkan Jadual 1 di atas, pecahan perbelanjaan JKR mengikut status projek pula adalah seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2
Pecahan Perbelanjaan JKR Sehingga 31 Julai 2015
Mengikut Status Pelaksanaan Projek

BIL	STATUS PROJEK	BIL PROJEK	PERUNTUKAN 2015 (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI BELANJA (%)
1	BELUM MULA (TOKEN/BM)	2	0.00	0.00	0.00
2	DALAM PERANCANGAN (DP)	22	85,877,380.00	14,869,442.75	17.31
3	DALAM PEMBINAAN (LJ/IJ/DJ)	25	205,391,438.11	126,131,773.24	61.41
4	SIAP (SS)	68	28,831,181.89	23,369,671.90	81.06
5	GUGUR (G)	146	-	-	-
JUMLAH		263	320,100,000.00	164,370,887.89	51.35

Manakala bagi JPS pula, sebanyak 242 buah projek telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam RMKe-10 (tahun pelaksanaan dari 2011 hingga 2015) dan perincian mengikut status fizikal pelaksanaan projek sehingga 31 Julai 2015 adalah seperti Jadual 3 berikut:

Jadual 3
Status Pelaksanaan Projek RMKe-10
JPS Sehingga 31 Julai 2015

BIL PROJEK	TOKEN	BELUM MULA	DALAM PERANCANGAN	LEWAT JADUAL	IKUT JADUAL	DALAM JADUAL	SIAP
246	6	-	-	-	111	-	129

Berdasarkan Jadual 3 di atas, pecahan perbelanjaan JPS mengikut status projek pula adalah seperti Jadual 4 berikut:

Jadual 4
Pecahan Perbelanjaan JPS Sehingga 31 Julai 2015
Mengikut Status Pelaksanaan Projek

BIL	STATUS PROJEK	BIL PROJEK	PERUNTUKAN 2015 (RM)	PERBELANJAAN/TANGGUNGAN (RM)	PRESTASI BELANJA (%)
1	BELUM MULA (TOKEN/BM)	6	60.00	-	00.00
LAMPIRAN B

SENARAI LAPORAN PERMOHONAN YANG TELAH DILULUSKANDAN DAN JUMLAH PERUNTUKAN YANG TELAH DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA AKAUN AMANAH

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Daerah Klang					
1	Klang	Majlis Perbandaran Klang	Projek Pembangunan Tanah Perkuburan Islam Kampung Delek	2009	800,000.00
2	Klang	Majlis Perbandaran Klang	Projek Membina Infrastruktur Dan Kemudahan Asas Tapak Tanah Perkuburan Islam Johan Setia Klang (Fasa 1)	2009	500,000.00
3	Klang	Pejabat Daerah Klang	Pembinaan jalan ke tanah perkuburan islam Batu 8, Jalan Bukit Kemuning, Klang	2013	278,000.00
4	Klang	Majlis Perbandaran Klang	Projek Membina Infrastruktur Dan Kemudahan Asas Tapak Tanah Perkuburan Islam Johan Setia Klang (Fasa 2)	2014	1,500,000.00
5	Klang	Pejabat Daerah Klang	Pembinaan Pagar Batu Di Tanah Perkuburan Kampung Rantau Panjang, Klang	2014	191,120.00
			Peruntukan Bagi Memotong Pokok, Belukar Dan Rumput, Meracun Pokok Untuk Tapak Perkuburan	2014	
6	Klang	Persatuan Hokkien Klang (Majlis Perbandaran Klang)	Lot 3875 GRN 17667 Batu 6 Meru) Mukim Kapar Daerah Klang	2014	39,500.00
7	Klang		PT4595 HSD3452 Mukim Kapar Daerah Klang (Batu 6 Meru)	2014	
8	Klang		Lot1534 Mukim Bukit Raja Daerah Petaling	2014	

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
9	Klang	Persatuan Hokkien Klang (Majlis Perbandaran Klang)	Lot 433 Dan Lot 1170 Seksyen 15 Bandar Shah Alam Daerah Petaling (Sungai Renggam)	2014	11,100.00
10	Klang		Lot 218 , PT 53797 Jalan Banting Mukim Klang (Simpang Lima, Klang)	2014	25,000.00
11	Klang		Lot 47 Dan Lot 50 Seksyen 23 Bandar Klang (Sebelah Sekolah Tinggi Klang Meru)	2014	12,000.00
12	Klang		Perbelanjaan Bagi Meracun Rumput	2014	19,576.00
13	Klang	Majlis Perbandaran Klang	Membina Incinerator Di Krematorium Majlis Perbandaran Klang Di Simpang Lima	2014	494,300.00
JUMLAH					3,870,596.00
Daerah Gombak					
1	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikan Di Kawasan Perkuburan Islam Bukit Lagong (Masjid Al-Mutaqqin) Mukim Batu	2014	48,840.00
2	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Kawasan Perkuburan Islam Bukit Lagong Taman Ehsan Kepong Mukim Batu	2014	116,210.00
3	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Dan Membina Longkang Di Tanah Perkuburan Islam Masjid Country Homes Mukim Rawang 1	2014	142,076.00

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
4	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Tanah Perkuburan Islam Batu 20, Kuang Mukim Rawang 2	2014	103,810.00
5	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Taraf Tanah Perkuburan Islam Bandar Tasik Puteri Mukim Rawang 2	2014	54,400.00
6	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Menaiktaraf Jalan Di Tanah Perkuburan Islam Taman Sri Gombak Mukim Setapak	2014	116,250.00
7	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Kerja-Kerja Menurap Jalan/Laluan Di Tanah Perkuburan Islam Taman Keramat AU1, Keramat Permai Mukim Hulu Kelang	2014	90,494.00
8	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Kerja-Kerja Menurap Jalan Serta Membekal Dan Memasang Longkang Konkrit Di Tanah Perkuburan Islam Kg Klang Gate	2014	21,615.00
9	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Membina Wakaf Dan Menaiktaraf Pagar Di Kawasan Tanah Perkuburan Islam Batu Arang	2014	100,000.00
10	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menaiktaraf Kawasan Tanah Perkuburan Islam Kampung Melayu Seri Kundang Mukim Rawang 2	2014	197,560.00
11	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menaiktaraf Tanah Perkuburan Islam Batu 17 Kuang Mukim Rawang 2	2014	101,300.00
12	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Membina Wakaf, Memasang Longkang Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Tanah Perkuburan Islam Kg Klang Gate Mukim Hulu Klang	2014	27,588.00

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
13	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menaiktaraf Kawasan Tanah Perkuburan Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Tanah Perkuburan Cina Sungai Buloh Mukim Batu	2014	200,000.00
14	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menurap Jalan Di Tanah Perkuburan Kwong Hock Rawang	2014	150,000.00
15	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menurap Jalan Di Tanah Perkuburan Cina Kampung Batu Arang	2014	90,000.00
16	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menaiktaraf Tanah Perkuburan Cina Kampung Baru Stesen Mukim Rawang 2	2014	89,300.00
17	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menaiktaraf tanah Perkuburan Cina Kampung Baru Kundang Mukim rawang 2	2014	197,692.00
18	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Cadangan Menaiktaraf Jalan Di Tanah Perkuburan Cina Taman Sri Gombak Mukim Setapak	2014	200,000.00
19	Gombak	Pejabat Daerah Gombak	Kerja-Kerja Menaiktaraf Infrastruktur Tanah Perkuburan Islam Kampung Kemensah Hulu Klang, Ampang	2014	663,662.00
JUMLAH					2,710,797.00
Daerah Kuala Langat					
1	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikan Di Kawasan Perkuburan Daerah Kuala Langat Tahun 2013	2013	200,000.00
2	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Membaikpulih Infrastruktur Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Batu 10 Kebun Baru	2014	50,200.00

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
3	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Membaikpulih Infrastruktur Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Sungai Rambai	2014	61,300.00
4	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Membaikpulih Infrastruktur Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Teluk Panglima Garang	2014	104,105.00
5	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Membaikpulih Infrastruktur Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Medan	2014	46,350.00
6	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Membaikpulih Infrastruktur Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Sijangkang	2014	45,780.00
7	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Membina Dan Menyiapkan Sebuah Bangunan Tandas Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Kelanang Zon B	2014	20,000.00
8	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Membina dan Menyiapkan Sebuah Bangunan Tandas Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Kanchong Tengah	2014	30,000.00
9	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menurap Crusher Run Dan Premix Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Sawah	2014	16,000.00
10	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Membina Dan Menyiapkan Sebuah Bangunan Tandas Di Tanah Perkuburan Islam Taman Firdaus Kg Sg Lang Baru	2014	20,000.00
11	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Membina Dan Menyiapkan Sebuah Bangunan Tandas Di Tanah Perkuburan Islam Kg Morib Dan Tali Air	2014	20,000.00
12	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Membina Dan Menyiapkan Sebuah Bangunan Tandas Di Tanah Perkuburan Islam Kg Seri Jugra	2014	30,000.00

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
13	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Menaiktaraf Jalan Dan Kemudahan Asas Di Tanah Perkuburan Hindu Mukim Bandar Dan Jugra	2014	46,200.00
14	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Membina Tandas, Stor Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Tanah Perkuburan Islam Kg Labohan Dagang	2014	19,950.00
15	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Membaiki Pagar, Pintu Pagar Dan Lain-Lain Berkaitan Di Tanah Perkuburan Islam Kg Seri Cheeding	2014	19,650.00
16	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Membina Wakaf, Tandas, Pembetung Dan Lain-Lain Berkaitan Di Tanah Perkuburan Islam Kg Jenjarom	2014	38,050.00
17	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Crusher Run Dan Premix Dan Kerja-Kerja Lain Bersangkutan Di Tanah Perkuburan Islam Kg Banting	2014	42,780.00
18	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Membina Tandas, Setor Dan Lain-Lain Berkaitan Di tanah Perkuburan Islam Kg Bukit Changgang	2014	19,950.00
19	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Membina Tandas, Pembentung Dan Lain-Lain Berkaitan Di Tanah Perkuburan Islam Kg Olak Lempit	2014	19,450.00
20	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Memasang Pagar Dan Kerja-Kerja Menurap Jalan Sekeliling Tanah Perkuburan Islam Kg Sg Lang Tengah	2014	42,129.65
21	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Memasang Pagar Dan Lain-Lain Bersangkutan Di Kawasan Tanah Perkuburan Islam Kg Endah	2014	20,380.00
22	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan (Premix) Di Jalan Kubur Dan Lain-Lain Kerja Di kampung Kundang	2014	19,937.50

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
23	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Masuk Di Kawasan Perkuburan Kampung Tumbuk Darat	2014	15,700.00
24	Kuala Langat	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-Kerja Memasang Pagar Dan Menaiktaraf Jalan Masuk Di Tanah Perkuburan Hindu Di Kg Batu Untung	2014	46,200.00
25	Kuala Langat	Majlis Daerah Kuala Langat	Cadangan Membersih, Membekal Dan Memasang Pagar Jejaring Serta Kerja Berkaitan Di Tapak Perkuburan Hindu Shg Kelambu Di Lot 4469 Mukim Tanjung Dua Belas	2015	89,871.20
JUMLAH					1,083,983.35
Daerah Hulu Selangor					
1	Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor	Retaining wall	2014	157,374.00
2	Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor	Membina Krematorium Tapak Perkuburan Kaum Hindu di Kuala Kubu Baru	2014	36,195.00
3	Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor	Membina Jalan Premix di Tapak Perkuburan Cina Kuala Kubu Baru	2014	9,258.00
4	Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor	Membina Jalan Premix Dan Pagar Di Kubur Cina Hokkien di Hulu Yam	2014	52,629.00
5	Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor	Membaiki Infrastruktur Di Tanah Perkuburan Guang Xi Di Hulu Yam	2014	75,882.00
6	Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor	Membina Pagar Dan Membaiki Semula Jalan Dan Longkang Di Tanah Perkuburan Cina Kalumpang	2014	112,238.00
7	Hulu Selangor	Pejabat Daerah Hulu Selangor	Membaiki Jalan Raya, Longkang Dan pagar Di tanah Perkuburan Cina Serendah	2014	60,419.00

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
JUMLAH					503,995.00
Daerah Sabak Bernam					
1	Sabak Bernam	Pejabat Daerah Sabak Bernam	Membaiki Jalan Masuk Ke Kubur Kampung Batu 23 Sungai Nibong Sekinchan	2014	37,000.00
JUMLAH					37,000.00
Daerah Petaling					
1	Petaling	Persatuan Perkuburan Orang Cina Batu 3 Shah Alam	Pembinaan Calibrium	2011	70,000.00
2	Petaling	Majlis Bandaraya Shah Alam	Projek Kerja-Kerja Penambahbaikan Tapak Kubur Islam Seksyen 21 Shah Alam	2012	400,000.00
3	Petaling	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Menaiktaraf Infrastruktur Lapan (8) Tanah Perkuburan Islam Sediada Di Kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2012	239,800.00
4	Petaling	Majlis Bandaraya Shah Alam	Pembinaan Bangunan Pengurusan Pejabat, Wakaf, Pembinaan Longkang, Kerja Jalan Dan Kerja Tanah bagi Menambak Dan Meratakan Tanah Di Perkuburan Islam (fasa 3) Seksyen 21 Shah Alam	2013	500,000.00
5	Petaling	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Cadangan Taman Perkuburan Islam Di Atas Plot A (7.40 Ekar) Dan Plot B (8.86 Ekar) Dan Tanah Kerajaan PJS 4 Petaling Jaya	2014	3,000,000.00
6	Petaling	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Menaiktaraf Infrastruktur Tanah Perkuburan Islam USJ 22 Subang Jaya	2014	1,050,000.00
7	Petaling	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Menaiktaraf Infrastruktur Tanah Perkuburan Islam Kampung Baru Batu 14 Puchong	2014	100,000.00

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
8	Petaling	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Pusat Pembakaran Mayat Di Krematorium Puchong Batu 14	2014	250,000.00
9	Petaling	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Tanah Perkuburan Hindu Batu 3 Subang Hi-Tech Subang Jaya	2014	100,000.00
10	Petaling	Pejabat Daerah Petaling	Membina Jalan Dan Dataran Letak Kenderaan Di Perkuburan Islam Kampung Kubu Gajah	2014	40,370.00
JUMLAH					5,750,170.00
HULU LANGAT					
1	Hulu Langat	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Kerja-kerja Awal Pembangunan Infrastruktur Dan Landskap Di Tanah Perkuburan Islam Bukit Sungai Seputeh (Bukit Permai) Ampang	2011	1,000,000.00
2	Hulu Langat	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Projek Menaiktaraf Infrastruktur Lapan (8) Tanah Perkuburan Islam Sediada Di Kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2012	400,000.00
3	Hulu Langat	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Menaiktaraf Infrastruktur Tanah Perkuburan Islam Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2012	239,800.00
4	Hulu Langat	Jabatan Agama Islam Selangor	Peruntukan Bagi Pembesaran Kawasan Perkuburan Kariah Kampung Pasir Baru Semenyih Daerah Hulu Langat (Kos Pengambilan Tanah)	2011	400,000.00
5	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Pembaikan Dan Penyelenggaraan Tanah-tanah Perkuburan Kampung-Kampung Tradisi Daerah Hulu Langat	2014	950,000.00
6	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Menyelenggara Kawasan Tanah Perkuburan Islam Di Kampung Sungai Kantan	2014	44,550.00

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
7	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-Kerja Memasang Lampu Limpah Di Kawasan Tanah Perkuburan Islam Di Kampung Sungai Kantan	2014	47,654.00
8	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Kampung Teras Jernang, Mukim Kajang	2014	144,085.00
9	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pemasangan Tiang Lampu Limpah dan Lampu Jalan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Teras Jernang, Mukim Kajang	2014	126,643.30
10	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Penyelenggaraan Kawasan Tanah Perkuburan Kampung Baru Sungai Chua, Mukim Kajang	2014	71,500.00
11	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Islam Kampung Cheras Baru, Ampang	2014	193,094.00
12	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pemasangan Tiang Lampu Limpah dan Lampu Jalan Tanah Perkuburan Islam Kampung Cheras Baru, Ampang	2014	70,197.20
13	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Islam Kampung Dato' Mufti, Ampang	2014	19,540.00
14	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Membina Pagar dan Jalan di Tanah Perkuburan Islam Bandar Bukit Mahkota, Mukim Kajang	2014	69,315.00
15	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Cina Kg. Baru Bt. 11 Mukim Cheras	2014	80,280.00

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
16	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Cina Kg. Kenangan Bt.18 Mukim Hulu Langat	2014	123,360.00
17	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Cina Kg. Baru Bt. 14 Mukim Hulu Langat	2014	20,000.00
18	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Cina (Hokkien) Sungai Jelok Mukim Kajang	2014	182,490.00
19	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Tanah Perkuburan Cina Kg. Baru Bangi Mukim Kajang	2014	118,605.00
20	Hulu Langat	Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat	Kerja-kerja Menurap Jalan dan Membina Longkang Tanah Perkuburan Cina Kg. Sg. Kantan, Mukim Kajang	2014	78,100.00
JUMLAH					4,379,213.50
KUALA SELANGOR					
1	Kuala Selangor	Jabatan Agama Islam Selangor	Kerja-Kerja Memagar Tanah Perkuburan Islam Kg Permatang	2013	19,912.00
2	Kuala Selangor	Jabatan Agama Islam Selangor	Membina Jalan Masuk Di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kuching	2013	19,880.00
3	Kuala Selangor	Pejabat Daerah Kuala Selangor	Kerja-kerja Memagar Kawasan Perkuburan Islam Kg Asahan Mukim Pasangan	2014	29,692.00
4	Kuala Selangor	Pejabat Daerah Kuala Selangor	Menaiktaraf Kawasan Tanah Perkuburan Kg Teluk Piah Daerah Kuala Selangor	2014	32,197.00

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
5	Kuala Selangor	Pejabat Daerah Kuala Selangor	Kerja-kerja Memagar Kawasan Perkuburan Islam Kg Blok AGH Mukim Tanjung Karang 2 Daerah Kuala Selangor	2014	51,030.00
6	Kuala Selangor	Pejabat Daerah Kuala Selangor	Membaikpulih Lorong Perkuburan Kg Permatang	2015	30,030.00
7	Kuala Selangor	Pejabat Daerah Kuala Selangor	Melebarkan Jalan Perkuburan Kg Jaya Setia	2015	48,500.00
8	Kuala Selangor	Pejabat Daerah Kuala Selangor	Menaiktaraf Jalan Masuk Dan Pagar Kawasan Kubur India dan Kristian Kg Kuantan	2015	65,031.48
9	Kuala Selangor	Pejabat Daerah Kuala Selangor	Membaikpulih Infrastruktur Di Tanah Perkuburan Islam Kg Melaka	2015	50,868.55
JUMLAH					347,141.03
SEPANG					
1	Selangor	Pejabat Daerah / Tanah Sepang	Kerja-kerja Membina Setor Di Tanah Perkuburan Islam Kg Hulu Teris	2015	19,300.00
2	Selangor	Pejabat Daerah / Tanah Sepang	Kerja-kerja Membina Tembok Pagar, Tanda Nama Dan Membaiki Wakaf Di Tanah Perkuburan Islam Kg Hulu Teris	2015	16,500.00
3	Selangor	Pejabat Daerah / Tanah Sepang	Kerja-kerja Mengganti Pagar <i>chain link</i> Di Tanah Perkuburan Islam Kg Bukit Bangkong	2015	26,956.00
4	Selangor	Pejabat Daerah / Tanah Sepang	Kerja-kerja Membina Pondok Wakaf Di Tanah Perkuburan Islam Pekan Sepang	2015	20,000.00
5	Selangor	Pejabat Daerah / Tanah Sepang	Kerja-kerja Membina Jalan Di Tanah Perkuburan Islam Pekan Sepang	2015	28,720.00
6	Selangor	Pejabat Daerah / Tanah Sepang	Kerja-kerja Membina Jalan Dan Pagar Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Baru Lanjut	2015	48,122.00

BIL	DAERAH	PENERIMA	PERKARA	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
7	Selangor	Pejabat Daerah / Tanah Selangor	Kerja-kerja Membina Jalan Dan Pagar Di Tanah Perkuburan Islam Giching	2015	81,622.00
JUMLAH					241,220.00
JUMLAH KESELURUHAN					18,924,115.88

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PROSEDUR KERAJAAN NEGERI MEMBERI KEBENARAN KEPADA MBI

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur Kerajaan Negeri memberi peruntukan kepada MBI?
- b) Adakah MBI mengemukakan Penyata Kewangan Tahunan kepada Kerajaan Negeri?
- c) Perlukah kebenaran Kerajaan Negeri diperolehi jika MBI hendak membelanja atau memberi sumbangan di luar negeri?

JAWAPAN:

- a) MBI tidak menerima sebarang peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk operasi tetapi MBI menguruskan peruntukan dana yang diberikan kepada anak-anak syarikat MBI.

Sebarang peruntukan dana anak-anak syarikat MBI hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan belanjawan tahunan Kerajaan Negeri melalui permohonan atau keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).
- b) Ya, MBI mengemukakan Penyata Kewangan Tahunan kepada Kerajaan Negeri untuk rujukan.
- c) MBI tidak mendapatkan kelulusan dari Kerajaan Negeri jika hendak membelanja atau memberi sumbangan di luar negeri memandangkan tiada peruntukan bagi perbelanjaan operasi yang diterima daripada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : SKIM PERUMAHAN SELANGORKU DI MERU

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah cadangan untuk dilaksanakan di kawasan pinggir dan luar bandar?
- b) Bagaimanakah skim ini dapat juga di manfaat kepada belia yang tinggal di kampung?
- c) Berapa peratuskah pemohon skim ini mengikut pecahan umur pemohon?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Pekeliling Dasar Rumah Selangorku yang berkuatkuasa pemakaiannya bermula pada 1 Januari 2014, syarat penyediaan Rumah Selangorku yang dikenakan kepada para pemaju tertakluk kepada saiz pembangunan dan peratusan penyediaannya bergantung kepada perletakan sesuatu kawasan yang dikategorikan mengikut ZON pembangunan. Terdapat 3 ZON pembangunan iaitu ZON 1 yang terletak di dalam kawasan Lembah Klang, ZON 2 terletak di dalam sebahagian kawasan Lembah Klang, berpotensi untuk pembangunan dan juga di kawasan 'sub-urban' manakala ZON 3 terletak di kawasan luar bandar.

Di kawasan pinggir bandar dikenali sebagai kawasan pembangunan di Zon 2 yang mana terdapatnya **10 projek** Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri yang melibatkan **3,410 unit** rumah. Perincian projek tersebut adalah seperti di Jadual 1 Lampiran 1.

Untuk pembangunan di Zon 3 iaitu kawasan luar bandar, terdapa **6 projek** yang melibatkan **913 unit** yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri. Perincian projek tersebut adalah seperti di Jadual 2 Lampiran 1.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan Rumah Selangorku diberi tumpuan di kawasan bandar bagi memudahkan rakyat Selangor memiliki rumah sendiri di kawasan yang lebih strategik dan berdekatan dengan tempat kerja. Walau bagaimanapun, terdapat juga cadangan pembinaan Rumah Selangorku di kawasan pinggir dan luar bandar bagi memenuhi permintaan belia yang

tinggal di kampung. Ini memberi peluang belia untuk memiliki rumah sendiri di kampung halaman.

- c) Dari tahun 2008 sehingga Ogos 2015, seramai 2,695 orang pemohon telah berdaftar untuk memohon Rumah Selangorku di daerah Klang mukim Kapar dan jumlah tersebut 70% merupakan golongan belia yang berumur di bawah 40 tahun.

LAMPIRAN 1

Jadual 1 : Perincian Projek Pembangunan Rumah Selangorku di Zon 2

Bil.	Daerah	Pemaju	Lokasi	Jenis Pembangunan	Keluasan (kp)	Bil. Unit	Harga Jualan (RM)
1.	Kuala Selangor	Seristana Sdn Bhd	Seri Pristana, Mukim Ijok	Pangsapuri Rumah Selangorku	900 – 1,000	405	180,000 – 220,000
2.		Hillpark Resources Sdn. Bhd.	Bandar Puncak Alam, Mukim Ijok	Pangsapuri Rumah Selangorku	900 – 1,000	1,034	180,000 – 220,000
3.		Kumpulan Hartanah Selangor Sdn. Bhd.	Bandar Kuala Selangor,	Pangsapuri Rumah Selangorku	1,000	91	220,000
4.		Goldpage Assets Sdn. Bhd.	Pekan Pasir Penambang, Mukim Kuala Selangor	Pangsapuri Rumah Selangorku	900 – 1,000	272	180,000 – 220,000
5.		Soon Sin Hin Development Sdn. Bhd.	Mukim Hujung Permatang,	Rumah Teres Selangorku	900	34	180,000
6.		Perfect Eagle Development Sdn. Bhd.	Mukim Ijok	Pangsapuri Rumah Selangorku	750 – 900	180	42,000 – 180,000
7.		Serambi Padu Sdn. Bhd.	Mukim Hujung Permatang	Pangsapuri Rumah Selangorku	700 – 900	499	42,000 – 180,000
8.		Magic Season Sdn. Bhd.	Saujana Aman, Mukim Ijok	Rumah Teres Selangorku	800	315	150,000
9.		1 st Mals Development (M) Sdn. Bhd.	Mukim Hujung Permatang	Pangsapuri Rumah Selangorku	700 – 1,000	140	42,000 – 220,000
10.		Kuala	TS	Mukim	Pangsapuri	750 – 900	440

	Langat	Development Sdn. Bhd.	Bandar	Rumah Selangorku			– 180,000
Jumlah Besar						3410	

Jadual 2 : Perincian Projek Pembangunan Rumah Selangorku di Zon 3

Bil.	Daerah	Pemaju	Lokasi	Jenis Pembangunan	Keluasan (kp)	Bil. Unit	Harga Jualan (RM)
1.	Sabak Bernam	PNSB	Ladang Air Manis, Mukim Panchang Bedena	Pangsapuri Rumah Selangorku	700 – 800	260	42,000 – 150,000
2.		Lian Soon Thiam Sdn. Bhd.	Taman Emas, Mukim Panchang Bedena	Rumah Teres Selangorku	750 – 1,000	95	100,000 – 250,000
Jumlah Kecil						355	
3.	Hulu Selangor	PKNS	Antara Gapi, Mukim Serendah	Rumah Teres Selangorku	900	219	180,000
4.			Bandar Batang Kali	Rumah Teres Selangorku	900	150	180,000
5.		Ho Sin & Son Enterprise	Mukim Batang Kali	Pangsapuri Rumah Selangorku	750 – 1,000	178	100,000 – 220,000
6.		Dato' Liew Choo	Bandar Kuala Kubu Bharu	Rumah Teres Selangorku	900	11	180,000
Jumlah Kecil						558	
Jumlah Besar						913	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : PROGRAM *BLUE PRINT* MEMBASMI KEMISKINAN

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakkah kelulusan yang telah diberikan di Dun Paya Jaras sejak 2008?
- b) Adakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk perniagaan IT?

JAWAPAN:

- a) Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan taraf ekonomi bagi golongan masyarakat individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan bagi membantu menjana serta meningkatkan pendapatan keluarga. Antara lima (5) skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan.

Sehingga Julai 2015, jumlah penerima bantuan bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan adalah seramai 2,389 orang. Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai statistik penerima bantuan mengikut DUN. Namun begitu, statistik jumlah penerima bantuan mengikut daerah dan kaum bagi tahun 2008 hingga tahun 2015 adalah seperti di **JADUAL 5**.

- b) Secara dasarnya, terdapat lima (5) skop utama perusahaan yang akan dipertimbangkan untuk kelulusan Jawatankuasa Pemilihan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan. Antaranya adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan. Walau bagaimanapun, peralatan yang diluluskan juga adalah tertakluk kepada kesesuaian perusahaan dan kos peralatan.

Kos peruntukan bagi setiap permohonan yang diluluskan adalah tidak melebihi RM5,000.00. Walau bagaimanapun, perusahaan IT lazimnya melibatkan kos peralatan yang tinggi di mana ianya melebihi peruntukan asal yang ditetapkan.

Justeru itu, ini menyebabkan kebanyakan permohonan yang melibatkan perusahaan IT tidak dapat dipertimbangkan/ diluluskan. Namun begitu, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan amat prihatin dan sentiasa komited dalam usaha membasmi kemiskinan hingga ke akar umbi dengan memberi manfaat kepada semua rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Justeru itu, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan bersedia meneliti semula sebarang permohonan yang melibatkan perusahaan IT serta kelulusan juga adalah tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dan kos peralatan.

JADUAL 4:

**RINGKASAN STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN
DI NEGERI SELANGOR MENGIKUT KAUM
BAGI TAHUN 2008 HINGGA TAHUN 2015**

BIL.	TAHUN	BILANGAN PENERIMA MENGIKUT KAUM						JUMLAH KESELURUHAN
		MELAYU		CINA		INDIA		
		JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	
1.	2008	100	100%	-	-	-	-	100
2.	2009	322	96.41%	2	0.60%	10	2.99%	334
3.	2010	209	85.31%	4	1.63%	32	13.06%	245
4.	2011	295	83.57%	12	3.40%	46	13.03%	353
5.	2012	227	90.08%	4	1.59%	21	8.33%	252
6.	2013	155	83.33%	-	-	31	16.67%	186
7.	2014	432	82.6%	39	7.46%	52	9.94%	523
8.	2015	354	89.39%	28	7.07%	14	3.53%	396
JUMLAH		2,094	87.65%	89	3.73%	206	8.62%	2,389

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

JADUAL 5:**STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN
NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH DAN KAUM
BAGI TAHUN 2008 HINGGA TAHUN 2015**

BIL.	DAERAH	TAHUN 2008				TAHUN 2009				TAHUN 2010			
		MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH	MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH	MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH
1.	Petaling	2	-	-	2	2	-	-	2	40	3	1	44
2.	Klang	2	-	-	2	-	3	-	3	33	8	-	41
3.	Gombak	12	-	-	12	21	2	-	23	-	-	-	-
4.	Hulu Langat	2	-	-	2	-	-	-	-	40	3	-	43
5.	Kuala Langat	11	-	-	11	57	1	-	58	45	1	3	49
6.	Sepang	4	-	-	4	2	-	-	2	25	3	-	28
7.	Hulu Selangor	51	-	-	51	23	-	-	23	26	4	-	30
8.	Kuala Selangor	16	-	-	16	9	4	-	13	-	10	-	10
9.	Sabak Bernam	-	-	-	-	208	-	2	210	-	-	-	-
JUMLAH		100	-	-	100	322	10	2	334	209	32	4	245
PERATUS (%)		100%	-	-	100%	96.41%	2.99%	0.60%	100%	85.31%	13.06%	1.63%	100%

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

JADUAL 5:**STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN
NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH DAN KAUM
BAGI TAHUN 2008 HINGGA TAHUN 2015**

BIL.	DAERAH	TAHUN 2011				TAHUN 2012				TAHUN 2013			
		MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH	MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH	MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH
1.	Petaling	-	-	-	-	47	1	-	48	-	-	-	-
2.	Klang	33	25	-	58	-	-	-	-	121	29	-	150
3.	Gombak	36	2	-	38	-	-	-	-	34	2	-	36
4.	Hulu Langat	-	-	-	-	18	3	-	21	-	-	-	-
5.	Kuala Langat	81	3	5	89	-	-	-	-	-	-	-	-
6.	Sepang	-	-	-	-	19	6	2	27	-	-	-	-
7.	Hulu Selangor	38	7	2	47	41	4	1	46	-	-	-	-
8.	Kuala Selangor	34	9	4	47	52	7	1	60	-	-	-	-
9.	Sabak Bernam	73	-	1	74	50	-	-	50	-	-	-	-
JUMLAH		295	46	12	353	227	21	4	252	155	31	-	186
PERATUS (%)		83.57%	13.03%	3.40%	100%	90.08%	8.33%	1.59%	100%	83.33%	16.67%	-	100%

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

JADUAL 5:

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN
NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH DAN KAUM
BAGI TAHUN 2008 HINGGA TAHUN 2015**

BIL.	DAERAH	TAHUN 2014				TAHUN 2015				TAHUN 2008 - 2015
		MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH	MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH	JUMLAH KESELURUHAN
1.	Petaling	34	-	-	34	13	-	-	13	143
2.	Klang	33	9	1	43	63	-	10	73	370
3.	Gombak	36	1	-	37	34	3	1	38	184
4.	Hulu Langat	30	2	-	32	4	-	-	4	102
5.	Kuala Langat	112	29	32	173	102	7	16	125	505
6.	Sepang	36	6	3	45	25	1	-	26	132
7.	Hulu Selangor	40	2	1	43	53	2	-	55	295
8.	Kuala Selangor	65	2	1	68	29	1	1	31	245
9.	Sabak Bernam	46	1	1	48	31	-	-	31	413
JUMLAH		432	52	39	523	354	14	28	396	2,389
PERATUS (%)		82.6%	9.94%	7.46%	100%	89.39%	3.54%	7.07%	100%	-

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : STATUS TANAH KUIL SRI SITHI VINAYAGAR ALAYAM BANTING KUALA LANGAT

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri berkenan rayuan yang dibuat oleh pihak kuil melalui Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat melalui Surat rayuannya bertarikh 25 Feb 2015 di bawah rujukan Jabatan 34dlm PTKlgt 40 SB 01 /012009.
- b) Memandangkan tapak ini hanya digunakan sebagai tempat rumah ibadat, bukan komersial, bolehkan bayaran premium tapak kuil dikecualikan?
- c) Adakah Kerajaan Negeri dapat menukarkan pemilikannya daripada pajakan negeri 99 tahun kepada hak milik kekal?

JAWAPAN:

- a) Keputusan MMKN ke 24/2014 bertarikh 25.6.2014 telah meluluskan secara pemberimilikan tanah di bawah Sek. 76 KTN 1965 ke atas tapak kuil Sri Sithi Vinayagar Alayam, Jalan Teluk Bunut Banting dengan keluasan lebih kurang 4219 meter persegi.
- b) Merujuk kepada keputusan MMKN ke 24/2014, tanah ini telah diluluskan secara pemberimilikan di bawah Seksyen 76 KTN 1965 maka bayaran premium perlu dijelaskan tanpa pengecualian selaras dengan Pekeliling PTG.Bil.8/2011.
- c) Kelulusan MMKN bertarikh 25.6.2014 juga telah menetapkan agar tapak kuil ini diluluskan secara pemberimilikan dengan jenis hakmilik Pejabat Pendaftar dan tempoh pajakan selama 99 tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : BUNTING DAN POSTER HARAM

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak bunting dan poster haram yang telah diturunkan oleh setiap PBT di Selangor pada tahun 2015?
- b) Berapa banyak nombor telefon bimbit yang telah diserahkan kepada SKMM untuk pemotongan perkhidmatan?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah bilangan bunting dan poster haram yang telah diturunkan oleh setiap PBT di Selangor pada tahun 2015 :

PBT	BILANGAN BUNTING DAN POSTER HARAM YANG DITURUNKAN
MBSA	177,252
MBPJ	349,031
MPK	35,416
MPAJ	10,353
MPSJ	4,180
MPS	16,470
MPKj	38,125
MPSp	1,365
MDKL	18,942
MDHS	3257
MDKS	11,440
MDSB	2,769
JUMLAH	668,600

- b) Berikut adalah senarai bilangan nombor telefon bimbit yang telah diserahkan kepada SKMM untuk pemotongan perkhidmatan :

PBT	BILANGAN NOMBOR TELEFON
MBSA	83
MBPJ	4,319
MPK	64
MPAJ	480
MPSJ	58
MPS	0
MPKj	30
MPSp	0
MDKL	35
MDHS	45
MDKS	0
MDSB	0
JUMLAH	5114

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN 5 SEGMENT KAPAR-SABAK BERNAM

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan statistik aliran trafik Jalan tersebut dari tahun 2013-2015?
- b) Sila kemukakan butiran jumlah kemalangan yang dicatat dari tahun 2012-2015?
- c) Sila nyatakan bilakah kerja-kerja menaiktaraf jalan tersebut akan dimulakan?

JAWAPAN:

- a) Statistik Aliran Trafik Jalan tersebut dari tahun 2013-2015

TAHUN	JUMLAH KESELURUHAN LALU LINTAS KEBANGSAAN BAGI LALUAN KLANG-SABAK BERNAM (FT005)
2012	179,435/jam
2013	178,888/jam
2014	Data sedang dalam proses analisis dan akan dikeluarkan pada akhir tahun 2015
2015	Bancian akan dilakukan dalam bulan September 2015

- b) JKR tidak menyimpan rekod jumlah kemalangan dan maklumat adalah di bawah bidang kuasa PDRM.
- c) Kerja-kerja menaiktaraf Jalan Persekutuan FT004 daripada Kapar ke Tanjung Karang tiada kelulusan.

Kerja-kerja menaiktaraf Jalan Persekutuan FT005 daripada Tanjung Karang ke Sungai Besar akan di tender akhir tahun 2015.

Kerja-kerja menaiktaraf Jalan Persekutuan FT005 daripada Sungai Besar ke sempadan Perak dalam pembinaan semula pada 27 Julai 2015 dan dijangka siap pada 26 Julai 2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : TABIAT MEROKOK RAKYAT SELANGOR

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kategori dan tahap kronik tabiat merokok di kalangan rakyat Selangor?
- b) Apakah kesan-kesan buruk tabiat merokok terhadap sosio-ekonomi dan kesihatan rakyat Selangor?
- c) Apakah rancangan Kerajaan untuk mewujudkan bangunan bebas rokok di premis-premis awam di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Mengikut kajian “Global Adult Tobacco Survey” pada tahun 2011, menunjukkan bahawa prevalen perokok di Malaysia adalah sebanyak **23.1%**. Dalam kalangan lelaki prevalen perokok adalah sebanyak 43.9% manakala untuk wanita adalah seramai 1%. (Analisa tidak dapat dibuat mengikut negeri kerana kaedah persampelan mengikut kaedah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).
- b) Dari sudut kesihatan, merokok menyebabkan pelbagai penyakit terutamanya penyakit paru-paru kronik (lebih dari 90% dari pesakit paru-paru kronik adalah perokok), kanser paru-paru (dan pelbagai kanser lain seperti kanser mulut, tekak, perut, usus, uterus), penyakit jantung (kardiovaskular) dan mati pucuk.

Dari sudut sosioekonomi, merokok adalah pintu kepada pelbagai masalah ketagihan seperti ketagihan alcohol, morfin, ganja, amphetamine dan dadah-dadah merbahaya yang lain. Apabila seseorang telah mengalami ketagihan, kebergantungan kepada bahan ini akan menyebabkan masalah sosial seperti masalah kewangan, keruntuhan akhlak, dan boleh mengakibatkan penceraian, pergaduhan dan pembunuhan. Hampir 100% penagih dadah bermula dengan merokok.

- c) Terdapat 21 premis yang tertakluk sebagai kawasan larangan merokok (Dalam Akta Makanan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004). Tambahan daripada itu, Mulai Disember 2014, Menteri Kesihatan telah mengisytiharkan semua kawasan Rawat & Rehat (R&R) dan hentian sebelah (*lay*

by) adalah kawasan larangan merokok. Senarai tempat-tempat dilarang merokok adalah seperti berikut adalah seperti di **Lampiran A**.

21 SENARAI TEMPAT-TEMPAT DI LARANG MEROKOK

- i. Di dalam pusat hiburan atau teater, kecuali pub, disko, kelab malam atau kasino, pada bila-bila masa apabila tempat itu dibuka kepada orang awam;
- ii. Di mana-mana kawasan hospital atau klinik;
- iii. Di dalam lif atau tandas awam;
- iv. Di dalam tempat makan atau kedai berhawa dingin;
- v. Di dalam kenderaan awam atau hentian pengangkutan awam;
- vi. Di dalam mana-mana bangunan yang dinyatakan oleh menteri melalui pemberitahuan dalam warta di bawah peraturan 22;
- vii. Di dalam mana-mana lapangan terbang;
- viii. Di dalam mana-mana premis Kerajaan;
- ix. Di mana-mana kawasan yang digunakan bagi apa-apa aktiviti perhimpunan di dalam sesuatu bangunan selain bangunan kediaman atau persendirian;
- x. Di mana-mana kawasan di dalam suatu institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi;
- xi. Di mana-mana kawasan di dalam suatu taman asuhan kanak-kanak;
- xii. Di dalam mana-mana bas sekolah;
- xiii. Di mana-mana tingkat yang mempunyai kaunter perkhidmatan di dalam bangunan bank atau institusi kewangan, Telekom Malaysia Bhd., Tenaga Nasional Bhd. dan Pos Malaysia Bhd.;
- xiv. Di dalam mana-mana kawasan di dalam kompleks membeli-belah;
- xv. Di mana-mana kawasan di dalam suatu stesen minyak;
- xvi. Di mana-mana kawasan di dalam suatu stadium, kompleks sukan, pusat kecergasan atau gimnasium;
- xvii. Di dalam mana-mana bangunan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan keagamaan;
- xviii. Di mana-mana kawasan di dalam suatu perpustakaan;
- xix. Di mana-mana kawasan di dalam kafe internet;
- xx. Di mana-mana kawasan di dalam suatu tempat latihan khidmat negara; dan
- xxi. Di dalam mana-mana tempat kerja berhawa dingin dengan suatu sistem hawa dingin berpusat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : BANTUAN BARU SECARA HOLISTIK

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandang masalah bebanan meningkat kepada keluarga miskin terutama bagi kaum bukan Melayu selepas dasar GST, apakah inisiatif kerajaan membantu mereka?
- b) Bagaimanakah ADUN boleh manfaat daripada inisiatif tersebut?

JAWAPAN:

- a) Secara dasarnya, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) merupakan cukai kepenggunaan berasaskan konsep nilai tambah. GST dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan di setiap peringkat pengeluaran dan pengedaran dalam rantaian pembekalan termasuk pengimportan barang dan perkhidmatan. Oleh yang demikian, pelaksanaan GST ini didapati memberi kesan/ impak terhadap kehidupan seharian bagi semua lapisan masyarakat secara amnya dan golongan berpendapatan rendah khususnya tanpa mengira kaum. Akibatnya, kuasa membeli rakyat semakin berkurang disebabkan rakyat sendiri yang perlu menanggung beban kos sara hidup susulan yang semakin meningkat susulan kenaikan harga barang secara mendadak kesan daripada pelaksanaan GST.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah melaksanakan pelbagai program pembasmian kemiskinan memfokuskan kepada program-program ke arah mentransformasikan masyarakat miskin tegar dan miskin kepada masyarakat yang berupaya menjana pendapatan yang mencukupi bagi menanggung kos hidup serta seterusnya berupaya membebaskan diri daripada belunggu kemiskinan. Tiga (3) program teras pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan adalah seperti berikut:-

- i. Teras 1: Program yang berupaya menjana dan meningkatkan pendapatan:-
 - Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan
- ii. Teras 2: Program yang menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan/ latihan:-

- Program Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS
- iii. Teras 3: Program yang berupaya membantu meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos taraf hidup:-
- Program Pemberian Bantuan Bersempena Perayaan; dan
 - Program Pemberian Bantuan Persekolahan Bersempena *Back to School*.

Selain itu, di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin pula, Kerajaan Negeri turut membantu rakyat Selangor yang kurang berkemampuan memiliki rumah yang selesa sebagai tempat berteduh melalui Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan beberapa Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di bawah Jawatankuasa - jawatankuasa Tetap yang lain untuk membantu meringankan bebanan rakyat seperti Program Air Bersih Percuma sebanyak 20 meter padu sebulan, Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Hadiah Anak Masuk Universiti, Insentif Perkahwinan Belia dan pelbagai lagi. Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Dar Al-Qadr Al Hasan Selangor telah memperkenalkan Program HIJRAH Selangor, di mana ianya merupakan program mikrokredit yang dijangka berupaya meningkatkan pendapatan rakyat Negeri Selangor serta melebarkan golongan kelas menengah.

Melalui pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri ini, ianya diharap akan menghasilkan impak positif dan berkesan secara berterusan kepada golongan sasaran serta akhirnya berupaya mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Selangor melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

- b) Pihak ADUN berperanan sebagai agen kepada Kerajaan Negeri dalam membuat hebahan dan makluman kepada rakyat berhubung pelaksanaan program-program bantuan yang disediakan. Ini bagi membolehkan golongan sasaran dapat menikmati setiap manfaat yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri. Sehubungan dengan itu, ianya secara tidak langsung dapat mengurangkan bebanan rakyat terhadap pelaksanaan GST tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : RUMAH REHAT BANGLO SULTAN SULAIMAN BUKIT FRASER

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan penambahbaikan Rumah Rehat Banglo Sultan Sulaiman Bukit Fraser dan kawasan sekitarnya yang dilakukan pada tahun ini dengan butir-butir seperti kos, tarikh jangka siap dan sebagainya.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menaikkan kadar sewaan Rumah Rehat Banglo Sultan Sulaiman Bukit Fraser memandangkan kos penyelenggaraan yang tinggi?
- c) Adakah Kerajaan juga bercadang membuka bangunan di sebelah Rumah Rehat Banglo Sultan Sulaiman Bukit Fraser untuk sewaan orang awam selepas penambahbaikan? Jika ya, nyatakan kadar sewaan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor mempunyai dua (2) buah banglo yang terletak bersebelahan antara satu sama lain di Bukit Fraser. Banglo yang dimaksudkan adalah Banglo Sultan Sulaiman dan Banglo Sri Selangor. Pada tahun 2015, Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah mendapat peruntukan sebanyak RM1.8 juta untuk menaik taraf banglo-banglo tersebut. Pihak JKR Selangor buat masa ini telah menyediakan butiran penaiktarafan untuk Banglo Sultan Sulaiman yang melibatkan kos sebanyak RM498,638.38 (RINGGIT MALAYSIA: EMPAT RATUS SEMBILAN PULUH LAPAN RIBU ENAM RATUS TIGA PULUH LAPAN DAN SEN TIGA PULUH LAPAN). Perincian tentang kerja-kerja penaiktarafan tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	SKOP KERJA	KOS (RM)
1.0	Kerja Permulaan	1,500.00
2.0	Kerja Membaikpulihan Bangunan	140,632.40
3.0	Kerja-kerja Luaran	146,505.98
4.0	Kerja-kerja Di Bawah Wang Peruntukan Sementara	210,000.00
JUMLAH ANGGARAN KOS		498,638.38

Kerja-kerja naik taraf Banglo Sultan Sulaiman akan bermula pada Ogos 2015 dan dijangka siap pada Oktober 2015. Buat masa ini, pihak JKR Selangor sedang dalam proses penyediaan kos bagi naik taraf Banglo Sri Selangor.

- b) Buat masa ini Kerajaan Negeri Selangor tidak bercadang untuk menaikkan kadar sewaan Rumah Rehat Banglo Sultan Sulaiman di Bukit Fraser.
- c) Kerajaan Negeri masih belum bercadang membuka bangunan di sebelah Rumah Rehat Banglo Sultan Sulaiman Bukit Fraser untuk sewaan orang awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : KEMUDAHAN NURSERI DAN TADIKA

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bangunan negeri yang sudah disediakan dengan kemudahan nurseri/tadika dan nyatakan jumlah kanak-kanak dan yuran yang dikenakan di setiap nurseri/tadika ini.
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi memenuhi janji manifesto PRU-13 bahawa semua bangunan negeri akan disediakan dengan kemudahan nurseri dan tadika?

JAWAPAN:

- a) Terdapat sejumlah 14 Jabatan/Agensi termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri (BBN) yang menyediakan kemudahan nurseri / taska seperti berikut:

BIL	NAMA TASKA	JABATAN/AGENSI	JUMLAH KANAK-KANAK	YURAN BULANAN (RM)
1.	TASKA Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	104 orang	RM100-RM150
2.	Pusat Perkembangan Minda Kanak-kanak MBPJ	Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ)	197 orang	RM80-RM120
3.	Pusat Jagaan Kanak-kanak MPK	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	50 orang	RM50
4.	TASKA Permata Penyayang Klang	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	48 orang	RM280-RM450
5.	TASKA Permata MPSJ USJ 3C	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	40 orang	RM250

6.	TASKA Permata Kwarters MPSJ	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	35 orang	RM200
7.	TASKA MPKj	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	40 orang	RM250
8.	TASKA Si Comel Cerdik	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	40 orang	RM150
9.	TASKA Permata Bunga Tanjung MPAJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	45 orang	RM280
10.	TASKA Minda Ria	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	47 orang	RM200
11.	TASKA Vonad	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	40 orang	RM250
12.	TASKA Si Kancil	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	35 orang	RM150
13.	TASKA Mutiara PKNS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	55 orang	RM300-RM450
14.	TASKA Permata PKPS	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	43 orang	RM400

- b) Buat masa ini, Pentadbiran Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan nurseri / taska di 14 Jabatan / Agensi termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri (BBN) atas inisiatif masing-masing berdasarkan kedudukan kewangan sedia ada. Nurseri / taska ini disediakan bagi memudahkan warga kerja menempatkan anak-anak pada hari bekerja dalam tempoh waktu bekerja. Kemudahan ini bukan hanya terhad kepada warga kerja di sesuatu Jabatan / Agensi sahaja, tetapi kemudahan ini turut dipanjangkan kepada warga kerja di Jabatan / Agensi lain yang berhampiran.

Pada masa yang sama, Pentadbiran Kerajaan Negeri juga akan menimbang untuk menambah bilangan kemudahan nurseri / taska sedia ada ini di masa hadapan sekiranya terdapat keperluan dan peruntukan kewangan yang mencukupi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PERUMAHAN UNTUK GOLONGAN MISKIN

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilangan pemohon yang masih menunggu rumah PPR atau "*council home*" atau lain jenis rumah sewa kerajaan di setiap PBT dan di LPHS.
- b) Bilangan skim perumahan rakyat yang ada untuk disewa, bilangan pengisiannya dan bilangan unit di setiap skim yang tidak dapat diisi kerana unit rosak/perlu dibaiki.
- c) Berapa penyewa yang telah dikeluarkan kerana tidak membayar sewa atau kerana pendapatan keluarga sudah melebihi had?

JAWAPAN:

- a) PPR atau "Council Homes" yang berada di bawah pengurusan Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) adalah seperti berikut:
 - i) PPR Kota Damansara (Sekyen 8, Petaling Jaya),
 - ii) PPR Kg. Baru Hicom (Seksyen 26, Shah Alam),
 - iii) PPR Seri Kiambang (Serendah),
 - iv) Pangsapuri Seri Cempaka Council Homes (Seksyen 16, Bandar Baru Bangi).

Jumlah permohonan penyewaan bagi PPR dan Council Homes adalah seperti berikut:

- i) PPR Kota Damansara – 62
- ii) PPR Kg. Baru Hicom – 56
- iii) PPR Seri Kiambang - 2
- iv) Pangsapuri Seri Cempaka Council Homes – 25

Permohonan akan dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga kelayakan bergantung kepada kekosongan unit dan apabila unit dibaikpulih.

- b) Jumlah unit kosong yang perlu dibaikpulih adalah seperti berikut:
 - i) PPR Kota Damansara – 17

- ii) PPR Kg. Baru Hicom – 64
- iii) PPR Seri Kiambang – 216
- iv) Pangsapuri Seri Cempaka, Council Homes– 19

Kerja pembaikan akan dilaksanakan pada Ogos 2015 dan dijangka siap sepenuhnya akhir Oktober 2015.

c) Bagi tahun 2015, jumlah penyewa yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut:

- i) PPR Kota Damansara – 9
- ii) PPR Kg. Baru Hicom – 17
- iii) PPR Seri Kiambang – tiada
- iv) Pangsapuri Seri Cempaka, Council Homes– tiada

Penyewa ini dikeluarkan kerana kegagalan membayar sewa semasa serta mempunyai tunggakan. Sebelum penyewa dikeluarkan, notis peringatan dan notis amaran telah dikeluarkan beberapa kali namun tiada maklumbalas oleh penyewa.

Pihak PHSSB tiada halangan untuk membantu mereka dari segi mengeluarkan surat sokongan untuk mereka memohon bantuan zakat dan bantuan kewangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, namun tiada usaha daripada mereka untuk memohon bantuan zakat dan ada juga di kalangan mereka tidak layak untuk mendapat bantuan zakat mahupun kebajikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH DI PINGGIR BANDAR

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sedarkah Kerajaan Negeri kawasan di luar Kawasan Operasi Kerajaan Tempatan kerap memberi imej buruk dengan sampah sarap yang dibuang merata-rata?
- b) Apakah Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk mengadakan tempat-tempat pembuangan sampah yang mudah diselia dan dikawal?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri menyedari permasalahan dan isu ini dan sehubungan dengan itu PBT telah diarahkan untuk tidak mengabaikan pengurusan sampah di kawasan kampung sama ada dalam kawasan operasi PBT atau di luar kawasan operasi. Walau bagaimanapun, kaedah pengurusan sampah di kampung-kampung adalah mengikut kesesuaian dan kemampuan PBT masing-masing. Kerajaan Negeri juga memohon kerjasama wakil-wakil rakyat dan ahli majlis yang dilantik untuk bersama-sama dengan Kerajaan Negeri dalam menangani permasalahan dan isu ini.
54.	Tetuan T And Y Hotel Sdn Bhd (T And Y Hotel)	No A-13A-3, No A-15-1, A-15-2, A-15-3, Blok A, Plaza Glomac, Jalan SS 7/19, Petaling Jaya.
55.	Tetuan SS Hospitality Ventures Sdn Bhd.	No. 11, Jalan 8/1D, Seksyen 8, Petaling Jaya.
56.	Tetuan NC Empire Sdn. Bhd. (Hotel De Uptown)	No. 16 dan No. 18, Jalan 51A/227A, Seksyen 51A, Petaling Jaya.
57.	Tetuan Strawberry Fields Sdn. Bhd.	No. 7, Jalan 52/12, Seksyen 52, Petaling Jaya.
58.	Tetuan 3M Bintang Sdn. Bhd. (Manhattan Business Hotel).	No. A-G-01, A-1-01, A-2-01, A-3A-01 dan A-5-01, Jalan PJU 8/1, Damansara Perdana, PJU 8, Petaling Jaya.
59.	Tetuan Calla Group Management Sdn. Bhd. (Calla Hotel)	No. 31, Jalan SS 2/75, SS 2, Petaling Jaya.
60.	Tetuan Original Heritage Sdn Bhd	No. 18, Jalan SS 3/39, Pusat Perdagangan PJ21, SS 3, Petaling Jaya.
61.	Tetuan Paradise Home Sdn Bhd	No.13, One Avenue, Dataran Pelangi Utama, Jalan Masjid, PJU 6A, Petaling Jaya.

62.	Tetuan PSM & Family Holdings Sdn Bhd.	No. 9, Jalan 8/1E, Petaling Jaya.
63.	Koperasi Kastam Malaysia Berhad. (Sun Inns Hotel)	No. 8, Lot PT 62053, Plaza Taragon Kelana Jaya, Jalan SS 6/6, Petaling Jaya.
64.	Tetuan Cyrstal Springs Sdn Bhd	No. 13 dan 15, Jalan Barat, Seksyen 8, Petaling Jaya.
65.	Tetuan Reliance Way Sdn Bhd	Lot 13604, Casa Utama, PJU 6A, Petaling Jaya.
66.	Tetuan KD Jaya Hotel (Pelangi Damansara) Sdn Bhd.	No. B-G-29, B-1-29, B-2-29, B-3-29, B-3A-29 dan B -5-29, Pelangi Square, Pelangi Damansara, Persiaran Surian, PJU 6, Petaling Jaya.
67.	Tetuan Eiffel Hotel Sdn Bhd	No. F-G-5, F-1-5, F-2-5, F-3-5, F-3A-5 & F-5-5, Pusat Komersial Parkline, Jalan SS 7/26, Petaling Jaya
68.	Tetuan Natural Care Holding Sdn Bhd.	No. 16, Jalan SS 2/63, Petaling Jaya.
69.	Tetuan Cherish Springs Sdn Bhd	Lot 3 dan Lot 72, Jalan Kemajuan 13/8, Petaling Jaya.
70.	Tetuan Hotel Double Nine (SS2) Sdn Bhd.	No. 11 dan 11A, Jalan SS 2/64, SS 2, Kelana Jaya, Petaling Jaya.
71.	Tetuan My Hero Market Sdn Bhd	No. 7 dan 9, Jalan PJS 10/32, PJS 10, Petaling Jaya.

**SENARAI HOTEL (TERMASUK HOTEL BAJET) YANG BERLESEN DI KAWASAN
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM SEHINGGA BULAN JULAI 2015**

BIL.	NAMA HOTEL	ALAMAT HOTEL
1.	CHIAM SUCCESS SDN.BHD.	NO. 2..JALAN SEPADU D 25/D, TMN. SRI MUDA, SEK.25, 40400 SHAH ALAM SELANGOR
2.	KUALA SYNERGI SDN.BHD.	GRAND BLUEWAVE HOTEL SHAH ALAM, TKT. 4, PERSIARAN PERBANDARAN 14/9, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM SELANGOR
3.	CARLTON HOLIDAY (SHAH ALAM) SDN.BHD.	NO. 1, PERSIARAN AKUATIK, SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM SELANGOR
4.	EV HOTEL & TRAVEL SDN BHD	NO. 13, JALAN KELULI 7/AL, PUSAT PERNIAGAAN BKT. RAJA, SEK. 7, 40000 SHAH ALAM SELANGOR
5.	1ST INN HOLDINGS (M) SDN. BHD.	NO. 9, JALAN KELULI AM 7/AM, PST. PERNIAGAAN BUKIT RAJA. SEK.7. 40000 SHAH ALAM SELANGOR
6.	MAYARIA HOTEL SDN. BHD.	NO. 7-05, BLOK 7, ALAMI PERSIARAN AKUATIK, SEK.13, 40100 SHAH ALAM SELANGOR
7.	BEST VIEW HOTEL (SHAH ALAM) SDN. BHD.	NO. 16. TINGKAT BAWAH. 1 DAN 2, JALAN PLUMBUM P 7/P, SEKSYEN 7, 40000 SHAH ALAM SELANGOR
8.	HOTEL SRI MUDA CORNER SDN. BHD.	NO. 69, 71 & 73, JLN. MAKMUR 25/64, TAMAN SRI MUDA. SEKSYEN 25. 40400 SHAH ALAM SELANGOR
9.	1ST INN (SA U1) SDN.BHD.	NO. 31, JALAN PENIAGA U1/34, SEKSYEN U1, 40150 SHAH ALAM SELANGOR

BIL.	NAMA HOTEL	ALAMAT HOTEL
10.	HOTEL DE ART SDN. BHD.	NO. 1A, 1B, 3, 3A & 3B, JLN KRISTAL AS 7/AS.SEKSYEN 7. 40000 SHAH ALAM SELANGOR
11.	1ST INN (SA 13) SDN. BHD.	NO. 79 & 81, JLN. LAWAN PEDANG 13/27, SEKSYEN 13. 40100 SHAH ALAM SELANGOR
12.	PASTIMULIA HOLDINGS SDN. BHD.	NO. 1-13, PRESINT ALAMI, NO.2, PSRN. AKUATIK, SEK. 13, 40100 SHAH ALAM SELANGOR
13.	EVW HOTEL SDN.BHD.	NO. 19A & 19B, JALAN PLUMBUM R 7/R, PUSAT KOMERSIAL SEKSYEN 7, 40000 SHAH ALAM SELANGOR
14.	GOOD SPIRAL SON. BHD.	PLAZA JELUTONG, NO. 5C, PERSIARAN GERBANG UTAMA. BKT.JELUTONG, SEKSYEN US, 40150 SHAH ALAM SELANGOR
15.	HOTEL HAMILAS SDN.BHD.	NO. 1 & 3, JALAN SINGA H 20/H, SEKSYEN 20, 40300 SHAH ALAM SELANGOR
16.	V5 PILLARS SDN. BHD. (ORANGE HOTEL.COM.MY)	NO.2, JALAN ANGGERIK VANILLAS 31/S, KOTA KEMUNING, SEKSYEN 31, 40460 SHAH ALAM SELANGOR
17.	VICTORY OFFICE AUTOMATION SDN. BHD.	NO.1-1, JALAN SEPADU A 25/A, SEKSYEN 25. 40400 SHAH ALAM SELANGOR
18.	SETIA INN SDN. BHD.	NO. 3A-2, 3A-3, 3A-4 & 3A-5, SETIA AVENUE #2, JALAN SETIA PRIMA S U13/S, SETIA ALAM. SEKSYEN U13, 40170 SHAH ALAM SELANGOR
19.	NEW WAVE HOTEL SDN. BHD.	NO. 40&42. JALAN JUBLI PERAK 22/1, SEKSYEN 22, 40300 SHAH ALAM SELANGOR

BIL.	NAMA HOTEL	ALAMAT HOTEL
20.	SAUJANA HOTEL SDN. BHD.	SAUJANA RESORT, JALAN LAPANGAN TERBANG S SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, SEKSYEN U2, 40150 SHAH ALAM SELANGOR
21.	THE TREE BOUTIQUE HOTEL SDN. BHD.	NO. 2&4, JALAN PLUMBUM Q 7/Q, SEKSYEN 7. 40000 SHAH ALAM SELANGOR
22.	1-R & D SDN. BHD.	NO.6, PERSIARAN MULTIMEDIA, SEKSYEN 7, 40000 SHAH ALAM SELANGOR

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PERATURAN PEMASANGAN KAIN RENTANG/BENA

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah syarat-syarat utama pemasangan kain rentang atau bena?
- b) Apakah tindakan PBT jika ada kain rentang tidak ada permit?

JAWAPAN:

a) Syarat-syarat pemasangan kain rentang atau banner adalah seperti berikut :-

- 1. Salinan lesen perniagaan PBT
- 2. Surat pendaftaran syarikat (SSM) dan surat permohonan daripada syarikat/surat pertubuhan.
- 3. Contoh lakaran gantung (banner/bunting) /kain rentang yang berwarna.
- 4. Lakaran visual iklan berwarna,saiz A4 dan berukuran tepat dalam kaki persegi.

Syarat-syarat visual :

- a. Saiz perkataan Bahasa Melayu hendaklah 70% lebih besar dari lain-lain Bahasa;
 - b. Penggunaan tatabahasa yang betul; dan
 - c. Pengesahan penggunaan Bahasa Iklan dari Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- 5. Pelan lokasi pemasangan dan gambar lokasi.
 - 6. Kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) bagi mana-mana permohonan yang melibatkan jualan murah atau penurunan harga.
 - 7. Lampiran surat kelulusan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi pemasangan yang melibatkan jalan-jalan JKR.
 - 8. Surat kebenaran daripada pemilik bangunan (sekiranya pemasangan dibuat bukan di bangunan sendiri).
- b) Sekiranya kain rentang tidak ada permit, PBT akan mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun dan penurunan iklan di bawah peruntukan Undang-undang Kecil Iklan dan Notis Amaran Penurunan Iklan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : BANTUAN BENCANA ALAM DI SUNGAI PANJANG

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bantuan yang diberikan kepada mangsa bencana di Sungai Panjang dari 2014-2015?
- b) Berapakah jumlah peruntukkan yang telah disalurkan?

JAWAPAN:

- a) Bantuan yang diberi oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Sabak Bernam kepada mangsa bencana bagi tahun 2014-2015 adalah bantuan berbentuk kewangan.
- b) Jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada mangsa di Mukim Sungai Panjang adalah seperti berikut :

TAHUN	PERKARA	JUMLAH PERUNTUKAN DISALURKAN (RM)
2014	Ribut (7 kes)	1,650.00
2015	Ribut (5 kes)	1,450.00
	Kebakaran (1 kes)	500.00
JUMLAH		3,600.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP (DEIG)

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Butiran lengkap implikasi cukai serta bebanan kos yang lain yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri akibat penubuhan DEIG serta penyata kewangan kumpulan tersebut sejak penubuhan.

JAWAPAN:

- a) DEIG masih diperingkat awal penubuhan dan dijangka beroperasi pada suku pertama tahun 2016.

Justeru itu, belum ada implikasi cukai atau bebanan kos yang ditanggung Kerajaan Negeri mahupun penyata kewangan DEIG.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan pembinaan Rumah Ibadat Bukan Islam mengikut syarat-syarat pembinaan rumah ibadat?
- b) Apakah syarat-syarat yang sedia ada bagi pembinaan Rumah Ibadat Bukan Islam?
- c) Bagaimana mengatasi masalah Rumah Ibadat yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri merujuk **MANUAL GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI SELANGOR** yang dikeluarkan oleh pihak JPBD Negeri Selangor di dalam memastikan pembinaan Rumah Ibadat Selain Islam mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Rumah Ibadat Selain Islam yang baru atau akan dibina juga perlulah mendapat kebenaran daripada Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam iaitu melalui :
 - i. Permohonan Pewartaan tanah di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara yang perlu dimohon kepada pihak Pejabat tanah dan Daerah di kawasan masing-masing; dan
 - ii. Permohonan Kebenaran Merancang di bawah Seksyen 21 Akta 172 (Akta Perancang Bandar dan Desa) oleh pihak Pengurusan / Persatuan agama kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk sebarang pembinaan struktur rumah ibadat.

Merujuk kepada Mesyuarat Hal Ehwal Selain Islam Bil. 7/2015 telah memutuskan supaya Pihak Pejabat Tanah dan Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengambil tindakan serta merta pengeluaran notis mengikut undang-undang dan akta yang berkuatkuasa kepada mana-mana pembinaan tanpa kebenaran yang sedang dibina.

- b) Syarat-syarat pembinaan rumah Ibadat Selain Islam perlu merujuk **MANUAL GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI SELANGOR** yang dikeluarkan oleh pihak JPBD Negeri Selangor, kemudahan keagamaan tempat ibadat selain Islam perlulah disediakan seperti berikut :
- i. **Keluasan tapak** tidak melebihi 03 hektar (1.2 ekar) dan kawasan lot yang diliputi oleh bangunan adalah di antara 40% - 60%.
 - ii. **Tadahan penduduk** perlulah 5,000 penduduk 1 tapak atau 2,600 penganut / 1 tapak.
 - iii. **Anjakan Bangunan** - Menghadap Jalan -12.1m (40')
Sempadan Bersama-6.1m (20')
 - iv. **Laluan Keluar Masuk** Minimum 12.1m (40').
 - v. **Perimeter Planting** Minimum 3.1m (10') di sekeliling tapak (tidak termasuk jarak anjakan bangunan) untuk tujuan landskap.
 - vi. **Komponen Kemudahan**

a) Perancangan Tempat Ibadat Selain Islam

- i. Penyediaan Tempat Ibadat Selain Islam diharuskan bagi mereka yang mengamalkan kepercayaan agama masing-masing.
- ii. Merizabkan tapak yang sesuai untuk dijadikan tempat ibadat bukan Islam secara sah.
- iii. Menyediakan ruang atau dewan pertemuan masyarakatnya.
- iv. Jika tapak Tempat Ibadat Bukan Islam yang hendak dibina terletak di dalam kawasan di mana majoriti masyarakatnya bukan penganut agama tersebut, maka notis hendaklah disampaikan kepada penduduk yang menetap dalam radius 200 m di sekitar tapak (atau sekurang-kurangnya 40 buah rumah), untuk mendapatkan pandangan dan kemusykilan sebelum ianya dapat diluluskan.

- v. Konsep pemusatan perlu mengambil kira kriteria seperti :
 - Kemampuan, keluasan jalan untuk menampung
 - Keserasian lokasi alam sekitar
 - Persetujuan penduduk setempat dan keperluannya.

b) Lokasi Peletakan

- i. Rumah Ibadat Selain Islam hendaklah didirikan di tengah-tengah kelompok masyarakat berkenaan.
- ii. Pembangunan tempat keagamaan di premis kedai dan kediaman adalah tidak dibenarkan, kecuali terbukti tidak terdapat tanah atau kawasan yang sesuai untuk tujuan tersebut. Ia hanya dijalankan secara 'case-by-case' tertakluk kepada tidak timbulnya kacau ganggu kepada penghuni di kawasan sekitar dan keputusan PBT.
- iii. Perancangan tapak untuk pembinaan tempat ibadat bukan Islam hendaklah mengikut piawaian yang ditetapkan.
- iv. Tiap-tiap keramat atau tempat penyembahan sementara yang dibina di tapak projek pembinaan hendaklah dimansuhkan sebaik sahaja projek siap.
- v. Tidak dibenarkan dibina di kawasan lapang dan tidak boleh ditempatkan di sekeliling loji kumbahan atau pencawang TNB.
- vi. Menyediakan jalan susur dan kemudahan TLK yang secukupnya supaya tidak mengganggu lalu lintas.

c) Ketinggian Reka Bentuk

- i. Ketinggian arca dan bangunan tokong, kuil, gereja, gudwara dan lain-lain tempat keagamaan perlu disesuaikan dengan ketinggian bangunan sekitar dan tertakluk kepada garis panduan atau piawaian kawalan ketinggian yang dikuatkuasakan oleh PBT.

- ii. Di kawasan majoriti penganut Islam, ketinggian bangunan dan arca tempat keagamaan selain Islam perlu disesuaikan, dengan ketinggian bangunan, kubah dan menara masjid sekitar.
 - iii. Seboleh mungkin, ketinggian bangunan tempat keagamaan perlu mengambil kira keseragaman latar belakang (*skyline*), warna dan pemandangan (*scenery*) supaya ia berharmoni dengan pembangunan sekitar.
- c) Bagi Rumah Ibadat yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Pejabat Tanah dan Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan, perkara ini akan di bincangkan di dalam Mesyuarat Hal Ehwal Selain Islam dan akan dikenakan tindakan Penguatkuasaan mengikut Garis Panduan yang telah diluluskan oleh MMKN ke 4 /2015 bertarikh 29 Januari 2015 iaitu Garis Panduan Tatacara Penguatkuasaan ke atas Rumah Ibadat Selain Islam dan Tempat Penyembahan di bina Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan SMUE untuk diberikan secara tahunan sebanyak RM100 kepada warga emas akan dilaksanakan?
- b) Bilakah ianya hendak di laksanakan?
- c) Apakah KPI tempoh masa untuk pembayaran fasa kedua SMUE oleh pejabat daerah kepada waris penerima?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberikan manfaat RM100 setahun untuk tempoh 5 tahun kepada setiap Ahli SMUE yang berdaftar.

Kerajaan Negeri juga telah menerima cadangan untuk nilai RM100 itu diberikan dalam bentuk program *JOM Shopping*. Ini kerana bukan sahaja ia dapat mengurangkan tekanan akibat sindrom "*empty bird nest*", tetapi mampu menimbulkan suasana keceriaan, memberikan ruang dan peluang untuk mereka saling berinteraksi, membuat keputusan dan pilihan sendiri untuk memiliki barangan yang dihajati, malahan ia juga dapat mengeratkan hubungan di antara pemimpin dengan rakyat di satu-satu kawasan.

Sekiranya Ahli SMUE tersebut meninggal dunia sebelum sempat menamatkan 5 kali (setahun RM100 X 5 tahun), bakinya tidak akan dibayar kepada waris.

- b) Disebabkan terdapatnya penambahbaikan dan beberapa pengubahsuaian yang perlu dilakukan termasuk yang melibatkan perkara berkaitan prosedur kewangan, ia tidaklah dapat dilaksanakan pada ketika ini.

Jumlah manfaat yang dicadangkan ini akan diambil daripada jumlah asal wang manfaat SMUE yang berjumlah RM2500.00 yang ketika ini diserahkan dalam dua fasa yang berlainan. Wang tersebut adalah wang yang berada dalam satu tabung amanah yang dikhususkan bagi membayar manfaat berupa khairat kematian apabila ahli SMUE yang berdaftar telah meninggal dunia. Maka apabila ia mahu

digunakan bagi tujuan yang lain, sedikit penyesuaian dalam prosedur kewangan perlulah dilakukan.

Kerajaan Negeri berharap ia mampu dilaksanakan pada tahun hadapan setelah perkara yang berkaitan dapat diselesaikan.

- c) Bagi program Skim Mesra Usia Emas ini, terdapat dua (2) Fasa ia itu Fasa Pertama dan Fasa Kedua pembayaran manfaat tersebut.

Bagi Fasa Pertama, bayaran akan dibuat oleh pihak Pusat Khidmat Masyarakat DUN setelah menerima laporan kematian dan memastikan segala dokumen telah lengkap serta prosedur yang berkaitan telah dipatuhi.

Sementara bagi Fasa Kedua, ia akan diuruskan oleh Pejabat Daerah dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat DUN dan juga Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Penerima manfaat akan dipanggil ke satu majlis khas bagi menerima bayaran manfaat berkaitan.

Untuk tempoh bayaran Fasa Kedua SMUE ini, ia perlu dibayar kepada waris dalam tempoh 60 hari setelah bayaran Fasa Pertama dibuat oleh Pusat Khidmat Masyarakat DUN yang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PERTERNAKAN KHINZIR DI NEGERI SELANGOR

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan dan status terkini projek perternakan Ladang Khinzir Moden di Kuala Langat?
- b) Berapakah permohonan lesen rumah sembelih swasta yang telah diluluskan oleh kerajaan setakat tahun 2015?
- c) Senaraikan nama pemegang lesen swasta rumah penyembelihan babi di negeri Selangor.

JAWAPAN:

- a) *Progress cadangan modern pig farming* sehingga kini adalah:
 - i. Kerajaan Negeri sedang memilih syarikat yang ingin melaksanakan MPF secara inisiatif swasta 100 peratus kerana Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mengeluarkan sebarang peruntukan kewangan dalam projek ini. Kerajaan Negeri hanya kan berperanan sebagai fasilitator sahaja.
 - ii. Kerajaan Negeri juga sedang menyelesaikan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri.
 - iii. Secara keseluruhannya, pembangunan MPF ini mengambil masa 3 tahun dan dijangka beroperasi pada 2019.
- b) Permohonan lesen rumah sembelih swasta di Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh kerajaan sehingga adalah satu (1) sahaja.
- c) Syarikat pemegang lesen swasta berkenaan adalah Tip Top Meat Sdn. Bhd. di Rawang Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PROSEDUR PEMBANGUNAN TANAH

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah bilangan projek usahasama antara MBI dengan pihak yang lain serta prosedur kelulusan projek berkenaan.
- b) Sila kemukakan senarai maklumat lengkap projek usahasama MBI yang melibatkan tanah pemberimilikan oleh Kerajaan Negeri.

JAWAPAN:

- a) Setakat ini, MBI hanya terlibat dalam projek usahasama dengan dua syarikat sahaja dan segala proses kelulusan projek diuruskan oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) yang telah diberi kuasa melalui *Power of Attorney* bertarikh 10 Oktober 1996 (*Deed of Revocation of Power of Attorney* ditandatangani oleh MBI dan KDEB bertarikh 26 Disember 2008).
- b) Maklumat projek usahasama MBI yang melibatkan tanah pemberimilikan Kerajaan Negeri adalah seperti berikut;

BIL	SYARIKAT USAHASAMA	LOKASI	KELUASAN (ekar)	STATUS
1.	GM Build Sdn Bhd	Taman Garing Utama, Rawang	65.54	Projek telah selesai & Pemaju telah digulungkan
2.	Alphaprise Sdn Bhd	Kapar, Klang	479.14	JV ditamatkan & tanah telah dijual kepada Alphaprise. Bayaran penuh telah diterima oleh MBI.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : STATUS PREMIS PERNIAGAAN BESI BURUK DAN LUSUH TANPA
KEBENARAN DI DUN MERU**

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa kalikah notis dikeluarkan kepada pemilik juga kehadiran dalam perjumpaan pada bulan Mac 2015? Senaraikan.
- b) Apakah ada keputusan ditetapkan dan tempoh diberikan untuk pindah?
- c) Bagaimanakah pihak MPK membantu dalam mengenalpasti lokasi baru sesuai kepada pemilik?

JAWAPAN:

- a) Notis Pemberitahuan bagi premis-premis besi buruk dan barang lusuh tanpa kebenaran di DUN Meru telah dikeluarkan pada 4 Februari 2015. Sebanyak 10 notis telah dikeluarkan iaitu sembilan (9) premis di luar zon industri dan sebuah premis di dalam zon industri. Kehadiran adalah seramai 10 orang pemilik tanah dan 7 orang pengusaha.
- b) Pihak Majlis telah mengadakan program pemutihan premis besi buruk/barang lusuh selama 12 bulan iaitu sehingga 31 Julai 2016 yang dipecahkan mengikut kategori zon seperti berikut:-
 - i. Premis besi buruk/barang lusuh yang berada di luar zon industri diberi tempoh 12 bulan untuk memulihkan tapak dan berpindah ke kawasan perindustrian yang dikhaskan.
 - ii. Premis besi buruk/barang lusuh yang berada di dalam zon industri diberi tempoh 12 bulan untuk mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang.
- c) MPK akan membantu mengenalpasti kawasan zon industri mengikut Rancangan Tempatan (RT) yang telah ditetapkan contohnya kawasan perindustrian Meru, kawasan perindustrian Sungai Puloh dan lain-lain untuk pemilik berpindah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PERMOHONAN GERAN UNTUK TANAH KERAJAAN BERSEBELAHAN
PENJARA SUNGAI BULOH, KAMPUNG BATU 20, JALAN KUALA SELANGOR,
MUKIM RAWANG 2, DAERAH GOMBAK**

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini permohonan En. Kathiraran A/L Ramachandran (690626-10-5885) berserta enam (6) pemohon yang telah 50 tahun menduduki kawasan tersebut?
- b) Apakah pendirian kerajaan terhadap permohonan mereka yang telah memohon sebelum Kompleks Penjara Sungai Buloh dibina?

JAWAPAN:

- a) Permohonan En Kathiraran a/l Ramachandran berserta enam (6) pemohon yang lain telah ditolak oleh Pejabat Daerah dan Tanah Gombak kerana tapak yang dimohon termasuk di dalam zon penampungan Penjara Sungai Buloh iaitu dari jarak 300 kaki di sepanjang sempadan penjara.
- b) Dasar sedia ada Kerajaan Negeri adalah permohonan daripada pengusaha asal yang telah mengusahakan atau menduduki tanah sekurang-kurangnya 3 tahun pada 1 Januari 2008 boleh diterima untuk pertimbangan berdasarkan kriteria/syarat yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, permohonan ke atas tanah rizab tidak dapat di pertimbangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : KEBAKARAN HUTAN

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah catatan kebakaran hutan yang berlaku pada tahun 2014 hingga Jun 2015 mengikut susunan daerah?
- b) Apakah cara penyelesaian jangka pendek dan panjang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk meleraikan isu jerebu hasil pembakaran hutan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan Hutan Simpanan Kekal yang terbakar bagi tahun 2014 dan 2015 adalah seluas 2,027.6 ha. Berikut adalah senarai kawasan HSK yang terbakar mengikut agihan Daerah Sivil dari tahun 2014 hingga Jun 2015. Kebanyakannya kawasan yang sering terbakar adalah melibatkan kawasan yang sama dan berulang-ulang.

- (i) Tahun 2014

Bil.	Hutan Simpan	Keluasan (ha)	Daerah Hutan	Daerah Sivil
1.	HS Raja Musa	1,300.0	Hulu Selangor	Hulu Selangor
2.	HS Bukit Belata (T)	210.0	Hulu Selangor	Kuala Selangor
3.	HS Kuala Langat (U)	132.0	Pantai Kelang	Kuala Langat
4.	HS Kuala Langat (S)	152.0	Pantai Kelang	Kuala Langat
5.	HS Sungai Karang	12.0	Pantai Kelang	Sabak Bernam
6.	HS Hulu Langat	5.0	Selangor Tengah	Hulu Langat
7.	HS Sg. Lalang	1.6	Selangor Tengah	Hulu Langat
	Jumlah	1,812.6		

- (ii) Tahun 2015

Bil.	Hutan Simpan	Keluasan (ha)	Daerah Hutan	Daerah Sivil
1.	HS Raja Musa	200.0	Hulu Selangor	Kuala Selangor

2.	HS Kuala Langat (S)	15.0	Hulu Selangor	Kuala Langat
	Jumlah	215.0		

Nota:

T – Tambahan

U – Utara

S – Selatan

- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dan beberapa agensi yang lain seperti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS) dan NGO telah mengambil beberapa tindakan perancangan bagi mencegah kebakaran hutan di antaranya seperti berikut:
- (i) Pada tahun 2014, sejumlah 15 '*Check Dam*' telah dibina di HS Kuala Langat (U) oleh JPS dan tujuh (7) '*Check Dam*' di HS Raja Musa oleh JPNS. Manakala pada tahun 2015, sejumlah 25 '*Check Dam*' dan '*Canal Blocking*' telah dibina di HS Raja Musa oleh JPNS dengan kerjasama Global Environmental Centre (GEC) dan Sahabat Hutan Gambut Selangor Utara.
 - (ii) Pembinaan lapan (8) '*Tube well*' di HS Kuala Langat (U) dan HS Kuala Langat Selatan oleh JMG.
 - (iii) Pembinaan tiga (3) buah kolam takungan yang mana terletak sebuah (1) di HS Kuala Langat (Utara) dan dua (2) buah di HS Kuala Langat (Selatan)
 - (iv) Membina '*Fire break*' sepanjang 37.5 km di mana 5.0 km di HS Raja Musa, 8.0 km di HS Kuala Langat (U), 22.0 km di HS Kuala Langat (Utara) dan 2.5 km di di HS Sg Karang dari tahun 2013 hingga 2015.
 - (v) Membina saluran paip air '*High Density Polyethylene*' (HDPE) di HS Raja Musa sepanjang 2.1 km pada 2014 manakala bagi tahun 2015 iaitu sepanjang lebih kurang 1.4km sedang dalam proses sebutharga.
 - (vi) Memasang sebanyak 15 papan tanda '*Fire Danger Rating System*' (FDRS) di kawasan berhampiran dengan Hutan Simpanan Kekal yang kerap berlaku kebakaran dan yang berisiko tinggi dan terdedah kepada kebakaran.

- (vii) Meningkatkan pemantauan dan rondaan secara lebih kerap dan konsisten termasuk pada hari-hari kelepasan dan cuti am serta di luar waktu pejabat di antara 3-5 kali/minggu.
- (viii) Pemantauan melalui udara telah dijalankan sebanyak 2 kali sehingga Julai 2015.

Bagi program jangka panjang, JPNS juga ada mengadakan beberapa siri program Kempen Kesedaran Awam khususnya kepada para penduduk berhampiran dengan kawasan Hutan Simpanan Kekal.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan dua (2) Jawatankuasa Penyelaras Kebakaran Hutan iaitu Jawatankuasa Bencana Peringkat Negeri dan Jawatankuasa Bencana Peringkat Daerah.

Dengan adanya mekanisma yang berkesan ini maka ianya memudahkan pihak Jabatan mendapatkan bantuan teknikal serta peralatan untuk memadam kebakaran hutan sebelum ianya menjadi berskala besar. Sebagai contoh pada tahun 2015, pihak Jabatan melalui Unit Bencana Negeri telah berjaya mendapatkan perkhidmatan pesawat Bombardier daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk melakukan operasi '*Water Bombing*' dikawasan yang terlibat dengan kebakaran hutan. Kaedah ini amat berkesan untuk mengawal kebakaran daripada merebak dengan cepat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan penyelenggaraan jalan di Daerah Sabak Bernam tahun 2015?
- b) Sila nyatakan bilakah jalan Taliair 5 Sekinchan akan dinaiktarafkan?
- c) Sila nyatakan bilakah Jalan Cross Ban 2 Parit 9 akan diperbaiki?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan penyelenggaraan jalan Daerah Sabak Bernam tahun 2015 bagi JKR Sabak Bernam sebanyak RM19.8 juta dengan pecahan seperti berikut:-
 - 1. Peruntukan Jabatan OS28000 RM1.8 juta
 - 2. Peruntukan MARRIS RM18.0 juta
- b) Jalan Taliair 5 Sekinchan - Telah dinaiktaraf (skop pelebaran jalan) bermula pada 26.8.2014 dan siap pada 16.2.2015 sejauh 1.5 km bermula daripada Ban 2 ke Site B.
- c) Jalan Cross Ban 2 Parit 9 - Jalan di bawah JKR adalah daripada Jalan Parit 9 ke Jalan Taliair 9 sahaja. Semakan Pejabat ini mendapati keadaan jalan masih dalam keadaan baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : HUFFAZ AL-QURAN SELANGOR

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah serta kategori atau kelas (jika ada) di kalangan para huffaz Al-Quran di Selangor?
- b) Nyatakan lima bidang kerjaya paling utama yang diceburi oleh huffaz Al-Quran di seluruh Selangor.
- c) Apakah bantuan atau insentif-insentif yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada mereka?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui JAIS telah mengadakan program Isbath Hafazan bagi memberi galakan untuk memelihara hafazan Al Quran di kalangan umat Islam. Sebanyak 3 kategori yang ditawarkan iaitu kategori 1 hingga 10 juzuk, 1 hingga 20 juzuk dan 1 hingga 30 juzuk. Pemilihan peserta dilaksanakan melalui proses temuduga. Sehingga tahun 2015, seramai 289 orang peserta telah berjaya ditemuduga.
- b) Pemegang Isbath Hafazan bertugas di pelbagai bidang seperti guru agama, pegawai kerajaan, pekerja swasta, bekerja sendiri dan menuntut di sekolah-sekolah tahfiz.
- c) Insentif yang diberikan kepada huffaz Al-Quran dalam bentuk bayaran saguhati adalah seperti berikut:
 - i. Bagi peserta yang melebihi 18 tahun akan menerima insentif seperti berikut:
 - 1 hingga 10 juzuk : RM1,200 (6 bulan)
 - 1 hingga 20 juzuk : RM1,800 (6 bulan)
 - 1 hingga 30 juzuk : RM3,000 (6 bulan)
 - ii. Bagi peserta di bawah 18 tahun akan menerima insentif seperti berikut:
 - 1 hingga 30 juzuk : RM3,000 (1 tahun)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : JAMBATAN KE 3 KLANG

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri merancang untuk menjadikan Jambatan Ke 3 Klang sebagai salah satu daripada produk pelancong negeri?
- b) Apakah perancangan ke arah itu?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tiada perancangan khusus dari segi aspek pelancongan untuk menjadikan jambatan ke-3 Klang sebagai produk pelancongan Negeri. Walau bagaimanapun, kerajaan Negeri sentiasa memantau perkembangan dan potensi yang ada di seluruh Negeri Selangor termasuk jambatan ke-3 tersebut untuk diangkat menjadi produk pelancongan Negeri Selangor.
- b) Projek Pembinaan Jambatan Ketiga Sungai Klang yang dijangka siap menjelang Julai 2016 akan meningkatkan nilai hartanah di kawasan itu seterusnya melonjakkan sektor ekonomi. Jambatan ketiga Klang sepanjang 2.5 kilometer akan bermula selepas persimpangan Sungai Udang/Teluk Pulau dan berakhir di persimpangan Jalan Goh Hock Huat. Jambatan tersebut unik kerana bercirikan kapal layar dan keris. Untuk mengangkat Jambatan ketiga Klang ini menjadi salah satu tarikan pelancongan perlu mengambil kira daripada pelbagai aspek perancangan. Antaranya adalah seperti yang berikut:-
 - 1) Untuk mengangkat sesebuah tempat menjadi tempat pelancongan perlu merujuk Undang-undang Malaysia di bawah Akta 482, Akta Industri Pelancongan 1992. Kementerian menguatkuasakan akta-akta dan peraturan berikut :
 - Akta Industri Pelancongan 1992;
 - Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992;
 - Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Pelesenan dan Pengawalan Pemandu Pelancong) 1992;
 - Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Pelesenan Institutsi Latihan Pelancongan) 1994;

- Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Mengkompauan Kesalahan-Kesalahan) 1992;
 - Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999; dan
 - Peraturan-Peraturan Kenderaan Pelancongan (Pelesenan dan Pengawalan Kenderaan Pelancongan) 2000.
- 2) Kerajaan Negeri juga merancang, menyediakan prasarana yang mencukupi, selesa, jimat dan mudah. Hal ini kerana, kemudahan ini memudahkan dan memberikan keselesaan kepada pelancong tidak kira pelancong dari luar atau di dalam negara. Antara perancangan pembangunan yang boleh dikaitkan untuk membangunkan Jambatan ketiga Klang ini menjadi tempat pelancongan adalah seperti yang berikut.
- **Kemudahan Infrastruktur.**
Kemudahan Infrastruktur ini amat penting untuk memberi keselesaan kepada pengunjung dan juga para pembangun industri pelancongan dalam meneruskan perniagaan mereka.
 - **Kemudahan Jalan dan Akses.**
Kemudahan jalan dan akses juga perlu dibangunkan dengan baik untuk memberikan laluan yang mudah untuk para pelancong dan juga peniaga untuk ke tempat pelancongan yang ingin dibangunkan. Selain itu, kemudahan jalan dan akses yang baik dapat memberikan skop di dalam peta
 - **Nilai Komersial.**
Nilai komersial sesuatu tempat dapat menggambarkan “x-factor” dan keunikan yang ada pada sesuatu tempat yang menjadi tarikan kepada orang ramai untuk datang ke tempat pelancongan tersebut.
- 3) Perancangan untuk mempromosikan Jambatan ketiga Klang juga amat penting di dalam menjadikan tempat berkenaan sebagai salah satu tarikan pelancongan di Selangor. Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan hasil pendapatan industri pelancongan adalah melalui siri-siri promosi dalam dan luar negara yang dianjurkan oleh beberapa pihak terutamanya oleh Tourism Malaysia. Melalui program ini, kerajaan negeri melalui Tourism Selangor dan pemaju-pemaju industri pelancongan yang sama-sama menyertai program ini telah menggunakan peluang ini untuk memperkenalkan keunikan yang ada di Jambatan ketiga tersebut. Pelbagai kaedah promosi perlu dijalankan antaranya Sesi Pelancaran Jambatan, Laman Web Rasmi, Laman Media Sosial, program dan acara pelancongan

yang berlangsung di Jembatan Ketiga tersebut dan hebahan melalui media cetak. Selain itu, pihak pembangun perlu menyediakan tarikan yang unik dan bahan promosi yang menarik untuk memberi peluang pengunjung menikmati kelebihan yang diberikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : LAMPU JALAN PBT DI SELANGOR

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kos penyelenggaraan dan kes kecurian lampu jalan pada tahun 2013 dan 2014 dan anggaran 2015 mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah lampu jalan LED dan solar yang telah dipasang di setiap PBT.
- c) Status terkini 50 tiang lampu LED untuk setiap DUN yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah maklumbalas berhubung kos penyelenggaraan dan kes kecurian lampu jalan pada tahun 2013 dan 2014 dan anggaran 2015 mengikut PBT:

PBT	TAHUN	KOS PENYELENGGARAAN (RM)	BILANGAN KES KECURIAN LAMPU JALAN
MBSA	2013	6,540,000.00	3
	2014	7,180,000.00	4
	2015	7,580,000.00	1
MBPJ	2013	3,166,799.53	TIADA
	2014	3,556,325.15	TIADA
	2015	2,170,849.50	TIADA
MPK	2013	359,700.00	30
	2014	89,390.00	21
	2015	14,000.00	8
MPAJ	2013	2,000,000.00	TIADA
	2014	3,100,000.00	TIADA

	2015	2,550,000.00	TIADA
MPSJ	2013	4,140,000.00	TIADA
	2014	4,140,000.00	TIADA
	2015	5,780,000.00	TIADA
MPS	2013	2,241,000.00	10
	2014	1,150,000.00	10
	2015	1,470,000.00	10
MPKj	2013	3,750,000.00	40
	2014	4,280,000.00	32
	2015	4,050,000.00	21
MPSp	2013	1,480,000.00	10
	2014	1,480,000.00	5
	2015	2,700,000.00	2
MDKL	2013	547,890.50	7
	2014	300,692.80	5
	2015	165,611.60	2
MDHS	2013	1,000,000.00	40
	2014	1,100,000.00	50
	2015	1,200,000.00	20
MDKS	2013	180,000.00	TIADA
	2014	280,000.00	TIADA
	2015	280,000.00	TIADA

MDSB	2013	51,598.00	TIADA
	2014	65,472.00	TIADA
	2015	44,478.00	TIADA
JUMLAH		78,851,807.00	331

- b) Berikut adalah jumlah lampu jalan LED dan solar yang telah dipasang di setiap PBT :

PBT	JUMLAH LAMPU LED	JUMLAH LAMPU SOLAR
MBSA	340	4
MBPJ	1270	0
MPK	1616	20
MPAJ	50	2
MPSJ	300	30
MPS	0	38
MPKj	450	30
MPSp	56	0
MDKL	40	0
MDHS	39	5
MDKS	12	2
MDSB	8	9
JUMLAH	4181	140

- c) Untuk makluman, cadangan pemasangan lampu 50 tiang lampu LED untuk setiap DUN ditukar kepada pemasangan lampu jalan dan telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sama ada menggunakan peruntukan MARRIS atau peruntukan pembangunan sedia ada dengan menumpukan di jalan-jalan PBT yang mempunyai statistik kadar jenayah yang tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : TANAH BADAN-BADAN BERKANUN DAN ANAK-ANAK SYARIKAT

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan semua plot tanah dengan lokasi dan keluasan yang dimiliki oleh Menteri Besar Incorporated (MBI) serta setiap anak syarikatnya.
- b) Sila senaraikan semua plot tanah dengan lokasi dan keluasan yang dimiliki oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) serta anak-anak syarikatnya.

JAWAPAN:

MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)

- a) Berikut adalah senarai dan maklumat-maklumat yang diperlukan bagi tanah-tanah yang dimiliki oleh MBI dan Anak-Anak Syarikat :

Tanah milik MBI: -

	DAERAH / MUKIM	LUAS (EKAR)
i.	Gombak	374.48
ii.	Hulu Langat	663.248
iii.	Petaling	92.813
iv.	Klang	492.65
v.	Kuala Selangor	3,644.531
vi.	Hulu Selangor	1,266.23
vii.	Kuala Langat	1,172.28
viii.	Sepang	64.21

Tanah dimiliki oleh Anak-Anak Syarikat MBI: -

1. KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)

	DAERAH / MUKIM	LUAS (EKAR)
1.	Petaling	4.81
2.	Sabak Bernam	100.00
3.	Hulu Selangor	1.75
4.	Sepang	100.00

2. PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)

	DAERAH / MUKIM	LUAS (EKAR)
1.	Hulu Selangor	2,069.012
2.	Klang	1.99
3.	Kuala Langat	150.00
4.	Kuala Selangor	899.53
5.	Petaling	75.315
6.	Sepang	2,604.00

3. BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY RESORT SDN BHD (BBGC)

	DAERAH / MUKIM	LUAS (EKAR)
1.	Hulu Selangor	363.02

4. MSNS HOLDINGS SDN BHD (MSNSH)

	DAERAH / MUKIM	LUAS (EKAR)
1.	Selangor	52.33

5. PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN. BHD.

	LOKASI / MUKIM	LUAS (EKAR)
1.	Selangor	49.43
2.	Kuala Selangor	570.81

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

b) Senarai plot tanah dan keluasan yang dimiliki oleh PKNS dan anak syarikat PKNS adalah seperti berikut:-

(i) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

No	Lokasi	Ekar
1	Petaling	

	i) Kota Damansara ii) Shah Alam	25.83
2	Gombak i) Kuang ii) Kota Puteri	2,207.02
3	Hulu Langat i) Bandar Mahkota ii) Broga iii) Sungai Batangsi iv) Sungai Jelok	1,007.96
4	Cameron Highlands	1.00
5	Kuala Selangor i) Bandar Kuala Selangor	5.37
6	Hulu Selangor i) Bernam Jaya ii) Antara Gapi iii) Bukit Beruntung iv) Ladang Rasa	6,985.16
7	Sabak Bernam i) Sungai Lang ii) Sungai Burung	85.00
8	Klang i) Pulau Indah ii) Bandar Sultan Sulaiman	504.94
9	Sepang i) Taman Sains Selangor 2	1,255.05
	Jumlah	11,897.33

(ii) Anak Syarikat PKNS

1. Worldwide Holdings Berhad

No	Lokasi	Ekar
1	Subang Bestari / Sek. U5 Shah Alam	54.97
2	Alami ~ Ph3 / Sek. 13 Shah Alam	1.21
3	Menara Pejabat / Sek. 13 Shah Alam	1.09
4	WGD Block 3 / Sek. 13 Shah Alam	1.39
5	Puncak Bestari / Puncak Alam	16.43
6	Kapar Bestari / Kapar Klang	14.67
7	Puncak Bestari 2 / Puncak Alam	75.13

8	Taman Universiti, Bangi	15.14
Jumlah		180.00

2. PKNS Engineering & Construction Bhd

No	Lokasi	Ekar
1	Seksyen 15, Shah Alam	2.2

3. Selaman Sdn Bhd

No	Lokasi	Ekar
1	Jalan Kota Raja, Kampung Jawa Klang	17.32

4. Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd.

No	Lokasi	Ekar
1	Jalan Tinggi, Seksyen 6, Petaling Jaya,	1.7
2	Plot A, Jalan Keramat Tanjung, Seksyen 11, Bandar Kuala Selangor	18.0
3	Bandar Banting, Kuala Langat	7.28
4	Lot 1483, Taman Bukit Permai 2, Mukim Cheras,	10.47
5	Lot 1154, Mukim Dengkil	2.01
6	Dengkil, Sepang	6.0
7	Jalan Sepah Puteri 5/1, Seksyen 5, Kota Damansara	0.5
8	Sg. Long, Kuang	9.8
Jumlah		55.76

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : WIFI PERCUMA

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa lokasi WiFi *hotspot* yang telah dipasang oleh Kerajaan Negeri setakat ini?
- b) Adakah kita mampu sampai ke sasaran 2500 *hotspot* sepertimana yang digariskan di dalam ucapan belanjawan 2015?
- c) Berapa kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri untuk memberi WiFi percuma ini?

JAWAPAN:

- a) Setakat 31 Julai 2015 sejumlah 600 lokasi telah berjaya disiapkan.
- b) Kerja-kerja pemasangan sedang dilaksanakan untuk mencapai sasaran 2500 *hotspot* sehingga akhir tahun. Berdasarkan pelan kerja pemasangan setakat ini, sasaran akan mampu dicapai.
- c) Jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri untuk memberi WiFi percuma ini untuk pemasangan WiFi *hotspot* bagi Fasa Pertama ialah RM986,400.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PENGURUSAN SEKOLAH AGAMA RENDAH KAFA DI NEGERI SELANGOR

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah peruntukan bantuan & penyelenggaraan yang telah disalurkan oleh kerajaan negeri kepada sekolah-sekolah agama rendah (Kafa) di negeri Selangor bagi tahun 2013, 2014 & 2015?
- b) Nyatakan bentuk bantuan yang telah disalurkan untuk program ini bagi tahun 2013, 2014 & 2015?
- c) Senaraikan sekolah-sekolah agama KAFA mengikut daerah yang telah menerima bantuan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri memperuntukkan RM6 juta secara tahunan untuk Sekolah Agama Rakyat. Selain daripada itu, Lembaga Zakat Selangor juga memberi peruntukan kepada Jabatan Agama Islam Selangor bagi tahun 2013-2015 untuk membaikpulih bangunan-bangunan SRA dan KAFA seperti berikut:

BIL	TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
1.	2013	6 JUTA
2.	2014	6 JUTA
3.	2015	5 JUTA

- b) Bentuk bantuan yang telah disalurkan untuk program ini bagi tahun 2013, 2014 dan 2015 adalah membaikpulih bumbung, cat bangunan, perpaipan, kelengkapan dan kerja-kerja baikpulih awam yang berkaitan.
- c) Senarai sekolah-sekolah agama KAFA yang telah menerima bantuan Lembaga Zakat Selangor adalah seperti di **Lampiran A**.

**KELULUSAN PERUNTUKAN UNTUK KERJA-KERJA BAIKPULIH KAFA DIBAWAH
LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS) TAHUN 2013**

Gombak

- 1) KAFA Integrasi Al Azizah
- 2) KAFA Integrasi Selayang Pandang, Mukim Batu
- 3) KAFA Integrasi Nurul Ehsan, Lubuk Pusing

Sepang

- 1) KAFA Integrasi Darul Ulum, Kg. Hulu Teris
- 2) KAFA Integrasi Ulumuddin, Koa Bukit Bangkong
- 3) KAFA Integrasi Ehsaniddin, Kg. Hulu Chuchoh
- 4) KAFA Integrasi Al-Hijrah, Kg. Bagan Lalang
- 5) KAFA Integrasi Darul Taqwa, Pekan Sepang
- 6) KAFA Integrasi Jannatul Firdaus, Kg. Salak
- 7) KAFA Integrasi Jannatul Ma'wa, Kg. Giching
- 8) KAFA Integrasi Kg. Hulu Chuchoh

Petaling

- 1) KAFA Imam Al-Ghazali, Kg. Budiman
- 2) KAFA Masjid Nurul Iman, Kg. Tengah Batu 12, Puchong

Sabak Bernam

- 1) KAFA Integrasi Nurul Falah, Parit 13, Sungai Panjang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : TAHUN MELAWAT SELANGOR (TMS) 2015

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan ketibaan pelancong di Negeri Selangor bersempena TMS 2015?
- b) Senaraikan zon, mercu tanda dan produk pelancongan sedia ada?
- c) Apakah Kerajaan Negeri ada mewujudkan zon, mercu tanda dan produk pelancongan yang baru di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan hasil pendapatan industri pelancongan adalah melalui siri-siri promosi dalam dan luar negara yang dianjurkan oleh beberapa pihak terutamanya oleh Tourism Malaysia. Melalui program ini, kerajaan negeri melalui Tourism Selangor dan pemaju-pemaju industri pelancongan yang sama-sama menyertai program ini telah menggunakan peluang ini untuk memperkenalkan keunikan aspek-aspek pelancongan yang ada di negeri Selangor di antaranya ialah pelancongan eko, pelancongan sukan dan pelancongan warisan sepertimana yang kita fokus sempena 'Tahun Melawat Selangor 2015'. Dengan ini, kita dapat menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke Selangor dan mereka dapat mengalami sendiri pengalaman unik dengan menikmati keindahan yang terdapat di Selangor.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan prasarana yang mencukupi, selesa, jimat dan mudah. Hal ini kerana, kemudahan ini memudahkan dan memberikan keselesaan kepada pelancong tidak kira pelancong dari luar atau di dalam negara. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan maklumat lengkap tentang sesuatu destinasi menarik yang terdapat di negara ini, khususnya di tempat-tempat baharu yang dikenal pasti boleh menjadi daya tarikan yang menguntungkan. Hal ini dapat dilihat menerusi media cetak seperti risalah, buku, poster, majalah dan akhbar atau media elektronik seperti radio dan televisyen.

Tourism Selangor turut menganjurkan acara-acara pelancongan sempena dengan Tahun Melawat Selangor 2015 (TMS 2015) yang mempunyai elemen pelancongan

eko, sukan, warisan, islamik, pendidikan dan lain-lain. Acara-acara pelancongan yang dijalankan terbahagi kepada 3 kategori iaitu 9 Acara Utama, 5 Acara Sampingan dan 6 Acara PBT. Acara-acara pelancongan yang telah dan akan dianjurkan sempena TMS 2015 adalah seperti berikut :

- i) Aktiviti menarik pelancong yang telah diadakan di peringkat Negeri dan daerah sempena Tahun Melawat Selangor 2015

Bil	Program	Tarikh/Tempat	Maklumat Terperinci
01	Pelancaran Tahun Melawat Selangor 2015, Sempena Temasya Selangor #15	30 Januari 2015 SACC Mall Shah Alam	<ul style="list-style-type: none"> • Pada tahun 2015, Negeri Selangor akan meraikan acara Tahun Melawat Selangor 2015. • Acara ini bertujuan untuk mewar-warkan tentang kempen Tahun Melawat Selangor 2015 kepada pelancong, penggiat-penggiat industri pelancongan yang terdapat di Selangor dan juga masyarakat tempatan.
02	Meet & Greet TMS 2015	14 Febuari 2015 Balai Ketibaan KLIA, Sepang	<ul style="list-style-type: none"> • Acara sambutan para pelancong dalam dan luar Negara di KLIA. Disambut dengan persembahan Bale-Bale, Orang Asli Mah Meri, cendol Percuma dan pelbagai aktiviti menarik.
03	Sambutan Thaipusam	2-3 Febuari 2015 Batu Caves	<ul style="list-style-type: none"> • Sambutan Thaipusam peringkat Negeri Selangor.
04	Pelancaran Tahun Melawat Selangor Peringkat Daerah Kuala Selangor dan Tram Baru	15 Febuari 2015 Kuala Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi Pelancaran ini disempurnakan oleh YB Elizebeth Wong, untuk memberikan promosi tentang TMS 2015 di Daerah Kuala Selangor
05	Malaysia Women Marathon	7 & 8 Mac 2015 Shah Alam	<ul style="list-style-type: none"> • Penganjuran kali ke-3 di negeri Selangor. • Merupakan acara marathon wanita yang pertama di perkenalkan di Asia Tenggara.

			<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah penyertaan meningkat dari tahun ke tahun. Tahun 2014, jumlah penyertaan seramai 4000 peserta termasuk peserta peringkat Antarabangsa • Mempromosikan destinasi Shah Alam sebagai salah satu destinasi pelancongan negeri Selangor .
06	Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor	28 Febuari 2015 MPAJ, Ampang Jaya	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan booth pameran TMS 2015 serta memberikan aktiviti menarik seperti cabutan bertuah dan kuiz pelancongan kepada pengunjung yang hadir.
07	Matta Fair 2015	13-15 Mac 2015 PWTC, Hall 4, Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"> • Program promosi pakej pelancongan oleh operator yang beroperasi di Negeri Selangor.
08	FAM Trip Make it Malaysia-China	8-11 Mac 2015 Sekitar Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Fam Trip yang disertai oleh Agensi Pelancongan dan Media daripada China ini dianjurkan bersama Tourism Malaysia Gong Zhou. Mereka dibawa ke tempat menarik di Selangor seperti Sunway Lagoon, Batu Caves, Sekinchan dan Sebagainya.
10	Bukit Bintang Grand Prix Festival	25 - 29 Mac 2015 Perkarangan Fahrenheit Mall, Bukit Bintang	<ul style="list-style-type: none"> • Acara yang mempromosikan acara sukan iaitu Formula 1. Konsep pameran adalah bertemakan pelancongan sukan yang mempromosi acara sukan antarabangsa di Selangor.
11	Formula 1	30 Mac 2015 Litar F1 Sepang	<ul style="list-style-type: none"> • Acara tahunan F1 yang dianjurkan di litar F1 Sepang.
12	Wings of KKB Selangor Bird Race	24-26 April 2015 Kuala Kubu	<ul style="list-style-type: none"> • Bekerjasama dengan Majlis Daerah Hulu Selangor untuk penganjuran acara ini. Berkommunikasi secara integrasi

		Bharu	dengan pihak berkuasa tempatan dan persatuan tempatan yang berkaitan dengan program sukan
13	Selangor Food Fest 2015	2-3 Mei 2015 SACC Convention Centre	<ul style="list-style-type: none"> • Tujuan acara ini adalah untuk mempromosikan makanan yang terdapat di Negeri Selangor yang sememangnya terkenal dengan kepelbagaian jenis makanan yang dapat dihasilkan dari pelbagai kaum. Secara tidak langsung dapat meningkatkan kehadiran pelancong tempatan dan antarabangsa untuk datang ke Negeri Selangor pada tahun 2015.
14	PJ Street Art Festival 2015	9-10 Mei 2015 Petaling Jaya	<ul style="list-style-type: none"> • Bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Petaling Jaya untuk penganjuran acara ini. Berkomunikasi secara integrasi antara pihak penguasa tempatan dan persatuan tempatan yang berkaitan dengan program Sukan
15	Karnival Bendang Sabak Bernam 2015	23 Mei 2015 Sabak Bernam	<ul style="list-style-type: none"> • Bekerjasama dengan Majlis Daerah Sabak Bernam untuk penganjuran acara ini • Berkomunikasi secara integrasi dengan pihak berkuasa tempatan dan persatuan tempatan yang berkaitan dengan program sukan
16	Selangor Islamic Fest 2015	30 & 31 Mei 2015 Stadium Malawati Shah Alam	<ul style="list-style-type: none"> • Acara ini bertujuan untuk memperkenalkan, mempromosi negeri Selangor sebagai hub pelancongan Islamik • Acara ini juga secara tidak langsung dapat menarik pelancong tempatan dan luar negara untuk berkunjung ke Negeri Selangor untuk melihat produk pelancongan islamik di negeri Selangor
17	Festival Orang Asal 2015	22-23 Ogos 2015	<ul style="list-style-type: none"> • Acara ini bertujuan untuk memperkenalkan, mempromosi

		Taman Botani Shah Alam	<p>budaya dan cara hidup orang asal terutamanya yang terdapat di Negeri Selangor.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Acara ini juga secara tidak langsung dapat menarik pelancong tempatan dan luar negara untuk berkunjung ke Negeri Selangor untuk melihat sendiri gaya hidup orang asal di Negeri Selangor. • Turut membuat jemputan kepada negeri-negeri lain untuk memperkenalkan budaya orang asli yang terdapat di Malaysia.
b) Berikut adalah program-program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha menangani gejala sosial pada tahun 2014 dan 2015.

BIL	PROGRAM
1.	Jelajah GeMS Daerah Kuala Selangor
2.	Jelajah GeMS Daerah Kuala Langat
3.	Jelajah GeMS Daerah Hulu Langat
4.	Jelajah GeMS Daerah Klang
5.	Jelajah GeMS Daerah Gombak
6.	Jelajah GeMS Daerah Sabak Bernam
7.	Kempen Anti Zina 12
8.	Kempen Anti Zina 13
9.	Operasi Menangani Gejala Sosial Khas (Perjudian)
10.	Program Santai GeMS di Sri Perantau
11.	Program Santai GeMS di Desa Mentari
12.	Bicara Ramadhan Sri Perantau
13.	Bicara Ramadhan di Desa Mentari
14.	Program Pengupayaan Komuniti Setempat Ramadhan Desa Mentari
15.	Program Pengupayaan Komuniti Setempat Ramadhan Sri Perantau
16.	Konvoi Penghayatan Ramadhan
17.	Bengkel E-GeMS
18.	Program Pengupayaan Komuniti Setempat

BIL	PROGRAM
19.	Bicara Remaja GeMS Seri Perantau
20.	Bicara Remaja GeMS Desa Mentari
21.	Kempen AMAN
22.	Pemantapan Sahsiah Remaja
23.	Program GeMS Ambang Tahun Baru
24.	Operasi Menangani Gejala Sosial Ambang Tahun Baru 2015

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PENYEWAAN LESEN DAN PREMIS PERNIAGAAN KEPADA WARGA ASING OLEH PEMILIK TEMPATAN

272. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak Kerajaan Negeri sedia maklum berkenaan permasalahan ini?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membendung permasalahan ini yang semakin serius sehingga merencatkan para peniaga tempatan?
- c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membendung dan mengelak maklumat berkaitan operasi penguatkuasaan oleh PBT daripada bocor kepada para peniaga asing ini?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri sedia maklum berkenaan permasalahan penyewaan lesen dan premis perniagaan kepada warga asing oleh pemilik tempatan. Pemantauan dan operasi sentiasa dijalankan oleh PBT bagi membendung peniaga yang menyewakan tapak perniagaannya kepada warga asing pada masa ini. Kerajaan Negeri Selangor telah turut serta dalam Lab Menangani Isu Penjaja Warga Asing yang diselaraskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Penggunaan (KPDNKK) dengan usahasama *Graduate School of Business*, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 16 April 2015 bersama-sama pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan. Antara perkara yang dibincangkan di dalam lab tersebut adalah seperti berikut:-

- i. Warga asing atau PATI yang menceburi sektor penjaja;
- ii. Sikap warga tempatan yang menyewakan permit / lesen menjaja atau tapak perniagaan kepada warga asing dan mengambil pembantu dalam kalangan warga asing;
- iii. Sikap penganjur tapak penjajaan yang membenarkan penjaja warga asing;
- iv. Sikap warga tempatan yang melanggan produk dan perkhidmatan yang dijaja oleh penjaja warga asing; dan
- v. Bidang kuasa yang khusus dan terhad menyukarkan penguatkuasaan

Hasil daripada lab tersebut sebanyak empat (4) Resolusi dibentangkan iaitu:-

- i. Hukuman dan Denda;
- ii. Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan dan Penyeliaan Isu Penjaja Warga Asing di pelbagai peringkat;
- iii. Keberkesanan Operasi; dan
- iv. Peranan Persatuan Penjaja & Peniaga Kecil.

Resolusi ini masih di peringkat perbincangan dan akan diperhalusi lagi oleh pelbagai peringkat agensi dan Kerajaan Negeri Selangor amat mengalu-alukan usaha ini supaya ia dapat membendung permasalahan tersebut pada masa akan datang.

- c) Selain pemantauan dan operasi berkala yang dijalankan oleh Penguatkuasa PBT. Operasi bersepadu dengan kerjasama Jabatan Imigresen dan Polis DiRaja Malaysia untuk menangani masalah banjir warga asing turut diadakan. Dalam operasi ini, PBT berperanan untuk memberi maklumat tentang lokasi-lokasi yang sering menjadi tumpuan warga asing. Bantuan keanggotaan juga diberikan dalam menangani banjir warga asing di kawasan pentadbiran PBT. Setakat ini tidak pernah lagi berlaku kebocoran maklumat berkaitan operasi penguatkuasaan dan sekiranya ada perkara ini akan diambil perhatian serius dan siasatan dan tindakan akan dilakukan/dikenakan oleh Jabatan Penguatkuasaan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : CUKAI TAKSIRAN DI PBT

273. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah cukai taksiran yang telah dikutip mengikut 12 PBT di Selangor tahun 2014?
- b) Berapakah jumlah kutipan cukai taksiran yang tertunggak tahun 2014?
- c) Berapakah jumlah sasaran kutipan cukai taksiran 2014 mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar bagi kutipan cukai semasa sebanyak 90% dan bagi kutipan tunggakan cukai taksiran sebanyak 70%. Ianya bertujuan sebagai panduan kepada PBT dalam meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat melalui pelaksanaan perancangan Majlis.

Jumlah kutipan cukai taksiran yang belum diaudit mengikut 12 PBT di Selangor tahun 2014 adalah seperti berikut:

PBT	JUMLAH KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2014 (RM)
MBSA	233,564,188.92
MBPJ	205,670,077.00
MPK	162,739,509.13
MPAJ	95,336,468.08
MPSJ	185,428,535.34
MPS	102,247,910.80
MPKj	84,843,383.03
MPSp	68,648,535.33
MDKL	27,117,812.92
MDHS	42,094,885.04

PBT	JUMLAH KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2014 (RM)
MDKS	23,205,848.49
MDSB	4,316,834.43
JUMLAH	1,235,213,988.51

- b) Jumlah kutipan cukai taksiran yang tertunggak tahun 2014 adalah seperti berikut:

PBT	JUMLAH SASARAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2014	KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2014	% KUTIPAN
MBSA	23,937,517.02	15,204,974.10	63.52
MBPJ	33,265,882.00	20,387,777.00	61.29
MPK	48,676,619.13	25,251,191.77	51.88
MPAJ	14,103,508.55	13,004,597.21	92.21
MPSJ	12,541,532.00	11,899,301.60	94.88
MPS	15,304,712.26	11,990,995.87	78.35
MPKj	21,322,000.00	10,348,280.19	48.53
MPSp	10,320,000.00	8,932,898.89	86.56
MDKL	4,000,000.00	3,670,475.02	91.76
MDHS	18,380,065.44	8,065,754.50	43.88
MDKS	5,000,000.00	4,938,404.02	98.77
MDSB	782,987.94	555,201.66	70.91
JUMLAH	207,635,024.10	134,249,851.83	64.66

- c) Jumlah sasaran kutipan cukai taksiran 2014 mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	JUMLAH SASARAN CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2014	KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2014	% KUTIPAN
MBSA	231,154,815.35	218,359,214.82	94.46
MBPJ	210,728,435.00	185,282,300.00	87.92
MPK	152,667,502.00	137,488,317.36	90.06
MPAJ	94,153,344.85	82,331,870.87	87.44
MPSJ	179,630,978.19	173,529,233.74	96.60
MPS	94,108,701.55	90,256,914.93	95.91
MPKj	80,977,016.20	74,495,102.84	92.00
MPSp	61,641,100.00	59,715,636.44	96.88
MDKL	24,400,000.00	23,447,337.90	96.10
MDHS	43,778,346.88	34,029,130.54	77.73
MDKS	19,701,285.60	18,267,444.47	92.72
MDSB	4,351,078.57	3,761,632.77	86.45
JUMLAH	1,197,292,604.19	1,100,964,136.68	91.95

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : NAMA PENGERUSI SETIAP ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

274. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah nama Pengerusi Lembaga Pengarah anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri?
- b) Berapakah elaun-elaun setiap Pengerusi anak-anak syarikat tersebut?

JAWAPAN:

Anak Syarikat Kerajaan Negeri didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui pegangan saham sebanyak 50% atau lebih, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi.

Berikut merupakan senarai Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor :-

Bil	Anak Syarikat / Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor
1	Permodalan Negeri Selangor Berhad
2	Bukit Beruntung Golf & Country Resort
3	Tourism Selangor Sdn Bhd
4	Communication Corporation Sdn Bhd
5	Rangkaian Mesra Sdn Bhd
6	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd
7	MSNS Holdings Sdn Bhd
8	Kumpulan Darul Ehsan Berhad
9	Kumpulan Semesta Sdn Bhd
10	Invest Selangor Berhad
11	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor
12	Yayasan Warisan Anak Selangor

- a) Nama Pengerusi Lembaga Pengarah anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri tersebut adalah seperti berikut :-

Bil	Anak Syarikat / Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor	Nama Pengerusi
1	Permodalan Negeri Selangor Berhad	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali

Bil	Anak Syarikat / Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor	Nama Pengerusi
2	Bukit Beruntung Golf & Country Resort	Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman
3	Tourism Selangor Sdn Bhd	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali
4	Communication Corporation Sdn Bhd	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali
5	Rantain Mesra Sdn Bhd	Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman
6	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali
7	MSNS Holdings Sdn Bhd	Y.B Tuan Amiruddin Bin Shaari
8	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali
9	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	Tuan Haji Sabtu Bin Md Ali
10	Invest Selangor Berhad	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali
11	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali
12	Yayasan Warisan Anak Selangor	Y.A.B Tuan Mohamed Azmin bin Ali

- b) Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah mempunyai tugas-tugas fudisiari yang merupakan tugas yang berat dalam menguruskan sesebuah syarikat berkaitan kerajaan. Tugas fudisiari seorang Ahli Lembaga Pengarah antaranya adalah:
- a) Tidak menggunakan kedudukannya sebagai seorang Ahli Lembaga Pengarah untuk memperolehi keuntungan bagi dirinya khususnya menyalahgunakan sebarang wang, harta atau maklumat.
 - b) Tidak melakukan sesuatu yang bercanggah dengan kepentingan badan tersebut.
 - c) Tidak menyerahkan tugas fudisiari kepada pihak ketiga.
 - d) Menjalankan tugasnya dengan bersungguh-sungguh serta dengan kemahiran dan ketekunan yang sewajarnya dan jika perlu mendapatkan nasihat ikhtisas mengenai perkara ini.

Setiap GLC mempunyai tanggungjawab masing-masing untuk memastikan pengurusan syarikat mengikut etika *Code of Corporate Governance* yang telah diwujudkan bagi menentukan hala tuju strategik syarikat mengikut acuan sendiri. Oleh yang demikian, sebarang maklumat berkenaan gaji dan faedah-faedah perkhidmatan GLC ini tidak boleh didedahkan kepada pengetahuan umum bagi memelihara kod etika urus tadbir korporat masing-masing. Tambahan pula, maklumat terperinci berkenaan gaji dan faedah-faedah perkhidmatan bagi pengurusan atasan GLC ini merupakan perkara-perkara yang menyentuh kerahsiaan dan maklumat peribadi individu yang berhak untuk tidak didedahkan kepada mana-mana individu / pihak yang tidak berkenaan.

Walaupun GLC ini merupakan entiti yang dimiliki dan dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor, pendedahan maklumat peribadi pihak pengurusan atasan terutamanya yang berkaitan dengan gaji, bonus dan faedah-faedah perkhidmatan adalah dianggap sulit dan rahsia. Walaupun Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 boleh digunakan untuk setiap individu hak untuk mengakses yang munasabah ke atas sebarang maklumat berkaitan Kerajaan Negeri Selangor, perkara berkaitan gaji dan faedah-faedah perkhidmatan ini tertakluk kepada pengecualian maklumat seperti yang termaktub dalam Seksyen 14, Enakmen yang sama.

Namun begitu, sekiranya Y.B. Ahli Dewan Negeri masih ingin mengemukakan pertanyaan berkaitan perkara ini, maka Y.B. Ahli Dewan Negeri bolehlah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar. Jawapan hanya akan diberikan secara umum sahaja kepada Y.B. yang bertanya sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : INDUSTRI KEREPEK

275. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dimanakah zon industri kerepek di Negeri Selangor?
- b) Apakah insentif yang telah pihak industri ini terima?

JAWAPAN:

- a) Taburan pengusaha kerepek di Negeri Selangor menumpu di Daerah Kuala Langat dan Sepang. Daerah Kuala Langat mencatatkan bilangan usahawan kerepek sebanyak lima puluh tiga (53) orang manakala Daerah Sepang sebanyak lima belas (15) orang dengan nilai jualan sebanyak RM34 juta. Antara usahawan berjaya ialah Syarikat Ros K Enterprise, Syarikat Ani Biskut, Syarikat Akuku Sdn. Bhd., Syarikat Jaz Industries Sdn. Bhd. dan Syarikat Fazz Enterprise.
- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor menyediakan insentif bantuan mesin dan peralatan, menaiktaraf bengkel pemprosesan, program peningkatan pembungkusan dan program peningkatan kualiti produk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN DUN PELABUHAN KLANG

276. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perincian lengkap mengenai pengurusan, kaedah perbelanjaan dan senarai benefisiari peruntukan bagi DUN N46 Pelabuhan Klang sepanjang separuh tahun pertama 2015.

JAWAPAN:

- a) Bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri telah **meluluskan peruntukan** Ahli Dewan Negeri (ADN) di Negeri Selangor berjumlah **RM41,600,000.00** iaitu RM700,000.00 disediakan bagi setiap Ahli Dewan Negeri yang tidak memegang mana-mana portfolio dalam Kerajaan Negeri **bagi tujuan pelaksanaan projek kecil dan program mesra rakyat.**

Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada semua Pejabat Daerah pada bulan Januari 2015 dan garis panduan penggunaan peruntukan tersebut termasuk pengurusan, kaedah perbelanjaan tertakluk kepada **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2015.**

Pegawai Daerah adalah selaku pegawai pengawal ke atas pengurusan peruntukan tersebut dan kaedah/tatacara perbelanjaan serta penggunaan peruntukan tersebut telah digariskan dan diperjelaskan di dalam Pekeliling tersebut dan semua permohonan penggunaan peruntukan tersebut sama ada projek kecil, pengurusan pejabat atau penganjuran program mesra rakyat mahupun sumbangan, pihak Pejabat DUN perlu mengemukakan permohonan kepada Pegawai Daerah untuk tindakan pelaksanaan selanjutnya.

Sehingga 30 Jun 2015, peruntukan DUN Pelabuhan Klang termasuk baki pada tahun 2014 yang berjumlah **RM1,249,476.49**, masih belum ada perbelanjaan dibuat bagi tempoh bulan Januari sehingga Jun 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PEMBINAAN MASJID

277. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauhmana perkembangan pelaksanaan pembinaan Masjid Seksyen 20 Shah Alam, yang lokasinya wujud dalam pelan perancangan? Bilakah ianya akan mula di bina?
- b) Berapakah kos pembinaannya?
- c) Berapakah kapasiti jemaah yang boleh di tampung?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Pembinaan masjid ini tiada di dalam perancangan pembinaan di Jabatan Agama Islam Selangor di bawah RMK-11 memandangkan terdapat keperluan yang lebih kritikal di kawasan lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : KESAN PELAKSANAAN GST

278. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah perbelanjaan keseluruhan yang telah digunakan oleh agensi-agensi kerajaan negeri serta PBT-PBT untuk menaiktarafkan sistem sokongan GST?
- b) Nyatakan jumlah GST yang telah dibayar mengikut PBT serta agensi-agensi kerajaan negeri yang lain.
- c) Apakah kesan-kesan sampingan lain yang telah dan mungkin akan timbul terhadap perjalanan agensi-agensi kerajaan negeri?

JAWAPAN:

- a) Akta Cukai Barangan & Perkhidmatan 2014 (Akta 762) telah mula dikuatkuasakan bermula pada 1 April 2015. Berdasarkan Seksyen 64(a) Akta 762, akta berkenaan adalah **tidak terpakai** terhadap barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri kecuali bagi lain-lain perkara yang dinyatakan selainnya oleh Menteri menerusi pemberitahuan di dalam Warta. Sehubungan itu, pembekalan barangan dan perkhidmatan yang dibuat oleh Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah **di luar skop kenaaan GST**. Berdasarkan fakta ini, tiada apa-apa perbelanjaan tambahan dibuat berkaitan dengan sistem sokongan GST di peringkat Agensi Kerajaan Negeri.

Sungguhpun begitu, semua barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada kadar 6% **kecuali** perkhidmatan yang berkaitan dengan fungsi penguatkuasaan dan pengawalseliaan. Sebagai persediaan kepada pelaksanaan akta tersebut, terdapat lima (5) PBT di Negeri Selangor yang telah membelanjakan tambahan kos berjumlah RM 358,605.00 bagi menaiktaraf sistem kewangan masing-masing supaya dapat memperincikan jumlah kutipan GST bagi tujuan pelaporan kepada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Senarai lima (5) PBT tersebut adalah seperti berikut:-

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH (RM)
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	121,805.00

2	Majlis Perbandaran Sepang	80,000.00
3	Majlis Daerah Sabak Bernam	20,000.00
4	Majlis Daerah Hulu Selangor	19,800.00
5	Majlis Daerah Kuala Langat	117,000.00
Jumlah		358,605.00

- b) Berdasarkan peraturan semasa di bawah Akta 762, mana-mana pihak yang berdaftar dengan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia di bawah kerangka GST Malaysia hendaklah mengenakan GST terhadap output barangan dan perkhidmatan bercukai yang disediakan untuk pelanggannya. Pihak tersebut selanjutnya dibenarkan untuk menuntut semula sebagai kredit apa-apa GST yang dikenakan dalam belian-belian yang menjadi input kepada perniagaannya. Cukai yang dituntut semula ini dinamakan sebagai *Input Tax*. Memandangkan PBT juga merupakan pihak yang berdaftar di bawah kerangka GST Malaysia, maka PBT juga layak menuntut kembali *Input Tax* yang telah dibayar. Berikut disenaraikan jumlah bayaran GST (Output Tax) yang telah dibuat oleh PBT di Negeri Selangor di mana jumlah bayaran ini dipengaruhi oleh jumlah *Input Tax* yang layak dituntut semula:-

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	BAYARAN GST (RM)
MBSA	288,680.26
MBPJ	(259,027.23)
MPSJ	78,792.31
MPK	(1,301,001.10)
MPKj	(85,690.84)
MPAJ	33,427.47
MPSp	369,902.48
MPS	15,047.30
MDKL	8,925.10
MDKS	15,298.66
MDHS	28,239.36
MDSB	2,154.96
JUMLAH	(805,251.27)

Nota :

PBT yang merekodkan jumlah negatif (-) merupakan PBT yang memiliki tuntutan Input Tax yang belum dibayar balik oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

- c) Belanjawan 2015 telah diluluskan sebanyak RM2,422,500,000.00 iaitu RM1,288,530,000.00 bagi perbelanjaan Mengurus dan RM1,133,970,000.00 bagi perbelanjaan Pembangunan. Sehingga 30 Jun 2015, prestasi perbelanjaan (termasuk tanggungan) Kerajaan Negeri ialah sebanyak 41.95% daripada peruntukan yang telah diagihkan dan ini menunjukkan prestasi yang direkodkan adalah mengikut perancangan. Oleh itu, cukai GST tidak memberi kesan yang signifikan ke atas Belanjawan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2015 mahupun perjalanan agensi-agensi Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : STATUS DEWAN ORANG RAMAI TAMAN MELOR JALAN MERU

279. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di bawah siapakah pengurusan tersebut?
- b) Adakah tempoh tertentu keizinan pengurusan tersebut?
- c) Bagaimanakah kos penyelenggaraan dan pengurusan?

JAWAPAN:

- a) Dewan orang ramai ini bukan milik Majlis. Ia dibina oleh Pejabat Daerah dan Tanah Klang dan diserahkan kepada Persatuan Penduduk Taman Bunga Melor sekitar tahun 1980 untuk menguruskannya.
- b) Tiada tempoh tertentu untuk keizinan pengurusan tersebut.
- c) Kos pengurusan penyelenggaraan dewan ini diuruskan oleh Persatuan Penduduk Taman Bunga Melor. Bil air dan elektrik bulanan ditanggung dengan hasil kutipan penggunaan dewan melalui aktiviti badminton dengan kutipan sebanyak RM12 sejam. Dewan adalah terbuka kepada orang ramai dan boleh digunakan untuk sebarang aktiviti dan majlis dengan bayaran RM12 sejam. Setakat ini, aktiviti dewan hanya terhad kepada aktiviti badminton sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)

280. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan kesemua Penyelia PWB mengikut kawasan masing-masing?
- b) Sila huraikan setakat ini bagaimanakah keberkesanan peranan Penyelia PWB untuk membantu golongan wanita?
- c) Sila nyatakan berapakah peruntukan yang disalurkan kepada Penyelia PWB setiap tahun?

JAWAPAN:

- a) Jumlah Penyelia Pusat Wanita Berdaya Selangor (PWB) sehingga bulan Ogos 2015 adalah seramai 53 orang. Bagi tiga DUN Hulu Kelang, Subang Jaya dan Kota Alam Shah sedang melalui proses temu duga dan pemilihan. Berikut adalah senarai Penyelia PWB mengikut daerah.

DAERAH SABAK

DUN	PWB	ALAMAT
N.01 - SUNGAI AIR TAWAR	SITI LATIFFAH BTE MAULUD	PWB Dun Sg Air Tawar d/a Pusat Khidmat Masyarakat DUN Sg Air Tawar Simpang 4, Bagan Nakhoda Omar, 45200 Sabak Bernam,
N.02 - SABAK	AZIZAH BINTI SAMIN	Pusat Khidmat DUN Sabak, Balai Rakyat Jalan Rajawali, Taman Berjaya, 45200 Sabak Bernam
N.03 - SUNGAI PANJANG	MESERIPAH BT SIRAT	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Sg Panjang, Lot 1581, Jln Bunga Kenanga, Tkt Atas, Medan Sg Besar, 45300 Sungai Besar

N.04 - SEKINCHAN	CIK GAYAH BINTI HAJI EMBI	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Sekinchan No. 6A, Jalan Menteri, 45400 Sekinchan
------------------	---------------------------	---

DAERAH HULU SELANGOR

DUN	PWB	ALAMAT
N.05 - HULU BERNAM	AMINATON BINTI ADAM	PWB DUN Hulu Bernam, No.6, Kampung Tersusun Gesir Tengah, 44020 Kuala Kubu Baharu
N.06 - KUALA KUBU BAHARU	PEK BOON SIEW	PWB DUN Kuala Kubu Bharu, PKM DUN Kuala Kubu Bharu, No. 15, Jln Gamelan 1, Off Jalan Hamzah, Taman Gamelan, 44000 Kuala Kubu Bharu
N.07 - BATANG KALI	SITI NURUL ASYIKIN BT MOHD NOOR	PWB DUN Batang Kali, No .11A, Jalan Mahagoni 1C, Taman Hillpark, Bandar Utama Batang Kali, 44300 Batang Kali, Hulu Selangor

DAERAH KUALA SELANGOR

DUN	PWB	ALAMAT
N.08 - SUNGAI BURONG	MISLIHA BINTI SEKAK	PWB DUN Sungai Burong, Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Negeri (DNS) Sungai Burong, No. 49A, Jalan 1, Taman Radin Jaya, 45500 Tanjung Karang
N.09 - PERMATANG	HASLINA BINTI HUSSIN	Pusat Khidmat Rakyat DUN Permatang, No. 25, Jalan Nilam 1, Taman Nilam, Batu 3 Sungai Terap, 45500 Tanjung Karang
N.10 - BUKIT MELAWATI	ROSNI BINTI IBRAHIM	PWB DUN Bukit Melawati, No 33A, Tingkat 1, Jalan Melati 3/19, Bandar Melawati 45000 Kuala Selangor

N.11 - IJOK	SAPURA BINTI MOKHTAR	PWB DUN Ijok, No. 6-2, Jalan Ijok Utama 1, Taman Ijok Utama, 45600 Bestari Jaya, Ijok
N.12 - JERAM	NORAZIZAH BT JAAFAR	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Jeram No. 219B, Jalan Besar Sasaran, Sungai Buloh, 45800 Jeram

DAERAH GOMBAK

DUN	PWB	ALAMAT
N.13 - KUANG	ANIZA BINTI OTHMAN	PWB DUN Kuang, Pusat Khidmat Rakyat DUN Kuang, No. 86, Jalan 8/5, Bandar Tasik Puteri, 48000 Rawang
N.14 - RAWANG	SITI AMINAH BINTI YAACOB	Pusat Khidmat DUN Rawang, No. 13, Jalan Bersatu 8 (Tingkat Bawah), Taman Bersatu, 48000 Rawang
N.15 - TAMAN TEMPLER	HABSAH BTE AHMAD	PWB DUN Taman Templer, NO.3, Jalan Besar Taman Selayang Indah, 68100 Batu Caves
N.16 - BATU CAVES	NOR ZIMAH BINTI MOHD NOR	Pusat Khidmat Masyarakat Batu Caves, Dewan Komuniti Taman Amaniah, 68100 Batu Caves
N.17 - GOMBAK SETIA	KHATIFAH ZAMANI BTE SULONG	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Gombak Setia Jalan Berjaya 6, Taman Berjaya, 68100 Batu Caves
N.18 - HULU KELANG	-	-

DAERAH HULU LANGAT

DUN	PWB	ALAMAT
N.19 - BUKIT ANTARABANGSA	ZAWIAH WAN DAUD	Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Bukit Antarabangsa, No. 2, Lrng Perak, Pusat Bndr Tmn Melawati, 53100 Hulu Kelang
N.20 - LEMBAH JAYA	MORNI BINTI SHAFIEE	194, Jalan Desa Ampang 1, Taman Sri Ampang, 68000 Selangor
N.21 - CHEMPAKA	NURUL NAJIHAH ZULKIFLI	Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Chempaka 03-1A, Jalan Hilir Satu, Taman Seri Angsana Hilir, Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur
N.22 - TERATAI	JENNIFER TNEW KON HUANG	PWB DUN Teratai, 887, Lorong Permai 13, Kampung Tasik Permai, 68000 Ampang
N.23 - DUSUN TUA	NYAPON KHAMIS	Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Dusun Tua, No. 30-1, Tkt 1, Jln Lagenda Suria 3, Tmn Lagenda Suria, 43100 Hulu Langat
N.24 - SEMENYIH	HEMAMALINI A/P THOLAR	PWB DUN Semenyih, No. 13-1, Jalan TPS 1/3, Taman Pelangi Semenyih, 43500 Semenyih
N.25 - KAJANG	ELLIA ALIZA BINTI MD ARITH	Pusat Khidmat ADUN Kajang No. 17, Tingkat 1, Jalan Metro Avenue 1 Metro Avenue, 43000 Kajang
N.26 - BANGI	MARIAH BINTI HUSSAIN	Pusat Khidmat DUN Bangi No. 37A, Jalan 7/7C, Seksyen 7, 43000 Kajang

DUN	PWB	ALAMAT
N.27 - BALAKONG	ONG CHIN ZEN	Pusat Khidmat ADUN Balakong No. 1-12A, Tingkat 1, Jalan Kasturi 1, Taman Kasturi Off Jalan Balakong, Batu 11, 43200 Cheras

DAERAH PETALING

DUN	PWB	ALAMAT
N.28 - SERI KEMBANGAN	PRISCILLA HEN SIT KIN	PWB DUN Seri Kembangan, NO. 42—2, Jalan 4/1, Taman Bukit Serdang, Sek. 4, 43300 Seri Kembangan
N.29 - SERI SERDANG	AZIZAH SAIMAN	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Seri Serdang No. 6B, Jalan PU 7/2, Pusat Bandar Puchong Utama, Taman Puchong Utama, 47140 Puchong
N.30 - KINRARA	LEE POOI WON	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Kinrara 5/2 Jalan Cenuk 2, Off Batu 10 Jalan Puchong, 47100 Puchong
N.31 - SUBANG JAYA	-	-
N.32 - SERI SETIA	ROZAZITAH BINTI AHMAD	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Seri Setia No. 10, Jalan PJS 10/2, Subang Indah, 46000 Petaling Jaya
N.33 - TAMAN MEDAN	FAUZIAH BINTI SHABUDIN	PWB DUN Taman Medan, PKM DUN Taman Medan, No 25, Jalan Jasa 19, Tmn Medan Pejasa, 46000 Petaling Jaya

DUN	PWB	ALAMAT
N.34 - BUKIT GASING	ERMEEMARIANNA SAADON	Pejabat dan Pusat Khidmat ADUN Bukit Gasing 84A, Jalan Othman 1-14, 46000 Petaling Jaya
N.35 - KAMPONG TUNKU	LEONG GEK MAU	PWB DUN Kg Tunku, Pusat Khidmat N35, No 24, Jalan 20/9, Taman Paramount, 46300 Petaling Jaya
N.36 - DAMANSARA UTAMA	KAREN KASTURI JAMES	PWB DUN Damansara Utama, 55A, Jalan SS 21/1A, Damansara Utama, 47400 Petaling Jaya
N.37 - BUKIT LANJAN	ANGIE NG CHEW KIM	Pusat Khidmat DUN Bukit Lanjan, Tingkat 1, Dewan MBPJ Bandar Utama 3, Jalan BU 3/1, 47800 Petaling Jaya
N.38 - PAYA JARAS	NURUL IKHWAN TEDONG ABDULLAH	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Paya Jaras No 19A, Jalan Liter DU 19/D, Bandar Baru Sungai Buloh, Fasa 3, Seksyen U19, 47000 Sungai Buloh
N.39 - KOTA DAMANSARA	ZURAIDAH BINTI ABDUL MAJID	No. 29-1-8, The Core, Jalan Teknologi 3/6E, Seksyen 3, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya
N.40 - KOTA ANGERIK	ZALILA BINTI ZAINAL	Pusat Khidmat Rakyat DUN Kota Anggerik No. 3A, Jalan Tengku Ampuan Zabedah 9/B, Seksyen 9, 40000 Shah Alam
N.41 - BATU TIGA	NOROL ASHIKIN BT MAHAMMUD	Pusat Khidmat Rakyat DUN Batu Tiga No. 93, Jalan Pelabur B.23/B, Seksyen 23, 40300 Shah Alam

DAERAH KLANG

DUN	PWB	ALAMAT
N.42 - MERU	ADIBAH BINTI HAJI SIDEK	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Meru, No 8G, Jalan Limau Tambun, Taman Kiai Ridzuan, Batu 7, Jalan Meru, 41050 Klang
N.43 - SEMENTA	SURINAH BINTI PARMAN	PWB DUN Sementa, No. 30, Tingkat 1, Jon 14/KU 4, Taman Sementa Bistari, Batu 5, Jalan Kapar, 42100 Sementa
N.44 - SUNGAI PINANG	NGIAN YOKE MOOI	PWB DUN Sungai Pinang, Pusat Khidmat DUN Sungai Pinang, L6-4-1E, Jalan Pekan Baru 34, 41050 Klang
N.45 - SELAT KLANG	ANISS ZURAYNEE BINTI MAHADI	Pusat Khidmat DUN Selat Klang, No. 2, Lorong Telok Gadong 1, Off Jln Sg Bertek Taman Emas, 41250 Klang, Selangor.
N.46 - PELABUHAN KLANG	NORAZAH BINTI SAID	Pusat Khidmat ADUN Pelabuhan Klang No. 60, Jln Permai 1B, Kota Pendamar, 42000 Pelabuhan Klang
N.47 - PANDAMARAN	CHO FOONG LENG	407-B, Tingkat 1, Jalan Besar, Pandamaran 42000 Pelabuhan Klang
N.48 - KOTA ALAM SHAH	-	-
N.49 - SERI ANDALAS	SRI MAHALEKSHMY DEVI	Pusat Khidmat ADUN Seri Andalas No. 15A, Jalan Mohd Tahir 8, Off Jalan Sungai Jati, Taman Seri Mewah, 41200 Kelang
N.50 - SRI MUDA	SARIPAH TUAH	Pusat Khidmat Rakyat DUN Seri Muda No. 6-2, Jalan Anggerik Vanilla R31/R Kota Kemuning, 40460 Shah Alam

DAERAH KUALA LANGAT

DUN	PWB	ALAMAT
N.51 - SIJANGKANG	RASIMAH BINTI ALI	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Sijangkang No. 1, Jalan Wira 2 Taman Perwira, 42500 Teluk Panglima Garang, Kuala Langat
N.52 - TELOK DATOK	ANG SAN NEE	PWB DUN Telok Datok, Pusat Khidmat Masyarakat DUN Telok Datok, No. 49, Tingkat 1, Jalan Teluk Ward, Off Jalan Sungai Buaya, 42600 Jenjarum
<u>N.53 - MORIB</u>	NOR AISHAH BT ABDUL MAJID	PWB DUN Morib, Pusat Khidmat Masyarakat DUN Morib, 78A, Jalan Bunga Pekan, 42700 Banting
N.54 - TANJONG SEPAT	ZUHRIAH BINTI JAINI	Pusat Khidmat Masyarakat dan Pejabat Ahli Dewan Negeri Kawasan Tanjung Sepat, Kompleks Penghulu Mukim Batu, Jalan Besar, Kampung Batu Laut, 42800 Tanjung Sepat, Selangor
N.55 - DENGKIL	RAHIMAH BINTI HARUN	PWB DUN Dengkil Pejabat Penghulu Dengkil, Daerah Sepang, 43800 Dengkil
N.56 - SUNGAI PELEK	VIJAYARANY A/P ARUMUGUM	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Sungai Pelek, No 9, Tingkat 1, Jalan Damai 1, Taman Damai, 43590 Sungai Pelek, Selangor.

- b) Sehingga kini, para Penyelia PWB telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti pembangunan wanita telah mula dijalankan sejak pelantikan mereka pada bulan April 2015 yang lalu. Secara keseluruhannya, sebanyak 210

program telah berjaya dilaksanakan di peringkat PWB DUN yang melibatkan pelbagai jenis aktiviti dan kemahiran seperti kelas IT, kelas Bahasa Inggeris, seminar keibubapaan, pemeriksaan kesihatan, aktiviti kesihatan dan kecergasan, bengkel percetakan t-shirt, pembuatan kraftangan, jahitan beg daripada banner dan bahan kitar semula, pembuatan makanan dan kursus-kursus jati diri.

Kesemua perancangan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut adalah dengan tujuan memberi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dikenalpasti diperlukan mengikut kawasan masing-masing untuk melahirkan golongan wanita yang berkeyakinan tinggi, berdaya saing, cekap dan berkemahiran secara berfasa bagi tujuan pembangunan kapasiti wanita serta melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan sumber pendapatan kepada para peserta.

Secara tidak langsung platform ini menjadi satu sistem sokongan kepada golongan wanita seperti ibu tunggal serta surirumah yang mampu dibimbing untuk lebih kehadapan dan berkeyakinan dalam masyarakat.

- c) Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM30,000.00 setiap tahun kepada setiap Pusat Wanita Berdaya DUN di Negeri Selangor untuk menjalankan aktiviti pembangunan wanita.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : ISU PERSETUJUAN 100% DARIPADA PEMILIK TANAH/PEMBELI
PROJEK TERBENGGKALAI**

281. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pengambilalihan dan pemulihan projek terbengkalai yang mana 100% pemilik tanah/pembeli telah memberi persetujuan kepada pemaju penyelamat terlebih dahulu sebelum pelantikan pemaju tersebut diluluskan oleh Kerajaan Negeri
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan pemulihan projek terbengkalai sekiranya tiada pemaju penyelamat berupaya memperolehi persetujuan 100% daripada pemilik tanah/pembeli.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Y.Berhormat, pengambilalihan dan pemulihan projek terbengkalai yang melibatkan persetujuan 100% pemilik tanah/pembeli tanpa kelulusan Kerajaan Negeri tiada berada dalam rekod pentadbiran Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Walau bagaimanapun, penjelasan berhubung pelantikan pemaju penyelamat dibuat melibatkan dua (2) bidang kuasa sama ada daripada Kerajaan Negeri atau pemilik tanah/pembeli adalah seperti berikut :

(I) **BIDANG KUASA KERAJAAN NEGERI**

Dalam kes projek-projek pembesaran Kampung, Kerajaan Negeri mempunyai '*locus standi*' untuk melantik mana-mana pemaju penyelamat untuk tujuan pemulihan projek terbengkalai namun tertakluk kepada persetujuan 100% daripada pembeli khususnya mereka yang mempunyai hakmilik individu. Ini kerana, Kerajaan Negeri tidak mempunyai hak atau kuasa ke atas tanah yang telah dikeluarkan hakmilik individu kepada pembeli untuk bersetuju dengan cadangan pelantikan pemaju penyelamat berkenaan. Sekiranya salah seorang pembeli yang mempunyai hakmilik tidak bersetuju untuk meneruskan pemulihan maka usaha pemulihan tidak dapat dilaksanakan sehingga 100% pembeli bersetuju.

(II) BIDANG KUASA PEMILIK TANAH

Sekiranya terdapat persetujuan 100% daripada pembeli yang merupakan pemilik tanah yang berdaftar maka pemilik tanah mempunyai '*locus standi*' untuk melantik mana-mana pemaju penyelamat mereka sendiri tanpa perlu persetujuan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, pemaju penyelamat hanya boleh melaksanakan pemuliharaan ke atas tanah-tanah hakmilik pembeli sahaja manakala tanah-tanah kerajaan tidak boleh dimajukan dan memerlukan persetujuan daripada Kerajaan Negeri.

Sehubungan dengan itu, sekiranya terdapat pemaju penyelamat yang berminat untuk memulihkan projek-projek terbengkalai pembesaran Kampung perlu terlebih dahulu mengemukakan cadangan pemuliharaan ke Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemuliharaan Projek Terbengkalai (JPPT) yang dipengerusikan oleh EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar bagi menyemak dan menilai semula kos pemuliharaan serta latar belakang syarikat terlibat sebelum perkara ini dibawa ke Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) untuk kelulusan.

- b) Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan pemuliharaan projek terbengkalai sekiranya pemaju penyelamat gagal memperolehi persetujuan 100% daripada pemilik tanah/pembeli adalah melalui proses pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Dengan kaedah ini, pihak pemaju penyelamat perlulah menanggung kos pampasan ke atas pengambilan tanah pembeli terlibat bagi membolehkan projek dipulihkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PERBELANJAAN JAWATANKUASA TETAP AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (MMKN)

282. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah peruntukan bajet yang diberi kepada setiap jawatankuasa tetap (portfolio) ahli MMKN untuk tahun 2015. Sila berikan butiran.
- b) Berapakah jumlah peruntukan portfolio yang telah dibelanja oleh setiap ahli MMKN sejak Jan 2015 sehingga sekarang? Sila berikan butiran perbelanjaan.

JAWAPAN:

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- (a) Berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Mesyuarat MMKN) Bilangan 39/2014 yang telah disahkan pada 8 Oktober 2014, **terdapat 39 portfolio yang telahpun diwujudkan dan diletakkan di bawah tanggungjawab setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Ahli MMKN)** masing-masing mengikut ketetapan yang telah diputuskan. Setiap portfolio yang diwujudkan pula **beroperasi melalui Jawatankuasa Tetap yang dipengerusikan oleh Ahli MMKN** yang berkenaan.

Berdasarkan portfolio berkenaan, **setiap Jawatankuasa Tetap telah diperuntukkan sejumlah RM100,000.00 setahun bagi tujuan Belanja Mengurus** yang dikawal dan diselaraskan oleh Pegawai Pengawal yang telah dilantik di Jabatan-jabatan yang berkaitan selaku Urus Setia Jawatankuasa Tetap.

Manakala penggunaan peruntukan Jawatankuasa Tetap tersebut adalah **tertakluk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2009 – Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Jawatankuasa (SPPNS Bil. 1/2009)**, di mana pemakaian SPPNS Bil. 1/2009 berkenaan adalah berdasarkan **kelulusan dan persetujuan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Mesyuarat MMKN) Bil. 1/2009 yang bersidang pada 7 Januari 2009.**

Butiran lanjut berkaitan senarai portfolio, Urus Setia Jawatankuasa Tetap serta amaun peruntukan mengurus adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

- (b) Secara dasarnya, **garis panduan penggunaan peruntukan Jawatankuasa Tetap yang telah ditentukan** adalah tertakluk kepada perkara-perkara seperti berikut:

(i) **Perbelanjaan Pengurusan:**

Peruntukan Jawatankuasa Tetap **hanya dibenarkan untuk tujuan pengurusan Jawatankuasa Tetap** seperti penganjuran mesyuarat, sesi taklimat, seminar, lawatan kerja, pembelian alat tulis, peralatan dan keperluan Urus Setia Jawatankuasa Tetap.

Bagi tujuan lawatan kerja yang berkaitan dengan Jawatankuasa Tetap, ia adalah **tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat MMKN.**

(ii) **Pelaksanaan Program-program Yang Telah Ditetapkan Oleh Jawatankuasa Tetap:**

Setiap penganjuran program **perlu diselaraskan bersama Urus Setia Jawatankuasa Tetap dan kos penganjuran adalah tidak melebihi RM20,000.00** bagi setiap program. Sebarang bentuk program perlu dikaji terlebih dahulu bagi memastikan ia memberi impak positif dan manfaat secara langsung kepada rakyat dan setiap program hendaklah diuruskan oleh Urus Setia Jawatankuasa Tetap tersebut.

(iii) **Penggunaan Yang Tidak Dibenarkan:**

Sebarang bentuk **sumbangan dan bantuan kepada pertubuhan atau individu adalah tidak dibenarkan**, kecuali yang telah dimasukkan ke dalam program tahunan Jawatankuasa Tetap. Manakala sumbangan dan bantuan kepada pertubuhan atau individu **hendaklah menggunakan peruntukan tahunan Ahli MMKN (EXCO) atau Ahli Dewan Negeri (ADUN)** yang berkenaan.

Peruntukan Jawatankuasa Tetap juga **tidak boleh digunakan untuk pembayaran gaji kepada kakitangan tambahan**. Selain itu, **sebarang program yang berkaitan dengan parti politik** atau membawa faedah secara langsung kepada mana-mana parti politik adalah tidak dibenarkan.

Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan **perlu memastikan penggunaan peruntukan Jawatankuasa Tetap tersebut adalah mengikut garis panduan yang dinyatakan** dan segala perbelanjaan perlu dipantau secara telus bagi mengelakkan berlakunya pembaziran dan salah guna peruntukan. Untuk makluman, **setakat 30 Jun 2015 (setengah tahun**

2015) keseluruhan peruntukan yang telah dibelanjakan bagi maksud di atas adalah **berjumlah 35.54%**.

SENARAI
JAWATANKUASA TETAP BERDASARKAN PORTFOLIO
Y.B. AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (MMKN)
(Senarai Dikemaskini Berdasarkan Cabutan Keputusan MMKN Ke-39/2014
Yang Telah Disahkan Pada 8 Oktober 2014)

BIL.	PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP/ AHLI MMKN	JAWATANKUASA TETAP (STANDCO)	JABATAN/ URUS SETIA*	PERUNTUKAN MENGURUS (RM)
1.	Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (DATO' MENTERI BESAR SELANGOR)	Kewangan	Perbendaharaan Negeri Selangor	100,000.00
		Pembangunan Tanah	Pejabat Tanah dan Galian Selangor	100,000.00
		Pengurusan Sumber Alam	Pejabat Tanah dan Galian Selangor	100,000.00
		Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES)	Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES), UPEN	100,000.00
		Penerangan	Pejabat Dato' Menteri Besar	100,000.00
2.	Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM	Pelaburan	Seksyen Makro dan Penswastaan, UPEN	100,000.00
		Perindustrian	Seksyen Makro dan Penswastaan, UPEN	100,000.00
		Perdagangan	Seksyen Makro dan Penswastaan, UPEN	100,000.00
		Industri Kecil dan Sederhana (IKS)	Seksyen Makro dan Penswastaan, UPEN	100,000.00
		Pengangkutan	Seksyen Makro dan Penswastaan, UPEN	100,000.00
3.	Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD	Perumahan	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	100,000.00
		Pengurusan Bangunan	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	100,000.00
		Kehidupan Bandar	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	100,000.00

LAMPIRAN A

BIL.	PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP/ AHLI MMKN	JAWATANKUASA TETAP (STANDCO)	JABATAN/ URUS SETIA*	PERUNTUKAN MENGURUS (RM)
4.	Y.B PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING	Pelancongan	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN	100,000.00
		Alam Sekitar	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN	100,000.00
		Teknologi Hijau	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN	100,000.00
		Hal Ehwal Pengguna	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN	100,000.00
5.	Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH	Kerajaan Tempatan	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN	100,000.00
		Pemutihan Kilang Haram	Pejabat Tanah dan Galian Selangor	100,000.00
		Pembangunan Kampung Baharu	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN	100,000.00
6.	Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI	Hal Ehwal Agama Islam	Jabatan Agama Islam Selangor	100,000.00
		Adat Melayu dan Warisan	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	100,000.00
		Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi	Seksyen Sektoral, UPEN	100,000.00
7.	Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI	Kesihatan	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN	100,000.00
		Kebajikan	Seksyen Sektoral, UPEN	100,000.00
		Pembangunan Wanita dan Keluarga	Seksyen Sektoral, UPEN	100,000.00
8.	Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L	Kemiskinan	Seksyen Sektoral, UPEN	100,000.00

LAMPIRAN A

BIL.	PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP/ AHLI MMKN	JAWATANKUASA TETAP (STANDCO)	JABATAN/ URUS SETIA*	PERUNTUKAN MENGURUS (RM)
	VERAMAN	Kerajaan Prihatin	Seksyen Sektoral, UPEN	100,000.00
		Pekerja Ladang	Seksyen Sektoral, UPEN	100,000.00
9.	Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD	Pendidikan	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, SUK	100,000.00
		Pembangunan Modal Insan	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, SUK	100,000.00
		Sains, Teknologi & Inovasi	Bahagian Teknologi Maklumat, SUK	100,000.00
10.	Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI	Pembangunan Generasi Muda (Belia)	Seksyen Sektoral, UPEN	100,000.00
		Sukan	Seksyen Sektoral, UPEN	100,000.00
		Kebudayaan	Seksyen Sektoral, UPEN	100,000.00
		Pembangunan Usahawan	Seksyen Sektoral, UPEN	100,000.00
11.	Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB	Infrastruktur & Kemudahan Awam	Seksyen Makro dan Penswastaaan, UPEN	100,000.00
		Pemodenan Pertanian	Seksyen Sektoral, UPEN	100,000.00
		Industri Asas Tani*	Seksyen Sektoral, UPEN	100,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				<u>3,900,000.00</u>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN LIF DI PPR

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri melakukan penyelenggaraan secara berkala di semua PPR di Selangor?
- b) Nyatakan jumlah lif, lokasi dan nama PPR yang diselenggara oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) PHSSB telah diamanahkan untuk menyelenggara tiga (3) PPR iaitu:
 - i) PPR Kota Damansara, Sekyen 8 Petaling Jaya
 - ii) PPR Kg. Baru Hicom, Seksyen 26 Shah Alam
 - iii) PPR Seri Kiambang, Serendah

PHSSB telah melaksanakan urusan penyelenggaraan secara berkala merangkumi perkara seperti berikut:

- **Kebersihan**
Kerja-kerja kebersihan termasuklah pembersihan kawasan, pembersihan longkang, pemotongan rumput dan pengurusan rumah sampah
- **Keselamatan**
Keselamatan memberi penekanan kepada kawalan keselamatan ke atas penduduk, harta dan kemudahan awam PPR dan mencegah vandalisma daripada berlaku
- **Mekanikal dan elektrik**
Mekanikal dan elektrik termasuklah penyelenggaraan lif, pendawaian, pam air, tangki air dan sistem pencegahan kebakaran.
- **Sivil dan struktur**
Sivil dan struktur termasuklah struktur bangunan, sistem pempaipaan, dan sistem pembentungan.

- b) PPR Kg. Baru Hicom - 9 unit
PPR Kota Damansara – 12 unit
PPR Serendah – tiada lif

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : STATUS TAPAK BALAI POLIS LAMA MERU

284. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah pemilik tapak yang sah? Senaraikan.
- b) Apakah status bekas bangunan balai terbiar tersebut?
- c) Apakah ada perancangan pihak kerajaan untuk memajukan kawasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Tanah yang dimaksudkan iaitu Lot 2440 telah diwartakan sebagai simpanan Balai Polis GN 42-13.
- b) Terdapat sebuah pondok polis separuh kekal yang sudah tidak digunakan lagi.
- c) Sehingga kini tiada perancangan yang diterima oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun, sebarang perancangan untuk membangunkan kawasan tersebut perlu dirujuk terlebih dahulu kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.